DEWAN UNDANGAN NEGERI TERENGGANU

MESYUARAT YANG PERTAMA

PENGGAL PERSIDANGAN KEDUA

DEWAN UNDANGAN NEGERI KEDUA BELAS

PADA 13, 14 DAN 15 APRIL 2009

bersamaan

17, 18 DAN 19 RABIUL AKHIR 1430

Dikeluarkan oleh:

Pejabat Dewan Undangan Negeri
Terengganu

Dengan Ingatan Tulus Ikhlas

daripada:

SETIAUSAHA
DEWAN UNDANGAN NEGERI
TERENGGANU

PERSIDANGAN

PADA HARI ISNIN, 13 APRIL 2009

Hari RABU,
15 APRIL 2009

KANDUNGAN

1. Nama Ahli-ahli. [Muka 106]

2. Soalan-Soalan Yang Telah Diberi Notis:

   (i) Soalan-soalan Lisan. [Muka 110]

[Bersambung]

PERSIDANGAN DEWAN UNDANGAN NEGERI BERMULA PADA PUKUL 9.30 PAGI

HADIR

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA
Dato' Tengku Putera bin Tengku Awang, DPMT.

YANG AMAT BERHORMAT MENTERI BESAR TERENGGANU
Dato' Ahmad bin Said, DPMT., ASM., PJK.
WAKIL KIJAL

Y.B. Ahmad Razif bin Abd. Rahman
WAKIL SEBERANG TAKIR

Y.B. Yahya bin Khatib Mohamad, AMT., PKC.
WAKIL PENGKALAN BERANGAN

Y.B. Datuk Haji Abdul Rahin bin Mohd Said, DMSM., AMN.
WAKIL TELUK PASU

Y.B. Dato' Haji Mohamed bin Awang Tera, DPMT., DIMP., SAP., AMP.
WAKIL CUKAI

Y.B. Haji Asha'ari bin Idris, AMT., AMN., PJK.
WAKIL LANGKAP

Y.B. Toh Chin Yaw, PPN., PJK.
WAKIL BANDAR

Y.B. Datuk Haji Za'abar bin Mohd. Adib, DMSM., AMT., AMN., PPN., PJK.
WAKIL RANTAU ABANG

Y.B. Haji Khazan bin Che Mat, AMZ.
WAKIL BATU RAKIT

Y.B. Rozi bin Mamat, AMT.
WAKIL TELEMONG

Y.B. Dr. A. Rahman bin Mokhtar, AMN., PJK.
WAKIL KUALA BESUT

Y.B. Dato' Seri Haji Idris bin Jusoh, SSMZ., DPMT., PJK.
WAKIL JERTIH

Y.B. Dato' Haji Rosol bin Wahid, DPMT., PJK.
WAKIL AJIL

Y.B. Dato' Haji Din bin Adam, DPMT., PJK.
WAKIL BUKIT BESI

Y.B. Haji Alias bin Abdullah, AMT.
WAKIL ALUR LIMBAT

Y.B. Haji Nawi bin Mohamad, AMT., PJK.
WAKIL HULU BESUT

Y.B. Haji Ramlan bin Ali, AMT., PJK.
WAKIL JABI

Y.B. Haji Mohd Ariffin bin Abdullah, AMT., AMN., PJK.
WAKIL PAKA

Y.B. Haji Muhammad Ramli bin Nuh, AMZ., PJK.
WAKIL TEPOH

Y.B. Haji Mohd Zawawi bin Ismail, AMN., PJK.
WAKIL KUALA BERANG

Y.B. Haji Muhammad Pehimi bin Yusof
WAKIL KOTA PUTERA

Y.B. Abd. Halim bin Jusoh
WAKIL PERMAISURI

Y.B. Haji Wan Abdul Hakim bin Wan Mokhtar
WAKIL AIR PUTIH

Y.B. Ir. Rosli bin Othman
WAKIL KEMASIK

Y.B. Dato' Haji Harun bin Taib, DPMT.
WAKIL MANIR

Y.B. Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi, PJK.
WAKIL BATU BUROK

Y.B. Haji Mohd Abdul Wahid bin Endut, PJC.
WAKIL WAKAF MEMPELAM

Y.B. Dato' Haji Tengku Hassan bin Tengku Omar, DPMT., PJC., PJK., BLB.
WAKIL LADANG

Y.B. Haji Wan Hassan bin Mohd Ramli, JP., PJC.
WAKIL SURA

Y.B. Dr. Haji Alias bin Razak
WAKIL BUKIT TUNGGAL

Y.B. Mohd Nor bin Hamzah
WAKIL BUKIT PAYONG

TIDAK HADIR

Y.B. Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Awang, SSMT.
WAKIL RHU RENDANG

HADIR MENURUT FASAL XIII(3) UNDANG-UNDANG BAGI DIRI KERAJAAN TERENGGANU (BAB YANG PERTAMA)

YANG BERHORMAT SETIAUSAHA KERAJAAN
Dato' Haji Mokhtar bin Nong, DPMT., JMN., ASM., PJC., PJK., BLB.

YANG BERHORMAT PENASIHAT UNDANG-UNDANG NEGERI
Encik Noorbahri bin Baharuddin

YANG BERHORMAT PEGAWAI KEWANGAN NEGERI
Dato' Haji Mazlan bin Ngah, DPMT., ASM., PJC., PJK., BLB.

SETIAUSAHA DEWAN UNDANGAN NEGERI
Encik A. Rahim bin Jusoh, SMT., AMZ., PJC., PJK.

DOA

Dibaca oleh Yang Berhormat Yang Dipertua Dewan.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA KELUAR DARI DEWAN UNDANGAN NEGERI MEMPERSILAKAN YANG TERAMAT MULIA YANG DIPERTUA MAJLIS PENASIHAT PEMANGKU RAJA KE MAJLIS DEWAN UNDANGAN NEGERI.

UCAPAN YANG TERAMAT MULIA YANG DIPERTUA MAJLIS PENASIHAT PEMANGKU RAJA

Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Yang Berhormat Yang Di Pertua Dewan Undangan Negeri, Yang Amat Berhormat Menteri Besar; dan Yang Berhormat Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri.

Alhamdulillah, kita bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wataala kerana dengan limpah dan keizinan-Nya dapat kita hadir ke Majlis Perasmian Pembukaan Penggal Persidangan Yang Kedua bagi Dewan Undangan Negeri Yang Kedua Belas pada hari ini.

Kita juga bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wataala kerana mendapati rakyat Negeri Terengganu dapat meneruskan kehidupan mereka di dalam suasana yang aman damai dan tenteram walaupun dunia sekarang berada dalam situasi ekonomi yang tidak menentu.

Begitu juga dengan kestabilan politik dan hubungan baik yang terjalin di kalangan semua masyarakat di Negeri Terengganu. Sesungguhnya suasana keharmonian kaum, kestabilan politik akan membolehkan tumpuan yang lebih dapat diberikan dalam usaha membangunkan negeri ini ke satu tahap yang mana pulangannya akan dapat dinikmati oleh semua lapisan masyarakat. Situasi ketidakstabilan ekonomi dunia juga memerlukan kita semua bersatu hati menanganinya. Kerajaan Negeri perlu terus mengeluarkan perbelanjaan bagi merangsang aktiviti perekonomian.

Walau bagaimanapun, aktiviti dan projek yang hendak dilaksanakan, perlulah memberi manfaat segera kepada orang ramai. Dalam hal ini, kita ingin mengingatkan semua pihak agar meneruskan amalan hidup secara sederhana dengan membuat perbelanjaan secara berhemah dan mengamalkan sikap berjimat cermat. Kerajaan Negeri perlu beringat di mana harga minyak yang telah jatuh ke paras sekitar USD45 per tong, akan mengurangkan pendapatan kerajaan melalui royalti minyak. Oleh itu,

rancanglah perbelanjaan negeri dengan sebaik-baiknya. Penjimatan dalam penggunaan utiliti, penganjuran majlis-majlis rasmi dan pelaksanaan aktiviti dan program yang kurang kos efektif boleh digunakan bagi tujuan yang boleh membantu kestabilan pembangunan negeri ini. Kita yakin jika Kerajaan dan rakyat sekarang faham dengan keadaan ini dan bekerjasama mengawal perbelanjaan, kita akan dapat menangani kesan kemelesetan ekonomi yang sedang kita hadapi sekarang ini.

Kita berharap, jika terdapat perselisihan pendapat, isu-isu, ianya hendaklah diselesaikan dengan segera melalui kedah-kaedah yang tidak memecahbelahkan rakyat seperti melalui kaedah perundingan dan perbincangan. Suasana kehidupan aman damai perlu dikekalkan, kita sentiasa berdoa agar pergaduhan dan kekacauan yang boleh merencatkan proses pembangunan negeri, tidak akan berlaku di negeri ini, di mana akhirnya rakyat akan menerima akibatnya.

Dalam hubungan itu, kita amat gembira apabila Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan Kerajaan Negeri telah memperkenalkan halatuju pembangunan bertema ***'Merakyatkan Pentadbiran dan Pembangunan'*** di mana setiap aktiviti dan program yang akan dilaksanakan oleh Kerajaan mesti berpaksikan kepada rakyat *(people oriented)* dalam ertikata lain, Kerajaan perlu lebih fleksibel dan boleh berubah apabila keperluan rakyat diambilkira.

Konsep pembangunan ini diharap dapat diterapkan kepada semua pihak sama ada kakitangan Kerajaan, ahli-ahli politik dan pihak-pihak yang berkepentingan serta rakyat sekalian. Kita berharap pelaksanaan aktiviti, program dan projek mestilah dapat dinikmati secara terus oleh rakyat. Bagi projek-projek fizikal, keperluannya dan hasil pelaksanaannya juga hendaklah untuk rakyat. Manakala bagi aktiviti, program atau projek ekonomi pelaksanaannya hendaklah berorientasikan rakyat, sama ada penglibatan terus melalui peluang pekerjaan mahupun secara tidak langsung melalui kaedah *'chain reaction'* di mana aktiviti huluan dan hiliran dapat diwujudkan, yang akhirnya membawa faedah kepada rakyat.

Dalam meneruskan agenda pembangunan negeri, keseimbangan di antara pembangunan fizikal perlu diseimbangkan dengan pembangunan spiritual dan penekanan kepada aspek penerapan nilai-nilai murni dan akhlak mulia di kalangan masyarakat di negeri ini. Kita amat sukacita dengan program-program yang telah dijalankan oleh Kerajaan sejak dari dulu terutamanya kepada generasi muda kerana mereka ini adalah teras kepada pembangunan negeri di masa akan datang.

Program-program memperkasakan jati diri melalui sektor pendidikan, program pembangunan institusi keluarga nampaknya menjadi tonggak ke arah membentuk generasi baru Negeri Terengganu yang cemerlang, berakhlak mulia dan berpersonaliti unggul.

Dalam hubungan itu, tanggungjawab membangunkan Negeri Terengganu sama ada pembangunan fizikal, mahupun pembangunan spiritual hendaklah juga dipikul oleh semua pihak seperti pemimpin masyarakat, pemimpin politik, badan-badan sukarela dan juga orang perseorangan bagi memastikan agenda pembangunan negeri dapat direalisasikan demi bagi faedah rakyat. Seungguhnya penglibatan semua pihak amatlah penting dalam perkara ini. Kerajaan di satu pihak hanya boleh merancang dan melaksanakan tetapi penerimaan serta semangat untuk memenuhi agenda pembangunan negeri perlu dihayati bersama demi masa depan negeri ini.

Kita suka mengimbas kembali perancangan dan pelaksanaan 5 tahun Kerajaan Negeri 2004 - 2008 dulu dan Hala Tuju Pembangunan Negeri Terengganu bagi 2009 - 2013 nanti. Apa yang perlu diberi perhatian adalah isu-isu, senario dan asas pembangunan negeri adalah yang masih sama sejak dahulu lagi. Antaranya isu-isu adalah kepelbagaian asas ekonomi, kualiti hidup rakyat terutama golongan berpendapatan rendah dan miskin tegar, membentuk gunatenaga berkemahiran dan berpengetahuan melalui program dan latihan; ketidakseimbangan tahap sosioekonomi antara kawasan dan peningkatan produktiviti dalam aktiviti ekonomi.

Kita berbangga kerana telah berlaku banyak perubahan dalam aktiviti dan program pembangunan negeri ini. Dalam sektor pendidikan Negeri Terengganu masih mengekalkan pencapaian sebagai negeri terbaik dalam UPSR dan PMR. Manakala pencapaian peperiksaan SPM dan STPM semakin meningkat. Kita berasa yakin, kejayaan sama akan dapat dicapai sepenuhnya sekiranya usaha-usaha yang lebih giat dibuat.

Di samping sistem pembelajaran yang menjurus kepada peperiksaan, kita juga gembira kerana Kerajaan Negeri memandang ke depan dalam menjadikan pendidikan dan pembangunan modal insan ini sebagai agenda pembangunan jangka panjang. Islam sendiri menuntut dan menggalakkan pencarian ilmu pengetahuan sama ada yang bersifat spiritual mahupun material. Kita gembira apabila Kerajaan Negeri masih meneruskan program-program pendidikan dan pembangunan modal insan. Program Pintar Al-Quran, Hafazan Surah Yasin, program tuisyen di sekolah serta penerusan Sekolah-sekolah Imtiaz nampaknya berjalan dengan baik sekali.

Kita berharap program-program baru yang diperkenalkan seperti Terengganu Brilliant Kids (TB Kids) bagi kanak-kanak tadika, program

e-Book kepada pelajar-pelajar sekolah rendah akan membawa pembangunan pendidikan kita ke peringkat yang lebih baik lagi. Penggunaan teknologi sesungguhnya akan memberi kelebihan kepada pelajar-pelajar di masa akan datang.

Program-program yang baru diperkenalkan ini juga telah membuka peluang-peluang pekerjaan kepada anak-anak Terengganu, lepasan-lepasan pengajian tinggi. Kita difahamkan seramai 500 orang telah dan akan diambil bekerja dalam pelaksanaan e-Book di semua sekolah rendah di negeri ini.

Dalam menangani kegawatan ekonomi sekarang ini, peluang-peluang pekerjaan perlu diwujudkan di negeri ini. Kita bersyukur, Kerajaan telah memulakan program latihan-latihan kemahiran sejak 3 tahun di mana Program-program Terengganu Graduate Attachment Scheme (T-GAS), Terengganu Tourism Attachment Scheme (T-TAS), Program Tenaga Mahir Multimedia (e-FARM) diperkenalkan. Kaedah latihan kemahiran secara 'hands-on' ini perlu diteruskan lagi. Pengalaman yang mereka perolehi akan memberi kelebihan kepada mereka untuk mendapatkan pekerjaan di mana-mana sahaja.

Pembangunan di sektor pertanian dan industri asas tani sememangnya tidak dapat dielakkan daripada aktiviti seharian rakyat Negeri Terengganu, kita dapat melihat Kerajaan Negeri meneruskan agenda pembangunan di dalam sektor ini dengan memberi tumpuan kepada projek dan aktiviti yang berskala besar dan memberi impak kepada pembangunan negeri dari segi ekonomi dan sosial.

Pembukaan kawasan jelapang padi di Kampung Jelapang dan Kg. Bukit Layat, Setiu sesungguhnya memperlihatkan kesungguhan kerajaan dalam membantu rakyat negeri ini meningkatkan taraf kehidupan petani, di samping dapat menyumbang dalam melaksanakan dasar jaminan makanan negara bagi pengeluaran padi. Kita difahamkan seramai 150 keluarga petani akan dapat menikmati faedah daripada pembukaan kawasan penanaman padi Jelapang dan Kg. Bukit Layat, Setiu.

Kerajaan Negeri juga difahamkan telah menandatangani perjanjian persefahaman dengan Koperasi Ladang Pekebun-Pekebun Kecil Malaysia Berhad bagi membersih dan menanam kelapa sawit di kawasan seluas 2,146 hektar di Daerah Dungun. Hasilnya nanti akan diberikan kepada golongan rakyat termiskin di negeri ini melalui kaedah-kaedah tertentu. Diharap program ini akan dapat mengeluarkan golongan miskin tegar daripada senarai kemiskinan.

Kita juga difahamkan bahawa Kerajaan Persekutuan telah bersetuju untuk membina Empangan Peda dan *'Besut Barrage'* bagi membolehkan petani-petani di Daerah Besut di bawah Program IADA KETARA mengeluarkan padi 10 tan setahun. Terima kasih diucapkan kepada Kerajaan Persekutuan di atas usaha-usaha tersebut.

Dalam menggerakkan pembangunan negeri, sektor perindustrian hendaklah diberi penekanan terutamanya dalam aktiviti-aktiviti yang mempunyai *'comparative advantage'.* Dalam industri petrokimia, fokus yang diberi oleh Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan melalui ECER iaitu dengan memberi tumpuan kepada industri plastik adalah bertepatan.

Lot Q sekarang ini sedang dibangunkan dengan prasarana-prasarana yang akan menyokong aktiviti industri berasaskan plastik. Kita difahamkan, beberapa syarikat telah memberi komitmen untuk membuka kilang-kilang berasaskan plastik di kawasan Lot Q apabila siap kelak. Manakala beberapa syarikat lagi sedang berbincang dengan pihak Kerajaan Negeri untuk membina kilang-kilang mereka atau memindahkan aktiviti pengeluaran produk-produk plastik mereka ke Lot Q ini.

Sektor Industri Kecil dan Sederhana (IKS) hendaklah dijadikan teras dalam menjana pembangunan negeri. Ini adalah kerana skala industri dan perniagaan yang dipelopori oleh rakyat Terengganu adalah terletak dalam kategori ini. Aktiviti-aktiviti IKS seperti industri perkayuan, kraftangan, pemprosesan hasil-hasil pertanian, pembuatan makanan adalah aktiviti-aktiviti turun-temurun penduduk Negeri Terengganu. Penambahan nilai-nilai komersial dengan strategi pemasaran yang baik akan memberi pulangan kepada ekonomi negeri.

Kita percaya, walaupun dalam keadaan yang tidak menentu seperti kegawatan ekonomi, masih ada ruang-ruang yang boleh dijadikan pemangkin pembangunan negeri.

Pembinaan kemudahan asas dan prasarana nampaknya berjalan dengan baik sekali di Negeri Terengganu. Pembinaan Stadium Sultan Mizan dan Kompleks Sukan Negeri Terengganu sehingga Sukan Malaysia 2008 (SUKMA) dapat berlangsung menunjukkan satu peningkatan kepada pembangunan negeri terutamanya dalam bidang sukan. Kejayaan penganjuran SUKMA dan kejayaan menjadi juara di gelanggang sendiri menunjukkan bahawa negeri ini tidak ketinggalan dalam pengisian sesuatu aktiviti.

Pada masa yang sama, pembesaran Lapangan Terbang Sultan Mahmud juga telah memberi impak kepada pembangunan negeri terutamanya

dalam sektor pelancongan dan aktiviti lain. Dengan siapnya lapangan terbang tersebut, penganjuran Kejohanan Endurance Dunia dan lain-lain lagi berjalan dengan lancar. Kita ingin mengingatkan supaya semua projek yang telah selesai dilaksanakan ini dimanfaatkan dengan pengisian yang terbaik dan berkualiti.

Penganjuran-penganjuran persidangan dan pameran di peringkat antarabangsa dan nasional perlu diperbanyakkan. Ini akan membolehkan kesan langsung kepada aktiviti ekonomi negeri terutamanya yang melibatkan orang ramai dalam sektor pelancongan dan sektor perkhidmatan. Dalam hubungan ini, kita difahamkan Kerajaan Negeri telah menetapkan secara berkala *'night games'* di Kompleks Sukan Negeri Terengganu. Sementara bagi Lapangan Terbang Sultan Mahmud perancangan mengadakan *'free commercial zone'* dan Hub Latihan Penerbangan sedang dibuat. Peluang-peluang sebegini perlu diambil sebelum terlambat dan terlepas kepada tempat-tempat lain.

Dalam aspek kerohanian, pembinaan masjid-masjid masih diteruskan. Begitu juga dengan pembinaan keperluan-keperluan asas yang lain seperti jalan-jalanraya, jambatan, dewan, balairaya, tempat-tempat rekreasi dan lain-lain. Kesemua ini menunjukkan bahawa perancangan yang dibuat merangkumi semua aspek pembangunan. Dalam hal ini, kita ingin mengingatkan keperluan kepada penyelenggaraan supaya semua bangunan dan struktur-struktur fizikal terjaga dan tahan lama. Penglibatan semua pihak sama ada Kerajaan Negeri, orang ramai, persatuan-persatuan, NGO turut sama dalam menjaga harta benda yang telah disediakan sentiasa terjaga dan dalam keadaan bersih. Ini akan memberi persepsi dan gambaran yang baik kepada semua pihak termasuklah pelancong-pelancong luar negeri ke atas Negeri Terengganu. Di samping itu, kebersihan sendiri adalah asas dan ditekankan dalam Agama Islam.

Pada masa yang sama, pengisian kepada kemudahan-kemudahan awam hendaklah dimanfaatkan sebaik mungkin dengan aktiviti-aktiviti yang boleh membawa kebaikan kepada semua pihak serta dapat menyatupadukan ummah. Pengisian-pengisian sama ada berbentuk aktiviti fizikal dan spiritual perlu dirancang sebaik mungkin.

Usaha-usaha yang dijalankan ke arah penghayatan kepada Agama Islam juga nampaknya menimbulkan kesedaran kepada umat Islam apabila kutipan zakat pada tahun 2008 meningkat kepada RM66.2 juta iaitu rekod pungutan tertinggi sehingga kini. Tahniah kita ucapkan kepada semua pihak terutamanya Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM).

Bagi tahun 2009, kita difahamkan bahawa Bahagian Baitulmal Majlis Agama Islam Negeri-negeri termasuk Bahagian Baitulmal MAIDAM telah diputuskan sebagai badan penerima Wang Subhah daripada Pengurus Dana Unit Amanah Syariah oleh Mesyuarat Jawatankuasa Penyelarasan Baitulmal Kebangsaan yang bersidang pada awal tahun 2009.

Dalam hubungan itu, kita berharap MAIDAM dapat membuat perancangan bagi memudahkan proses penyaluran wang subhah, iaitu wang yang dihasilkan daripada aktiviti yang tidak diketahui status halal atau haram dan bercampur dengan perkara yang dilarang oleh syariah. MAIDAM juga disarankan supaya bekerjasama dengan Islamic Banking and Finance Institute Malaysian Sdn. Bhd. yang ditubuhkan oleh Bank Negara dan dilantik oleh banyak Pengurus Dana Unit Amanah Syariah sebagai penasihat syariah bagi menasihati pengurusan unit amanah dalam aktiviti pelaburan mereka termasuklah pelaburan yang melibatkan wang subhah.

Maklumat-maklumat terperinci perlu dibekalkan bagi memudahkan cara proses penyaluran wang subhah terutamanya kepada Syarikat Pengurus Dana Unit Amanah Syariah serta bank-bank tempatan yang lain khususnya di Negeri Terengganu ini yang disediakan oleh Bahagian Baitulmal MAIDAM.

Di samping itu, MAIDAM perlu mengadakan kaunter mesra rakyat, mewujudkan nombor *'hot line'* ataupun memberi insentif tambahan kepada syarikat-syarikat yang sentiasa mengeluarkan wang subhah kepadanya. Wang subhah ini boleh digunakan bagi apa jua tujuan termasuklah dalam aktiviti dan program pembangunan negeri.

Berdasarkan kepada pemerhatian kita pembangunan bandar perlu diberi perhatian yang serius. Inilah masanya Kerajaan Negeri perlu mengimplementasikan perancangan-perancangan yang telah dibuat sebelum ini. Bagi Bandaraya Kuala Terengganu perkembangan terkini memerlukan pembukaan kawasan baru. Pembangunan Kawasan Bukit Besar/Padang Hiliran perlu diberi perhatian sewajarnya. Kita difahamkan proses mengambil balik bagi sebahagian agensi-agensi telah bermula. Kita difahamkan juga bahawa kajian terperinci sedang dijalankan bagi menjadikan Kuala Nerus sebagai Daerah kelapan di Negeri Terengganu.

Ini amat bersesuaian jika dilihat dengan keadaan semasa. Pembangunan di kawasan tersebut boleh diasaskan kepada sektor pendidikan. Universiti Darul Iman (UDM), Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Institut Latihan Petronas, Institut Pendidikan Guru Malaysia, Kampus Dato' Razali Ismail adalah sinonim dengan kawasan ini. Pembangunan perlu dirancang dari sekarang, lebih-lebih lagi Lebuh Raya Pantai Timur (Fasa 2) akan berakhir di kawasan ini sebelum memasuki Bandaraya Kuala Terengganu.

Dalam pada itu, Bandar-bandar lain di negeri ini perlu diberi perhatian yang sama. Kita ingin menyarankan supaya setiap daerah terutamanya yang berhampiran Ibu Daerah dirancang secara menyeluruh supaya boleh menjadi pemangkin kepada daerah tersebut. Asas-asas aktiviti ekonomi perlu diketengahkan dan dibangunkan seperti aset aktiviti pelancongan Tasik Kenyir dan aktiviti pertanian di Hulu Terengganu, pertanian dan pelancongan di Setiu dan aktiviti-aktiviti yang berkaitan di daerah masing-masing.

Walau bagaimanapun, pembangunan di kawasan luar bandar perlu diberi perhatian sama. Kita dimaklumkan bahawa pembangunan di kawasan-kawasan luar bandar akan dilaksanakan secara berpusat dengan mewujudkan Pusat Kecil Daerah dan Pusat Pertumbuhan Desa. Pusat-pusat ini akan mempunyai kemudahan-kemudahan perkhidmatan yang membolehkan orang ramai berurusan seperti Sekolah-sekolah Rendah dan Menengah, Pusat Kesihatan Baru, Pejabat Pos dan Balai Polis. Pusat-pusat ini juga akan mempunyai kedai-kedai perniagaan bagi menyenangkan orang ramai berurusan dan tidak perlu ke pusat bandar bagi menyelesaikan keperluan mereka.

Kerajaan Negeri nampaknya telah memulakan aktiviti dengan pembinaan rumah-rumah kedai di Pusat-Pusat Kecil Daerah ini. Kita ingin mencadangkan supaya pusat-pusat ini juga dijadikan pusat kegiatan ekonomi penduduk setempat seperti Pusat Pengumpulan Hasil Pertanian, Kilang-kilang IKS Setempat dan lain-lain aktiviti perekonomian yang lain, di mana ianya akan memudahkan urusan kepada petani, penternak dan pengeluar produk yang ingin berurusan terutama dari segi pemasaran.

Mengenai perumahan, kita gembira kerana Kerajaan Negeri masih komited untuk memberi peluang kepada golongan berpendapatan rendah dan sederhana memiliki rumah kediaman sendiri di dalam persekitaran di mana kemudahan asas adalah lengkap dan sempurna. Penglibatan sektor swasta dalam sektor pembangunan perumahan nampaknya semakin aktif sekarang. Ini menunjukkan bahawa kuasa beli telah wujud di kalangan penduduk di negeri ini dan sekaligus membuktikan bahawa ekonomi negeri telah berkembang dan dinikmati oleh rakyat.

Kerajaan Negeri telah mengenalpasti 13 tapak perumahan bagi tujuan pembinaan sebanyak 4,500 unit rumah kos rendah dalam tahun 2009. Ini menunjukkan keperihatian Kerajaan Negeri sekarang yang mendahulukan kepentingan rakyat dalam arus pembangunan negeri. Kita juga difahamkan bahawa perancangan juga sedang dibuat untuk membina sekurang-kurangnya 5,500 unit rumah kos rendah sehingga tahun 2013 nanti. Kawasan-kawasan yang sesuai di seluruh negeri sedang dikenalpasti bagi tujuan itu.

Kita mengambil kesempatan di sini untuk mencadangkan supaya pemilihan ke atas permohonan rumah-rumah ini dapat disegerakan dengan memperkenalkan kaedah-kaedah yang lebih fleksibel. Ini akan memberi impak segera kepada keperluan asas penduduk negeri ini. Mungkin penubuhan Syarikat Perumahan Negeri khusus bagi mengendalikan pembangunan perumahan di negeri ini boleh dikaji dan dikuatkuasakan.

Bagi tanah-tanah di dalam Bandar, pembangunan terutamanya dari segi keperluan perumahan boleh menggunakan kaedah atau pendekatan 'Pembangunan Tanah Sepakat' di mana Kerajaan boleh bertindak sebagai orang tengah dalam membantu rakyat negeri membangunkan tanah masing-masing.

Pembangunan ekonomi yang meningkat sekarang ini tidak membawa apa-apa makna sekiranya isu kemiskinan tidak dapat diatasi. Agenda ke arah kadar kemiskinan sifar perlu diteruskan dan dijadikan agenda utama semua pihak. Komitmen Kerajaan Negeri dalam menangani isu-isu kemiskinan ini nampaknya telah membuahkan hasil. Penurunan peratusan kemiskinan dari 15.4% pada tahun 2004 kepada 6.5% pada tahun 2008 membuktikan bahawa usaha-usaha yang dijalankan telah membuahkan hasil. Manakala kemiskinan tegar telah menurun dari 4.4% dalam tahun 2004 kepada 0.8% dalam tahun 2008. Kita juga gembira apabila Yang Amat Berhormat Menteri Besar mengumumkan bantuan penggantian atap kepada golongan-golongan miskin sebagai tambahan kepada program-program yang sedia ada seperti bantuan bina/baiki rumah, program penjanaan pendapatan, penempatan semula masyarakat setempat dan lain-lain program yang telah diperkenalkan sebelum ini. Usaha-usaha ini perlu diberi perhatian khusus sehingga tiada lagi rakyat negeri ini yang miskin. Insya Allah.

Sektor pelancongan terutamanya yang berasaskan keindahan semulajadi dan warisan kita, nampaknya sudah menjadi identiti negeri ini. Sektor ini semakin memain peranan dalam menjana pendapatan ekonomi negeri. Kita amat berpuashati dengan perjalanan Program Tahun Melawat Terengganu 2008. Nama Terengganu nampaknya sudah gah dan setanding dengan negeri-negeri lain dalam aktiviti pelancongan. Terima kasih kita ucapkan kepada semua pihak sama ada di sektor awam mahupun swasta dan orang perseorangan yang memainkan peranan masing-masing dalam menjayakan program tersebut.

Kejayaan Program Tahun Melawat Terengganu 2008 ini, memerlukan usaha yang berterusan kerana kita nampak perlunya:

(i) Penambahan kemudahan penginapan di negeri ini bagi menampung kedatangan pelancong-pelancong;

(ii) Penekanan yang lebih kepada industri perkhidmatan supaya ianya betul-betul berorientasikan khidmat pelanggan;

(iii) Kebersihan pantai dan sungai;

(iv) Keselamatan di pantai yang menjadi tumpuan seperti khidmat anggota penyelamat dan menara di samping papan tanda yang bersesuaian bagi tujuan keselamatan;

(v) Peningkatan dalam memberi perkhidmatan oleh hotel-hotel, agensi pelancongan, pemandu pelancong dan lain-lain pihak yang berkepentingan dalam industri ini.

(vi) Mempertingkatkan aktiviti/produk baru bagi merangsangkan sektor ini dan seterusnya dapat menjana ekonomi negeri.

Kita juga berpendapat, aktiviti-aktiviti lain yang dijalankan boleh dijadikan sebagai produk pelancongan bagi negeri ini. Ini terbukti apabila SUKMA 2008, World Endurance Championship, Rainforest Challenge Terengganu telah membawa ramai pelancong dalam dan luar negara ke negeri kita. Aktiviti *'sport tourism'* ini hendaklah dirancang dan diadakan bagi merancakkan pembangunan pelancongan di samping dapat mengeksploitasi kemudahan-kemudahan yang telah dibina. Dalam pada itu, penglibatan anak-anak Terengganu dalam sukan-sukan yang diadakan juga boleh memberi ilham dalam membangunkan industri pelancongan itu sendiri.

Seterusnya, kita juga berasa sukacita kerana pembangunan sektor ICT terus diberi perhatian terutamanya dalam memberi nilai tambah ke atas usaha-usaha yang terdahulu. Terengganu Net nampaknya telah dipertingkatkan keupayaan dengan memperkenalkan jalur lebar tanpa wayar *(wireless broadband)* yang berkapasiti tinggi. Dengan kapasiti tersebut, ianya boleh dikomersialkan terutamanya untuk kegunaan dalam membangunkan ekonomi negeri di semua sektor pembangunan.

Keperluan capaian internet dengan kapasiti yang lebih baik perlu dinikmati oleh orang ramai. Pusat-pusat Komunikasi ICT atau Bestari.Com yang telah beroperasi sejak tahun 2005 perlu dilengkapi kemudahan-kemudahan terkini. Kesemua kemudahan-kemudahan ini jika digunakan sepenuhnya akan dapat membantu Kerajaan Negeri menguruskan perjalanan pengurusan negeri terutamanya dalam meningkatkan *'delivery system'* yang menjadi *'bench mark'* kepada perkhidmatan awam sekarang.

Kita juga dimaklumkan bahawa Kerajaan Negeri sedang memperkenalkan satu program ICT yang boleh mengurangkan beban pelajar-pelajar sekolah di Negeri Terengganu dalam membawa buku-buku teks ke sekolah. Program

yang dikenali dengan nama e-Book akan dimulakan bulan April ini adalah dengan perkongsian kerjasama TOP IT Sdn. Bhd., anak syarikat Kerajaan Negeri dengan Intel dan Dewan Bahasa dan Pustaka. Komputer-komputer yang akan dibekalkan kepada pelajar-pelajar sekolah ini akan dipasang sendiri oleh anak syarikat Kerajaan Negeri di kilang yang sedang dibina di Kawasan Perindustrian Gong Badak. Kilang ini juga akan memasang komputer bagi tujuan komersil yang lain. Kita amat berbangga dengan usaha-usaha tersebut. Usaha-usaha yang lebih perlu digemblengkan bagi memberi pulangan yang sebaik mungkin.

Program-program peningkatan kemahiran yang menjadi teras pembangunan negeri perlu diterapkan dalam bidang ICT ini. Kita berpendapat program seperti Pembangunan Tenaga Mahir Multimedia (e-FARM) hendaklah dipergiatkan lagi. Kita difahamkan produk-produk daripada e-FARM akan dapat ditonton di kacamata televisyen tidak lama lagi dan banyak pihak telah menunjukkan minat untuk bekerjasama dengan syarikat-syarikat tempatan kerana negeri ini mempunyai sumber pekerja berkemahiran dalam bidang multimedia kreatif ini.

Kebanyakan kegiatan perekonomian negeri ini adalah berpaksikan kepada sumber asli dan khazanah alam sekitar. Oleh itu, dalam membangunkan negeri ini, pengurusan sumber asli dan pemuliharaan alam sekitar perlu diberi penekanan sebaik mungkin. Pendekatan yang lebih mesra alam perlu diadaptasikan bagi membolehkan pembangunan negeri menjadi lebih *'sustainable'*.

Semua pihak perlu faham akan perlunya pengurusan sumber asli dan alam sekitar yang lebih berkesan. Gunalah sumber-sumber ini sebagai input bagi aktiviti-aktiviti yang boleh menjana pendapatan dan ekonomi tanpa mengorbankannya. Kita tidak mahu kerana kurangnya kesedaran ke atas pengurusan yang baik ke atas sumber asli dan alam sekitar ini ianya akan mengakibatkan timbulnya isu-isu sampingan seperti banjir, hakisan sungai dan pantai, pencemaran dan lain-lain lagi. Dalam hal ini, kita ingin menekankan keperluan untuk mengadakan satu entiti yang boleh mengawal, menasihati dan menangani semua perkara berkait sumber asli dan alam sekitar ini.

Dalam memastikan kejayaan agenda pembangunan negeri, Kerajaan Negeri perlu memantau keberkesanan sistem penyampaian perkhidmatan awam secara berterusan. Kita dapati sistem penyampaian ini telah berjalan dengan baik dan perlu diteruskan dengan penambahbaikan sesuai dengan Gagasan Halatuju Pembangunan Negeri Terengganu (2008-2013) yang sedang digubal. Semua pihak hendaklah bermuhasabah diri dan perbetulkan niat, persepsi dan cara bekerja masing-masing. Tema merakyatkan

pentadbiran dan pembangunan perlu dihayati sepenuhnya. Jika strategi pengurusan adalah berpaksikan kepada rakyat *(people oriented),* maka sepatutnya kita mengfokuskan rakyat sebagai tumpuannya. Pandangan-pandangan rakyat perlu diberi pertimbangan sewajarnya, Kerajaan Negeri mestilah lebih terbuka dalam menerima kritikan yang membina.

Fleksibiliti dalam memberi perkhidmatan amatlah penting kerana keperluan rakyat berubah dari masa ke semasa. Prosedur-prosedur yang telah ada dalam perkhidmatan awam adalah bertujuan supaya setiap aktiviti/program dapat dipermudahkan demi memberi servis kepada rakyat. Perkara asas hendaklah diberi penekanan iaitu perancangan *(planning),* pelaksanaan *(execution),* dan pemantauan *(monitoring).* Perancangan yang dibuat hendaklah realistik dan *'result oriented'* dan mengambilkira isu-isu yang akan timbul. Pelaksanaan perlu melihat kepada penyelarasan tugas, pembukaan peluang baru dari segi tambah nilai. Teknologi boleh memainkan peranan dalam melaksanakan sesuatu program/projek. Seterusnya, pemantauan perlu dilakukan dengan mendapat maklumbalas, respons dari semua pihak dan berusaha membuat penambahbaikan ke atas proses pelaksanaan tadi.

Akhirnya, usaha-usaha ke arah membangunkan Negeri Terengganu ini tidak akan berjaya tanpa komitmen dan penerimaan semua pihak serta kesediaan bekerjasama oleh semua lapisan masyarakat sama ada dari pihak Kerajaan mahupun rakyat yang terdiri dari pelbagai pihak. Kita mahu pembangunan negeri diberi tumpuan sepenuhnya tanpa meletakkan kepentingan politik sebagai asasnya. Lebih-lebih lagi di dalam keadaan kemelesetan ekonomi sekarang ini yang memerlukan sepenuh perhatian dan tindakan yang betul bagi mengatasinya. Perkara ini perlu diterjemahkan melalui kaedah perbincangan secara telus dan bersopan, termasuklah semasa Dewan ini bersidang.

Kita menyeru Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan Undangan Negeri sekalian supaya menjalankan tugas, kewajipan dan tanggungjawab dengan penuh adil dan saksama demi kepentingan agama, bangsa dan negeri.

Kita berdoa agar Allah Subhanahu Wataala sentiasa memberi taufik dan hidayah-Nya kepada seluruh rakyat dan Kerajaan Negeri yang dipimpin oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Dato' Ahmad bin Said. Semoga usaha-usaha mulia ini mendapat keredhaan Allah Subhanahu Wataala.

Akhirnya, dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, kita merasmikan Pembukaan Penggal Persidangan Yang Kedua, Dewan Undangan Negeri Yang Kedua Belas.

Selamat Bersidang.

Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

YANG TERAMAT MULIA YANG DIPERTUA MAJLIS PENASIHAT PEMANGKU RAJA DIIRINGI OLEH YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA DEWAN BERANGKAT KELUAR DARI DEWAN UNDANGAN NEGERI.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA MASUK SEMULA KE DEWAN UNDANGAN NEGERI.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, Yang Berhormat Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri yang dihormati sekalian. Alhamdulillah, kita telah mendengar Titah Ucapan Perasmian Dewan kita yang mulia ini bagi Penggal Kedua sebentar tadi yang penuh nasihat, penuh rangsangan, penuh komitmen untuk pembangunan Negeri Terengganu dan rakyat Terengganu yang kita cintai ini.

Kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, tetamu-tetamu kita Yang Berhormat Ahli-ahli Parlimen, Ketua-ketua Jabatan dan Pemerhati sekalian kita ucapkan jutaan terima kasih.

Bagi memberi ruang yang sepenuhnya kepada Yang Berhormat Ahli-ahli Dewan sekalian meneliti dan mengkaji serta merumuskan apa juga harapan daripada Titah Ucapan sebentar tadi maka dengan ini saya menangguhkan Persidangan ini sehingga ke pagi esok Selasa, 14 April 2009, jam 9.30 pagi dengan sama-sama marilah kita membaca Surah Al-'Asr.

DEWAN DITANGGUHKAN PADA PUKUL 11.20 PAGI.

PERSIDANGAN

PADA HARI SELASA, 14 APRIL 2009

Hari SELASA,
14 APRIL 2009

KANDUNGAN

1.	Nama Ahli-ahli.	[Muka 18]
2.	Ucapan Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua.	[Muka 22]
3.	Kertas-Kertas Kerja Dan Laporan-Laporan.	[Muka 24]
2.	Soalan-Soalan Yang Telah Diberi Notis:	[Muka 26]
	(i) Soalan-soalan Bertulis.	
	(i) Soalan-soalan Lisan.	

[Bersambung]

PERSIDANGAN DEWAN UNDANGAN NEGERI BERMULA PADA PUKUL 9.30 PAGI

HADIR

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA
Dato' Tengku Putera bin Tengku Awang, DPMT.

YANG AMAT BERHORMAT MENTERI BESAR TERENGGANU
Dato' Ahmad bin Said, DPMT., ASM., PJK.
WAKIL KIJAL

Y.B. Ahmad Razif bin Abd. Rahman
WAKIL SEBERANG TAKIR

Y.B. Yahya bin Khatib Mohamad, AMT., PKC.
WAKIL PENGKALAN BERANGAN

Y.B. Datuk Haji Abdul Rahin bin Mohd Said, DMSM., AMN.
WAKIL TELUK PASU

Y.B. Dato' Haji Mohamed bin Awang Tera, DPMT., DIMP., SAP., AMP.
WAKIL CUKAI

Y.B. Haji Asha'ari bin Idris, AMT., AMN., PJK.
WAKIL LANGKAP

Y.B. Toh Chin Yaw, PPN.,PJK.
WAKIL BANDAR

Y.B. Datuk Haji Za'abar bin Mohd. Adib, DMSM., AMT. AMN., PPN., PJK.
WAKIL RANTAU ABANG

Y.B. Haji Khazan bin Che Mat, AMZ.
WAKIL BATU RAKIT

Y.B. Rozi bin Mamat, AMT.
WAKIL TELEMONG

Y.B. Dr. A. Rahman bin Mokhtar, AMN., PJK.
WAKIL KUALA BESUT

Y.B. Dato' Seri Haji Idris bin Jusoh, SSMZ., DPMT., PJK.
WAKIL JERTIH

Y.B. Haji Nawi bin Mohamad, AMT., PJK.
WAKIL HULU BESUT

Y.B. Haji Muhammad Pehimi bin Yusof
WAKIL KOTA PUTERA

Y.B. Haji Wan Abdul Hakim bin Wan Mokhtar
WAKIL AIR PUTIH

Y.B. Ir. Rosli bin Othman
WAKIL KEMASIK

Y.B. Dato' Haji Harun bin Taib, DPMT.
WAKIL MANIR

Y.B. Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi, PJK.
WAKIL BATU BUROK

Y.B. Haji Mohd Abdul Wahid bin Endut, PJC.
WAKIL WAKAF MEMPELAM

Y.B. Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Awang, SSMT.
WAKIL RHU RENDANG

Y.B. Dato' Haji Tengku Hassan bin Tengku Omar, DPMT., PJC., PJK., BLB.
WAKIL LADANG

Y.B. Haji Wan Hassan bin Mohd Ramli, JP., PJC.
WAKIL SURA

Y.B. Dr. Haji Alias bin Razak
WAKIL BUKIT TUNGGAL

Y.B. Mohd Nor bin Hamzah
WAKIL BUKIT PAYONG

TIDAK HADIR

Y.B. Dato' Haji Rosol bin Wahid, DPMT., PJK.
WAKIL AJIL

Y.B. Dato' Haji Din bin Adam, DPMT., PJK.
WAKIL BUKIT BESI

Y.B. Haji Alias bin Abdullah, AMT.
WAKIL ALUR LIMBAT

Y.B. Haji Ramlan bin Ali, AMT., PJK.
WAKIL JABI

Y.B. Haji Mohd Ariffin bin Abdullah, AMT., AMN., PJK.
WAKIL PAKA

Y.B. Haji Muhammad Ramli bin Nuh, AMZ., PJK.
WAKIL TEPOH

Y.B. Haji Mohd Zawawi bin Ismail, AMN., PJK.
WAKIL KUALA BERANG

Y.B. Abd. Halim bin Jusoh
WAKIL PERMAISURI

HADIR MENURUT FASAL XIII(3) UNDANG-UNDANG BAGI DIRI KERAJAAN TERENGGANU (BAB YANG PERTAMA)

YANG BERHORMAT SETIAUSAHA KERAJAAN
Dato' Haji Mokhtar bin Nong, DPMT., JMN., ASM., PJC., PJK., BLB.

YANG BERHORMAT PENASIHAT UNDANG-UNDANG NEGERI
Encik Noorbahri bin Baharuddin

YANG BERHORMAT PEGAWAI KEWANGAN NEGERI
Dato' Haji Mazlan bin Ngah, DPMT., ASM., PJC., PJK., BLB.

SETIAUSAHA DEWAN UNDANGAN NEGERI
Encik A. Rahim bin Jusoh, SMT., AMZ., PJC., PJK.

PUKUL 9.30 PAGI

UCAPAN YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Alhamdulillahirrabil alamin. Wabihi Nastain. Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan, para Pemerhati sidang, tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian.

Alhamdulillah, pertama-tamanya marilah kita memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan petunjuk, kekuatan dan limpah kurnia-Nya dapat sama-sama berada di dalam Dewan yang mulia ini bagi Mesyuarat Pertama Penggal Kedua, Dewan Undangan Negeri Terengganu Yang Kedua Belas.

Persidangan kali ini berlangsung selama tiga hari iaitu pada 13, 14 dan 15 April 2009. Istiadat Pembukaan Penggal Persidangan Kedua telah pun selamat disempurnakan oleh Yang Teramat Mulia Tengku Sri Panglima Raja, Yang Dipertua Majlis Penasihat Pemangku Raja Terengganu pada hari semalam, 13 April 2009.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, sudah masuk Penggal Kedua, bererti bertambah matang dan pengalaman Ahli-ahli Yang Berhormat kita-kita semua malah ramai yang telah pun berpenggal-penggal berada di Dewan Undangan Negeri ini. Mesyuarat pada kali ini tidak ada enakmen yang hendak kita bincangkan, hanya Usul Ucapan Penghargaan dan Terima Kasih di atas Ucapan Yang Teramat Mulia Yang Dipertua Majlis Penasihat Pemangku Raja Terengganu ini. Oleh yang demikian, saya telah menetapkan kedua-dua hari untuk kita bersidang membahaskan Usul berkenaan dan agenda seterusnya Pelantikan Ahli Dewan Negara.

Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, seperti biasa sesi Soalan-soalan Lisan akan diberi masa selama satu jam dan soalan-soalan tambahan akan diberi mengikut Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Fasal 27(5). Soalan tambahan bagi setiap soalan hanya saya benarkan tiga soalan sahaja.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, sukalah saya mengambil perhatian di sini, Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri hendaklah dipatuhi dan dihormati semoga akan mendapat keberkatan, kebajikan kepada rakyat Negeri Terengganu. Juga saya berharap Persidangan Dewan kali ini akan dapat berjalan dengan lancar, teratur,

bertertib dan harmoni serta menjaga nama baik Dewan yang mulia ini. Pada setiap sidang tugas Yang Dipertua Dewan mengingatkan hal ini bertertib, mengikut peraturan, harmoni dan tunjukkan kehebatan berlandaskan fakta yang tepat, berhemah dengan persembahan yang cekap serta bijaksana sesuai dengan penghormatan yang diberi ke atas kita sebagai Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini. Maka saya memberi amaran jika tidak berlaku juga sedemikian rupa, bukanlah salah sidang Dewan kita ini dan rakyat yang memilih kita tetapi diri Yang Berhormat berkenaan sendiri yang menurunkan taraf penghormatan yang diletak ke atas dirinya. Sesuai dengan seperti mana harapan dan seruan di dalam Ucapan Perasmian Dewan Undangan Negeri semalam oleh Yang Teramat Mulia Tengku Sri Panglima Raja, Yang Dipertua Majlis Penasihat Pemangku Raja Terengganu bahawa supaya kita menjalankan tugas kewajipan dan tanggungjawab dengan penuh adil dan saksama demi kepentingan agama, bangsa dan negeri yang tercinta ini.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, itulah sedikit ucapan daripada saya dan sekali lagi saya mengalu-alukan dan insya Allah kita sempurnakan Dewan kita ini dengan sebijaksana yang mungkin.

Terima kasih. Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

KERTAS-KERTAS KERJA DAN LAPORAN-LAPORAN

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sebelum saya memulakan agenda ini sukacita Dewan ini mengalu-alukan kehadiran Pemerhati, pelajar-pelajar dan warga daripada:

1. Sekolah Menengah Kebangsaan Sultan Sulaiman, Kuala Terengganu.

2. Sekolah Menengah Kebangsaan Kompleks Mengabang Telipot, Kuala Terengganu.

3. Sekolah Menengah Kebangsaan Chung Hwa Wei Sin, Kuala Terengganu.

4. Sekolah Menengah Kebangsaan Matang, Kuala Berang, Kuala Terengganu.

5. Sekolah Menengah Kebangsaan Bukit Tunggal, Kuala Terengganu, dan yang terakhir;

6. Sekolah Menengah Kebangsaan Bukit Nenas, Setiu, Terengganu.

'Selamat Datang' ke Sidang Dewan pada kali ini.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Kertas-Kertas Kerja dan Laporan-Laporan yang telah dibentangkan berada di hadapan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian adalah:-

1. Penyata Kewangan Tahun 2007 Majlis Daerah Hulu Terengganu.

   (D.U.N. Bil. 1/2009)

2. Penyata Kewangan Tahun 2007 Majlis Bandaraya Kuala Terengganu.

   (D.U.N. Bil. 2/2009)

3. Penyata Kewangan Tahun 2007 Yayasan Islam Terengganu.

(D.U.N. Bil. 3/2009)

4. Penyata Kewangan Tahun 2007 Yayasan Terengganu.

(D.U.N. Bil. 4/2009)

5. Laporan Ketua Audit Negara Berkait Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Penyata Kewangan Jabatan/Agensi Negeri Terengganu Tahun 2007.

(D.U.N. Bil. 5/2009)

6. Laporan Ketua Audit Negara Berkait Aktiviti dan Kajian Khas Jabatan/Agensi Kerajaan Negeri Terengganu Tahun 2007.

(D.U.N. Bil. 6/2009)

7. Penyata Kewangan Tahun 2007 Kumpulan Wang Pembangunan Hutan Negeri Terengganu.

(D.U.N. Bil. 7/2009)

SOALAN-SOALAN YANG TELAH DIBERI NOTIS

SOALAN-SOALAN BERTULIS
[LAMPIRAN]

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, jawapan-jawapan kepada Soalan-soalan Bertulis yang telah diberi notis dan dibentangkan di hadapan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian ialah soalan-soalan daripada:

1. Y.B. Haji Ramlan bin Ali
   (Wakil Jabi)

2. Y.B. Dato' Haji Harun bin Taib
   (Wakil Manir)

3. Y.B. Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi
   (Wakil Batu Burok)

4. Y.B. Haji Wan Abdul Hakim bin Wan Mokhtar
   (Wakil Air Putih)

5. Y.B. Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Awang
   (Wakil Rhu Rendang)

6. Y.B. Haji Mohd Abdul Wahid bin Endut
   (Wakil Wakaf Mempelam)

7. Y.B. Dato' Haji Tengku Hassan bin Tengku Omar
   (Wakil Ladang)

8. Y.B. Haji Wan Hassan bin Mohd Ramli
   (Wakil Sura)

9. Y.B. Dr. Haji Alias bin Razak
   (Wakil Bukit Tunggal)

10. Y.B. Mohd Nor bin Hamzah
    (Wakil Bukit Payong)

SOALAN-SOALAN LISAN

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sekarang kita masuk kepada Soalan-soalan Lisan. Dengan saya .....

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Dato' Yang Dipertua, saya ingin merujuk kepada Peraturan 24(1).

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ya, Batu Burok.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Ya, saya telah menerima notis Soalan Lisan saya yang ditolak yang menggunakan Peraturan 26(4) oleh Yang Berhormat Speaker dalam mana soalan yang saya kemukakan ini adalah soalan yang mempunyai kepentingan untuk umum dan jugak ianya adalah untuk menjaga nama baik Kerajaan Negeri Terengganu sendiri. Dalam menggunakan Peraturan 26(4) ini, saya berkeyakinan bahawa ianya telah disalahgunakan kerana soalan yang saya kemukakan ini bertepatan dengan Peraturan yang telah ada dalam 24(1), (2) yang ada dalam Peraturan Dewan ini, maka saya ingin mendapat penjelasan kenapakah soalan saya ini ditolak dalam suasana kita ingin mengetahui perkembangan-perkembangan dan jugak isu-isu yang dikemukakan di dalam Dewan ini dapat dijawab dalam keadaan yang telus dan ....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ya, saya faham Yang Berhormat. Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya untuk makluman Yang Berhormat dan Ahli-ahli Dewan sekalian, saya mempunyai jawatankuasa dan kita telahpun meneliti serta mengkaji sehabis sempurnakan yang mungkin setiap soalan yang dikemukakan bagi menyampaikan hasrat sebagaimana yang Yang Berhormat bangkitkan tadi. Mengenai soalan Yang Berhormat bangkitkan, yang ditolak atas fasal yang berkenaan, sukacitalah dan sebenarnya bukan ada niat yang tidak baik, saya mengkagumi dan terima kasih atas hasrat Yang Berhormat itu tetapi selepas dikaji, diteliti, saya membuat keputusan penolakan itu berdasarkan ketepatan soalan yang Yang Berhormat kemukakan di mana saya bagi contoh soalan yang pertama yang Yang Berhormat katakan tadi, sebenarnya tidak wujud nama yang Yang Berhormat bangkitkan itu. Jadi, saya berharap Yang Berhormat sebelum kita kemukakan soalan, kadang-kadang kita kenal atas seseorang itu nama 'Pak Leh', kita sebut atas 'Pak Leh' tapi nama sebenarnya dia 'Mamat bin Ismail' contohnya. Jadi, Yang Berhormat, bila di Dewan ini kita rasmi, tanya atas nama 'Pak Leh' maka saya tak boleh membenarkan sebab kita ikut nama yang rasmi. Saya minta maaf kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, kita teliti dengan setelitinya dan kita rasa yang keputusan yang kita buat itu adalah demi kemuliaan dan juga

kesempurnaan Dewan kita ini. Jadi, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian saya menjemput Yang Berhormat Jabi, Wakil Jabi tak ada. Saya menjemput Yang Berhormat daripada Manir. Silakan Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Ahli-ahli Dewan, Ketua-ketua Jabatan, pegawai-pegawai, Pemerhati yang dihormati dan dikasihi sekalian. Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Soalan saya yang pertama -

> *Penduduk Daerah Hulu Terengganu banyak bergantung kepada hasil pertanian. Apakah Kerajaan sedar bahawa tanaman mereka selalu dimusnahkan oleh gajah. Jika sedar apakah langkah-langkah yang telah, sedang dan akan diambil oleh Kerajaan untuk mengatasinya?*

YANG BERHORMAT ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, seterusnya para hadirin yang saya kasihi sekalian. Soalan yang pertama, terima kasih kepada Yang Berhormat ADUN Manir yang bertanyakan soalan yang berkaitan dengan apakah Kerajaan sedar bahawa gajah sentiasa mengganggu tanaman petani-petani di Daerah Hulu Terengganu dan apakah langkah-langkah untuk mengatasinya?

Jawapannya Yang Berhormat ialah bahawa Kerajaan terlalu sedar dan sangat prihatin terhadap permasalahan gangguan gajah liar bukan sahaja di Daerah Hulu Terengganu malah di seluruh Negeri Terengganu, di Kemaman, di Hulu Dungun, di Hulu Besut dan juga di Setiu juga menghadapi masalah yang sama. Langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan, jangka masa pendeknya; Kerajaan memindahkan gajah-gajah yang liar itu ke kawasan-kawasan yang jauh daripada penduduk dan juga membawa kepada ke kawasan-kawasan yang terlindung sebagaimana di Taman Negara dan kawasan-kawasan yang lain. Langkah jangka masa sederhananya; Kerajaan Negeri dengan kerjasama Kerajaan Persekutuan, kita mewujudkan Santuari Gajah di Sungai Ketiar. Langkah panjangnya; Kerajaan sedang bercadang untuk mewujudkan Taman Gajah seluas 15,000 hektar juga di dalam kawasan Tasik Kenyir. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tambahan Yang Berhormat, sila.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan. Apakah Kerajaan membuat kajian gajah-gajah yang sudah dipindah itu dalam jangka masa yang singkat mereka

balik semula ke kampung mereka dan mereka memusnahkan tanaman-tanaman yang pernah mereka musnahkan dahulu?

YANG BERHORMAT ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Itu memang dalam pengetahuan kita dah dan memang kita tahu bahawa habitat gajah ini dia memang berpusing, dia balik ke tempat asal semula. Tapi Yang Berhormat sebab itulah kita tahu bahawa Kerajaan Negeri sedang merancang beberapa perancangan dalam jangka masa panjang iaitu kita ingin menempatkan gajah-gajah tersebut dalam satu kawasan yang terkawal yang mana kita bercadang untuk menyediakan kawasan seluas 15,000 hektar di dalam kawasan Tasik Kenyir yang mana dengan pengurusan dan juga dengan peruntukan yang diberikan oleh Kerajaan Negeri dan juga Kerajaan Pusat dan sekarang kerja-kerja awal sedang bermula, itu jangka masa panjang. Dan insya Allah, kita juga akan menambah pekerja-pekerja sementara, buat sementara ini dianggarkan lebih kurang 53 orang pekerja akan ditempatkan untuk pengurusan gajah tersebut. Di samping itu juga, Kerajaan Negeri juga sedang memberikan peruntukan-peruntukan yang khusus kepada Jabatan Perhilitan untuk menguruskan gajah ini supaya ianya lebih terkawal yang mana pada tahun ini kita telah meluluskan peruntukan sebanyak RM600,000.00 permulaan untuk membeli bukan sahaja kenderaan malah pengurusan makanan gajah-gajah tersebut.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, setakat yang Kerajaan sedar daripada pindah, pulang balik gajah dan memusnahkan semula tanaman orang-orang kampung ini, berapakah yang disedari oleh Kerajaan atau yang ada di dalam maklumat Kerajaan nilai kemusnahan yang telah dialami oleh pekebun-pekebun tersebut dan apakah tindakan Kerajaan untuk membantu mereka dan setakat ini berapakah jumlah bantuan atau ganti rugi yang dilakukan oleh Kerajaan terhadap pekebun-pekebun yang terpaksa menghadapi kerugian daripada kemusnahan kebunnya yang dilakukan oleh gajah itu?

YANG BERHORMAT ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Jumlah yang tepat itu memang kita tidak adalah sebabnya bukan kita tidak ada sebab masalahnya gajah ini dia serang hari ini .....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, penjelasan.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ya.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Takdok jumlah tepat ke tak beri bantuan?

YANG BERHORMAT ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Nantilah dulu nak terang ni. Duduklah dulu.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Bagi peluang ke dia Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Dengar dulu, tak habis jawab lagi ni kan?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Cakap molek sikit.

YANG BERHORMAT ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Dengarlah dulu, dah ni cakap moleklah ni.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat!

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Saya tanya tadi tak tahu, tidak ada maklumat yang tepat itu maknanya tidak ada kajian daripada Kerajaan.

YANG BERHORMAT ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Dah duduk dulu, duduk dulu Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Hei .... awak ...

YANG BERHORMAT ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Nanti saya jawab dulu. Duduklah dulu, saya tengah jawab ni kan.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Hei .... budak, mu takdok kuasa nak suruh aku duduk.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat, kedua-dua Yang Berhormat .... Yang Berhormat, Yang Berhormat. Manir duduk.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Nanti saya nak tanya dulu, apa kuasa dia nak suruh saya duduk?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Telemong sila duduk dulu. Telemong duduk, Manir duduk.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Basa budak *buas,* dok reti jawab marah ke orang.

YANG BERHORMAT ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Dah orang tua *pua'h* gitu jugak.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat! ..... [Dewan Gelak] .... Yang Berhormat Manir duduk dulu, duduk dulu.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Basa budak tak reti takdok kepala otak dia ....

YANG BERHORMAT ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Hei ... sedap kata ...

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat Telemong duduk dulu. Saya baru berpesan tadi, saya kata dah saya berpesan sokmo dah. Bagi peluang Telemong, sila jawab. Soalan tambahan kedua tadi, adakah kajian ... tadi.

YANG BERHORMAT ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Saya dah beritahu Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, bahawa untuk nak dapatkan jumlah yang tepat memang kita tidak dapat nak lakukan kerana masalah gajah ini sentiasa berlaku, kalau kita katakan hari ini penduduk kita yang telah dimusnahkan (gajah) dalam RM300,000.00, esok ada lagi, lusa ada lagi, tulat ada lagi perkara yang sama. Tapi nak beritahu kepada Dewan bahawa Kerajaan Negeri bersedia untuk menampung mana-mana tanaman-tanaman yang musnah untuk meringankan beban petani-petani kita yang menghadapi masalah gajah, malah bukan sahaja masalah gajah, masalah banjir, masalah kilat, masalah ributpun kita bersedia untuk membantu meringankan beban petani-petani kita.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ya, Manir maknanya ada bantuan ganti rugi diberikan. Ada soalan lagi Yang Berhormat?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang ketiga ni Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Tak apalah, yang ketiga, keempat. Daripada penjelasan itu Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, sekarang ini takdok bantuan baru bersedia nak beri bantuan yang musnah sudah berapa tahun dah .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat, Kerajaan menjawab, Yang Berhormat saya mintak soalan tambahan yang ketiga, dia tak payah jawab bagi pihak dia.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Bagi perancangan Kerajaan bila petani-petani yang terlibat akan diberi ganti rugi dan bilakah perancangan yang itu ini, itu ini tu dapat mengatasi di mana Kerajaan kata hambat hari ini, esok mari pulak, hambat hari ini esok mari pulak macam hambat ayam gitu. Jadi, bila Kerajaan fikir boleh selesai masalah ini dan apakah Kerajaan tidak mempunyai bomoh-bomoh gajah, sementara ini cari tok bomoh dulu hambat gajah manalah tahu niat, pergi sana mari, pergi sana mari. Petani setiap hari menghadapi masalah serangan gajah ini.

YANG BERHORMAT YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, bomoh gajah di Manir banyak, bomoh gajah ni. ..... [Dewan Gelak] ....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Telemong saya rasa soalan tambahan yang sangat baik, sila Yang Berhormat Telemong.

YANG BERHORMAT ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Pakai tok bomoh jugak gajahpun. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, untuk makluman bahawa pada tahun lepas kita menyediakan peruntukan di bawah Tabung Gajah sebanyak RM1 juta, itu bolehlah dibuat tuntutan kepada jabatan-jabatan yang berkenaan iaitu melalui Jabatan Perhilitan dan juga melalui Tabung Darul Iman. Mana-mana yang musnah kita ada peraturan dia, isi borang masuk dan buat permohonan kita berilah, bukan hal gajah aje, hal lainpun begitu jugak, biasalah tu, ada sokmo dah, tahun inipun RM600,000.00, tahun lepas RM1 juta, tahun lepas nun RM1 juta. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Telemong. Maknanya Yang Berhormat Kerajaan bersedia. Saya jemput Wakil Batu Burok.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Dato' Yang Dipertua, assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Soalan saya soalan nombor dua -

> *Berapakah jumlah kes-kes disiplin dan salah laku yang telah diambil tindakan ke atas pelajar-pelajar sekolah di seluruh Negeri Terengganu dari tahun 2004 – 2008 dan senaraikan bentuk kesalahan yang dilakukan?*

YANG BERHORMAT AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan, tuan-tuan dan puan-puan serta para Pemerhati sekalian. Soalan yang kedua berkait dengan kes disiplin dan salah laku yang telah diambil tindakan ke atas pelajar-pelajar sekolah. Mengikut pada bancian dan data

statistik yang ada pada tahun 2004 jumlah kes yang berlaku ialah 15447 dan semuanya telah diambil tindakan. 2005 jumlah kes 14829 turun sebanyak 4.17 peratus. 2006 jumlah kes 14318 turun sebanyak 3.45 peratus. 2007 jumlah kes 15102 naik sebanyak 5.15 peratus. Dan 2008 jumlah kes 12393 turun 17.94 peratus. Jadi kesemua salah laku yang berlaku ini telah diambil tindakan.

Tindakan-tindakan yang diambil oleh pihak sekolah ke atas pelajar-pelajar yang melakukan kes disiplin dan salah laku selain amaran dan kaunseling, tindakan dengan mengenakan hukuman berat iaitu rotan, gantung persekolahan dan buang sekolah juga dikenakan kepada murid yang melakukan salah laku yang dianggap berat. Itu sahaja, terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Terima kasih Dato' Yang Dipertua. Masalah disiplin, kes-kes disiplin dan salah laku di kalangan pelajar-pelajar ini merupakan satu masalah yang serius, yang perlu ditangani oleh semua pihak, kita menghadapi masalah-masalah yang besar yang akhir-akhir ini terutamanya dari segi isu-isu penagihan dadah, isu-isu penderaan ataupun pergaduhan di kalangan pelajar-pelajar sekolah dan jugak isu-isu ponteng sekolah di kalangan pelajar-pelajar yang ada di negeri kita. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat bagaimanakah dalam konteks kita di Negeri Terengganu ini kita dapat meningkatkan prestasi di kalangan pelajar-pelajar ini dalam menghadapi kes-kes disiplin ini, apakah dengan seperti mana yang disebut tadi dengan dibuang sekolah ataupun dikenakan tindakan-tindakan sedemikian boleh menyelesaikan masalah-masalah yang ada di kalangan pelajar-pelajar ini.

YANG BERHORMAT AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Baik, terima kasih kepada Yang Berhormat Wakil Batu Burok. Jadi, sebenarnya masalah disiplin yang berlaku ini bukan hanya berlaku di negeri kita sahaja boleh dikatakan semua negeri mengalami masalah yang sama. Tetapi alhamdulillah sebab kita melihatkan perkembangan kebelakangan ini kita dapati masalah disiplin yang berlaku di Terengganu sudah mula menurun dengan tindakan dan juga program-program yang kita telah laksanakan. Di antara program-program yang telah kita laksanakan ialah menggerakkan Program Pemuafakatan Menangani Gejala Disiplin bersama PIBG, PDRM, NGO dan PBT di setiap daerah. Seperti mana yang kita maklum sebelum ini kita telah dikejutkan dengan satu cerita berkait dengan 'Samurai' di SMK Belara. Alhamdulillah, apabila kita mengambil tindakan yang sewajarnya kita telah mengadakan beberapa program dan sekarang ini kita melihatkan bahawa SMK Belara yang kebetulan duduk di kawasan Yang Berhormat Manir nampaknya sangat jauh berbeza dan banyak perubahan berlaku sehinggakan sekolah itu baru-baru ini telah

mencipta sejarah apabila keputusan PMR yang keluar SMK Belara antara sekolah yang sangat berjaya. Selain daripada itu, SMK Belarapun sekarang ini telah banyak berlaku kejayaan-kejayaan termasuk baru-baru ini johan dalam Pertandingan Softball Peringkat Negeri Terengganu. Jadi, kita nampak ada banyak perubahan-perubahan yang berlaku, kalau dulu memang kita sedia maklum bahawa SMK Belara ini dengan cerita-cerita yang keluar dalam surat khabar dulu memang kita tahu bermasalah tetapi alhamdulillah, dah berlaku perubahan apabila program-program yang kita laksanakan. Dan selain daripada itu, kita juga telah melaksanakan Program Jati Diri kepada murid yang dikenakan tindakan buang dan gantung sekolah bukan maknanya buang sekolah ini, bererti kita buang terus, mereka ini masih lagi diberi peluang kerana apabila mereka buat rayuan mereka ini akan dipindahkan ke sekolah lain dan selain daripada itu mereka tidak ditinggalkan, kita masih menjalankan Program Jati Diri dan program ini merupakan program pemulihan yang kita laksanakan di Pusat Ko-Kurikulum Kuala Berang. Dan hari ini kita dapati bahawa pelajar-pelajar yang telah dikenakan tindakan buang dan gantung ini memang kita dapati banyak yang sudah berlaku pemulihan kerana itu kita melihatkan bahawa dalam masa tiga bulan tahun ini kita dapati berlaku perubahan yang drastik terhadap disiplin sekolah terutama sekolah menengahlah. Selain daripada itu, kita ada Kursus Literasi Undang-Undang kepada Guru-guru Disiplin Sekolah Menengah di Terengganu yang melibatkan seramai 135 orang Guru Disiplin. Antara lain yang kita laksanakan ialah melaksanakan Sistem Kawalan Disiplin Murid *(e-Discipline).* Percubaannya kita buat di lapan buah sekolah menengah Terengganu iaitu dua di Kuala Terengganu dan satu di setiap daerah. Selain daripada itu, kita melibatkan *Smart Partnership* dengan izin, agensi-agensi seperti PDRM, RELA dan PBT untuk Operasi Anti Ponteng. Dan lain-lain banyak lagi program termasuk juga Kursus Pengurusan Stress kepada Guru-guru Disiplin dan juga Program Siri Ceramah Menangani Gejala Sosial di kalangan murid-murid. Dan kita dapati program-program yang telah kita jalankan ini memang mendapat impak yang sangat baik apabila kita melihat kesan dalam tahun 2008 – 2009 kita dapati berlaku penurunan yang mendadak dari segi permasalahan disiplin. Sekian, terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Soalan kedua Yang Berhormat. Sila.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Terima kasih Dato' Yang Dipertua. Satu lagi permasalahan yang sekarang ini menjadi perbualan hangat di kalangan ibu bapa dan masyarakat adalah isu kelucahan yang tersebar luas sama ada melalui telefon bimbit MMS ataupun video dan jugak dalam internet yang mana

secara spesifik saya sebut di kawasan Cendering baru-baru ini salah seorang pelajar melahirkan anak luar nikah dan antara kesannya adalah melalui penyebaran video melalui telefon ini sendiri dan jugak MMS dan polisi Kerajaan Negeri dari segi penggunaan telefon bimbit di sekolah ini, saya ingin mendapat penjelasan dan jugak kesan dari segi golongan pelajar ini dalam penggunaan telefon ini. Jadi, kita dengar jugak semalam di kalangan Ahli Dewan Undangan Negeripun ada kena ugutan bunuh Dato' Yang Dipertua, ini di kalangan pelajar di dalam penggunaan telefon pun boleh membawa kepada kesan yang berat di kalangan pelajar-pelajar ini, mintak penjelasan.

YANG BERHORMAT AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Baik, terima kasih. Sebenarnya memang kita Kerajaan Barisan Nasional ini dari dulu, kini dan selama-lamanya sentiasa sedar dengan apa yang berlaku dari segi permasalahan terutama dari segi permasalahan pelajar-pelajar ini. Dan sebenarnya memang sudah termaktub dalam peraturan sekolah memang tidak dibenarkan pelajar-pelajar membawa telefon bimbit ke sekolah, apatah lagi telefon yang ada visual atau yang boleh mengambil gambar dan sebagainya. Tetapi begitulah pelajar-pelajar kita ini ada juga yang nakal itu tak terkecuali macam dari dulu lagilah kalau kita lihat pelajar-pelajar kita memang hak nakal ni ada sokmo, ini tak terkecuali. Alhamdulillah, nampaknya tindakan yang telah diambil oleh pihak sekolah setakat ini kita amat berpuas hati. Jadi dengan masalah seperti masalah yang disebut oleh Wakil Batu Burok tadi masalah itu memang kita rasa dulupun berlaku dengan tidak adanya telefon bimbitpun berlaku juga dan sekarangpun berlaku. Dan saya tak nampakpun bahawa punca yang menjadi kejadian yang berlaku itu adalah berpunca daripada teknologi, cuma yang saya nampak di sini ialah kita perlu mengambil tindakan secara bersama kerana ini bukan hanya masalah kita sahaja tetapi masalah bersama. Jadi, saya mintak jugaklah kalau ada maklumat-maklumat dan kalau juga kalau ada permasalahan seperti ini Yang Berhormat Batu Burokpun perlu mengambil tindakan bersama-sama dengan kita. Sekian, terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ya, saya rasa panjang lebar dan cukup untuk jawapan itu. Jadi saya jemput Wakil Tepoh, Tepoh tak ada, saya jemput Rhu Rendang.

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN AWANG (Wakil Rhu Rendang): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan saya yang pertama -

Berapakah jumlah sumbangan Kerajaan Negeri Terengganu kepada Tabung Kemanusiaan Palestin dan bagaimanakah sumbangan tersebut disalurkan agar sampai ke sasaran yang sebenarnya?

YANG AMAT BERHORMAT DATO' MENTERI BESAR: Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, Pegawai-pegawai Kerajaan dan para Pemerhati sekalian. Kerajaan Negeri telahpun memberi sumbangan kepada Tabung Kemanusiaan Palestin sebanyak RM1,000,000.00 dan wang ini dihantar melalui Akaun Amanah Kemanusiaan Palestin, Kementerian Luar Negara Malaysia. Terima kasih, Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN AWANG (Wakil Rhu Rendang): Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan. Oleh kerana tersebarnya maklumat bantuan-bantuan yang disalurkan seringkali tidak sampai kepada sasaran yang sebenar mereka yang menderita melalui pertubuhan-pertubuhan yang sebenarnya sampai kepada sasaran dan saya melihat Kerajaan Pusat sendiripun telah mengalih bukan sahaja melalui Duta PLO bahkan di sana ada NGO-NGO yang dipercayai turun ke medan. Adakah Kerajaan Negeri mempastikan ataupun mengambil satu langkah yang lain supaya menyalurkan sama kepada NGO-NGO daripada Malaysia yang turun ke medan supaya bantuan itu benar-benar sampai kepada sasaran. Terima kasih.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Kerajaan Negeri tidak berhasrat untuk menyalurkan melalui NGO-NGO kerana kita yakin bahawa Kementerian Luar lebih mengetahui tentang situasi yang sebenar dan mereka menghantarnya mengikut prosedur-prosedur yang telah ditetapkan. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Cukup Yang Berhormat? Saya jemput Wakaf Mempelam.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, Pegawai-pegawai Kerajaan, para Pemerhati. Soalan saya yang pertama -

Apakah perkembangan terkini bayaran royalti petroleum oleh Petronas kepada Kerajaan Negeri Terengganu dan nyatakan berapakah jumlah yang sepatutnya dibayar dari tahun 2000 hingga 2008?

YANG AMAT BERHORMAT DATO' MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, perkembangan terkini bayaran royalti petroleum oleh Petronas kepada Kerajaan Negeri ialah Perjanjian Penarikbalikkan Kes di Mahkamah belum lagi dibuat kerana ada sedikit masalah teknikal dan perundangan yang belum dapat dimuktamadkan dan dijangka dapat diselesaikan insya Allah pada bulan Mei nanti yang mana satu perjanjian akan dibuat dan hasil royalti enam bulan pertama bermula pada September 2008 sehingga Mac 2009 sejumlah RM1,394,052,251.00. Terima kasih, Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Silakan Yang Berhormat, sebelum itu Yang Berhormat Wakaf Mempelam, saya nak mewakili Dewan nak ucapkan tahniah kepada Yang Berhormat yang membesarkan lagi tugas dan amanah mewakili Terengganu dan saya amat suka cara Yang Berhormat bertanya soalan tadi. Sila, soalan tambahan Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua kerana Ucapan Tahniah walaupun lewat tiga bulan. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya rasa Yang Amat Berhormat tak jawab penuh soalan saya, hanya beritahu September 2008 hingga Mac 2009 dapat RM1.394 bilion, yang saya tanyanya sepatutnya Petronas bayar kepada Kerajaan Negeri Terengganu, berapa yang sepatutnya dibayar daripada 2000 hingga 2008, pasal sudah masuk 10 tahun royalti kita dirompak, dinafikan sampai sekarang masih kita tidak dapat sehingga sekarang, janjinya bulan sembilan, lepas itu janji pulak bulan tiga sampai sekarang tak dapat. Daripada 2000 hingga 2008 berapa sepatutnya Petronas bayar kepada Kerajaan Negeri Terengganu?

YANG AMAT BERHORMAT DATO' MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, royalti keseluruhan yang sepatutnya dibayar dan diganti sebagai Dana Khas dan sebagainya bermula tahun 2000 hingga Mac 2009 berjumlah RM15,847,995,084.00. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Terima kasih Yang Amat Berhormat Menteri Besar, jawapan yang tepat yang saya kehendaki. Soalan tambahan saya yang seterusnya Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua. Sekarang ini sepatut dapat RM15.8 bilion lebih tetapi Terengganu hanya dapat RM6.27 bilion saja maknanya lebih kurang RM7.95 bilion hak kita dinafikan dibelanja oleh kementerian-kementerian, dibelanja oleh agensi-agensi Kerajaan Pusat, dibelanjakan oleh Syarikat Perumahan Negara Berhad, dibelanjakan oleh negeri-negeri lain selain daripada Terengganu. Apa usaha kita untuk nak dapat balik hak kita yang diperjuangkan oleh Kerajaan Negeri yang insya Allah kita akan sokong?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Amat Berhormat, nampaknya Wakaf Mempelam lebih tahu daripada Yang Amat Berhormat? Sila jawab.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya ada segala *figurenya* Dato' Yang Dipertua sebab itu saya nyatakan tadi bahawa proses rundingan belum dimuktamadkan lagi sebab itulah Kerajaan Negeri belum menarik balik kes ini kerana kita sedang melakukan rundingan-rundingan untuk mendapatkan lebihan itu dikembalikan kepada kita. Mengikut rundingan yang telah kita buat di pusingan yang kedua, insya Allah pusingan yang ketiga dan seterusnya sehinggalah kita muktamadkan jumlah yang sepatutnya kita terima setelah ditolak perbelanjaan-perbelanjaan yang telah digunakan di Negeri Terengganu. Terima kasih, Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Soalan yang ketiga, Yang Berhormat?

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Ya, terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua. Disebutkan tadi perjanjian untuk ditarik balik kes mahkamah belum dibuat dan dijangkakan selesai bulan Mei ini, persoalannya yang ada sekarang ini dalam Persidangan Dewan (Bajet) bulan Disember tahun lepas kita dijangkakan untuk belanja Bajet yang dikemukakan RM1.799 bilion sampai sekarang duit tak datang, tak masuk, jadi macam mana kedudukan yang begitu rupa kita nak menguruskan dengan cekap pentadbiran negeri dengan kewangan yang teruk, dengan masalah-masalah yang ada sekarang ini, jadi saya mintak jawapan daripada Yang Amat Berhormat. Terima kasih.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mintak Wakil Rakyat bersabar dan kitapun bersabar, sama-sama bersabar untuk terima duit ini, memang susahlah bila duit orang belanja nak beri balik payah sikit tapi alhamdulillah sebagaimana yang saya sebut tadi RM1.394 bilion ini hampir separuh RM650 juta baru kita terima kelmarin dan dia berjanji setelah dimuktamadkan ini baru dia akan beri keseluruhannya termasuk yang saya katakan tadi bahawa tambahan-tambahan lain yang sedang kita rundingkan. Insya Allah, Yang Berhormat di Terengganu tak perlu khuatir untuk kita membelanjakan wang ini apabila kita terima nanti. Kita dahpun terima kelmarin RM650 juta dan dia berkata selepas perjanjian ini baru dia beri balik lebihan-lebihan itu juga termasuklah kekurangan-kekurangan yang sepatutnya kita terima pada bulan ini. Terima kasih, Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ya, lega dah Yang Berhormat. Cukup dah.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Cukup dah?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Kita faham dah tu. Yang Berhormat Wakaf Mempelam, kita menganggap kita semua dah faham dan lega. Kita jemput Wakil Ladang.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Mulia Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Ahli-ahli Exco dan Ahli-ahli Yang Berhormat tapi saya nampak Yang Berhormat 11 orang takdok, pasal apa dia dok mari, nak tahu jugak kalau-kalau boleh tahulah pasal apa takdok mo'oh?

YANG BERHORMAT YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): Dato' Yang Dipertua, ini soalan ke apa benda hak tanya ni?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Dato' Yang Dipertua, nantilah dulu ..... aah.... dok sabar sungguh.

YANG BERHORMAT YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): Mintak penjelasan, mintak penjelasan, tanya, sayapun nak tanya jugak ni.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Kalau nak tanya saya duduk dulu.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat Ladang dah kemukakan soalan?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Eh! Dok lagi.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Soalan ke saya ke, soalan ke Kerajaan?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Dua, dua, tadi ke Speaker dan sekarang ini kepada Kerajaanlah, soalan nombor satu –

Sila senaraikan projek-projek yang telah siap dilaksana di Wilayah ECER khususnya di Negeri Terengganu. Berapa ramaikah rakyat negeri ini yang mendapat faedah langsung daripada projek-projek ini. Apakah Kerajaan Negeri berpuas hati dengan peranan Petronas sebagai peneraju utama kepada ECER?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Okey duduk. Jawapan kepada Yang Berhormat sayapun kena bertanya lepas pada ni lah sebab saya masuk Dewan, Yang Berhormatpun masuk jadi sayapun tak tahulah siapa yang masuk, tak masuk, lepas pada ni baru saya bertanya dan mungkin jawapannya lepas pada ni lah. Sila Kerajaan.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, buat masa sekarang tiada projek yang siap di bawah ECER, semua projek masih dalam pelaksanaan. Terima kasih, Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Soalan tambahan. Soalan yang kedua tu ada sikit tu, adakah Kerajaan berpuas hati dengan peranan Petronas sebagai peneraju utama kepada ECER.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Petronas bukanlah peneraju utama dalam projek ECER tetapi Petronas dilantik sebagai pihak yang memulakan inisiatif projek ini di peringkat permulaan dulu dan selepas itu diserahkan kepada ECER yang melaksanakannya iaitu pihak ECER DC itu sendiri yang dipengerusikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif untuk menguruskannya. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Soalan tadi soalan asal Yang Berhormat ya, tambahan sekarang, sila.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Petronas dikatakan mengambil inisiatif awal untuk memajukan projek-projek dalam ECER ini, apakah pernah ada projek-projek yang telah diinisiatifkan oleh Petronas dalam ECER ini?

YANG AMAT BERHORMAT DATO' MENTERI BESAR: Antara projek yang telah diambil inisiatif awal oleh Petronas ialah Kertih Plastics Park yang kini kerja-kerja infrastruktur telah berjalan dan terdapat tiga syarikat yang telah memulakan kerja-kerja awal ini. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Soalan tambahan lagi. Berkenaan dengan Plastics Industry Park itu bukankah dulu ada satu di Dungun yang juga dikhususkan untuk Industri Plastik, apa jadi dengan kawasan di Dungun itu?

YANG AMAT BERHORMAT DATO' MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, berasaskan kepada perkembangan semasa tapak yang dicadangkan sebagai Plastics Park di Dungun, di Batu 8 itu dijadikan sebagai kawasan IKS dan kawasan Plastics Park sebenarnya dibuat di Lot Q kerana ia berhampiran dengan bahan mentah yang akan digunakan dalam industri plastik, terdapat Kilang-kilang Ethylene dan Polyehtylene dan juga kemudahan pengangkutan kereta api untuk membawa hasil keluaran ini ke Pelabuhan Kuantan untuk dieksport ke luar negara. Terima kasih, Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Tambahan lagi boleh?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Memang ada satu lagi.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Projek-projek IKS yang saya katakan ditempatkan di Batu 8, di Dungun itu bagaimana statusnya, dah penuh ataupun masih kosong ke, atau bagaimana?

YANG AMAT BERHORMAT DATO' MENTERI BESAR: Masih banyak kekosongan lagi Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Okey, saya jemput Wakil Sura.

YANG BERHORMAT HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI (Wakil Sura): Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Ahli-ahli Yang Berhormat, para pegawai dan Pemerhati sekalian. Soalan yang pertama Dato' Yang Dipertua -

> *Berapakah jumlah kes yang melanggar peraturan dan syarat-syarat pembinaan kedai di bawah Majlis Perbandaran Dungun dan apakah bentuk tindakan yang dikenakan terhadap kesalahan ini?*

YANG AMAT BERHORMAT DATO' MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, sehingga kini terdapat 15 kes melanggar peraturan dan

syarat-syarat pembinaan kedai di bawah Majlis Perbandaran Dungun. Terima kasih, Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI (Wakil Sura): Soalan tambahan yang sepatutnya soalan asal iaitu apakah bentuk tindakan yang dikenakan terhadap kesalahan 15 kes tersebut, Dato' Yang Dipertua?

YANG AMAT BERHORMAT DATO' MENTERI BESAR: Dato' Yang Dipertua, antara tindakan-tindakan ialah mengeluarkan notis sebagaimana diperuntukkan di bawah Seksyen 721 Akta 133 dan termasuk notis di bawah Seksyen 70(12) Akta 133 dan berbagai tindakan lagi di bawah Undang-undang Kecil yang lain di bawah Bangunan, Trade dan sebagainya. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI (Wakil Sura): Jawapan yang diberikan itu menyatakan dari sudut undang-undang, hakikat yang berlaku ialah banyak kedai yang dirombak sebab itu soalan ini dikemukakan supaya kita ambil faham kerana asas daripada sebahagian peniaga ialah dari orang-orang Melayu yang sepatutnya kita menyediakan tapak-tapak yang sesuai untuk mereka meneruskan perniagaan mereka. Timbul rungutan dari peringkat bawahan .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat, khususkan soalan tambahan Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI (Wakil Sura): Ya, sebab itu saya nak mintak supaya satu usaha dibuat daripada apa yang telah berlaku itu, rombakan menyebabkan berlaku kekecohan di Daerah Dungun ini supaya diberikan tapak-tapak perniagaan yang baik kepada peniaga-peniaga yang telah diambil tindakan oleh pihak Majlis Perbandaran Dungun.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, pihak Majlis Perbandaran dari semasa ke semasa membina gerai-gerai dan kedai-kedai untuk peniaga-peniaga. Memang menjadi hasrat Kerajaan menggalakkan rakyat melibatkan diri dalam perniagaan dan sebagainya tetapi ini tidak bermakna bahawa rakyat atau peniaga boleh membuka kedai, membina bangunan sesuka hati mereka, kita nak pendapatan, jadi untuk Kerajaan nakkan pendapatan takkanlah ada rakyat nak curi kerana nak tambah pendapatan atau melakukan kerja-kerja tak mengikut peraturan atau undang-undang. Kita menggalakkan mereka tetapi biarlah mengikut peraturan-peraturan dan undang-undang yang disediakan khusus untuk mereka (peniaga) dan mereka perlu patuhi. Begitu juga dari segi perkedaian, pihak Majlis Perbandaran PBT dari masa

ke semasa menyediakan kemudahan-kemudahan ini kepada mereka yang layak dan sebagainya, sudah tentu permintaan akan mengatasi penawaran dan kita mengharapkan bahawa segala permohonan untuk membina kedai, bangunan perlu mendapatkan kelulusan PBT terlebih dahulu kerana kita tidak boleh mengambil tindakan membina dulu kemudian cuba mendapatkan kelulusan kerana banyak peraturan dan undang-undang kecil yang perlu kita patuhi. Terima kasih, Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ada tambahan lagi Sura? Tak ada, ya. Terima kasih, kita jemput Bukit Tunggal.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, soalan saya nombor satu -

> *Adakah Kerajaan sedar berlakunya hakisan yang teruk di sepanjang Pantai Tok Jembal, Kuala Terengganu selepas pembinaan landasan tambahan Lapangan Terbang Sultan Mahmud, Seberang Takir, Kuala Terengganu?*

YANG BERHORMAT YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, bagi menjawab soalan daripada Bukit Tunggal, memang pihak Kerajaan yang dipimpin oleh parti Barisan Nasional di Negeri Terengganu ini memang sentiasa sedar di atas kejadian hakisan yang telah berlaku di Tok Jembal baru-baru ini, ia bukan sepenuhnya berpunca daripada kerja-kerja pembinaan landasan tambahan Lapangan Terbang Sultan Mahmud semata-mata sebaliknya ia berlaku akibat pergerakan arus *(sea current)* di kawasan tersebut yang pada lazimnya akan mengakibatkan berlakunya hakisan di musim tengkujuh dan seterusnya penambakan semula apabila musim tengkujuh berakhir nanti. Malangnya musim tengkujuh pada tahun yang baru-baru ini berlaku agak luar biasa di mana ketinggian arus laut meningkat ke angka 2.5 meter dan diikuti dengan ombak setinggi 5.0 meter. Oleh itu, kejadian hakisan di Pantai Tok Jembal dan juga di kawasan-kawasan lain di sekitar Kuala Terengganu telah mengalami hakisan tersebut. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Soalan tambahan, Dato' Yang Dipertua. Masalah musim tengkujuh ini memang Terengganu terkenal dahlah tapi selama ini sebelum daripada pembinaan Lapangan Terbang khususnya landasan yang mengunjur ke laut itu hakisan tidaklah sebegitu teruk tapi keadaan akhir-akhir ini menyebabkan hakisan yang begitu teruk telah dialami di sana. Cuma

persoalan saya adalah, apakah usaha Kerajaan untuk memastikan proses hakisan ini tidak berterusan dan memang sekarang kita nampak usaha-usaha penambakan semula, soalannya siapakah yang menanggung kos pembaikpulihan pantai ini sama ada Kerajaan Negeri, Kerajaan Pusat ataupun termasuk dalam pakej pembinaan Lapangan Terbang?

YANG BERHORMAT YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): Terima kasih Dato' Yang Dipertua dan terima kasihlah kepada Wakil Bukit Tunggal kerana sensitif tentang masalah tu. Walau bagaimanapun, sebagai Kerajaan yang prihatin tentang masalah yang berlaku baru-baru ini di mana pihak Kerajaan telah mengambil beberapa usaha untuk mengatasi masalah yang pertama ialah dengan menambak balik pasir yang telah dan sedang dibuat di Pantai Tok Jembal, sementara itu kos yang terlibat ialah merupakan pakej daripada pemborong yang sedia ada yang menjalankan kerja-kerja sekarang. Untuk makluman Wakil Bukit Tunggal untuk jangka panjang pihak Kerajaan sedang merangka untuk membina dalam erti kata lain dengan izin Dato' Yang Dipertua, dia panggil *Offshore Breakwater* dengan jarak 3 kilometer ke utara dan 3 kilometer ke selatan yang kita jangkakan melibatkan kos yang agak tinggi iaitu hampir RM50 juta, ini dalam perancangan, insya Allah. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan. Saya nak ambil satu soalan tambahan daripada Bukit Tunggal.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Jawapan yang diberi, Kerajaan sedar, khabor sedar sokmo tapi sedar ke tidak ada satu kes buat jeti di Merang yang betul-betul dibuat tanpa, takdok kajian langsung, dibuat jeti tapi akhirnya jeti tersebut duduk atas darat, ini berlaku di Merang. Inipun begitu, saya tahu tempat ini sebab sayapun mengaji jugak bab marin sains ni dulu masa belajar dulu-dululah. Saya nak tanya kajian dibuat ke tidak sehinggakan terpaksa pulak nak fikir berbelanja lain, nak buat *Breakwaterlah,* itulah, inilah tentang kajian berhubung dengan nak buat landasan nak tambak laut tu, sejauh mana kajian, *feasibility study* dibuat dengan izin Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua sebelum projek ini sampai ke peringkat buat keputusan untuk nak buat landasan dalam laut?

YANG BERHORMAT YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): Itu bukan zaman deme memerintah dululah bukan?

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Allah .....

YANG BERHORMAT YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): Nak tanya aje, tanya aje serupa dengan deme tanyalah .....

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Tanyapun Yang Dipertua biar gok cerdik sikit.

YANG BERHORMAT YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): Orang nak tanya aje, bukan masa tu ada dah ke?

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Tak jawab soalan tu, saya tanya sejauh manakah ....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Kerajaan bertanya Yang Berhormat dan saya benar Yang Berhormat untuk menjawab, ya ke tidak, jadi tak usah panjanglah.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Jadi soalan dia tanya, mana pulak .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Okeylah, duduk.

YANG BERHORMAT YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): Saya jawab ke Dato' Yang Dipertua soalan ini tapi saya rasa tak perlu jawab tapi untuk makluman ini kawasan UMT (Universiti Darul Iman) dan pakej termasuk di situ dah, inisiatif di situ dah, jadi tak timbullah persoalan lagi hak zaman-zaman tu, lagipun soalan ini tidak lari sikit daripada kawasan tu. Terima kasih, saya tak perlu jawab, kalau nak *detail* bagi notis ke kita.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Soalannya mudah, saya tanya bila, masa peringkat awal pembinaan airport ini dia ada berapa pakej? Satu bangunan terminal .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat, Yang Berhormat telah dijawab.

YANG BERHORMAT YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): Kita telah jawab dah dulu, masa soalan pembinaan landasan, airport dulu masa mesyuarat dulu Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Tak, tak soalannya, kajian dah dibuat ke tak, kajiannya berhubung dengan .....

YANG BERHORMAT YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): Kita dah jawab dulukan, kita dah berbincang dulu pasal landasan, airport dan sebagainya, panjang dah.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat maksudnya kajian oleh UMT.

YANG BERHORMAT YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): Memanglah.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Okey, sila duduk Yang Berhormat. Bukit Tunggal ada soalan tambahan lagi.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Ada satu lagi, soalan saya ringkas saja. Tadi pihak Kerajaan ada menjawab bahawa Kerajaan untuk mengelakkan hakisan yang besar ini terpaksa membina satu *Breakwater* baru yang nilainya ribuan juta, cuma saya nak tahunya peruntukan RM50 juta ini daripada mana, Kerajaan Negeri atau Kerajaan Pusat sebab ini melibatkan duit rakyat, duit minyak kita jugak dan akan merugikan rakyat kita.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Bukit Tunggal saya rasa Kerajaan faham. Dua aje, Negeri ke Pusat.

YANG BERHORMAT YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): Ya, terima kasih Dato' Yang Dipertua. Dia nak tahu pitih aje, pitih mana? Sebenarnya masalah pitih ni sayapun dah tahu gok lagi ni, kita kena tunggu dulu belaka, baru nak rancang deme tanya pitih dah, kita baru menganggar deme nak selalu dah, jadi hak tu dok bolehlah. Jadi, Yang Amat Berhormat Menteri Besarpun dah sebut tadi dah pasal duit royalti nak mari dan insya Allah kalau sekiranya dah ditakdirkan oleh Allah S.W.T. Kerajaan Negeri Terengganu berjaya dengan duit-duit yang kita rangka tadi insya Allah kita akan guna pakailah untuk melaksanakan apa yang saya sebutkan tadi. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, macam mana jawab macam ni, airport tu bukan tugas kita bina, bukan tanggungjawab Kerajaan Negeri.

YANG BERHORMAT YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): Macam mana pulak Wakaf Mempelam ni, sibuk sungguh.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Laa-ilaha-ilallah Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, biarlah kita jawab secara .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat, saya huraikan Yang Berhormat, duduk dulu. Yang Berhormat Kerajaan tadi menjawab dalam erti yang semua kita faham, peruntukan itu belum ditentukan daripada pihak mana, walau bagaimanapun dua-dua Kerajaan Negeri dan Kerajaan Pusat adalah Kerajaan Barisan Nasional Yang Berhormat ya, maknanya perhatian Kerajaan Barisan Nasional kepada rakyat. Jadi airportpun kita nak, pantai molekpun kita nak, jadi kesemuanya kita pastikan kesejahteraan kepada rakyat. Saya jemput Bukit Payong.

YANG BERHORMAT MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan saya yang pertama -

> *Apakah usaha yang telah dan akan dilakukan oleh pihak Kerajaan bagi mengatasi kesesakan jalan daripada Pekan Bukit Payong ke Simpang Empat Chendering pada tahun 2009?*

YANG BERHORMAT YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih Dato' Yang Dipertua, bagi menjawab soalan daripada Wakil Bukit Payong, di antara usaha-usaha yang telah dilaksanakan oleh pihak Kerajaan bagi mengatasi masalah yang berlaku, kesesakan jalan di antara Bukit Payong dan Simpang Empat Chendering pada tahun 2009 di mana pada bulan Mac dahulu iaitu sebanyak RM1.053 juta telah dibelanjakan untuk mengatasi dari segi aspek lapisan semula permukaan jalan yang rosak dan beberapa perkara yang berkaitan dengannya telahpun diselesaikan pada bulan Mac yang lalu. Dan insya Allah, untuk jangka masa yang akan datang kalau diizinkan oleh Allah S.W.T. kita ada perancangan-perancangan tertentu untuk mengatasi masalah ini iaitu pertama, kita akan melebarkan jalan daripada Simpang Kampung Bukit ke Kedai Buluh, Kuala Terengganu. Yang keduanya, insya Allah kita akan mengadakan lampu isyarat di Persimpangan Atas Tol Kedai Buluh dan yang ketiganya, kita akan menaikkan taraf jalan daripada Kedai Buluh ke Titian Baru, Kuala Terengganu. Dan jangka panjangnya dalam Rancangan Malaysia Ke-10, kita akan menaikkan taraf kepada empat lorong Jalan Bukit Payong ke Chendering. Insya Allah. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tambahan Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Terima kasih Yang Berhormat. Di antara persoalan besar mengenai kesesakan jalan dan memang disebut bahawa perancangan Kerajaan untuk buat lampu isyarat ataupun *traffic light* tapi pada hari Sabtu yang lepas dan memang ini diperakui oleh rakyat dan diperakui oleh Jawatankuasa Kerja Kampung dan disebut dalam media bahawa perlu disegerakan tentang lampu isyarat di dua simpang, khususnya Simpang ke Undang dan Simpang ke Atas Tol. Hari Sabtu lepas berlakunya tiga kemalangan dalam satu hari. Saya mintak Kerajaan bersedia untuk menyegerakan projek lampu isyarat bagi mengelakkan kesesakan jalan di jalan yang kita bincangkan ini.

YANG BERHORMAT YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): Terima kasih Yang Dipertua, insya Allah kita akan segerakan. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ada lagi tambahan Yang Berhormat?

YANG BERHORMAT MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Ada tambahan. Antara punca kesesakan jalan itu ialah kerana pasar lama yang ada di Kedai Buluh tu, apakah rancangan Kerajaan untuk mengelakkan berlakunya kesesakan yang akan datang berkait kedudukan tapak pasar lama itu, apakah Kerajaan akan mengekalkan ia sebagai pasar ataupun projek-projek tertentu ataupun usaha-usaha tertentu yang akan dilakukan.

YANG BERHORMAT YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): Terima kasih Yang Dipertua, kita tunggu dulu pasar baru siap hak kita tengah duk bina lening, memang kita sedia maklum Pasar Kedai Buluh tu memang daripada dulu dah, kalau hari dok hujanpun sesak jugak apatah lagi pada hari hujan, maknanya keadaan dia sesak sokmo dah daripada dulu lagi Kedai Buluh tu. Jadi, kita tunggu dulu setelah siap pasar baru dan setelah perpindahan dibuat peniaga-peniaga daripada pasar lama ke pasar baru selepas itu kita akan bersihkan kawasan pasar lama, lepas itu kita akan merangka dan merancang untuk membuat sesuatu pembangunan jika perlu dan kalau sekiranya tak perlu takut berlakunya kesesakan dan sebagainya kita letakkan dia di bawah Seksyen 62, kawasan lapang untuk kegunaan lain-lain daripada jabatan Kerajaan. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ya, cukup ya. Kita masih ada masa lagi Yang Berhormat, kita jemput Manir.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan nombor dua -

> *Bandaraya Kuala Terengganu membangun dengan pesatnya. Nyatakan jumlah perbelanjaan yang telah dibelanjakan untuk itu antara awal Disember 2008 sehingga akhir Januari 2009?*

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat Kerajaan, soalan nombor dua daripada ADUN Manir.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, jumlah perbelanjaan yang telah dibelanjakan untuk Kuala Terengganu bermula daripada awal Disember 2008 sehingga akhir Januari 2009 berjumlah RM6,248,226.00. Terima kasih, Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan. Apakah perbelanjaan yang RM6 juta itu mencapai sasaran dan matlamat yang dibelanjakan kepada waktu yang singkat dan sempit?

YANG AMAT BERHORMAT DATO' MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, perbelanjaan digunakan untuk kemudahan rakyat termasuk infrastruktur dan sebagainya, kalau itulah yang menjadi matlamat atau niat Wakil Manir dia mencapai sasaran tapi kalau niat nak menang, itu tidak mencapai sasaran. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, kerana perbelanjaan dibuat dalam masa yang singkat dan duitpun banyak pada masa itu dapat RM400 juta.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya benarkan Yang Berhormat soalan tambahan yang kedua.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Nak soallah ni, ada mukadimah sikit.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Jangan panjang sangat, masa kita pendek, saya nak bagi peluang ke kawan-kawan lain.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Kalau takdok masa, saya berhenti selalu.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila berhentilah. Saya jemput Batu Burok.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Macam mana Yang Dipertua, maksud saya ada se tapi beri ke orang lain.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat Batu Burok. Yang Berhormat kata tadi dia nak berhenti, jadi saya suruh berhenti terus. Sila Batu Burok.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan nombor tiga -

> *Nyatakan prestasi pelajar sekolah-sekolah di bawah Kerajaan Negeri Terengganu di dalam mata pelajaran matematik dan sains yang kini diajar dalam Bahasa Inggeris dan apakah langkah yang telah diambil bagi meningkatkan lagi penggunaan Bahasa Inggeris di kalangan pelajar?*

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila jawab Kerajaan, soalan yang ketiga daripada Batu Burok.

YANG BERHORMAT AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Yang Berhormat Muli Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat, Dato' Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan, tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian. Berkaitan dengan soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Batu Burok tentang prestasi pelajar sekolah-sekolah di bawah Kerajaan Negeri Terengganu di dalam mata pelajaran matematik dan sains yang kini diajar dalam Bahasa Inggeris dan apakah langkah yang telah diambil bagi meningkatkan lagi penggunaan Bahasa Inggeris di kalangan pelajar.

Prestasi pelajar sekolah-sekolah di bawah Kerajaan Negeri Terengganu dalam mata pelajaran matematik dan sains yang kini diajar dalam Bahasa Inggeris amat memuaskan berasaskan keputusan yang kita perolehi. Dan langkah-langkah yang telah diambil bagi meningkatkan penggunaan Bahasa Inggeris di kalangan pelajar ialah kita mengadakan Kem Kecemerlangan mengikut potensi di peringkat sekolah, daerah dan negeri. Program Pembangunan Terengganu Terbilang masih diteruskan. Program ETA dengan izin, English Teaching Assistant masih lagi kita laksanakan. Tahun ini 24 orang guru daripada luar negara telah kita tempatkan di sekolah-sekolah di Terengganu dan bahan bekalan rujukan dan latih tubi seperti PRiSM-T dan modul

pembelajaran tiga tahap kita telah laksanakan. Dan selain daripada itu, Program Konfra-Tune iaitu kita menghantar guru-guru kita mengikuti kursus ke luar negeri masih diteruskan. Sekian, terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Satu soalan sahaja Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Ya, terima kasih Dato' Yang Dipertua. Persoalan matematik dan sains pengajaran dalam Bahasa Inggeris ini memang menjadi suatu perbincangan di kalangan golongan akademia dan jugak intelektual Melayu yang melihat bahawa ianya merugikan anak bangsa Melayu kita. Saya nak secara spesifik dalam hal ini kerana dari segi masa depan anak-anak bangsa Melayu kita memang merugikan. Kita tengok apa juga kajian yang dibuat, pembelajaran dalam matematik dan sains dalam Bahasa Inggeris, kajian-kajian yang dibuat, berpuluh-puluh kajian yang dibuat adalah amat merugikan anak bangsa, orang-orang Melayu. Dalam pengajaran matematik dan sains ini saya nak memaklumkan jugak perbandingan di antara sekolah-sekolah jenis kebangsaan dan sekolah .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat, soalannya sahaja, soalan tambahan.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Sebab dia berkaitan.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Jangan panjang sangat, meleret sangat.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): SJC, Sekolah Kebangsaan Cina, pembelajaran matematik dan sains ini dia diajar dalam dwi bahasa, ada waktu dalam Bahasa Inggeris dan ada waktu dia mempertahankan bahasa ibunda dia dalam waktu yang berbeza. Kerugian kepada kita adalah bila anak-anak bangsa kita diajar dalam Bahasa Inggeris dan saya yakin ianya tidak memberi apa-apa manfaat kepada pelajar-pelajar kita. Jadi, di dalam hal ini sebagaimana yang disebut prestasi, kelulusan yang tinggi dan sebagainya tidak dapat menyelesaikan ataupun memberikan kebaikan .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat ada masa untuk berucap, masa ucapan nanti .....

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Saya dah nak pergi kepada soalan dah ni.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ya, jangan panjang sangat.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Ya, ya. Soalannya, apakah sikap Kerajaan Negeri sendiri dari segi pembelajaran matematik dan sains kepada anak bangsa kita dalam Bahasa Inggeris, apakah ia menguntungkan ataupun merugikan?

YANG BERHORMAT AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Jadi, nampaknya Yang Berhormat Batu Burok perbandingannya tak berapa tepat sebab saya rasa soalan yang ditanya ialah sekolah di bawah Kerajaan Negeri kalau dibandingkan sekolah kebangsaan ke, SMK Kebangsaan dan sebagainya itu tak tepatlah sebab kita hanya berlegar di bawah Kerajaan Negeri, Sekolah Agama Negeri di bawah kelolaan Pejabat Agama Negeri. Jadi, perbandingan yang kita boleh nampak ialah contohnya untuk pelajar tahun 2007, jumlah pelajar kita adalah 791 orang untuk SPM dan dari segi peratus kelulusannya ialah 99.37%. Tahun 2008 keputusan SPM kita, pelajar kita 779, kita memperolehi peratus kelulusannya 100%, hebatnya lening budak Terengganu kita. Kedua, mata pelajaran fizik, tahun 2007, 202 pelajar kita dapat 100% dan tahun 2008, 487 pelajar, kita dapat 99.79%. Begitu juga subjek sains yang lain kalau saya nak sebut satu persatu memang hebat ni kita dapat purata kelulusan kita ialah di antara 90 - 100%. Jadi, saya tak nampak bahawa dengan peningkatan peratusan yang telah diperolehi ini menampakkan bahawa penggunaan Bahasa Inggeris ini menjadi satu halangan kepada pelajar-pelajar di Terengganu yang saya nampak hari ini sudah ada peluang dan sudah tidak ada halangan. Dan saya percaya dan yakin hari ini bahawa anak Terengganu hari ini akan jadi hebat dan berjaya tak kira apa sahaja pembelajaran dan pengajaran akan dilaksanakan. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Yang Berhormat Seberang Takir. Kita ucap tahniah kepada Kerajaan atas jawapan dan pengukuhan yang diberikan tadi. Jadi, saya nasihat Yang Berhormat kenyataan supaya kita tidak memperjudikan masa depan anak-anak bangsa dan saya ucap tahniah kepada Yang Berhormat yang prihatin untuk kita gunakan Dewan ini bagi semangat dan juga pastikan kejayaan negara dan bangsa pada masa akan datang. Jadi, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, kita berhenti dahulu, dah sejam kita bersoalan lisan dan saya tangguhkan sementara mesyuarat pada pagi ini dan kita masuk semula pada pukul 11.15 pagi.

DEWAN DITANGGUHKAN PADA PUKUL 10.50 PAGI.

PUKUL 11.15 PAGI.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, mesyuarat kita disambung semula.

USUL-USUL YANG TELAH DIBERI NOTIS

USUL UCAPAN PENGHARGAAN DAN TERIMA KASIH

YANG BERHORMAT AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh dan salam sejahtera. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan, wakil-wakil jabatan, para Pemerhati, tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan:

> ***"Bahawa Dewan Undangan Negeri yang bersidang pada hari ini membuat KETETAPAN bersetuju merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada Yang Teramat Mulia Yang Dipertua Majlis Penasihat Pemangku Raja kerana menyampaikan ucapan bersempena dengan pembukaan Penggal Persidangan Yang Kedua Bagi Dewan Undangan Negeri Kedua Belas".***

Sekian, terima kasih.

YANG BERHORMAT IR. ROSLI BIN OTHMAN (Wakil Kemasik): Bismillahirrahmanirrahim. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon menyokong Usul itu.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Kemasik. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Usul ini telah mendapat sokongan dan sekarang saya buka untuk perbahasan, maka saya beri penghormatan kepada Yang Berhormat yang menyokong daripada Kemasik untuk ruang sekitar 20 hingga 25 minit kemudian selepas itu Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian bolehlah berucap sekitar 15 - 20 minit. Sila Kemasik.

YANG BERHORMAT IR. ROSLI BIN OTHMAN (Wakil Kemasik): Terima kasih Dato' Yang Dipertua. Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua,

Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, Pegawai-pegawai Kanan Kerajaan, rakan-rakan media dan para Pemerhati sekalian.

Pertamanya, saya merakamkan ucapan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua yang telah memberikan laluan kepada saya untuk turut serta membahaskan Usul Terima Kasih Ke Atas Pembukaan Sidang Dewan Undangan Negeri oleh Yang Teramat Mulia Tengku Sri Panglima Raja semalam. Sesungguhnya banyak perkara telah diperincikan bagi renungan kita semua. Bukan sahaja kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dan Kerajaan tapi juga peranan seluruh rakyat jelata. Dengan memberikan fokus utama terhadap isu-isu yang berkaitan dengan kepentingan ekonomi, ucapan Yang Teramat Mulia Tengku Sri Panglima Raja semalam jelas mengajak kita semua agar sepakat dan merancang dengan sebaik mungkin bagi memastikan kestabilan ekonomi negeri terus stabil.

Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, cabaran Kerajaan hari ini ialah untuk berhadapan dengan pemikiran rakyat yang kadangkala dilihat telah terkeluar daripada lingkaran hakikat. Meskipun tidak semua rakyat begitu namun ramai yang begitu. Apa yang saya maksudkan ialah cara mereka berfikir, bertindak dan merumuskan setiap peristiwa yang berlaku. Adakalanya mereka telah dilihat sebagai berfikir secara terbalik yang berbuat baik dianggap jahat, yang berbuat betul dianggap salah, yang buat jenayah dianggap hero. Persepsi ini kian menebal dan menjadi sikap yang tertanam dengan kuatnya disanubari sebilangan rakyat kita termasuk di Terengganu ini. Keadaan bertambah kalut dengan sikap pemimpin Pembangkang yang sentiasa menangguk di air yang keruh apabila berlakunya sesuatu peristiwa. Merekalah sebenarnya menjadi pengacau kepada usaha-usaha Kerajaan dan menjadi dalang utama di sebalik pembentukan pemikiran secara salah di kalangan rakyat. Apa yang jelas itu semua adalah cara kita berpolitik sama ada mereka terpedaya, terpengaruh atau sengaja menjeratkan diri. Perkara sedemikian tidak boleh dibiarkan berterusan malah sudah tiba masanya Kerajaan mengambil tindakan drastik dalam memastikan pemikiran rakyat tidak mudah terpesong atau dipesongkan oleh puak Pembangkang. Bukankah kita mempunyai agensi-agensi yang berkaitan yang boleh memainkan peranan mereka bagi memastikan apa yang sedang berlaku tidak lagi berlaku. Institut Pembangunan Terengganu, Yayasan Pembangunan Keluarga dan agensi-agensi berkaitan mestilah memainkan peranan seberkesannya bagi menangani masalah yang dimaksudkan itu. Ingatlah bahawa jika pemikiran kita sudah salah atau cara berfikir sudah terkeluar daripada lingkaran hakikat apa sahaja yang dilakukan akan dianggap dan dilihat salah. Maka apa yang berlaku di setiap persekitaran kita sudah tidak mempunyai nilai lagi. Inilah harapan saya dan harapan seluruh rakyat Negeri Terengganu. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, segala isu yang dibangkitkan

dalam ucapan Yang Teramat Mulia Tengku Sri Panglima Raja tidak akan dicapai dan direalisasikan jika cara berfikir kita tidak berubah. Sama ada kita suka atau tidak, rakyat mestilah berubah dari segi cara berfikir dan menentukan setiap tindakan mereka.

Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, izinkan saya menarik perhatian Dewan untuk memperkatakan mengenai beberapa perkara yang berkaitan dengan kawasan saya. Sebagaimana diketahui umum, Kemasik adalah terletak di dalam kawasan perindustrian petroleum dan gas yang menjadi antara nadi penting kepada gerbang ekonomi negeri dan negara. Hari ini Kemasik, khususnya di kawasan Kertih pesat membangun dan menjadi tumpuan umum. Saya bergembira dan berterima kasih apabila Syarikat Penerbangan Firefly telah memulakan operasi di Lapangan Terbang Kertih, di kawasan saya. Perkara itu ternyata memberikan impak positif terhadap kepentingan penduduk di kawasan Perindustrian Kertih. Malah, berdasarkan keupayaan dan penggunaan kemudahan pengangkutan udara melalui Syarikat Pelangi Air suatu masa dulu, Lapangan Terbang Kertih ternyata mempunyai impak besar terhadapan pertumbuhan ekonomi masyarakat setempat. Oleh itu, usaha hendaklah dibuat bagi meningkatkan lagi taraf lapangan terbang tersebut termasuk memungkinkan pesawat komersil lebih besar beroperasi di situ. Saya juga turut mencadangkan ditubuhkan Pusat Latihan Penerbangan di kawasan sekitar lapangan terbang tersebut bagi mengambil peluang terhadap prasarana yang ada. Bagi saya ianya perlu dan sudah sampai masanya ia begitu, apatah lagi dengan pertambahan jumlah penduduk di kawasan industri ini yang semakin meningkat setiap masa akan menjadikan penerbangan adalah sesuatu keperluan yang tidak boleh ditolak lagi.

Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, Kertih juga merupakan nadi utama kepada pembangunan negeri dan daerah Kemaman. Ia juga merupakan pusat pengaliran nilai kewangan yang tinggi dan mampu menyumbang kepada rangsangan ekonomi yang pesat jika dapat dimanfaatkan dengan baik. Apa yang saya difahamkan ialah sebanyak RM1 juta sehari atau RM30 juta sebulan telah dikeluarkan secara tunai di keempat-empat buah bank di Kertih sejak tahun 2000 lagi. Bagaimanapun, jumlah tersebut telah mencatatkan pengurangan sehingga RM18 juta sebulan sejak beberapa tahun akhir-akhir ini. Apa yang hendak saya kemukakan di sini ialah cuba kita bayangkan pengaliran wang tunai yang sepatutnya dibelanjakan atau berlegar di Kemasik atau Kertih sebahagian besarnya telah mengalir ke Kuantan atau Kuala Lumpur. Keadaan ini sudah tentu merugikan jika ia dibiarkan berterusan. Maka saya berterima kasih kepada Petronas yang telah membina Pusat Membeli Belah Mesra Mall di sempadan Kemasik yang bagi saya telah berjaya menyekat pengaliran tunai ke luar kawasan itu. Pun begitu, pembinaan Mesra Mall sahaja tidak memadai, perlu ada strategi atau usaha untuk melengkapkan lagi apa yang telah ada.

Ia termasuklah mewujudkan lebih banyak kawasan pembangunan secara tersusun sama ada untuk golongan berpendapatan rendah atau sederhana. Pembinaan kemudahan infrastruktur lain perlu juga diberikan perhatian bagi memastikan Kertih dan Kemasik suatu bandar industri yang hebat, insya Allah.

Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, begitu juga dengan satu kawasan perumahan yang dimiliki Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu (SEDC) yang terletak di hadapan Balai Polis Kertih yang kini keadaannya sangat menyakitkan mata. Kawasan Perumahan ini sebelum itu telah disewakan oleh Petronas dan selepas itu ianya diambil alih semula oleh SEDC dan telah terbiar begitu sahaja. Kawasan itu amat strategik kerana terletak di tepi jalan utama tetapi sayangnya ia dibiarkan begitu sahaja sehingga kini. Ia dibiarkan begitu sahaja sehingga mencacatkan Bandar Perindustrian Kertih. Bagi saya berasaskan perkara begitu, Kerajaan tidaklah boleh menunggu lebih lama lagi untuk membiarkan apa yang sedang berlaku. Mungkin jika saya boleh mencadangkan kawasan tersebut elok dibangunkan sebagai Pusat Latihan Khidmat PLKN yang moden. Kedudukan strategik Bandar Kertih selain susunatur bangunan yang sama seperti kem atau asrama, pembangunan Kem PLKN Pertama di kawasan sebuah bandar sudah pasti akan menarik perhatian dan meningkatkan keyakinan ibu bapa dan mungkin juga ia boleh dimajukan sebagai kawasan perumahan secara tersusun ataupun apa jua projek yang dianggap sesuai. Apa yang penting ia tidak boleh terbiar dan dibiarkan begitu sahaja untuk tempoh yang lama.

Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, sebagaimana yang disebutkan dalam ucapan Yang Amat Mulia Tengku Sri Panglima Raja, Kerajaan telah mengenalpasti 13 tapak perumahan bagi tujuan pembinaan sebanyak 4,500 unit rumah kos rendah pada tahun ini. Malah, Kerajaan Negeri bercadang untuk membina sekurang-kurangnya 5,500 unit rumah kos rendah sehingga tahun 2013 nanti, insya Allah. Apa yang dirancang memanglah berniat baik namun perancangan yang baik jika tidak direalisasikan akan mendatang pandangan sinis berbagai pihak. Oleh itu, saya menaruh harapan apa yang dirancang akan menjadi kenyataan. Hakikatnya keperluan perumahan di negeri ini boleh dianggap amat kritikal, ini dapat dilihat melalui jumlah permohonan daripada masyarakat. Sebenarnya jika hendak dibandingkan dengan apa yang ada di negeri lain, projek perumahan di negeri kita masih lagi ketinggalan. Apatah lagi bagi membina bandar-bandar baru yang lengkap ia amat berkurangan, sebenarnya pembangunan kawasan bandar baru bukan sahaja dapat menyediakan kemudahan kepada rakyat malah ia mampu menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi mereka. Jadi, usaha ke arah itu mestilah dilaksanakan dengan secepat mungkin bukan sahaja melibatkan Kerajaan tapi juga pihak swasta. Sekali lagi Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, kita tidak boleh menunggu terlalu lama bagi merealisasikan impian kita, kita mesti cepat bertindak terhadap isu-isu yang berkaitan

dengan kepentingan rakyat, jangan nanti apabila rakyat sudah merasa bosan terhadap kita barulah kita mahu bertindak maka masa itu sudah tidak berguna lagi.

Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, saya juga ingin mengambil kesempatan untuk merakamkan ucapan tahniah kepada Presiden Umno yang baru, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Najib Tun Abdul Razak yang dilantik sebagai Perdana Menteri Malaysia Yang Keenam, juga kepada Yang Amat Berhormat Tan Sri Muhyiddin Mohd Yassin yang dilantik sebagai Timbalan Perdana Menteri. Ini sudah tentu menandakan suatu lakaran sejarah yang penting kepada negara kita dalam mendepani berbagai isu-isu semasa yang semakin meruncing. Saya amat tertarik dengan slogan 'Satu Malaysia', rakyat didahulukan dan pencapaian diutamakan yang dicetuskan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita. Hakikatnya slogan itu bukan sahaja dicipta untuk beliau malah kepada kita semua sebagai Wakil Rakyat yang dipilih melalui proses Pilihan Raya Umum. Yang Amat Berhormat telah sanggup turun padang menemui rakyat. Sebenarnya apa yang Yang Amat Berhormat mahu menyampaikan mesej bahawa kita juga kena begitu bagi merealisasikan apa yang kita rancang untuk rakyat dan slogan tersebut mestilah menjadi pegangan kita semua. Maka sukacita saya ingin mengingatkan diri saya dan rakan-rakan sekalian agar marilah kita bersama-sama menterjemahkan apa yang dicetuskan pemimpin tertinggi negara kita.

Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, bercakap mengenai politik hari ini keadaan menjadi semakin keliru. Rakyat telah dikelirukan maka rakyat telah didedahkan dengan cara berpolitik yang tunggang terbalik tanpa memikirkan mengenai kemampuan Wakil Rakyat yang hendak dipilih. Maka tidak hairanlah jika rakyat memilih Wakil Rakyat Pembangkang, keadaan itu menjelaskan kepada kita betapa cara berpolitik segelintir rakyat yang hanya mementingkan pemimpin tanpa memikirkan kepentingan dirinya sendiri. Keadaan ini amat menyedihkan sebenarnya, sepatutnya rakyat memilih yang benar-benar mampu bekerja untuk mereka, menjaga kepentingan mereka dan berkeupayaan membangun serta memajukan negeri dan negara. Perkara ini saya sebutkan kerana apabila terdapat sesuatu perubahan .....

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, boleh mintak laluan, saya nak mintak penjelasan sikit.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat beri laluan?

YANG BERHORMAT IR. ROSLI BIN OTHMAN (Wakil Kemasik): Tak, saya nak habiskan sikit lagi.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Dia tak beri Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Tak beri.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat ada peluang nanti.

YANG BERHORMAT IR. ROSLI BIN OTHMAN (Wakil Kemasik): Terdapat satu kelemahan di kawasan yang dikuasai oleh Pembangkang maka pemimpin Barisan Nasional pula yang hendak disalahkan, mana boleh begitu. Jika mereka telah memilih Pembangkang sebagai pemimpin mereka maka pergilah kepada pemimpin itu untuk menyelesaikan masalah mereka. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, kemiskinan ada suatu penyakit di dalam masyarakat yang wajib kita tangani.

Saya gembira dengan usaha Kerajaan yang ingin membasmikan kemiskinan ini melalui berbagai program pembangunan dan pendekatan dan saya berpendapat isu ini sudah lama berlegar di kalangan kita, sampai masa kita menyebut dan memperkatakannya namun kemiskinan tetap berlaku. Penurunan peratusan kemiskinan dari 15.4% pada tahun 2004 kepada 6.5% pada tahun lalu membukti bahawa usaha yang dilaksanakan Kerajaan telah membuahkan hasil. Manakala kemiskinan tegar juga telah menurun daripada 4.4% pada tahun 2004 kepada 0.8% pada tahun lalu. Kita gembira dengan perkembangan ini namun mengapa isu kemiskinan tidak pernah sunyi. Saya berpendapat Kerajaan telah melakukan apa sahaja dalam usahanya untuk membasmi kemiskinan ini. Jika dicongak secara logik kemiskinan tidak mungkin lagi ada di negara kita. Bagi saya masyarakat kita terlalu dimanjakan malah ada yang merungut dan marahkan Kerajaan ....(saya nak kesat peluh sikit ni) ..... apabila nama mereka dikeluarkan daripada senarai penerima bantuan di bawah Program Pembangunan Rakyat Termiskin walaupun pada hakikatnya mereka telah terkeluar daripada takrif sebagai seorang yang miskin, mereka sudah tidak malu digelar atau disenaraikan sebagai golongan miskin. Itulah sebagai saya nyatakan tadi 'dunia sudah terbalik'.

Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, saya gembira dengan berbagai perkara yang dilontarkan oleh Yang Amat Mulia Tengku Sri Panglima Raja semalam, jika kita teliti dengan apa yang diperkatakan sudah tentu negeri ini dapat sama-sama kita maju dan bangunkan bersama dengan jayanya. Kerajaan telah melakukan yang terbaik untuk rakyat dan rakyat pula mestilah bersama-sama Kerajaan untuk terus mendepani berbagai cabaran yang ada. Cukuplah dengan apa yang berlaku usahlah kita biarkan diri kita menjadi alat kepada golongan yang berkepentingan. Rakyatlah mestilah lebih matang, bijak dan bertanggungjawab dalam menghadapi cabaran mendatang. Ingatlah jika kita fikir setiap tindakan kita hanya sekadar mahu memuaskan hati kita janganlah kita fikir setiap tindakan hanya

untuk memuaskan hati kita, fikirkan anak-anak kita, generasi kita dan negeri serta negara kita, bertindak bijaklah demi kita, berubahlah demi masa depan generasi kita dan bersatulah demi negara tercinta. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, saya mohon menyokong Usul ini. Wassalamualaikum dan terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Kemasik. Kemasik habis dalam tempoh lebih awal daripada peluang yang diberikan. Terima kasih dan tahniah. Saya jemput Wakil Bukit Payong.

YANG BERHORMAT MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, pegawai-pegawai, seluruh hadirin dan hadirat yang saya hormati lagi saya kasihi.

Alhamdulillahilqaa-il wa-izqalarabbukalilmala-iqati-inni jaa-ilun fil-ardikhalifah. Wassalatuwassala mu-alarasulillah wa-ala-alihi wa-ashabihi wattaabi-inalahumbi-ihsani-illayaumiddin. Ammaba'. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Yang Berhormat Ahli-ahli Dewan, kita perlu memahami bahawa pemerintahan ataupun Kerajaan adalah amanah rakyat yang pada asalnya seluruh kekayaan negeri ini berada di bawah kuasa rakyat. Oleh kerana negara kita mengamalkan sistem demokrasi dan memberi hak kepada seluruh rakyat untuk memilih pemimpin dan pemerintah yang akan mengurus, mentadbir segala kekayaan negeri ini, maka mana-mana parti yang dipilih dan pemimpin yang dipilih bertanggungjawab mengurus dan mentadbir negeri ini kerana dia telah menerima amanah daripada rakyat. Oleh kerana kita berada di dalam Dewan yang sangat mulia, kita semua yang mengaku beriman kepada Allah, Rasul-Nya dan Kitab-Nya serta hari Kiamat sudah pastilah panduan kita ialah Al-Quran dan Sunnah Rasulullah S.A.W. Al-Quran dan Sunnah Rasulullah bukan sahaja untuk dibaca di masjid-masjid dan surau-surau tetapi hidup kita tidak boleh dipisahkan daripada Al-Quran dan Sunnah Rasulullah lebih-lebih lagi dalam Dewan yang mulia ini. Dewan yang berkumpulnya pemimpin-pemimpin yang akan menentukan polisi, pengurusan dan pentadbiran Kerajaan. Oleh kerana Quran tidak boleh dipisahkan daripada hidup kita, hadis Nabi S.A.W. tidak boleh dipisahkan daripada kehidupan kita. Maka saya mengingatkan diri saya dan saudara-saudara Yang Berhormat Ahli-ahli Dewan serta mereka yang bertanggungjawab dalam mengurus dan mentadbir Kerajaan ini supaya mengingati apa yang disebut oleh Rasulullah S.A.W. yang diriwayatkan daripada Tamim bin Aus, Rasulullah S.A.W. bersabda (bermaksud) "Kata Nabi S.A.W: Bahawa agama itu adalah nasihah, para sahabat bertanya: Untuk siapa wahai Rasulullah? Nasihat itu mestilah berlandaskan apa yang diajar oleh Allah, apa yang diajar oleh Rasul-Nya, apa yang diajar oleh Kitab-Nya, nasihat itu untuk pemimpin-pemimpin ummah dan seluruh orang-

orang awam dan rakyat." Menunjukkan bahawa nasihat tidak boleh dipisahkan daripada kehidupan kita sama ada mereka yang ada dalam Kerajaan ataupun Pembangkang mesti memberi nasihat, manusia yang paling baik ialah manusia yang bersedia memberi nasihat bukan menjadi pengampu-pengampu kepada pihak yang tertentu. Sebenarnya suatu kenyataan yang disebut oleh Yang Berhormat Kemasik menganggap bahawa pihak Pembangkang adalah pengacau adalah suatu tohmahan dan tuduhan yang sangat jahat. Sebenarnya kami adalah pihak yang memberi nasihat yang baik untuk kepentingan dan kebaikan negeri dan rakyat seluruhnya. Kita boleh lihat hari ini, Yang Berhormat-Yang Berhormat yang dilantik dan dipilih oleh rakyat tidak hadir dalam Dewan. Saya tanya Yang Berhormat Kemasik: Di mana sahabat-sahabat kita? Dia kata tidur, dia jawab tidur. Alangkah sedihnya kalau Yang Berhormat kita masih lagi tidur dan tak bangun sehingga hari ini. Menunjukkan bahawa kita mesti sentiasa jangan berpisah dalam kehidupan kita daripada agama, nasihat ini penting kerana nasihat itu adalah panduan dalam memberikan garis kehidupan kita agar tidak terseleweng dan terpesong daripada agama Allah S.W.T. Kita mesti ingat sama ada Ahli-ahli Dewan, sama ada Exco, Menteri Besar, pegawai-pegawai, seluruh yang memiliki amanah dan tanggungjawab di atas negeri ini menerima amanah daripada rakyat, menerima upah daripada rakyat, menerima gaji daripada rakyat. Kemungkinan istilah yang saya gunakan ini dianggap pelik tapi inilah istilah yang pernah berlaku, yang pernah disebut kepada orang yang lebih mulia daripada kita, Sayyidina Umar Al-Khatab R.A., seorang sahabat Nabi tiba-tiba seorang Badwi bertemu dengan Sayyidina Umar yang menjadi Amirulmukminin Khalifah Tertinggi yang memerintah empayar Islam di masa itu. Seorang Badwi berkata: "Assalamualaika Yaa-ajiralmukminin." Tiba-tiba sahabat yang hadir masa itu menegur si Badwi ini, sebenarnya engkau mesti sebut: "Assalamualaika Yaa-amiralmukminin." (bermaksud) "Selamat sejahtera ke atas engkau wahai pemimpin tertinggi umat Islam." Tiba-tiba Badwi ini terus berkata membuatkan Sayyidina Umar menyatakan: "Biarkan dia berkata. (Wallahi laqadsadakah haazarrajun)." Kata Sayyidina Umar: "Biarkan dia berkata. Sebenarnya si Badwi itu berkata benar kita adalah orang yang makan upah dan gaji daripada rakyat." Inilah ucapan yang pernah disebut oleh seorang Ulama Tabi'in, Abu Muslim Al-Qhaulani kepada seorang Khalifah, sahabat Nabi yang bernama Muawiyyah, apabila Abu Muslim Al-Qhaulani bertemu dengan Muawiyyah, tiba-tiba Abu Muslim berkata: "Yaa-ajiralmukminin (Wahai orang yang makan gaji dengan orang-orang yang beriman)" yang membuatkan pengawal-pengawal Muawiyyah mahu menangkap Abu Muslim ini. Muawiyyah berkata biarkan dia bercakap: "Kenapa dia memanggil dan menggelarku orang yang memakan gaji orang Islam." Tiba-tiba Abu Muslim Al-Qhaulani berkata: "Wahai ajiralmukminin, saya menggelar engkau sebagai orang yang makan upah dan gaji orang Islam kerana yang sebenarnya memiliki negeri ini adalah orang-orang Islam dan rakyat seluruhnya. Rakyat telah memilih engkau wahai Muawiyyah menjadi pemimpin, engkau adalah perbandingan seperti orang yang

mengambil upah menjaga kambing dan kandangnya, engkau hanya menjadi pengurus, pentadbir yang mengurus tentang bulu-bulu kambing, tentang susu kambing, tentang bilangan kambing, tentang kandang kambing. Jika engkau mengurusnya dengan baik, engkau layak menerima upah dan gaji yang baik tapi jika engkau khianat terhadap tanggungjawab yang diberi, engkau telah mengkhianati tuan yang sebenar yang memiliki kandang kambing itu." Itu dia orang yang lebih mulia daripada kita yang bersikap sehingga Muawiyyah berkata: "Wallahi jazaakallahu anniwa-ani ra-iyyah. (Mudah-mudahan Allah Taala mengurniakan pahala kepadamu kerana engkau memberi nasihat kepadaku dan mewakili seluruh rakyat)." Kami parti Pembangkang dalam ruang yang terbatas sudah pastilah kami mengambil kesempatan ini untuk memberi nasihat kepada Kerajaan supaya Kerajaan melaksanakan polisinya yang baik, mesti bersifat demokratik terhadap rakyat walaupun seluruh rakyat itu berbeza-beza latar belakang dia, ada yang menjadi penyokong BN, ada yang menjadi penyokong Pas, ada yang tiada parti tapi semua itu adalah rakyat kita. Saya mengalu-alukan apa yang disebut oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar yang dianggap sangat demokratik walaupun dia menyatakan bahawa dia boleh paksa orang. Kemungkinan sifat inilah yang tidak disenangi oleh ramai orang kemungkinan di kalangan pemimpin-pemimpin yang ada di dalam Dewan ini sendiri, bahawa rakyat kita adalah rakyat kita walaupun dia sama ada penyokong Pas, pengundi Umno ataupun atas pagar, dia adalah rakyat kita bersifat demokratik kerana negara kita beramal dengan sifat demokratik ini. Lebih baik kita beramal dengan sifat yang adil yang diajar oleh agama tetapi roh sifat demokratik yang dialu-alukan, yang disebut oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar ini kemungkinan ramai dan tidak difahami oleh agensi-agensi dan beberapa pihak yang tertentu. Oleh sebab itulah, khususnya JKKK sepatutnya memahami hasrat ini, mereka lebih menggunakan kaedah *engagement* ataupun pendekatan 'mesra rakyat' sudah cukup. Mereka bersikap untuk membalas dendam terhadap rakyat yang ada. Saya lihat di DUN Bukit Payong sebagai contoh, ada seorang orang kurang upaya sudah berumur sembilan tahun, berkali-kali ayahnya yang bernama Ismail bin Endut, berulang-ulang alik ke Pejabat Kebajikan Masyarakat, berulang alik bertemu dengan JKKK hanya untuk memohon kerusi roda untuk anaknya yang berumur 9 tahun yang tidak mampu untuk berjalan tetapi apa jawapan JKKK? JKKK kata: "Saya tidak bertanggungjawab kerana engkau adalah orang yang kuat Pas." Lalu pergi ke Pejabat Kebajikan Masyarakat, Jabatan Kebajikan Masyarakat kata: "Saya tidak bertanggungjawab untuk menyelesaikan masalah ini." Sedangkan orang yang kurang upaya itu bukan pengundi, dia baru berumur 9 tahun tetapi dengan sebab ayahnya penyokong Pas, dia menjadi mangsa hasil daripada sifat demokratik dan balas dendam terhadap rakyat. Inilah yang berlaku, apabila berlaku di Penarik apabila disebut di akhbar Sinar Harian, seorang wartawan mengambil maklumat daripada seorang warga emas yang hampir meninggal dunia yang tangganya runtuh, tiba-tiba Setiausaha JKKK menganggap dia sebagai binatang, ini

adalah sifat yang perlu diperbaiki. Sifat ini mesti dianggap serius kerana permasalahan ini bukan disebut oleh saya sahaja tetapi pernah dipaparkan di dalam akhbar dan pernah dikemukakan sendiri oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar, perlu difahami dan perlu diperingatkan kepada seluruh JKKK khususnya mana-mana agensi Kerajaan supaya bersifat demokratik. Ramai lagi di kalangan Pengerusi dan Jawatankuasa Kerja Kampung yang bersikap balas dendam terhadap rakyat hanya di kalangan sebahagian orang yang mahu tandatangan daripada Pengerusi JKKK, tiba-tiba Pengerusi JKKK berkata: "Saya tidak mahu tandatangan kerana awak orang Pas." Dia lupa bahawa negeri ini adalah negeri seluruh rakyat, dia lupa bahawa hasil daripada elaun serahan kepadanya adalah daripada kekayaan yang sebenarnya milik rakyat. Oleh kerana itu, tidak betul apa yang disebut oleh Yang Berhormat Kemasik menyatakan bahawa di kawasan-kawasan yang dimenangi oleh Pembangkang yang sepatutnya pihak Pembangkanglah yang menguruskan pembangunannya kerana kita ada Kerajaan, Kerajaan yang memiliki kekayaan, Kerajaan yang memiliki segala jentera yang ada, segala jentera Kerajaan itu adalah milik rakyat yang sepatutnya disalurkan dengan sifat demokratik dalam seluruh DUN-DUN sama ada dimenangi oleh Pas ataupun dimenangi oleh mana-mana parti. Itulah sifat yang paling baik dan sifat kalau ada sifat demokratik pada Yang Amat Berhormat Menteri Besar, saya harap sifat itu perlu diperturunkan, perlu difahamkan kepada seluruh jentera Kerajaan dan agensi Kerajaan. Saya mengharapkan jugak dan berkali-kali saya sebut dalam Dewan ini kalau sifat demokratik agar Bilal yang digantung elaun yang tidak ada silapnya, dia bertugas dengan baik, dia bertugas dengan mengikut apa yang dipertanggungjawabkan ke atasnya, dia tidak ada apa-apa kesalahan digantung elaunnya. Bilal Masjid Kedai Buluh Titian Baru tiga orang setakat ini diminta gantung, ditarik balik elaunnya dan mesti diserahkan semula kerja-kerja yang baik untuk mereka semua. Yang seterusnya, mengambil kesempatan daripada suasana yang ada pada hari ini, saya juga meminta dan memohon hasil daripada ucapan yang kita dengar semalam bahawa kawasan pinggir bandar raya bahkan sebahagian daripada DUN Bukit Payong termasuk dalam kawasan bandar raya yang kita harapkan ada dua pekan, Pekan Bukit Payong dan Pekan Kedai Buluh menjadi satu sasaran utama untuk dimajukan dengan sebaik mungkin. Pekan Bukit Payong memiliki suasana yang baik, situasi yang bagus, kedudukan yang baik untuk dimajukan dan dibangunkan hanya mendapat aduan dan rintihan rakyat di situ "pasar cantik kedai bagus tiba-tiba tandas takdok". Penjual, peniaga, pembeli berbunyi bahawa tandas tidak ada sedangkan tandas ini benda penting jugak. Kalau ada rumah kena ada tandas dan saya mintak supaya Kerajaan mengambil berat tentang rintihan kerana ramai di kalangan peniaga membuat laporan menyatakan rintihan, rayuan dan aduan sentiasa dibuat tetapi rayuan dan aduan itu dianggap remeh oleh pihak tertentu. Yang keduanya ialah Pasar Kedai Buluh dalam jawapan yang lepas daripada soalan yang saya tanya, jangkaan siapnya pada bulan November. Sehingga hari ini Pasar Kedai Buluh itu seolah-olah

lambat lagi siap, Kerajaan diharapkan dapat menentukan jawapan yang paling baik kenapa berlakunya kelewatan ini, kemungkinan banjir, kemungkinan hujan *dokdang* nak buat kerja tapi apakah dia tindakan-tindakan yang seharusnya dilakukan oleh pihak Kerajaan supaya pihak kontraktor bertanggungjawab terhadap kelewatan yang dibuat, membuatkan peniaga-peniaga, membuatkan kesesakan jalan, membuatkan banyak kerugian yang kemungkinan ditanggung oleh pihak Kerajaan.

Yang terakhir, dalam suasana yang ada bagi membangunkan rakyat .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat 5 minit lagi ya.

YANG BERHORMAT MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Insya Allah. Yang terakhir, saya mengharapkan pihak Kerajaan menggariskan satu dasar pembangunan belia yang lebih tulus, yang lebih baik, yang lebih tersusun kerana suasana yang ada pada hari ini melihatkan isu Mat Rempit yang sangat membimbangkan. Isu Mat Rempit yang melahirkan seks bebas, yang melahirkan sikap samseng, yang melahirkan gejala-gejala sosial bahkan jenayah yang lebih besar. Isu Mat Rempit ini mesti diselesaikan oleh kita semua tetapi kita mesti menyusun satu dasar yang baik dan kita mengharapkan dasar yang baik ini mestilah ditekankan bagi menyerap masuk, bagi mengisi jiwa anak-anak muda dan belia ini dengan kefahaman agama, dengan iman, dengan keyakinan kepada agama Allah S.W.T. Saya mengharapkan apa yang saya sebut ini diambil perhatian oleh pihak Kerajaan agar kita selamat di dunia dan selamat di akhirat. *Wassalallah Sayyidina Muhammaddin wa-ala-alihi wasahbihi wassalam.*

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Yang Berhormat Bukit Payong. Sebenarnya Yang Berhormat kita ini membahaskan Ucapan Terima Kasih, sokong ataupun tidak sokong kepada Ucapan Perasmian sebab Yang Berhormat tidak sebut sepatahpun sokong ataupun tidak sokong?

YANG BERHORMAT MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Sokong.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sokong, terima kasih. Sila saya buka lagi kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain. Sila Wakaf Mempelam.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan, Pegawai-pegawai Kerajaan, para Pemerhati yang saya hormati dan saya kasihi sekalian. Saya ucap terima kasih kepada Yang Berhormat Mulia kerana memberi peluang untuk saya turut serta untuk membahaskan Ucapan

Yang Teramat Mulia Tengku Sri Panglima Raja Yang Dipertua Penasihat Pemangku Raja Terengganu semalam.

Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, sebelum saya meneruskan ucapan, saya meminta izin menyampaikan satu pantun seloka pembuka bicara.

> Penyusunan kabinet berlaku di Kuala Lumpur
> Umno Terengganu dihina lagi
> Dua jawatan Timbalan Menteri sebelum ini tidak lagi diberi
> Seorang Menteri yang kekalpun turun pangkat kerana kurang prestasi.
>
> Di DUN Dewan Undangan Terengganu pulak
> ada pemimpin Umno sibuk nak guling MB
> Ada ADUN diugut bunuh termasuk ADUN Paka dan
> juga ADUN Permaisuri
> Sidang DUN hari inipun ramai di kalangan mereka tidak mari.
>
> Sedih, royalti petroleum sehingga kini tidak boleh lagi
> Janji nak beri sejak tahun lepas lagi tapi kini masih *qhising* gigi
> Inilah Umno Terengganu tak habis-habis derhaka kepada raja,
> khianat kepada rakyat dan negeri sendiri.

Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, hak dang saya deraf sekejap tadi, sekurang-kurangnya pembuka bicara saya pada pagi ini.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Ya.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Nampak sedap tadi .....

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Boleh saya sebut lagi ke?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Boleh Yang Berhormat serah kepada Bentara serah ke saya.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Boleh baca ke dok tulisan saya tapi boleh takdok masalah cuma kalau boleh fotostat semula saya nak jugak se ..... (Dewan Gelak) .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ya, terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Baru tulis satni, dokdang nak fotostat.

YANG BERHORMAT YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): Yang Dipertua, sayapun nak se, saya nak jawab balik pantun ni.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Boleh beri belaka, boleh beri belaka, tak apa, tak apa. Baru sedap cakap lagu tu kawan saya daripada Pengkalan Berangan, Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Umno Terengganu ni teruk lagi ke berbalah? Sehinggakan saya perhatikan dalam suasana nak mentadbir negeripun dalam keadaan kelam kabut, timbul isu Usul Undi Tidak Percaya, ugutan SMS sampai nak bunuh, ini apa ni? Tak tahulah takut dia ikut ketua dia di Kuala Lumpur nun tak tahulah. Sudah masuk Penggal Persidangan Kedua dah tapi ADUN-ADUN daripada parti Penyokong Kerajaan masih lagi saya perhatikan duk *silent protest.* Ramai di kalangan mereka tidak buat soalan, tak bercakap dan hari ini menghilangkan diri. Serupa jugak macam Ahli-ahli Parlimen Umno di Kuala Lumpur bukan nak bela negeri di Parlimen, soal apa pengkhianatan yang dilakukan kepada negeri ini.

Itu sebabnya Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, saya nak sentuh yang pertamanya soal royalti kerana tadi beberapa jawapan telah diberikan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar, saya ucap terima kasih. Saya nak ingatkan balik Bajet untuk tahun ini 2009 yang dikemukakan Anggaran Hasil daripada royalti petroleum yang sepatutnya kita jangka dapat yang dicatatkan dalam Ucapan Bajet RM1.533 bilion. Terengganu kemukakan Bajet pada tahun ini yang dikemukakan pada Disember tahun lepas antara yang tertinggi berjumlah RM1,799 bilion. Hak paling tinggi sekali Sabah RM2.77 bilion tetapi rakyat seluruh negara tahu, nombor dua paling tinggi Terengganu. Tetapi rakyat Terengganu dan rakyat Sabahlah antara negeri yang bilangan rakyat termiskin paling ramai daripada dulu, kini dan sehingga sekarang. Saya ingat lagi bila kita timbul saja kerana sekarang dah masuk 10 tahun Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, sampai sekarang tak boleh-boleh lagi, janji nak beri bulan September lepas, tak boleh, bulan tiga tak boleh jugak, sepertimana diakui sendiri oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Dulu bila kita sebut soal royalti ramai Penyokong Kerajaan marah, ini kes mahkamah tak boleh sebut. Bawa teks laporan daripada Audit Negarapun tak mahu terima tapi inilah jenis-jenis perompak lagu tu-lah, jenis perompak, pengkhianat, penderhaka kepada negeri. Dan saya ingat lagi pada 14hb Disember lepas sewaktu kita ada Persidangan Bajet

empat bulan yang lalu, sekarang ini 14hb April. Pada 14hb Disember tahun lepas semasa kita bincang soal Bajet, saya kemukakan satu Usul tetapi ditolak dan saya harap supaya Yang Amat Berhormat Menteri Besar dapat mempertimbangkan balik cadangan untuk menubuhkan satu Jawatankuasa Khas bagi menyediakan Kertas Putih Laporan Perbelanjaan dan Kajian Projek-Projek Dana Khas Kerajaan Persekutuan di Negeri Terengganu daripada tahun 2000 hingga 2008. Saya rasakan terlampau banyak penyelewengan, duit kita difaraidkan oleh semua pihak dan sekarang timbul masalah kita nak dapatkan balik walaupun masih jadi kes mahkamah dan urusan kes mahkamah sepertimana disebutkan tadi tak selesai dia kata janji bulan lima ini mungkin selesai kalau tak selesai sampai bila kita nak tunggu? Ini jadi masalah kita sehinggakan menjejaskan pentadbiran negeri belum lagi karenah yang dilakukan penyokong-penyokong Umno Kerajaan, Ahli-ahli ADUN sehinggakan saya merasakan akhirnya rakyat yang terjejas, rakyat yang menderita dalam suasana kemelesetan ekonomi yang cukup ketara khususnya di Negeri Terengganu yang rakyat miskinnya ramai daripada dulu sampai sekarang. Itu sebabnya Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya ingat lagi saya pernah sebut sebelum pada ini anggaran yang sepatutnya kita dapat RM15.8 bilion dan itu diakui oleh Yang Amat Berhormat pada tadi. Tetapi apa yang saya rasakan terkilan Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, daripada jumlah yang begitu besar RM15.8 bilion bila saya tanya di Parlimen tentang jumlah yang dibelanjakan daripada jumlah RM15.8 bilion tadi yang telah dibelanjakan disebut bahawa Terengganu hanya dapat daripada tahun 2000 hingga 2008 RM5.81 bilion lepas tu dekat nak Pilihan Raya Kecil Parlimen Kuala Terengganu, Timbalan Perdana Menteri pada waktu itu sekarang ini jadi Perdana Menteri buat marilah pitih dengan 'Mob Check' yang besar RM408.6 juta kononnya ini tambahan kepada royalti yang janji nak bagi tapi tak bagi-bagi jugak. Tambahan macam mana duit hak royalti dulu dah dia rampas tak bagi-bagi. Lepas itupun, duit hak dia janji nak bayar RM1 bilion setahunpun tak cukup, hanya bayar 78.2 peratus. Dia nak tambah ni benda hak beri dah, ni tak beri lagi tapi nak tambah, tambah apa? Dan tadi disebut baru kelmarin dapat RM650 juta, saya campur-campur sekejap tadi jumlah yang kita dapat baru RM6.868 bilion bermaknanya Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, sehingga sekarang duit kita orang lain belanja, termasuk Kementerian, termasuk agensi-agensi Kerajaan Pusat, termasuk Syarikat Perumahan Negara, termasuk negeri-negeri lain selain daripada Terengganu diagihkan, difaraidkan begitu rupa duit kita sejumlah RM7.95 bilion, inilah pengkhianatan pemimpin-pemimpin Umno Terengganu kepada negeri dia sendiri. Itu sebabnya Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, itu belum kira lagi projek-projek hak bekas Menteri Besar buat lari ke Besut, dahlah dapat sikitnya buat habis lari ke Besut. Saya harap Yang Amat Berhormat Menteri Besar yang ada ni jangan buat lari projek ke Kemaman semata-mata. Semua kawasan kita kena agih kalau dapat duit itu. Saya ada senarai hak kes di Besut, bekas Menteri Besar Wakil Jertih. Untuk Besut saja, Sekolah Imtiaz sebagai contoh RM145 juta macam nak buat kampus

universiti. Jertih Souqe RM75 juta, Taman Ilmu RM410 juta sudah belanja RM260 juta tak cukup lagi RM150 juta, Twin-tech College dia beri 50 ekar, masjid dah ada, library dah ada tapi universiti dan pusat ilmu sampai sekarang takdok. Masjid Hadhari Jertih, saya lalu nampak macam siap dah RM36 juta harga asal hanya RM18.37 juta. V.O *(Variation Order)* dengan izin, Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, V.O. sahaja RM14 juta, hak tu hak buat lari ke Besut belum lagi hak projek-projek bila saya *check* jawapannya rasmi di Parlimen yang digunakan untuk muara sungai, untuk projek lebuh raya, untuk lapangan terbang baru, untuk Pulau Duyung, Pulau Wan Man, TTI dan buat hospital naik lumut di Besut sampai ke lening Dewan Bedah tak boleh guna. Ahli Parlimen beritahu ke saya, kalau tak betul boleh diperbetulkan.

Jadi, ini sebabnya yang saya harap sungguh-sungguh supaya Yang Amat Berhormat Menteri Besar kita untuk nak menuntut balik duit royalti ini kami bersama-sama dengan pihak Kerajaan kerana ini hak kita, hak negeri kita, hak rakyat kita dan jangan ikut *erel-erel* hak ada ni, hak tengah lari basa jenis pengkhianat belaka ni. Saya tunjuk pasal dia takdok.

Jadi, Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya nak sentuh sikit isu pendidikan kerana saya nampak alhamdulillah, Exco yang jaga pendidikan ini saya nampak *juruh* sikitlah berbanding hak lain-lain. Tak apa kita khabor betul, hak *juruh* kita khabor *juruh,* hak tak betul kita *gomol* selalu.

YANG BERHORMAT YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): Pengkalan Berangan *juruh* ke dok?

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Hak ni, hak ni tak berapa betul, duduk dulu, duduk dulu ..... (Dewan Gelak) .....

Saya nak sebut begini Dato' Yang Dipertua, berhubung dengan isu pendidikan. Sekarang ini antara pengkhianatan yang dibuat oleh Kerajaan Negeri kerana menyerahkan Sekolah-sekolah Agama Rakyat Negeri Terengganu kepada Pusat, kepada SAPK, kepada Kementerian di bawah Jabatan Pengajian Islam ke apa, saya lupa dah. Bahagian Pendidikan Islam, maafkan saya, BPI. Yang saya nak sebutnya sekarang ini Pentadbiran Sekolah Agama berkecamuk, berkecamuk. Sekolah Agama ada 14 buah yang baki ini, dia terima arahan daripada tiga pihak. Yang pertama Kementerian Pelajaran Bahagian Pendidikan Islam ataupun di bawah Sekolah Agama Bantuan Kerajaan Kementerian Pelajaran. Yang kedua, dia menerima arahan daripada Pejabat Pelajaran Negeri ataupun Pejabat Pelajaran Daerah. Dan, yang ketiganya ialah Pejabat Agama. Dia serah dah tapi duk kacau lagi, yang saya sedihnya kakitangan Pejabat Sekolah-Sekolah Agama ni dah tiga bulan tak terima gaji, entah apa benda silapnya saya tak tahu apabila

diserapkan ke Kementerian, tiga bulan tak boleh gaji, cuba bayang. Selama ni Pejabat Agama bayar, bila serah, tiga bulan tak boleh gaji sampai sekarang saya difahamkan tak boleh gaji. Ini dalam proses satu demi satu peningkatan yang dilakukan untuk proses penyerahan. Tapi yang saya nak sebutnya sedih Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, ada Pengetua bila berlaku proses penyerahan yang begini rupa, ada Pengetua Sekolah Agama tukar jadi cikgu biasa, ini tak apa lagi. Tapi Timbalan Ketua Penolong Pesuruhjaya Bahagian Pendidikan tukar jugak jadi cikgu biasa jugak. Sebagai Ketua Jabatan Bahagian Pendidikan Pejabat Agama jadi cikgu biasa. Tapi yang sedihnya pulak ada cikgu biasa yang ada masalah dilantik menjadi Pengetua. Baru-baru ini saya dapat maklumat, ini tak tahulah macam mana Pesuruhjaya boleh melakukan perkara begini. Pengetua sain cek sekolah, bank tarik balik tak diiktiraf sain Pengetua kerana Pengetua sendiri buat pada banyak masalahnya dengan bank barangkali tidak diiktiraf, tarik balik, kena ganti, kena tukar kepada orang lain nak sain cek sekolah Pengetuapun tak boleh, bank tak terima. Tapi hak ni dilantik menjadi Pengetua. Itulah sebabnya kalau boleh biarlah saudara saya Exco Pendidikan tu tolonglah tengok supaya janganlah memalukan dan jangan timbullah perkara-perkara seumpama ini berterusan.

Seterusnya Yang Berhormat Yang Dipertua, saya nak sentuh sikit isu Plaza Paya Bunga. Soalan saya tadi tak sempat untuk dikemukakan. Saya timbul perkara ini kerana ini melibatkan secara langsung kepada para peniaga, usahawan. Dalam suasana ekonomi sekarang yang semakin gawat, gawat tak gawatnya Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, di Kuala Terengganu sekarang ini ada sebuah bank yang telah beroperasi beratus tahun di negara kita iaitu Standard Chartered Bank, saya difahamkan tutup operasinya di negeri ini dan pindah operasi bank tersebut ke cawangannya di Kuantan. Kalau bank boleh tutup cawangan, itu satu tanda awal, gambaran tentang kedudukan kemelesetan ekonomi yang akhirnya rakyat akan terasa dia punya beban. Jadi, saya timbulkan soal isu Plaza Paya Bunga ini kerana yang melibatkan rakyat tempatan, ahli-ahli peniaga kita yang sampai sekarang mereka mengadu, dia kata sampai ke peringkat 4 orang Menteri Besar tak selesai-selesai lagi. Sejak zaman Tan Sri Dato' Wan Mokhtar, ayahanda kepada Yang Berhormat Wakil Air Putih, adinda saya ni. Daripada dulu pembinaan Plaza Paya Bunga yang dibina atas Lot PT 3073K Mukim Bandar. Projek bermula tahun '97 dan dijangka siap tahun 2000, tempoh pembinaan 3 bulan, tuan tanahnya SEDC (Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu) dan pemajunya ABI Construction Sdn. Bhd.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat kena sebut semua keempat-empat Menteri Besar tu, dah sebut seorang.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Ya, ya, tak apa, tak apa. Dia bermula daripada bekas Yang

Amat Berhormat Menteri Besar, Tan Sri Wan Mokhtar, lepas sebelah saya ADUN Rhu Rendang di sebelah saya ni pernah jadi Menteri Besar, pada masa itu benda hak teruk dah .....(Dewan Gelak) ..... Kita cuba selesai pasal dia berkait dengan undang-undang peraturan perjanjian yang memang berat sebelah. Itu soal yang kita tak mampu nak selesai. Tetapi bila bertukar Menteri Besar, ingatkan Wakil Jertih jadi Menteri Besar boleh selesai tapi dok jugak. Jadi kita berharap kepada Menteri Besar yang keempat inilah, nampak duk angguk-angguk tu boleh selesailah tu, insya Allah. Kerana Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, kita kesian kepada pembeli-pembeli ini, main 4 orang Menteri Besar, 10 tahun dah tak selesai, setelah beli sampai sekarang menanggung beban hutang yang tak selesai dengan bank duk bayar tiap-tiap bulan tapi sampai sekarang tak boleh guna. Pada tahun 2005, saya difahamkan pemaju telahpun memperoleh pembiayaan kewangan kerana entah macam mana dia pusing duit tak tahulah, ditambah, *dipump-in* dengan izin, RM18 juta untuk menyelesaikan kerja-kerja tersebut tapi nampak macam selesailah tapi tak boleh guna jugak. Janji demi janji dibuat termasuk rakan saya Yang Berhormat daripada DUN Bandar, pada bulan Julai 2007 keratan satu akhbar ADUN Bandar ni dia sebut di akhbar China Press bertarikh 26hb Julai, dia kata akan siap tak lama lagi, dia berjanji begitulah, tak siap jugak. Lepas itu kenyataan akhbar Disember 2007 oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar pada waktu itu ADUN Jertih bersama dengan ADUN Bandar, begitu jugak tak siap-siap jugak. Jadi, itu sebabnya saya rasakan ianya menjadi tanda tanya pasal apa? Walaupun dalam keadaan tak siap dan tidak diberikan kepada peniaga-peniaga yang membeli ruang untuk berniaga itu telah begitu lama tapi nak kata takdok 'CF' Mc Donald dia jual gok di situ di bahagian bawah tu dan ada satu kedai optical ke apa. Jadi ada boleh, ada tak boleh, jadi saya tak tahu apa isu sebenar yang menyebabkan Plaza Paya Bunga ni sampai sekarang masih tidak boleh dimanfaatkan oleh pembeli yang duk bayar tiap-tiap bulan, ada RM2,000, RM2,000 lebih sebulan, ini satu bebanan kepada para peniaga. Dalam keadaan begitu Plaza Paya Bunga terbengkalai begitu tak siap tak boleh guna sekarang duk lancar satu lagi di sebelah dia Paya Bunga Square. Konsep ini lebih kurang sama tapi saya bimbang akan timbul serik di kalangan mereka yang ingin untuk berniaga nak membeli ataupun ruang-ruang perniagaan tersebut kerana di sebelah tu ada masalah yang tak diselesaikan sampai sekarang.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, seterusnya saya nak sentuh sikit berhubung dengan apa yang disebut dalam Ucapan Yang Teramat Mulia Tengku Sri Panglima Raja, Yang Dipertua Majlis Penasihat Pemangku Raja, di muka surat 26 .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat .....

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Sikit saja lagi, sikit saja.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat boleh habiskan pukul 12.18, ya. Sila, sila 12.18. 20 minit dah saya bagi, elaun 5 minit. Sila.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Sikit aje. Soal cadangan untuk nak tubuhkan Syarikat Perumahan Negeri. Saya nak timbulkan perkara ini Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Syarikat Perumahan Negara Berhad dia dah guna duit Dana Khas kita, duit royalti Terengganu, bila saya *check* sehingga tahun 2005 SPNB guna duit kita sebanyak RM157 juta dan ini disahkan oleh Laporan Audit yang diberikan kepada semua Ahli Parlimen pada tahun 2007. Tetapi sehingga sekarang tahun 2008 jumlah yang digunakan duit kita oleh Syarikat Perumahan Negara Berhad daripada RM157 pada tahun 2005, pada tahun 2008 meningkat kepada RM873.4 juta hampir RM1 bilion duit kita digunakan oleh Syarikat Perumahan Negara untuk membina apa yang dikatakan Rumah Mesra Rakyat. Mungkin soalan saya ada esok, saya nak tahu dah dia ambil duit kita RM873 juta, berapa Rumah Mesra Rakyat yang dimanfaatkan di Negeri Terengganu, di seluruh daerah di Negeri Terengganu berbanding dengan negeri-negeri lain. Jadi kalau boleh saya mintak Kerajaan Negeri supaya diusahakan, cadangan telah dikemukakan dalam ucapan semalam untuk kemungkinan menubuhkan Syarikat Perumahan Negeri khusus untuk mengendalikan pembangunan perumahan di negeri ini. Kalau duit itu boleh dijadikan modal asas awal untuk kita memajukan kerana masalah perumahan rakyat sampai sekarang di Terengganu tak boleh selesai. Kalau sekadar Yang Amat Berhormat beri sekadar atap asbestos dok selesai jugak, mungkinlah tak bocor tapi rumah tu uzur, teruk dan bila kita masuk kampung inilah realiti yang berlaku.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, satu lagi mungkin ini yang akhirlah. Sekarang ini ada satu kes, pagi tadi saya dah hantar surat kepada Y.B. ADUN Bandar, Yang Amat Berhormat sendiri, kepada Yang Berbahagia Datuk Bandar, kepada Pegawai Daerah dan Pentadbir Tanah Kuala Terengganu berhubung dengan satu sungutan isu pengambilan balik tanah dan cadangan perobohan rumah di Jalan Kampung Cina. Orang-orang kita di Kampung Cina ni, pengundi-pengundi kita walaupun orang Cina, rakyat Yang Berhormat ADUN Bandar, dia rakyat kita. Bila kontraktor duk ugut hampir setiap hari ada projek nak buat jalan, nak roboh asalnya tiga buah, sekarang jadi sepuluh buah rumah, satu deret kedai. Dia duk bersungut sekarang ni, duk mengadu di mana mereka nak pindah. Jadi, sekarang ini dia mintak rayuan dan saya berharap pihak Kerajaan membuat pertimbangan sewajarnya atas nama kita duk berbincang nak mengekonomikan rakyat, nak bantulah rakyat, mesra rakyat, semua sekalilah nak tolong rakyat tapi ini pengaduan beberapa

orang yang suratnya saya hantar sendiri *'by-hand'*, saya sendiri jadi postman beri kepada Yang Berhormat supaya kita cuba fikir selesaikan. Mereka mintak yang pertama sekali nak tangguh ..... Ini nak habis dah, lepas ni Yang Berhormat boleh jawab.

YANG BERHORMAT TOH CHIN YAW (Wakil Bandar): Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya, ia tidak melibatkan pengambilan balik tanah, jadi silaplah.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Ya, ya, saya tahu. Mereka dah duduk di situ dah 68 tahun. Betul mereka orang susah walaupun dia orang Cina, orang Tionghua duduk atas tanah Kerajaan saya tahu. Itu masalah sekarang ini rakyat takdok tanah, rakyat takdok rumah, inilah yang kita nak sebut. Jangan kita anggap dia macam haiwan, macam kambing boleh halau begitu sahaja. Ini digunakan .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Habiskan Yang Berhormat, habiskan.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Jadi, saya mintak Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, yang pertama tuntutan mereka supaya .....

YANG BERHORMAT TOH CHIN YAW (Wakil bandar): Kerajaan Barisan Nasional tidak menghalau mana-mana penduduk kecuali Kerajaan Pas dahulu menghalau anak-anak KEMAS.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Doksoh cakap banyaklah, kita tahu doh, benda ada bukti belaka. Jadi, sekarang ini rakyat dia boleh berfikir juga. Jadi sekurang-kurangnya .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tak apa Yang Berhormat teruskan dan habiskan ucapan.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Ya, saya nak sebutnya Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, jadi saya mintak Kerajaan khususnya ADUN Bandar begitu jugak dengan Yang Amat Berhormat keprihatinan supaya sekurang-kurangnya kita menimbangkan permintaan mereka sebagai rakyat, sebagai Kerajaan yang prihatin yang pertama sekali kita bagi tempoh yang munasabah kepada mereka, jangan duk kira nak halau mereka. Yang keduanya, cari tapak ataupun rumah untuk ada tempat untuk mereka berpindah kalau tidak mereka

nak berpindah ke mana? Dan yang ketiganya, untuk diberikan bayaran pampasan perpindahan yang munasabah supaya dapat mereka berpindah dengan keadaan baik kerana mereka beri kesanggupan, mereka buat pengakuan kita bukan anti pembangunan nak buat apa, buat tapi soalnya sekarang ini kami nak cari tempat alternatif, kami jugak rakyat untuk diberikan keselesaan rumah yang munasabah supaya kami boleh berpindah dengan keadaan aman. Jadi, saya harap beberapa perkara yang saya sebutkan tadi mendapat perhatian daripada pihak Kerajaan. Saya ucap terima kasih di atas kesempatan yang diberikan oleh Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua. Sekian, wassalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Wakaf Mempelam di atas kerjasama, cuma saya nak ingatkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, dalam kita untuk kita kemukakan perbahasan saya percayalah, saya memohon secara rasmi pantun Wakaf Mempelam tadi tu, saya haraplah pantun seloka pembuka bicara tu biar yang betullah. Maksud saya sebab seloka, kita berjanji Dewan kita ni adil dan saksama sebagaimana ucapan Tengku Sri Panglima Diraja semalam. Adil maksud saya kita nak buat tuduhan kepada orang yang tidak ada di dalam Dewan ini tidak wajar sebab mereka tidak boleh menjawab dan lantaran itu saya percaya akan memburukkan imej ataupun merendahkan imej Dewan kita yang mulia ini. Ya, ini nasihat saya kepada Yang Berhormatlah. Jadi, saya jemput mana-mana Yang Berhormat yang ingin berucap lagi. Sila.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Alhamdulillahirrabbil alamin. Wassalatuwassalamu-ala asyrafil anbia iwamursalin. Waala-alihi wasahbihi ajmain. Rabbisyrahli sadri wayasirli amri wahlul ukhdatan minlisani yahqahuqauli.

Yang dihormati Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan, Ahli-ahli Yang Berhormat, Pegawai-pegawai Kerajaan, Pemerhati, orang-orang awam dan juga pelajar-pelajar sekolah. Pertama-tamanya saya ingin mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua kerana memberi peluang kepada saya bersama-sama mengambil bahagian dalam membahas Ucapan Yang Amat Mulia Tengku Sri Panglima Raja, Yang Dipertua Penasihat Pemangku Raja Terengganu sempena Istiadat Pembukaan Penggal Persidangan Yang Kedua Dewan Undangan Negeri Yang Kedua Belas pada hari semalam.

Dato' Yang Dipertua, sebelum saya meneruskan ucapan saya, suka saya melahirkan rasa terkilan di hati apabila sahabat kita Wakil Kemasik menuduh Pembangkang ni pengacau, mengambil kesempatan menangguk di air keruh.

Tapi kita menghormati pandangan Yang Dipertua Dewan, Ahli-ahli Pembangkang telah berhujah dengan saya rasa sebaik mungkin tidak ada lagi serang menyerang yang parah. Banyak cadangan yang kita berikan, pandangan-pandangan berbanding dengan Wakil Kerajaan sendiri, *Back Benchers* pihak Kerajaan tidak ada cadangan, tidak ada soalan, tak hadir mesyuarat. Bukan kita yang mengacau, mereka sama-sama mereka yang mengacau lepas itu menuding jari kepada kita. Kita bertanggung walaupun Pembangkang, kalau hari ini tidak ada soalan Pembangkang, tidak ada soalan, semua soalan daripada Pembangkang, mana Wakil Kerajaan? Jadi, jangan kita suka-suka menuduh sekadar sedap cakap, sedap berucap, kita semua profesional. Kita mahu dilihat oleh pelajar-pelajar sekolah contoh Ahli Dewan yang baik bukannya menunjukkan perkara-perkara negatif begitu, kita orang dah dewasa 50an - 60an. Ini perkara yang tidak baik yang kita tunjukkan kepada anak-anak kita. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, suka saya menarik perhatian Ahli-ahli Dewan sekalian, Ucapan yang telah disampaikan oleh Yang Teramat Mulia Tengku Sri Panglima Raja semalam, iaitu merujuk kepada muka surat 22, yang saya petik dengan izin: "Kita difahamkan juga bahawa kajian terperinci sedang dijalankan bagi menjadikan Kuala Nerus sebagai daerah kelapan di Terengganu". Saya bagi pihak rakyat DUN Bukit Tunggal yang sememangnya berada di dalam kawasan Kuala Nerus memang telah lama menanti janji-janji yang diberikan oleh pihak Kerajaan sama ada di luar Dewan mahupun di dalam Dewan yang mulia ini pada Persidangan yang lalu. Memang kita merasakan perkara ini sangat penting dan perlu disegerakan kerana memandangkan hanya Daerah Kuala Terengganu sahaja yang ada dua kawasan Parlimen yang secara totalnya berada dalam Daerah Kuala Terengganu tidak termasuk lagi sebahagian di dalam Parlimen Marang, Parlimen Hulu Terengganu dan juga Parlimen Setiu. Kita ada lebih kurang 12 DUN, 12 Wakil Rakyat yang bernaung di bawah Parlimen Kuala Terengganu dan Daerah Kuala Terengganu merupakan hampir separuh penduduk Negeri Terengganu berada di dalam Daerah Kuala Terengganu. Maka keadaan ini sudah tentu menyukarkan dari segi pentadbiran pengurusan Pejabat Daerah untuk memberikan perhatian yang sama adil kepada kawasan-kawasan yang kita kira terletak keluar daripada pusat bandar yang sebenar. Dan dari apa yang saya perhatikan selama ini kebanyakan pembangunan ditumpukan kepada Kuala Terengganu Selatan dengan izin, dan di pihak utara sebelah daripada Sungai Terengganu pembangunan ini tidaklah diberi tumpuan sangat pada hari ini jika dilihat dari segi perkhidmatan dan juga dari segi pembangunan. Oleh itu, cadangan untuk membentuk satu lagi daerah yang kelapan ini merupakan suatu perkara yang sangat dialu-alukan dan saya sangat menyokong di atas cadangan Yang Teramat Mulia Tengku Sri Panglima Raja dalam ucapannya semalam. Namun begitu, harus diingat bahawa suatu pembaharuan itu dilaksanakan hendaklah lebih baik daripada apa yang telah dilakukan sebelum ini. Kuala Nerus secara geografinya dulunya merupakan kawasan pertanian,

banyak kawasan-kawasannya merupakan kawasan-kawasan rendah yang ditenggelami air memang sesuailah pada ketika itu untuk penanaman padi dan juga merupakan sebahagian daripada kawasan yang disebut kawasan tangkungan air. Bila hujan lebat sebelum air pergi ke sungai dia boleh dulu berehat, bertakung di baruh-baruh padi ini untuk mengelakkan daripada berlakunya banjir. Perkara ini harus diambil kira .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Minta maaf Yang Berhormat Bukit Tunggal, saya beri sebelah petang untuk sambung?

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Nak berhenti sekarang ke?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ya.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Kalau begitu saya sambung sebab panjang lagi.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sambung petang ya. Terima kasih. Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian sebelum saya tangguhkan untuk makan tengah hari sidang Dewan kita ini, saya ingin maklumkan dengan menjemput semua Ahli Yang Berhormat dan juga Ahli-ahli sidang dalam Dewan ini untuk makan tengah hari yang akan dibelanjakan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar di tingkat 17, saya jemput semua sekalilah sebabnya makanan banyak takut membazir. Yang Pemerhati di atas, kita jemput makan di podium U2, kita sediakan makanan yang dalam Dewan kita jemput di atas (Tingkat 17) supaya di kedua-dua tempat makanannya tidak membazir. Kemudian Yang Berhormat sekalian, saya tangguhkan mesyuarat kita pada pagi ini dan kita masuk semula pada pukul 2.30 petang. Terima kasih.

DEWAN DITANGGUHKAN PADA PUKUL 12.30 TENGAH HARI.

Pukul 2.30 Petang

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Ahli-ahli Yang Berhormat yang dihormati sekalian, kita sambung semula mesyuarat pada petang ini. Sebelum saya mempersilakan Yang Berhormat Bukit Tunggal untuk meneruskan ucapan sukacita saya maklumkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, pada sebentar tadi saya telah menerima satu maklumat secara umum bukan secara rasmi bahawa ada kenyataan daripada salah satu daripada Ahli Dewan kita yang memohon kepada jaminan keselamatan di dalam sidang Dewan kita pada kali ini. Jadi oleh kerana kelewatan saya menerimanya, bukan secara rasmi dipohon kepada Yang Dipertua ataupun sekretariat Dewan jadi saya telahpun bercakap dengan Yang Berhormat Dato' Setiausaha Kerajaan dan Dato' Setiausaha Kerajaan memaklumkan kepada saya bahawa beliau telah berhubung dengan pihak keselamatan dan pihak keselamatan (Ketua Polis Negeri) memberi jaminan kepada ketika ini kita adalah dalam keadaan selamat dan saya percaya ini adalah secara makluman kepada Dewan dan sekaligus menjawab kepada soalan Ladang yang dibangkitkan pagi tadi. Saya tak perlu soalan tambahan, cuma .....

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Cuma saya nak penjelasan sikit lagi oleh kerana benda ini benda yang serius yang sedang diperhatikan oleh seluruh negara sidang kita pada hari ini. Seluruh negara kecoh tentang apa yang dikatakan berlaku dalam Dewan Undangan Negeri Terengganu ini. Jadi saya mintak penjelasan tentang keselamatan itu, apa? Nak bunuh ke, nak bom ke, nak apa ke? Saya takut jugak ni takut ada apa-apa.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Okey, terima kasih Batu Burok. Saya betulkan ayat Batu Burok, sebenarnya sidang Dewan kita tidak kecoh. Semua Ahli Yang Berhormat, Pemerhati, saya tengok tadi tempat Pemerhati penuh, galeri kiri-kanan penuh, tidak kecoh, kita berjalan dengan baik. Cuma saya kata tadi pengetahuan umum iaitu laporan di media, saya terima laporan media melalui SMS saya menyatakan begitu dan saya dah jawab tadi saya tak boleh selagi tidak ada laporan rasmi, sepatutnya Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, ini permohonan saya sebagai Yang Dipertua sekiranya ada apa-apa yang perlu kita selesaikan mengenai keselamatan terutamanya macam yang Batu Burok kata sangat penting tadi beritahu sekretariat Dewan, Yang Dipertua Dewan maka kita bolehlah secara rasmi berhubung dengan keselamatan dan pastikan sama ada nak tangguh atau nak teruskan sidang ini. Saya rasa tidak moleklah lapor di luar, ibarat kata panas di luar saya rasa tidak ada masalah di dalam. Jadi kita teruskan sidang kita pada petang ini, saya jemput Wakil Bukit Tunggal untuk meneruskan ucapan. Sila.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua kerana memberi izin kepada saya untuk menyambung kembali ucapan saya yang ditangguh pada pagi tadi.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya beri bonus 15 minit lagi. Lebih sikit-sikit tak apa. Sila.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Terima kasih. Sebagaimana yang saya sebut pada pagi tadi secara geografinya Kuala Nerus ini ialah kawasan dulunya pertanian padi, kawasan tanah rendah yang merupakan baruh-baruh padi yang selalu ditenggelami air. Oleh itu, suka saya memetik peringatan daripada Yang Teramat Mulia Tengku Sri Panglima Raja, Yang Dipertua Majlis Penasihat Pemangku Raja dalam ucapannya semalam di muka surat 34 dengan izin: "Kita tidak mahu kerana kurangnya kesedaran ke atas pengurusan yang baik, ke atas sumber asli dan alam sekitar ini ianya akan mengakibatkan timbulnya isu-isu sampingan seperti banjir, hakisan sungai dan pantai, pencemaran dan lain-lain lagi". Ini suatu peringatan yang sangat baik malahan apa yang disebutkan oleh Yang Teramat Mulia Tengku Sri Panglima Raja ini memang telah terjadi baru-baru ini, belum lagi kita membuat pembangunan yang pesat di kawasan Kuala Nerus ini. Baru-baru ini kita dikejutkan dengan banjir yang begitu hebat di Kampung Pusu Tiga di mana banyak rumah yang terlibat dan rakyat sendiri mengalami kerugian yang begitu banyak akibat daripada kerosakan rumah-rumah kediaman mereka, alat-alat perabot dan sebagainya. Bukan sahaja rakyat mengalami kerugian, Kerajaan jugak terpaksa menanggung sebahagian daripada bantuan bencana banjir berjumlah mungkin agak besar jugak yang sepatutnya duit ini sekiranya tidak berlaku banjir yang disebutkan tadi tidak perlulah dikeluarkan untuk tujuan itu, ianya boleh digunakan untuk manfaat lain untuk membantu membangunkan negeri kita, membantu golongan-golongan yang miskin, usahawan-usahawan yang kecil dan sebagainya. Tapi malangnya akibat daripada perancangan mungkin ataupun kerana pembangunan yang kita buat itu tidak diambil kira kesan alam sekitar dan sampingan yang berlaku kita akhirnya menerima suatu akibat yang begitu teruk dan memerlukan kita mengeluarkan perbelanjaan yang besar jugak.

Yang seterusnya, ingin saya bawa di sini ialah berkenaan dengan nasib pada penduduk-penduduk Kuala Nerus ini khususnya berkaitan dengan peneroka tanah Kerajaan di Baruh Tok Jiring. Kawasan ini merupakan kawasan Gong Badak, kawasan yang saya kira sekiranya Kuala Nerus dijadikan sebuah daerah baru ia akan menjadi pusat kepada pentadbiran baru di kawasan Gong Badak ini. Tanah-tanah di sini sebenarnya sudah lebih daripada 30 tahun diterokai oleh rakyat yang dahulunya merupakan hutan pokok gelang

dan mereka semua bersama-sama telah membersih dan sempat beberapa ketika menanam padi dan memohon Geran daripada Kerajaan dan sebahagian besar telah diproses semasa pemerintahan Kerajaan Pas dahulu tetapi sebahagian besar daripadanya telah bertukar Kerajaan dan sebahagiannya telah diambil balik ataupun tidak diteruskan proses untuk mengeluarkan Geran sama ada kepada mereka telah menerima Jadual 5A dan sebagainya. Maka di sana ramai penduduk-penduduk tempatan yang tidak mendapat hak mereka yang saya kira sepatutnya supaya Kerajaan meneruskan anugerah tanah ini kepada mereka. Oleh itu, sesuai dengan apa yang diucapkan oleh Yang Teramat Mulia Tengku Sri Panglima Raja menyarankan kepada Kerajaan di muka surat 26 dengan izin beliau menyebut tentang konsep Pembangunan Tanah Sepakat, maknanya Kerajaan menjadi orang tengah dalam membantu rakyat membangunkan tanah mereka sendiri supaya tanah-tanah ini tidak terlepas kepada orang lain, kepada orang asing, kepada orang luar daripada keluarga ataupun keturunan mereka, supaya mereka ini tidak akhirnya paksa dipindahkan walaupun tidak dihalau daripada tanah tumpah darah mereka sendiri. Jadi, apalah salahnya saya mencadangkan kepada Kerajaan supaya mereka-mereka yang sepatutnya berhak memiliki tanah-tanah tersebut diberi hakmilik dengan segera tak kiralah mereka ini daripada fahaman politik mana tapi mereka semua rakyat kita, majoritinya sebangsa dengan kita, seagama dengan kita dan mereka memang berhak dan mereka mengusahakannya. Sebagai Kerajaan yang bertanggungjawab saya kira tak menjadi halangan untuk kita meluluskan kepada mereka dan seterusnya mereka dapat sama-sama membangunkan tanah ini dengan konsep sebagaimana yang disebutkan 'Tanah Sepakat' itu. Kalau tidak kemungkinan tanah ini akan diusahakan oleh pihak-pihak lain, pihak pemaju dan sebagainya yang akan dijual dengan harga yang tinggi, sudah tentu tidak mampu dimiliki oleh penduduk-penduduk asal yang kebanyakannya terdiri daripada golongan miskin dan berpendapatan rendah. Jadi, saya kira suatu konsep yang perlu kita hayati, yang perlu kita jalankan amanah rakyat ini kepada sebuah Kerajaan yang diyakini dan dapat membantu mereka. Selain daripada itu, sekiranya memang ada halangan-halangan tertentu kadang-kadang tanah ini telah diagih-agihkan kepada orang-orang lain ataupun tujuan pembangunan oleh Kerajaan mungkin untuk membuat bandar baru, buat kedai, hospital dan sebagainya. Maka bagi mereka-mereka yang terbukti telah mengusahakan tanah itu tapi tidak ada ruang ataupun tidak cukup lot untuk kita berikan kepada mereka diharapkan Kerajaan dapat memikirkan untuk memberi pampasan yang sewajarnya kepada mereka semoga titik peluh mereka ini tidak disia-siakan dan hak mereka ini tidak kita nafikan begitu sahaja.

Yang ketiganya, berkaitan dengan yang dinyatakan juga oleh Yang Teramat Mulia Tengku Sri Panglima Raja ini. Kuala Nerus ini merupakan pusat perkembangan ilmu ataupun pusat tempat terletaknya banyak pusat-pusat

pengajian tinggi dan juga tempat-tempat bersukan yang besar, ada stadium di situ. Sudah tentunya di tempat-tempat begini akhirnya akan menjadi tempat tumpuan penduduk-penduduk dan akan menjadi tempat yang padat dengan penduduk. Oleh itu, daripada awalnya selain daripada kita merancang untuk mengadakan sebuah daerah baru, daerah baru ini harus diperbanyakkan rumah-rumah mampu milik yang mampu dimiliki oleh golongan yang berpendapatan rendah yang mereka boleh menghuni di situ di samping jugak memperbanyakkan tempat-tempat, pusat-pusat perniagaan/ perkedaian yang bukan jenis yang macam hypermarket/supermarket tapi kedai-kedai yang mampu diusahakan oleh rakyat tempatan yang rata-ratanya adalah terdiri daripada mereka yang berpendapatan rendah. Semoga yang kita harapkan untuk kita memastikan bahawa penduduk tempatan tidak tersisih daripada arus pembangunan di samping mereka dapat meningkatkan ekonomi mereka yang akhirnya dapat keluar daripada golongan yang termiskin ataupun golongan miskin ini.

Yang keempatnya, dulu kita pernah dengar beberapa cadangan untuk diadakan sebuah hospital di Kuala Nerus ini khususnya di sekitar Gong Badak dan memang perkhidmatan hospital ini sangat-sangat diperlukan oleh penduduk-penduduk di Kuala Nerus kerana kalau kita lihat di Hospital Besar Kuala Terengganu, Hospital Sultanah Nur Zahirahpun selalu mempunyai pelanggan-pelanggan ataupun pesakit-pesakit yang begitu ramai yang tidak dapat ditampungi lagi di samping kes-kes rujukan daripada Besut, daripada Dungun dan sebagainya. Maka alangkah eloknya sekiranya usaha untuk dibina sebuah hospital di Kuala Nerus ini disegerakan. Tapi sehingga kini cadangan demi cadangan telah disebut tapi tak nampak lagilah di mana tapak yang dikatakan nak dibina hospital itu, tapaknya pun belum ada lagi, pembinaannya entah bila, Allahuwa'alamlah. Tambah-tambahan pulak yang malangnya sekarang Wakil Kerajaan Terengganu dalam Kabinet Pusatpun tinggal seorang aje, suara makin kecil, kalau dulu ada seorang Menteri dan dua Timbalan sekarang tinggal satu Menteri sahaja. Saya duk harap jugak baru-baru ini takut-takut ada salah seorang daripada Ahli Parlimen di sebelah sana tu, di sebelah Kuala Nerus ke ataupun Setiu dilantik Timbalan Menteri boleh jadi jambatan untuk kita berhubung dengan Kerajaan Pusat supaya disegerakan projek ini tapi malangnya perkara ini tidak berlaku. Jadi, kita berharap kepada Kerajaanlah pada hari ini, dalam Dewan yang mulia ini saya suarakan semoga pihak Kerajaan dapat bawa suara kita ini kepada pihak Pusat supaya ianya dapat disegerakan tapi malangnya dilihat pada hari ini Kerajaan kitapun entah apa nak jadi Allahuwa'lam tinggal Exco aje dan ada seorang Penyokong Kerajaan. Macam ada satu benda pulak benda yang tak berapa elok berlaku dalam pihak Kerajaan Negeri sendiri, *so* rakyat nak letak keyakinan kepada mana? Saya dengar khabar sebahagian Ahli-ahli Dewan Yang Berhormat Yang Dipertua Dewan sebut tidak hadir ke Dewan Negeri kerana takut keselamatan dan sebagainya tapi ada khabar-khabar

angin keluar berita tengah hari tadi mereka bersidang di Felda, mungkin di bawah pokok kelapa sawit, pokok getah Allahuwa'lam tapi Felda, Felda dah, Felda apa Wallahuwa'lam, Felda ke, Hotel Felda ke Wallahuwa'lam. Tapi ada persidangan, kalau Perak di bawah pokok ini, Wallahuwa'lamlah, bawah pokok getah barangkali di tepi sungai. Jadi, perkara-perkara seperti ini kalau berlarutan bagaimana kita nak menumpukan, nak membangunkan rakyat kita dan Terengganu terkenal dengan negeri miskin, pembangunan berpuluh tahun kita ketinggalan. Walaupun kita memberi sumbangan kepada Kerajaan Pusat dalam bentuk hasil petroleum yang begitu banyak. Inilah perkara-perkara yang saya harap sungguh-sungguhlah, kita berpolitik, politik jugaklah kami walaupun Pembangkang mari belaka 8 orang kalau kami tak mari jawabnya takdok orang nak bercakaplah, gulung ajelah, gulungpun tak ada orang nak dengar. Jadi, demi kepentingan rakyat ini kita kena utamakan kita boleh berkelahi, boleh berceramah di luar macam biasalah berpolitik di luar tu kata mengata biasalah orang berpolitik, kita kata ke Kerajaan, Kerajaan kata ke kita tapi di dalam Dewan kita berbincang, berbahas untuk bagaimana memastikan rakyat mendapat manfaat daripada pelantikan yang mereka angkat kita sebagai Ahli-ahli Dewan. Saya percaya rakan-rakan saya daripada parti Pas telah banyak memberi input-input yang berguna tapi bergantunglah kepada pihak Kerajaan sejauh mana mereka menyangka kita ini nak merobohkan Kerajaan ke atau nak membantu Kerajaan, niat kita ikhlas nak membantu Kerajaan, tiada niat nak menjatuhkan siapa-siapa tak seperti pihak yang sebelah sanalah.

Yang kedua berkaitan dengan tajuk lain pulaklah Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua. Saya tertarik dengan apa yang diucapkan oleh Yang Teramat Mulia Tengku Sri Panglima Raja semalam iaitu menekankan tentang ataupun buat sesuatu penekanan atau penegasan yang menyatakan bahawa ini saya petik di muka surat 30, disebut bahawa: "Kita juga berpendapat aktiviti-aktiviti lain yang dijalankan boleh dijadikan sebagai produk pelancongan bagi negeri ini, ini terbukti apabila SUKMA 2008, World Endurance Championship, Rain Forest Challenge Terengganu telah membawa ramai pelancong dalam dan luar negara ke negeri kita". Tapi di sana tidak disebut pulak berkaitan dengan Monsoon Cup dan jugak Taman Tamadun Islam, apakah dua produk yang dihasilkan oleh Kerajaan Negeri sebelum ini oleh era pimpinan dahulu tidak mendatangkan atau tidak dapat menarik pelancong-pelancong luar dan juga pelancong dalam negeri? Kedua-dua produk pelancongan yang saya kira menelan belanja yang begitu besar anggarannya mungkin lebih daripada setengah bilion. Kalau itulah keadaannya tidak salahlah telahan yang dibuat oleh ramai penduduk-penduduk tempatan dan jugak pengkaji-pengkaji luar bahawa dua-dua produk ini walaupun membelanjakan duit rakyat yang begitu besar tapi ianya tidak memberi pulangan kepada Kerajaan Negeri sendiri mahupun kepada rakyat. Tapi malangnya ianya masih diteruskan oleh Kerajaan hari

ini, inilah perkara-perkara yang saya kira Kerajaan perlu teliti sebagaimana yang disebutkan oleh Yang Teramat Mulia Tengku Sri Panglima Raja bahawa pembangunan yang dibuat ataupun projek-projek yang hendak dibuat hendaklah mendatangkan kebaikan dan keuntungan segera kepada rakyat khususnya dalam zaman ekonomi yang sedang merudum hari ini. Oleh itu, perlulah perkara ini saya kira diberi kajian semula kedua-dua program ini supaya ianya tidak terus membazir duit rakyat yang sebegitu besar. Saya sebagai Wakil daripada Bukit Tunggal yang Monsoon Cup di kawasan saya memang tidak nampak apa perubahanpun walau telah beberapa tahun program ini berjalan di Pulau Duyung ini, tidak nampak lagilah dari segi kesan sosio ekonomi yang boleh membantu menaikkan taraf sosio ekonomi penduduk di Pulau Duyung Kecil, Duyung Besar ataupun di Pulau Ketam, apatah lagi penduduk-penduduk yang jauh daripada tempat berlangsungnya program tersebut. Oleh kerana seperti Taman Tamadun Islam, Masjid Kristal telah dibuat beberapa replika telah terlaksana maka tidak logiklah sekiranya kita nak cadangkan dirobohkan begitu sahaja. Tapi saya mengharapkan Kerajaan ada satu kaedah bagaimana nak promosikan produk ini supaya dapat menarik pelancong-pelancong lebih ramai lagi sebagaimana boleh menarik dalam World Endurance Championship, Rain Forest Challenge dan sebagainya supaya ada satu promosi yang proaktif, yang bersungguh-sungguh supaya ianya boleh dimanfaatkan walaupun kata orang bendanya pihak Pembangkang tidak bersetuju pada peringkat awal tapi bila dah buat nak buat macam mana, benda dah ada dan sudah berlalu cuma benda akan datang tu harus difikir dan beri perhatian yang seriuslah. Kita tak mahu nanti projek ini menjadi Projek Gajah Putih yang tidak memberi apa-apa manfaat kepada kita, kalaupun tidak menjadi seperti mendokong 'Biawak Hidup', jika ada setiap tahun Kerajaan terpaksa mengeluarkan peruntukan untuk *maintenance* dan sebagainya kerana hasil atau pulangan daripada tiket-tiket tidak dapat membiayai kos penyelenggaraannya. Inilah perkara-perkara yang saya kira yang sangat penting untuk diambil kira oleh pihak Kerajaan yang dapat saya bersama-sama menyumbang idea demi untuk melihat di Negeri Terengganu terbela nasib mereka tak kiralah di bawah Kerajaan mana. Oleh kerana rakyat telah pilih secara demokrasi maka kita menghormati keputusan rakyat. Janganlah jadi seperti setengah Wakil tu mengatakan kalau kawasan Pembangkang, Pembangkang bangunlah. Adakah kita Wakil Rakyat ini ditugaskan untuk keluar peruntukan membangun kawasan? Kerajaan Negerilah yang sepatutnya, janganlah kita berfikir macam JKKK jugak, JKKK memang padanlah dia SPMpun takdok setengahnya, dia berfikir macam itu logiklah bagi dia. Memang ada di tempat saya sendiri Yang Berhormat Bukit Payong sebut nak mintak bantuan atappun takmboh tandatangan, sebagai Imampun takmboh tandatangan, sebagai JKKKpun takmboh tandatangan, suruh Wakil Rakyat tandatangan, di situ tidak adapun nama Wakil Rakyat untuk tandatangan. Bukan itu sahaja, nak mintak bantuan daripada kewangan bank, Bank Rakyat dia ada peruntukan untuk bantu

orang miskin jugak JKKK takmboh sain: "Pergi jumpa Wakil Rakyat Paslah." katanya. Takkanlah benda-benda macam inipun kita berkira, kalau inilah sikap kita bagaimana kita yang diberi amanah, dapat peruntukan Kerajaan untuk membela nasib rakyat sebab itulah sebenarnya dah 50 lebih tahun kita merdeka. Begitu banyak Tuhan beri rezeki kepada rakyat Negeri Terengganu tetapi rakyat kita masih miskin kerana berlaku diskriminasi di dalam membantu rakyat-rakyat. Kita serah kepada rakyat bila pilihan raya dia nak pangkah mana terserah tapi bila kita dah jadi Kerajaan, kita bantu mereka mengikut amanah yang diberikan kepada kita. Inilah harapan saya sungguh-sungguh, kita bukan dapat apa-apapun sebagai Wakil Rakyat tapi yang pentingnya rakyat kita, rakyat Terengganu mendapat manfaat. Saya rasa itulah Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, yang saya nak sampaikan pada petang ini dan saya mengambil kesempatan ini untuk menyokong Ucapan Yang Teramat Mulia Tengku Sri Panglima Raja selaku Yang Dipertua Majlis Penasihat Pemangku Raja Terengganu pada hari semalam. Sekian, wabillahi taufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Wa-alaikumussalam. Terima kasih Bukit Tunggal. Saya masih membuka kepada bahasan. Sila Sura.

YANG BERHORMAT HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI (Wakil Sura): Bismillahirrahmanirrahim. Alhamdulillahirrabbil alamin wal aqibatullilmuttaqim wala-adwaana-illa alazzalimin wassalatuwassalamua-ala asyrafil anbiaiwamursalin Sayyidina Walmaulana Muhammad wa-ala alihi wa-ashabihi wattabi-i nalaummi-insani illayaumiddin. Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Ahli-ahli Yang Berhormat Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri, para pegawai yang saya hormati sekalian. Bersyukur kepada Allah S.W.T. kerana kesempatan yang diberikan untuk bersama dalam Persidangan Dewan bagi Penggal Yang Kedua Belas ini dari Persidangan Yang Kedua untuk membahaskan Ucapan Yang Teramat Mulia Tengku Sri Panglima Raja Yang Dipertua Majlis Penasihat Pemangku Raja Terengganu. Dan terima kasih juga kepada Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua kerana mengizinkan saya untuk menyampaikan ucapan pada petang ini. Dalam mukadimah Ucapan Yang Teramat Mulia Tengku Sri Panglima Raja menyebutkan tentang pentingnya suasana aman, damai dan tenteram dan juga kestabilan politik dan hubungan yang baik di kalangan masyarakat bagi menjadi pemangkin, pemacu kepada kemajuan Negeri Terengganu. Tetapi yang kita lihat dalam suasana ini seolah-olah ada keretakan daripada pihak Wakil-wakil Rakyat Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri pihak Kerajaan. Ini adalah yang tersirat daripada apa yang tersurat daripada apa yang ada di dalam Ucapan ini. Tentulah kita bertanya mengapakah keadaan menjadi begini? Benarlah apa yang disebut oleh

Allah S.W.T. yang bermaksud: "Dan berpegang teguhlah, bersatulah kamu dengan tali Allah (Islam) dan jangan kamu berpecah belah." Kaedah Al-Quran menyebutkan perkara yang penting terlebih dahulu sebab itu di antaranya apabila ada sahabat mereka tanya Rasulullah S.A.W.: "Mana yang hendak didahulukan ketika hendak melakukan Sai di Safar dan Marwah." Rasulullah S.A.W. menjawab yang bermaksud: "Kamu mulakan dengan apa yang Allah mulakan sebutannya di dalam Quran." Bila kita buka Quran kita akan dapati ayat yang bermaksud: "Sesungguhnya Safar dan Marwah adalah sebahagian dari tanda-tanda agama Allah maka hendaklah dimulakan Sai daripada Safar dan sudahnya di Marwah." Begitulah juga jika kita tidak berpegang dengan tali Allah kita akan jadi berpecah belah sebab itu penting ayat ini untuk kita ambil ingatan bagaimana apabila Islam ditinggalkan inilah kesan yang kita lihat berlaku pada hari ini. Bukan sahaja di kalangan rakyat bawahan kita sebut berlaku berpecahan tetapi di kalangan pimpinan sendiri berlaku perpecahan dan lebih dahsyat lagi yang menakutkan kita ialah ancaman-ancaman, ugutan-ugutan yang sepatutnya dahulunya rakyat bawahan yang merasa gerun, tidak selamat dan takut tapi hari ini kepada pimpinan sendiri. Sebab itu jika kita melihat indeks jenayah yang dikeluarkan oleh pihak Polis Diraja Malaysia menakutkan kita yang sebahagiannya dulu berlaku hanya di Pantai Barat, di negeri-negeri maju tapi sekarang jugak berlaku di negeri kita Terengganu ini. Banyak kes yang menyebabkan sampai ke peringkat hari ini terkejut kita dengan adanya ugutan, ancaman melalui SMS yang tersebar itu. Sebab itulah saya nak mintak supaya kita mengambil ingatan memahami hakikat bahawa bila kita lihat mengapa seperti yang disebut oleh Wakil Kemasik mengapa rakyat tidak memberi sokongan kepada Barisan Nasional? Maka hendaklah difahami suatu kaedah yang penting (yang bermaksud): "Apabila Kerajaan tidak berlaku adil, benci Kerajaan untuk bertindak berdasarkan keadilan maka benci rakyat untuk taat." Kalau rakyat tidak adil rakyat tidak akan sokong, ini adalah manifestasi kesan daripada apa yang diucapkan oleh para ulama. Sebab itu kita melihat bagaimana mesej yang diberikan oleh rakyat dalam pilihan raya yang berlaku Pilihan Raya Kecil Parlimen. Bahkan di Kuala Terengganu ini sendiripun bukan tidak banyak taburan-taburan, janji-janji yang diberikan oleh pihak Kerajaan Negeri tapi rakyat tidak jugak memberikan sokongan. Mesti ada puncanya kerana tidak adil, memang benar dalam Ucapan Yang Teramat Mulia Tengku Sri Panglima Raja ini ada disebutkan tentang bagaimana usaha dilakukan dalam pembasmian kemiskinan yang paling asas ialah Yang Amat Berhormat Menteri Besar mengumumkan Bantuan Panggantian Atap kepada golongan-golongan miskin tetapi hakikatnya ini dalam ucapan, bila sampai ke peringkat kampung, peringkat daerah maka tidak berlaku seperti apa yang diucapkan ini. Kenyataan yang berlaku ialah bagaimana seorang ibu enam orang anak terus dihimpit kemiskinan, apabila dia buat pengaduan JKKK bukan mari nak sokong, mari marah

pulak dah. Seorang JKKK lelaki mari marah, keesokannya mari hak perempuan/wanita mari marah pulak. Sedangkan dia sudah mintak atap setahun dah tetapi tidak diberikan. Pada hal dalam Titah Ucapan ini ada disebut secara total ada dikeluarkan bahawa di antara program membantu golongan miskin ialah Penggantian Atap tapi sampai di bawah pelaksanaannya tidak terlaksana. Kemudian kita mintak rakyat beri sokongan ke kita tidak akan berlaku kerana apabila tidak adil rakyat tidak akan menyokong sebab itu saya nak mintak kita ambil ingatan biarlah apa yang diucapkan ini benar sampai kepada peringkat bawah.

Yang kedua, sayapun nak cakap banyakpun, ooi ... teruk dah BN hari ini *momeng* kena pukul, *nyeng* dah sampai takdok Wakil hak selama ini kita berucap dalam Dewan ni ada gangguan-gangguan tapi hari ni takdok. Tapi kita nak berucap banyakpun kita fikir, jadi kita nak ingatkan pihak Kerajaan supaya menjalankan tugas dan tanggungjawab dengan baik. Yang kedua, saya nak sentuh sikit ialah berkaitan dengan kepentingan Perumahan Rakyat. Saya mintak pihak Kerajaan seperti dalam Ucapan ini benar-benar melaksanakan projek-projek perumahan untuk kepentingan rakyat kerana keperluan asasi yang tidak dapat kita elakkan ialah kepentingan untuk mendirikan perumahan bagi keselesaan rakyat untuk rakyat mendapat pulangan dan hasil daripada apa yang kita perolehi daripada hasil negeri ini. Diumumkan di sini banyaknya 13 tapak perumahan bagi tujuan pembinaan sebanyak 4,500 unit rumah kos rendah dalam tahun 2009. Saya harap ini akan menjadi perancangan yang benar-benar dijayakan di peringkat kampung, di peringkat bawahan, di peringkat daerah supaya rakyat dapat merasakan bahawa adanya sekurang-kurangnya tempat bagi mereka untuk meletakkan kepentingan perlindungan daripada pihak Kerajaan. Berlaku di satu kawasan di Padang Jambu dekat dengan Bukit Tebuk, setelah tanah itu dijadikan daripada satu kawasan tanah lembah yang akhirnya dijadikan satu tapak bagi pembinaan Taman Perumahan Rakyat ini melibatkan Perumahan Kos Rendah, sudah berapa tahun kosnya yang telah dibuat itu telah selesai, pembayarannya telah selesai, borang-borangnya telah dijual tetapi tanah yang telahpun dijadikan tapak itu sehingga hari ini belum dibina Rumah Kos Rendah seperti yang dijanjikan. Yang telah membeli borang-borang tersebut ditawarkan pula tapak perumahan di Pulau Serai yang dua-tiga kali telahpun ditemu duga. Ini adalah suatu perkara yang penting supaya kita benar-benar meletakkan hasrat rakyat untuk mendapatkan perumahan benar-benar dapat kita capai seperti Titah Ucapan di dalam kita membincangkan projek yang melibatkan perumahan ini.

Dan yang akhirnya, Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya nak mintak supaya Kerajaan benar-benar memberikan perhatian kepada soal pertanian dan industri asas tani di Terengganu ini kerana dalam muka surat 11 ada

disebutkan pembangunan sektor pertanian yang sangat penting. Pembukaan kawasan-kawasan jelapang padi yang disebut dalam muka surat 12 di Kampung Jelapang dan Kampung Bukit Layak di Setiu sedangkan di antara soalan yang dikemukakan ialah berkaitan jumlah kawasan terbiar di seluruh Negeri Terengganu mengikut pecahan daerah dan apakah usaha-usaha untuk memulihkannya. Disebut daripada 23,074 hektar bagi semua 7 daerah Kemaman, Dungun, Marang, Hulu Terengganu, Kuala Terengganu, Setiu dan Besut. Daripada jumlah itu keluasan tanah yang terbiar hampir separuh daripadanya 11,952 hektar, maknanya satu jumlah yang diguna pakai baru separuh daripada perancangan tanah terdahulu untuk padi sedangkan sekarang disebutkan pulak ada satu kawasan baru yang hendak dibangunkan. Saya mengharapkan supaya pihak Kerajaan benar-benar memberikan perhatian kepada industri asas tani ini supaya ianya menjadi kenyataan bukan hanya seperti mana yang disebutkan ini sedangkan jumlah/angka yang adapun sebahagiannya tidak dilaksanakan. Oleh itu, adalah sangat penting kita mengambil suatu pendekatan untuk benar-benar menjadikan rakyat sebagai titik tolak bagi setiap pembangunan yang hendak dirangka. Biarlah rakyat terus mendapat manfaat daripada kerangka-kerangka projek-projek pembangunan dan pembinaan yang hendak dilaksanakan, yang baik tetap kita katakan baik dan kita mintak supaya ianya benar-benar dapat dilaksanakan. Mudah-mudahan dalam apa yang disebutkan ini dari Ucapan Yang Teramat Mulia Tengku Sri Panglima Raja, Yang Dipertua Penasihat Pemangku Raja Terengganu ini akan membolehkan kita untuk melihat kemajuan yang lebih baik bagi Negeri Terengganu dan saya menyokong Ucapan Yang Teramat Mulia Tengku Sri Panglima Raja, Yang Dipertua Majlis Penasihat Pemangku Raja Terengganu. Wabillahi taufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Sura. Saya masih buka kepada perbahasan yang lain-lain. Sila Yang Berhormat Batu Burok.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Bismillahirrahmanirrahim. Alhamdulillahirrabil alamin wal aqibaatullilmuttaqim wala-adwaana-illa alazzalimin wassalatuwassalamua-ala rasulillah. Rabbisyrahli sadri wayasirli amri wahlul ukhdatan minlisani yahqahuqauli. Dato' Yang Dipertua, saranan yang diberikan oleh Yang Teramat Mulia Tengku Sri Panglima Raja yang bagi kita, kita lihat sarat dengan cadangan-cadangan, teguran-teguran dan nasihat-nasihat yang begitu penting dan berguna kepada kita semua. Secara ringkasnya antara saranan yang penting yang telah disebut dan diperingatkan kepada kita adalah yang pertamanya, keperluan kepada kita berjimat cermat di dalam berbelanja dalam keadaan kegawatan ekonomi yang begitu teruk berlaku di dunia, di

negara dan jugak di dalam negeri kita sendiri. Yang keduanya, perlu sentiasa telus menguruskan urusan pentadbiran Kerajaan Negeri. Yang ketiganya, keperluan kepada mengenepi segala amalan-amalan yang bersifat diskriminatif dan amalan-amalan yang mempunyai fahaman politik yang sempit di dalam pentadbiran Kerajaan Negeri. Yang keempatnya, keperluan kepada menetapkan kepentingan rakyat Negeri Terengganu kita ini, Terengganu Darul Iman ini mengatasi kepentingan diri, kelompok individu dan mereka-mereka yang berkepentingan.

Dato' Yang Dipertua, perlu kita tegaskan di sini bahawa tanggungjawab menguruskan Kerajaan adalah merupakan suatu amanah yang wajib ditunaikan bukan hanya untuk memenuhi tuntutan rakyat yang mengangkat sesebuah Kerajaan itu bahkan kemuncaknya supaya kepimpinan itu mempunyai rasa kebertanggungjawaban terhadap Allah S.W.T. Berdasarkan kepada prinsip inilah maka sesebuah Kerajaan mestilah menyerlahkan dan mengoperasikan penghayatan bukan hanya pada tahap polisi-polisi tetapi jugak yang lebih penting dari segi sistem penyampaian ataupun *'delivery system'*. Saya ingin merakamkan di dalam Dewan pada hari ini kebimbangan saya apabila kita memperkatakan tentang tuntutan dan tanggungjawab kita berada di dalam Dewan ini apatah lagi kita memikul suatu amanah yang begitu besar dan begitu berat. Kebimbangan saya yang pertamanya ialah dari sudut krisis keyakinan yang sedang menimpa Yang Amat Berhormat Menteri Besar Negeri Terengganu. Bagaimana Yang Amat Berhormat Menteri Besar Negeri Terengganu mampu memacu Kerajaan Negeri dengan Bajet yang begitu besar yang sama-sama kita meluluskan lebih daripada RM1.67 bilion yang kedua paling besar dalam negara. Apabila Yang Amat Berhormat Menteri Besar dilihat umum telah kehilangan kredibiliti untuk memimpin Kerajaan Negeri dipersoalkan, dipertikaikan dan hilang keyakinan daripada kalangan Ahli-ahli Yang Berhormat Umno dan Barisan Nasional sendiri. Kehilangan keyakinan daripada sebahagian daripada Pegawai-pegawai Tinggi Kerajaan Negeri. Hatta daripada kalangan rakyat sendiri di merata tempat memperkatakan tentang persoalan ini. Terlalu banyak spekulasi yang berlaku yang berlegar sekarang ini sama ada daripada akhbar-akhbar perdana yang datang daripada SMS, media alternatif dan sebagainya yang memperkatakan tentang persoalan ini, maka kita di Dewan ini saya ingin melihat ataupun mendapatkan beberapa penjelasan daripada Yang Amat Berhormat Menteri Besar sendiri dalam suasana ketidaktentuan kepimpinan dan krisis yang berterusan yang berlaku ini. Kita nak bawa Negeri Terengganu ini kepada langkah-langkah ataupun kemajuan sebagaimana yang diharapkan dalam Ucapan Diraja yang kita sama-sama amati dan dengari semalam. Dato' Yang Dipertua dengan izin, saya ingin mungkin pihak L.A. mungkin boleh menambah tentang kedudukan yang ada ini dengan izin: *"When the Menteri Besar as the Head of the State Government seize to command the confidence of the majority of the Members of the State Assemblyman, he shall either,*

yang pertamanya: *Tender his resignation.* Dan yang keduanya, *Dissolve the State Assembly and call for a fresh election".* Ini adalah merupakan prinsip-prinsip yang dipakai oleh setiap Kerajaan Negeri apabila seseorang Menteri Besar itu kehilangan keyakinan daripada majoriti Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan Undangan Negeri, dia boleh sama ada meletakkan jawatan atau Dato' Yang Dipertua boleh membubarkan Dewan Undangan Negeri. Sebagaimana yang saya sebutkan tadi dari segi prinsip-prinsip umum setiap Kerajaan yang wujud di dalam Negeri Persekutuan yang ada dalam negara kita ini apabila seseorang Menteri Besar itu kehilangan *confident*/keyakinan daripada kalangan majoriti Ahli-ahli Yang Berhormat maka dia mempunyai pilihan-pilihan sebagaimana yang saya sebutkan ini. Saya sebutkan ini Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya ingin melahirkan simpati saya kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar bagaimana dia boleh memimpin sebuah Kerajaan yang mempunyai Bajet yang begitu besar dan kita jugak yang akan menikmati royalti minyak yang berbilion-bilion ringgit, tadi disebut hampir RM15 bilion. Apabila seorang Menteri Besar tidak lagi dapat *confidence* daripada kalangan majoriti Ahli-ahli Yang Berhormat Umno dan Barisan Nasional sendiri.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat, duduk sekejap. Saya ingat kenyataan Batu Burok ini saya tidak nampak perkara yang dibangkitkan itu. Sebagaimana yang saya katakan pagi tadi yang kita mestilah adil dan saksama. Saya bimbang kalau Yang Berhormat masih teruskan dengan perkara yang tidak berlaku maka akan menimbulkan spekulasi di luar. Ada baiknya saya ingat Yang Berhormat kan dengan perkara yang tidak berlaku maka akan menimbulkan spekulasi di luar. Ada baiknya saya ingat Yang Berhormat perkara ini kalau disebut berulang-ulang akan menjadi serius sebab sama sekali tidak berlaku, ketidakkepercayaan ataupun sebagainya. Jadi, saya mengarahkan Yang Berhormat Batu Burok menarik balik dan soalannya saya tidak jadi masalah kalau ketidakhadiran ini melambangkan ketidakkepercayaan ataupun sebagainya saya tidak ada menerima notis. Cuma sebagaimana yang saya maklum sebentar tadi saya dapat maklum daripada pengumuman awam bahawa isu keselamatan. Saya telah mendapat jaminan daripada Setiausaha Kerajaan bahawa pihak Polis telahpun memberi jaminan bahawa keadaan kita selamat.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakaf Mempelam): ...[Bangun] ....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Isu yang sama Wakaf Mempelam?

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakaf Mempelam): Tak, tak. Penjelasan sikit. Soalnya sekarang ini .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya nak tanya dulu, isu yang sama?

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakaf Mempelam): Saya nak penjelasan sikit.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tak, tak ada penjelasan. Saya nak tanya Yang Berhormat Wakaf Mempelam .....

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakaf Mempelam): Isunya ialah .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Isu yang sama berkait tidak *confident* ataupun soalan yang lain.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakaf Mempelam): Bukan, bukan ianya berkaitnya tadi, timbulnya yang diperkatakan sekarang ini ialah kerana ketidakhadiran tu tadi nampaknya sekarang ada dah tu, saya tak sedar barangkali waktu gelap tadi tu. Wakil Jertih ada, jadi tak timbul untuk kita nak bercakap tentang ..... waktu mana dia masuk tak sedar.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ya, ya, okey. Terima kasih Wakaf Mempelam ingatkan saya. Jadi saya mintak Wakaf Mempelam dah bersama dengan saya, saya mintak Batu Burok menarik balik ucapan beliau dan meneruskan dengan ucapan yang tidak mengandaikan sidang kita ini. Sila.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, macam mana saya nak tarik balik, saya hanya memberikan/memaklumkan apa yang sedang berlaku dalam negeri kita sekarang ini.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat .....

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Dan saya nak supaya Yang Amat Berhormat Menteri Besar menjelaskan kedudukan sebenar, kita tidak boleh berselindung dari realiti yang ada.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Duduk kejap, duduk kejap. Sebab tadi jelas, saya berkali-kali mendengar Yang Berhormat pada peringkat awal menjelas bahawa prinsip Kerajaan Negara kita, saya percaya betul. Dan berkali-kali Yang Berhormat ulang soal berlaku di negeri kita ini tidak percaya kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan perkara ini tidak

berlaku. Kalau berlaku tentu sekali perkara itu telah berbangkit, jadi tidak perlu perkara yang tidak berlaku ini. Saya bimbang ia akan menjadi spekulasi di luar dan seterusnya perkara yang tidak berlaku itu akan menjadi pendahulu kepada ketidaksempurnaan di negeri kita ini. Saya ingat kalau Yang Berhormat tak nak tarik balik, saya tak benar lagi berucaplah.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): ..... [Ucapan tidak jelas / mikrofon tidak dibuka] .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Bagai yang tak berlaku, Yang Berhormat tahu apa yang Yang Berhormat bercakap. Sila.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Saya mintak penjelasan yang sejelas-jelasnya bahagian mana yang saya nak kena tarik balik.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat, Kerajaan akan jawab besok tetapi perkara yang tidak berlaku Yang Berhormat kena tarik balik sebab Yang Berhormat telah membuat andaian bahawa perkara itu telah berlaku seolah-olahnya.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua menggunakan peruntukan mana? Sebab saya sebut dari segi *crisis of confidence* yang berlaku sekarang ini yang memang sekarang ini berlaku dan kita tak perlu nak berselindung di sebalik *crisis of confidence* yang berlaku ini. Ini suatu realiti yang berlaku yang perlu kita telus.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat, Yang Berhormat duduk dulu. Saya sebagai Yang Dipertua, faham dan saya percaya Ahli-ahli sidang inipun faham, malah Pemerhati serta Ketua Jabatanpun faham percakapan dan ucapan Yang Berhormat sebentar tadi. Dan saya percaya Yang Berhormat terus bertegang begitu saya tidak membenarkan lagi Yang Berhormat berucap. Dan perkara berkenaan tidak perlu lagi dijawab oleh Kerajaan. Saya anggap ucapan Batu Burok tadi satu andaian semata-mata. Saya jemput Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain ada lagi yang hendak berucap?

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Selain daripada Batu Burok ada lagi yang hendak berucap.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Saya nak tahulah di bawah peruntukan mana saya tidak dibenarkan berucap ni?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Peruntukan Yang Dipertua mengenai di bawah 'Kuasa-kuasa Yang Dipertua', saya tidak membenarkan andaian dibuat oleh seseorang ahli yang akan membawa spekulasi di luar atas perkara yang tidak berlaku. Sila Yang Berhormat lain selain daripada Batu Burok. Sila Ladang.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Alhamdulillahirrabbil alamin wassalatuwassalamu-ala asyrafil anbia iwamursalin wa-ala alihi wassahbihi ajmain. Yang dihormati Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua Dewan .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tak apa Yang Berhormat Ladang, oleh kerana dah tersasul kita dah pukul 3.30 petang, kita tangguh dulu sekejap Dewan ini, pukul 4.00 petang masuk saya beri peluang kepada Ladang. Kita minum dulu biar tidak tersasul. Jadi saya tangguhkan Dewan ini sementara. ....(Dewan Gelak) .....

DEWAN DITANGGUHKAN PUKUL 3.30 PETANG.

Pukul 4.00 Petang.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian kita teruskan Persidangan kita. Dengan ini saya mempersilakan Wakil Ladang untuk meneruskan ucapan. Sila.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Bismillahirrahmanirrahim. Alhamdulillahirrabbil alamin wassalatu wassalamu-ala asyrafil anbia iwamursalin wa-ala alihi wassahbihi ajmain. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Mulia Yang Dipertua Dewan, Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan, Yang Berhormat-Yang Berhormat, tuan-tuan yang dihormati sekalian. Alhamdulillah kita bersyukur kepada Allah S.W.T. kita bersidang hari ini cuma sebelum nak mula ni, nak mintak izin nak mintak penjelasan daripada Yang Dipertua, boleh tak?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Kalau Yang Berhormat-Yang Berhormat nak masuk Dewan biasanya dia kena beri notis dulu tak kalau tak nak masuk kerana cuti ke, ke luar negara ke macam mana?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ya, sepatutnya begitulah.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Sepatutnya begitu. Jadi, soalan yang seterusnya ada tak di antara Yang Berhormat yang tak hadir hari ini hantar notis kepada Yang Dipertua, takmboh mari ke Dewan kerana hal-hal tersebut, ada tak?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya dah maklum tadi Yang Berhormat secara umum tadi.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Tak dok.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Kita teruskan ucapan.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Jadi, bolehkah ini ditafsirkan kerana tidak hadir dan tidak dinotiskan itu bermakna tidak menghormati Yang Dipertua dan Dewan yang dihormati ini, boleh tak kita buat tafsiran begitu? Banyak soalan sikit ni, minta maaflah.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya ingat Ladang teruskan ucapan.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Tak nak tanya sebab ramai yang takdokkan. Dan juga boleh tak ditafsirkan bahawa ketidakhadiran ini untuk membahaskan Ucapan Titah Diraja ini maknanya tidak menghormati Yang Teramat Mulia Tengku Sri Panglima Raja selaku Yang Dipertua Majlis Penasihat Pemangku Raja Terengganu. Apakah itu juga boleh ditafsirkan begitu? Doksoh jawab, biarlah.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat macam berdikir karut ni. .... (Dewan Gelak) ..... Sila Yang Berhormat, sila.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Tak tanya aje, kalau tidak nak tanya masa mana lagi.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila Yang Berhormat, teruskan ucapan.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Ya. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, hari ini kita melihat catatan sejarahlah, kita memahat sejarah tapi bukan mencipta tamadun tetapi meruntuhkan tamadun. Tidak pernah berlaku Dewan ini bersidang tanpa Yang Berhormat tapi hari ini nampaknya telah berlaku mungkin kita boleh catatkan itu sebagai satu sejarah.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya juga ingin mengambil bahagian dalam membahaskan Ucapan Yang Teramat Mulia Tengku Sri Panglima Raja. Pertamanya, tentang yang disebut oleh Yang Dipertua Majlis Penasihat Pemangku Raja ini di muka surat 21. Berdasarkan kepada pemerhatian kita, pembangunan bandar perlu diberikan perhatian yang serius. Maknanya Tengku Panglima dia perhati keadaan bandar ini dan merasakan bahawa perhatian serius perlu diberi kepada pembangunan Majlis Bandaraya Kuala Terengganu. Saya fikir yang mendorong Yang Teramat Mulia Tengku Sri Panglima Raja bercakap begitu ialah kerana melihat banyak lagi fasiliti-fasiliti yang perlu diup-gradekan untuk memenuhi cita rasa atau sifat sebagai sebuah bandar raya. Ketika banjir baru-baru ini semua orang tahu bahawa keadaan di sekitar bandar raya di Kuala Terengganu ini hampir banjir dan air melimpah-limpah kerana kekurangan fasiliti perparitan atau longkang besar. Daripada jawapan yang diberikan kepada saya bahawa Fasa 1 Perparitan Kuala Terengganu telah selesai dengan perbelanjaan RM61 juta. Pelan Induk Perparitan Bandaraya Fasa 2 telah selesai pada tahun 2007 dengan harga RM61 juta. Fasa 2 ingin dilaksanakan

dengan kos RM228 juta. Selepas Pilihan Raya baru-baru ini ada pegawai yang bercakap hak saya remarklah: "Aah, kalah kita kalau tidak dapat hak RM200 juta hak Timbalan Perdana Menteri berjanji nak beri ke Bandaraya tapi takdok arahlah kalah" dia kata. Maknanya melambangkan seolahnya bila kalah ni peruntukan tak boleh, semacam janji pilihan raya begitu. Tapi alhamdulillah nampaknya pihak Bandararaya menyusul janji ini dengan menulis surat kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan untuk mendapatkan RM228 juta lagi. Saya tak tahu bilakah peruntukan ini akan diberikan dan apakah akan diberikan dan apakah nasib Fasa 2 Perparitan Induk Bandaraya ini? Saya mengesyorkan supaya pembinaan perparitan ini diberi perhatian serius, diberi *priority* supaya banjir tidak akan lagi berlaku di Kuala Terengganu ini dan kalau berlakupun dapat diatasi dengan baik dengan adanya sistem perparitan yang baik.

Keduanya, adalah tentang tempat-tempat perniagaan di bandar raya. Saya belum pasti apakah Bazar Warisan yang selalu disebut, saya juga ada menyebut tentang Bazar Warisan ini ada yang masih kosong dan adakah dibuat langkah-langkah yang konkrit supaya Bazar Warisan ini mendapat sambutan daripada pelancong-pelancong. Saya melihat masih belum berjaya dan eloklah dicari jalan supaya imej ini dipulihkan kembali. Imej supaya bandar raya ini maju dengan peniaga-peniaga orang Melayu yang berniaga di Bazar Warisan itu.

Berapa minit lagi ni Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua saya ada, dok khabor tadi?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya beri ruang sampai pukul 4.20 petang. Ke takdok dah Yang Berhormat?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Kemudian tentang pembangunan di kawasan saya, kawasan Ladang. Apabila saya bertanya tentang pembangunan Kampung Ladang ini, saya mendapat jawapan bertulis bahawa kawasan ini akan dimajukan dan akan diambil balik. Pengambilan balik akan dibuat dan kemudian tanah ini akan diserahkan kepada Lembaga Tabung Amanah Warisan. Jadi, saya tak tahu apakah konsep pembangunan yang akan dilakukan ini dan apakah boleh diberitahu kepada kita dan apakah nak ikut apa yang disebut oleh Yang Teramat Mulia Tengku Panglima di mana beliau mencadangkan supaya adanya pendekatan 'Pembangunan Sepakat', sayapun tak berapa jelas apa maknanya 'Pembangunan Tanah Sepakat', adakah berpakat dengan orang ramai, dalam muka surat 26: "Bagi tanah-tanah di dalam bandar pembangunan terutamanya dari segi keperluan perumahan boleh menggunakan kaedah ataupun pendekatan 'Pembangunan Tanah Sepakat' di mana Kerajaan boleh bertindak sebagai orang tengah dalam

membantu rakyat negeri membangunkan tanah masing-masing". Apakah konsep ini akan digunapakai untuk pembangunan tanah di Kampung Ladang, khususnya di Ladang Pelam dan Ladang Mengabang? Dan kalau boleh saya ingin terlibat sama dalam *planning* kalau boleh sebab ini kawasan DUN Ladang dan bolehlah sikit digunakan pengalaman-pengalaman lepas untuk membantu membina masyarakat di situ.

Yang ketiga ialah tentang bandar lagi iaitu tentang kemiskinan bandar. Kita selalu menyebut bahawa kadar kemiskinan telah menurun tetapi kemiskinan bandar terus berada di tahap yang lama, keadaannya memang teruk dan selalu keluar dalam surat khabar berkenaan dengan penempatan rumah-rumah yang buruk berada di DUN Ladang. Dan bayangkan tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati bagaimana rumah dua keluarga duduk tetapi memasuki pintu yang sama, nak masuk bilik yang kedua tu kena lalu bilik yang pertama tapi dua keluarga duduk menyewa dalam rumah yang sempit begitu. Ini berlaku/berada di belakang Sekolah Ladang dan telah keluar dalam surat khabar baru-baru ini, dan saya telah masuk ke rumah itu.

Kemudian sedikit tentang *'delivery system'* yang disebut oleh sahabat saya daripada Batu Buruk iaitu tentang 'Merakyatkan Pentadbiran'. Saya kurang jelas apa makna 'Merakyatkan Pentadbiran', ada disebut dua 'Merakyatkan Pentadbiran' dan 'Merakyatkan Pembangunan'. Apakah makna 'Merakyatkan Pentadbiran' ini menyerahkan kepada rakyat untuk terlibat sama dalam pentadbiran atau bagaimana? Apakah maknanya bahawa JKKK boleh memberi pandangan atau boleh menolak mana-mana atau membantu membuat keputusan oleh agensi-agensi Kerajaan. Ataupun apakah JKKK boleh menolak untuk tidak menandatangan surat-surat atau borang-borang yang perlu ditandatangani ini. Saya ada satu kes, ada seorang datang ke rumah yang rumahnya terbakar minta Pengerusi JKKK tandatangan, dia tulis di situ (borang) Pengerusi atau Imam, kebetulan Pengerusi dan Imam adalah orang yang sama, jadi dia kata: "Pergi kat orang Paslah, pergi kat Yang Berhormat Pas sain, saya takmboh sain". Apakah Yang Amat Berhormat setuju terus JKKK bersikap begini ataupun memang begini kehendak pentadbiran. Saya sedihlah melihat mangsa rumah terbakar minta sainpun takmboh sain jugak, ini politik lebih pada orang politik agaknya.

Kemudian beralih sedikit kepada MAIDAM, tanah-tanah wakaf. Tanah-tanah wakaf ini luas ada 600 ekar lebih tapi kebanyakannya Wakaf Kubur, Wakaf Masjid tapi ada satu lagi wakaf dipanggil Wakaf Khas ada lebih 306.8 ekar, saya tak pasti khas ini khas apa tak tahu. Tapi selain daripada tanah-tanah wakaf, saya juga yakin dan percaya bahawa ada tanah-tanah yang dimiliki oleh Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu.

Apakah tanah-tanah ini tidak mahu *didevelopkan*, tidak mahu dibangunkan kerana jika ditinggal begitu sahaja, sayang kerana ia milik orang Islam tapi tanah tidak dibangunkan dengan baik. Walaupun memang telah ada dibangunkan sebahagiannya tapi saya yakin banyak lagi tanah-tanah yang boleh dibangunkan dengan pembangunan yang boleh difikirkan bersama untuk kebaikan umat Islam sendiri. Saya anjurkan supaya MAIDAM mengambil daya inisiatif untuk membanyakkan lagi pembangunan tanah-tanah yang dimiliki oleh MAIDAM sendiri.

Yang keenam ialah sedikit tentang pendidikan. Disebut bahawa Negeri Terengganu merupakan negeri pertama yang akan membekalkan e-book *(electronic book)* kepada penuntut-penuntut/pelajar-pelajar di Tahun 5. Sekarang ini terpaksa kita import dulu daripada Shanghai katanya kerana *factory* kita belum siap. Cuma saya nak bertanya apakah telah dibuat kajian bahawa dengan menggunakan e-book dengan memasukkan *text book* ke dalam e-book ini akan meninggikan prestasi para pelajar hanya kerana memasukkan buku teks ke dalam e-book (laptop) dan bawa ke sekolah baca laptop, baca buku teks melalui laptop atau apakah laptop ini boleh digunakan untuk perkara-perkara yang lain, boleh dimuat turun dan sebagainya. Dan apakah e-book ini tidak akan disalahgunakan oleh keluarga pelajar itu, apakah mereka boleh muat turun, masuk ke, main game ke apa saya tak pasti tapi itu perlu kepada penjelasan. Saya yakin kalau hanya memasukkan buku teks ke dalam e-book, ke dalam laptop saya fikir itu bukan caranya untuk meninggikan prestasi, saya fikir elok juga jika diberi penjelasan mungkin laptop ini boleh digunakan juga untuk perkara-perkara yang lain, itu perlu kepada penjelasan nanti.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: 3½ minit, Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Berkenaan dengan pendidikan juga, saya ingin menyentuh tentang PPSMI (Pembelajaran dan Pengajaran Sains dan Matematik Dalam Bahasa Inggeris). Saya tak tahu mengapa Kerajaan terlalu berdegil untuk mempertahankan pengajaran ini sedangkan seluruh bijak pandai, ahli bahasa, ahli matematik, ahli sains semuanya membuat cadangan dan mengesyorkan supaya PPSMI ini diberhentikan kerana dia dari segala aspek telah dikaji bahawa dia tidak memberikan kebaikan yang menyeluruh kepada anak-anak kita. Nak belajar Bahasa Inggeris, belajarlah tetapi bukan dengan cara ini. Adakan satu kurikulum Bahasa Inggeris yang cukup menyeluruh belajarlah tetapi bukan menjadi mangsa kepada pengajaran sains dan matematik. Sains tak boleh, matematik tak boleh, Bahasa Inggerispun tak pergi ke mana. Jadi, sekali lagi saya mintak pendirian daripada Kerajaan Negeri tentang soal ini.

Tentang ECER, saya kadang-kadang keliru projek yang bagaimanakah berkaitan dengan projek-projek ECER dan apakah projek yang dinamakan projek daripada Kerajaan Negeri. Apa bezanya antara projek-projek ini, yang ini ECER, yang ini tidak ECER. Bolehkah diberi penjelasan tentang soal-soal ini, yang macam projek Plastik tu dikatakan projek ECER, projek-projek lain tu bukan projek ECER atau bagaimana?

Kemudian sikit tentang Lapangan Terbang yang baru yang mengunjur ke laut itu, saya tak pasti apakah memang telah dibuat *feasibility study* tentang perkara itu. Kalau ada siapa yang buat dan apakah keputusan *feasibility study* itu, kita mintak juga jawapan.

Sikit lagi ialah tentang syor daripada Wakil Rakyat daripada Kemasik supaya mintak, pilihlah Wakil Rakyat yang prihatin. Saya bersetuju, maknanya prihatin ini maknanya kalau bersidang marilah, kalau Dewan panggil mari, itu prihatin namanya kalau tidak tidak prihatin jadi doksoh pilihlah hak-hak begitu lain kali, mudah aje. Jadi, saya fikir itu sahajalah Dato' Yang Dipertua, Yang Dipertua duk tengok-tengok nampaknya nak suruh berhenti, jadi saya berhentilah. Okey terima kasih, assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Wakil Ladang kerana menepati masa. Jadi saya jemput Wakil Rhu Rendang.

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN AWANG (Wakil Rhu Rendang): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Alhamdulillahi-ala nikmatihi waqutlih wassalatuwassalamu ala Sayyidina Muhammadin wasahbih. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Ahli-ahli Yang Berhormat dan seluruh Ketua-ketua Jabatan dan Pegawai Kerajaan serta Pemerhati sekalian. Dalam menyertai Perbahasan Junjung Kasih Titah Ucapan yang menjadi dasar Kerajaan, suka saya menarik perhatian kepada beberapa perkara yang perlu diberi perhatian oleh semua pihak khususnya pihak Kerajaan. Yang pertama-tamanya tema Kerajaan Negeri 'Merakyatkan Pentadbiran dan Pembangunan' itulah roh daripada amalan demokrasi kerana demokrasi itu sendiri menyerlahkan kuasa rakyat di dalam membentuk Kerajaan dan itulah maksud daripada perkataan demokrasi yang disebut dalam Bahasa Latin 'democratia', dalam Bahasa Greek 'demoscratus' yang bermakna 'kuasa rakyat'. Rakyat memilih Kerajaan melalui pilihan raya bukan sahaja mereka yang menjadi Ahli Dewan dari kalangan Parti Kerajaan yang dipilih oleh rakyat dalam masa yang sama Kerajaan tidak boleh menafikan Ahli-ahli Dewan daripada Pembangkang bahkan di dalam negara yang maju telah memakai pilihan raya secara peratusan bukan secara kawasan pilihan raya supaya tidak menafikan

pandangan rakyat terhadap calon yang mereka pilih dalam pilihan raya. Maka Kerajaan dalam amalan demokrasi adalah pemegang amanah untuk menunaikan tanggungjawab mengendalikan urusan negara, mengendalikan urusan rakyat dan mengendalikan sumber-sumber yang ada dalam negara bagi kemajuan sebuah negara dan negeri di peringkat negeri. Maka Wakil-wakil daripada Pembangkang bertanggungjawab sebagai penasihat, mereka tidak seharusnya menjadi Pembangkang secara semborono, perlu memberi pandangan bukan membangkang semata-mata dan menyokong perkara yang baik sebagaimana yang diajar oleh konsep Islam menyuruh kepada yang baik dan mencegah kemungkaran. Sepatutnya dalam negara yang mengamalkan sistem Demokrasi Berparlimen tidak berlaku diskriminasi di dalam pentadbiran, tidak berlaku *double standard* di dalam memberi hak kepada rakyat, tidak timbul masalah adanya jabatan-jabatan yang mengenepikan hak rakyat kerana ada campur tangan daripada kalangan politik dan adanya JKKK yang boleh campur tangan dan memberi keadilan kepada rakyat kerana keadilan yang diajar oleh Islam dan diambil oleh barat dalam amalan demokrasi adalah untuk semua rakyat di dalam negeri sama ada yang menyokong Kerajaan ataupun yang menentang Kerajaan. Sebagaimana yang ditunjukkan oleh keadilan Allah S.W.T. memberi rezeki kepada hamba-hamba-Nya yang Islam dan yang bukan Islam, yang baik yang jahat. Adapun yang jahat melakukan jenayah dihukum kerana kesalahan jenayah dan kesilapan yang dibuat tetapi tidak dinafikan hak-haknya sebagai hamba Tuhan. Begitulah tidak dinafikan haknya sebagai rakyat dalam merealisasikan tema 'Merakyatkan Pentadbiran dan Pembangunan'. Saya mengingatkan Kerajaan supaya meninggalkan amalan projek kebanggaan dan kemegahan yang membelanjakan wang yang besar untuk bermegah dan berbangga seperti Monsoon Cup, Taman Tamadun Islam dan lain-lain, rakyat hanya dijemput menjadi tukang sorak sahaja dan mereka tidak mendapat hasil sebagai apa yang sepatutnya daripada projek yang dilaksanakan itu. Sepatutnya hendaklah diutamakan keperluan-keperluan rakyat yang merintih, janganlah lagi kita mengulangi peristiwa tahun '78 sehingga '98, tahun '99 sehingga 2004. Tahun '78 - '98 kita mendapat royalti petroleum, mendapat hasil yang begitu banyak di peringkat negeri sehingga kekayaan negeri dianggarkan yang kedua di Malaysia. Dalam masa yang sama kadar kemiskinan juga yang kedua, ini sangat malang. Dalam tahun 1999 - 2004, kita mengalami royalti yang dinafikan kerana parti lain yang memerintah, tidak menghormati Perlembagaan, tidak menghormati amalan demokrasi, tidak menghormati suara rakyat yang memilih kita secara demokratik. Dan tahun 2004 - 2008 ini, kita tak mahu lagi berlaku perkara-perkara negatif seperti ini. Melambat-lambatkan untuk mengembalikan hak Kerajaan Negeri, saya mengalu-alukan usaha yang dibuat oleh Kerajaan Negeri untuk menyegerakan peruntukan ini dan kami menyokong di Parlimen dengan sepenuhnya sebagaimana dulu, sekarang dan sehingga hari ini. Sebagaimana kita Pembangkang menjadi Kerajaan dan seterusnya kita

menunaikan hak kita sebagai rakyat dalam negara ini. Kita perlu menyedari kita sedang menghadapi krisis ekonomi yang merupakan fenomena yang melanda dunia akibat daripada kerakusan manusia sendiri. Berpunca daripada berbangga dengan akal dan menolak agama berlakunya amalan-amalan yang tidak beragama, muamalah riba yang diharamkan oleh Islam menjadi punca yang besar kemelesetan ekonomi. Dan berlakunya ketidakadaan akhlak di dalam amalan ekonomi, kalangan yang berniaga di atas angin yang tidak ada aset yang berlumba-lumba untuk merebut kekayaan, berlakunya riba, berlakunya rakus dan berlakunya rasuah untuk mendapat projek-projek yang besar. Ini semua adalah bahana yang menghancurkan ekonomi negara, oleh itu Kerajaan Negeri perlu proaktif di dalam mengatasi masalah ini walaupun kita berada di peringkat Malaysia dan Malaysia di dalam dunia yang kita rasa tak apa, Malaysia tak terjejas kerana kita dalam dunia kalau dunia terjejas kita juga terjejas. Oleh kerana itu Kerajaan perlu menggunakan aset, perlu menggunakan hasil, perlu menggunakan pendapatan yang ada untuk persediaan menghadapi masalah ekonomi. Saya baca dalam Titah Ucapan Dasar Kerajaan, Jabatan Agama dicatat akan dapat mengendalikan Baitumal Wang Syubhah, jangan kita bangga dengan mengendalikan Wang Syubhah, di sana banyak lagi duit dalam Baitumal, duit zakat, mengapa duit-duit ini tidak dikendalikan dengan cara yang sebaiknya sebagai sumber untuk mengatasi masalah ekonomi rakyat yang sedang menghadapi tekanan hidup kerana harga barang yang melonjak, kerana berbagai-bagai masalah inflasi yang berlaku dalam negara. Oleh kerana itu, Kerajaan perlu berusaha menganjurkan program-program keperluan asasi rakyat, program pertanian bagi menghasilkan makanan yang cukup bagi Negeri Terengganu bagi mewujudkan industri bagi Negeri Terengganu. Industri kemudahan asas kepada rakyat, industri kemudahan pertanian, industri kilang baja, kilang makanan haiwan, kilang racun dan sebagainya. Sehingga hari ini saya masih ingat lagi dalam tahun '60an dulu Menteri Pertanian, Al-marhum Ali Ishak di masa itu, berusaha untuk mendapatkan kilang baja bagi Pantai Timur kerana Pantai Timur kawasan yang ramai didiami oleh orang Melayu yang rata-rata miskin. Beliau bertegas dengan Kerajaan Pusat yang lebih mengutamakan Pantai Barat, lebih mengutamakan kawasan yang lain sehingga beliau meletakkan jawatan daripada Kabinet dan keluar parti dalam tahun '60an. Oleh kerana itu, kita perlu berusaha supaya menggunakan wang petroleum yang akan dapat itu, menggunakan sumber-sumber yang ada bagi Negeri Terengganu, jangan kita bergantung kepada petroleum selama-lamanya kerana itu bukan hasil yang kekal, bukan hasil selama-lamanya, bila menghadapi masalah penurunan harga minyak sudah menjadi masalah belum lagi hasil petroleum dapat dihabiskan. Hal-hal seperti ini hendaklah menjadi perhatian kepada Kerajaan.

Aspek yang penting dalam menggalakkan kemajuan negara ialah aspek perpaduan. Perpaduan perlu diwujudkan di kalangan rakyat dan Kerajaan perlu menunjukkan contoh perpaduan ini. Kami mengalami dalam masalah politik tahun '59, Pas pernah memerintah Negeri Terengganu, tahun '61 kita dijatuhkan dengan Undi Tidak Percaya, kita sabar, kita tak turun di jalan raya tak buat semborono macam Thailand walaupun kita boleh mengerah rakyat yang ramai 100,000 bukan 100,000 seluruh rakyat Malaysia tapi 100,000 boleh menimbulkan huru hara Pas boleh mengerah dalam isu SPR, dalam isu bahasa dan lain-lain tapi itu bukan cara kita. Kita perlu memikul tanggungjawab bersama secara demokratik maka kita tunggu 40 tahun. Setelah tahun '59, '99 kita sabar dan kita memerintah kita jatuh lagi tahun 2004 dengan cara yang kita tak puas hati tapi kita mahu mengambil alih kuat kuasa secara demokrasi tidak secara pintu belakang. Dengan sebab itu saya menasihatkan supaya Ahli-ahli Dewan Undangan di pihak Kerajaan supaya memberi masa kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar untuk menjalankan tugasnya dalam tempoh ini kalau nak tukar nanti biar habis tempoh dulu. Jangan buat kerja di tengah jalan, colek tengah jalan, tumbang di tengah jalan, ini suatu cara yang tidak baik, bukan sahaja tak baik dipandang oleh rakyat bahkan menghilang keyakinan pelabur kepada Negeri Terengganu ini. Ini hal-hal yang perlu diambil kira dan kita perlu menyedari bahawa aspek yang penting dalam mewujudkan perpaduan ialah konsep yang diamalkan di dalam sebuah Kerajaan, yang pertama kongsi adil, adil kepada semua. Rakyat tidak boleh disatukan kerana duit, tidak boleh disatukan dengan benda, ada orang menyatakan perpecahan boleh berlaku dengan jurang ekonomi, bukan begitu. Di negara yang kaya macam United Kingdom pun berlaku, di negara yang maju boleh berlaku antara satu sama lain, negara besarpun boleh berlaku tetapi konsep adil merupakan satu konsep yang memuaskan hati manusia, adil inilah yang boleh menghilangkan kemarahan, yang boleh menghilangkan permusuhan di antara satu sama lain. Dan konsep terbuka terhadap semua, Kerajaan tidak boleh keras kepala, mestilah boleh menerima pandangan-pandangan semua pihak yang baik diterima, yang tak baik ditolak. Hendaklah bersikap terbuka bukan sahaja terhadap Pembangkang termasuk terhadap Kerajaan sendiri, kita melihat negara-negara yang maju dalam demokrasinya seperti di Amerika, Parti Kerajaan boleh bangkang Kerajaan. Di England Parti Kerajaan boleh bangkang Kerajaan tetapi bangkang dalam perkara-perkara yang positif bukan dalam perkara yang mengejar kuasa antara satu sama lain bangkang dalam perkara positif dan dia tidak diambil tindakan disiplin. Tetapi demokrasi dalam Negara Malaysia ini jadi tertutup kalau jadi Parti Kerajaan tidak boleh bangkang kalau bangkang akan diambil tindakan disiplin. Ini suatu perkara yang perlu kita hapuskan, suatu fenomena yang menghakiskan demokrasi dalam negara kita dan kita jangan anggap kita ini akan berkuasa selama-lamanya sampai kiamat, manusia ada ajal, Kerajaan yang memerintah dan partipun ada ajalnya dengan sebab itulah di England, Parti Konservatif tidak

kekal selama-lama, Liberal Parti tidak kekal selama-lama. Di Amerika begitu jugak, Republikan tidak selama-lama, ini kita mahu memerintah selama-lama tak ada tempoh untuk bersara, tak ada tempoh untuk berehat, tak ada tempoh untuk membetulkan diri walaupun yang memerintah dalam keadaan kucar kacir mahu memerintah juga sampai bila-bila tak mahu beri peluang kepada orang lain. Dipindanya undang-undang, dipindanya peraturan jugak dibuat berbagai-bagai helah untuk menang selama-lama. Ini suatu sikap yang tidak menguntungkan negara dan rakyat.

Dan seterusnya, saya menarik perhatian supaya kita memperkasakan Islam. Islam adalah contoh kepada semua ideologi dan semua agama sebagaimana yang disebut oleh Allah di dalam Quran yang bermaksud: "Dialah yang telah mengutuskan Rasul-Nya dengan petunjuk dan agama yang sebenar untuk mengatasi supaya agama ini mengatasi segala agama, ideologi dan ajaran yang lain". Dalam penggal yang lalu dalam masa kami memerintah, kami telah membuat satu pindaan kepada Undang-Undang Diri Negeri Terengganu. Apabila kita mencatatkan Undang-Undang Diri hukum yang tertinggi bagi Negeri Terengganu ialah Quran, Hadis, Ijmak, Ulama dan Qias, di mana tunggak ini tidak mengikat kerja-kerja pentadbiran yang kita lakukan. Saya sedar di sana ada bidang kuasa Kerajaan Negeri yang terhad dan di sana ada bidang kuasa Kerajaan Pusat yang tidak ada pada Kerajaan Negeri dengan sebab itu kita kendalikan dalam perkara yang berada di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri dalam masalah hukum tanah yang berkait dengan rakyat ini ada hukum Islam, dalam masalah ekonomi yang saya sebut tadi Baitumal dikendalikan muamalah Islam, dalam masalah pendidikan kita perlu menekan pendidikan Islam kerana pendidikan yang lain telah menemui kebuntuan dalam menyelesaikan membangun manusia. Masalah ini ialah masalah krisis kemanusiaan, maka peranan agama perlu diberi tempat. Di tahun-tahun '60an yang lalu masih ada lagi Sekolah Agama Fardhu Ain di waktu petang, waktu paginya Sekolah Kebangsaan, waktu petang Sekolah Agama. Fardhu Ain tak ditinggalkan, ilmu dunia tak ditinggalkan, Fardhu Ain wajib ada pada tiap-tiap orang bukan sahaja Ulama termasuklah Doktor, Engineer dan lain-lain di kalangan profesional dia mesti tahu Fardhu Ain. Kepada yang bukan Islam Ilmu Akhlak, ini mesti ada, mesti wujud tetapi kita ketepikan perkara ini kerana kita mengejar ilmu-ilmu duniawi yang memberi kemajuan semata-mata tanpa mengira ilmu pembangunan diri manusia, akhlak dan perangai, ini yang menjadi masalah. Masalah pendidikan, kita sedar di sana ada bidang yang tertentu di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri. Dalam bidang inipun Kerajaan Negeri boleh memainkan peranan yang sebaik-baiknya. Di antaranya ialah dalam merealisasikan penolakan terhadap PPSMI .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: 3 minit lagi Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN AWANG (Wakil Rhu Rendang): Ya, terima kasih. Pembelajaran Bahasa Inggeris dalam sains dan matematik. Ini telah ditolak oleh UNESCO, UNESCO suatu Persatuan Pendidikan Bangsa-Bangsa Bersatu telah membuat kajian 20 tahun bahawa pengajian sains dan matematik dalam bahasa asing adalah gagal, mesti dalam bahasa sendiri, tidak dinafikan bahawa bahasa asing kita perlu untuk membanyakkan ilmu tapi nak menghantarkan kepakaran mesti dengan bahasa asing negeri masing-masing tapi nak mengilmukan rakyat mestilah dengan bahasa ibunda masing-masing. Kita telah menerima hakikat Bahasa Melayu adalah bahasa kebangsaan, kita tubuhkan Dewan Bahasa, dengan sebab itu kita mintak Kerajaan Negeri memainkan peranan dalam menghidupkan Bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu melalui bidang kuasa Kerajaan Negeri walaupun kita tak mampu nak buat di peringkat Pusat. Hidupkan kembali tulisan jawi, orang Cina ada tulisan dia, orang India ada tulisan Tamil. Kita orang Melayu mana tulisan kita? Tulisan jawi sudah hilang. Zaman British, Perjanjian Pangkor dalam tulisan jawi, zaman baru Merdeka 'Risik Tanah' dalam tulisan jawi. Tahun '60an – '70an hilang tulisan ini, bukan tak boleh tulisan rumi tapi kita menghilangkan jiwa bangsa kita sendiri. Cina ada tulisan dia, Tamil ada tulisan dia, orang Melayu mana tulisan yang asal kita? Ini kita sudah ketinggalan zaman, hal-hal seperti ini perlu diambil perhatian oleh Kerajaan. Oleh kerana masa sudah tidak mengizinkan. Sekian, terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Yang Berhormat Rhu Rendang. Wakil Manir kita tamat sebelum pukul 5.00 Yang Berhormat, ya. Sila.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua Dewan, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Ahli-ahli Dewan, Ketua-ketua Jabatan, Pegawai-pegawai Kerajaan, para Pemerhati yang dihormati dan dikasihi sekalian. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera. Dalam kesempatan yang ringkas ini, saya mengucap terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua kerana pada kali ini saya dapat menyumbangkan sedikit padangan saya terhadap Usul Ucapan Terima Kasih Kepada Yang Teramat Mulia Yang Dipertua Majlis Penasihat Pemangku Raja yang disampaikan pada hari semalam.

Sebelum saya menyentuh beberapa perkara yang disebut itu saya ingin menarik perhatian bahawa kita manusia ini tidak dibiarkan oleh Allah S.W.T. hidup dalam keadaan meraba-raba. Segala keperluan yang diperlu oleh manusia, Allah sebagai pencipta manusia dan alam ini Allah telah menyediakan

segala keperluan manusia dari sudut kerohanian dan jasmani. Sebabnya Allah Taala jadikan manusia itu satu makhluk yang sangat mulia dan sangat cantik kejadiannya (membaca petikan ayat Quran yang bermaksud): "Kami ciptakan manusia itu dalam bentuk kejadian yang paling cantik berbanding dengan makhluk-makhluk yang lain." Walaupun kerbau, lembu, kambing, gajah sama-sama mempunyai dua kaki dan dua tangan dan manusia jugak mempunyai dua kaki dan dua tangan. Dua kaki, dua tangan manusia tidak sama dengan dua kaki dua tangan binatang-binatang atau makhluk-makhluk. Kaki kedua-duanya terpacak ke bawah dan tangan juga terpacak ke bawah menyebabkan sebahagian daripada anggota haiwan-haiwan tertunduk ke bawah, mulutnya dekat dengan bumi, matanya dekat dengan bumi. Mereka sering melihat bahan-bahan makanan yang ada di hadapan mereka, sama ada bahan makanan itu milik tuannya atau milik orang lain, mereka menganggap itu bahawa bahan makanan untuk mereka sebab itu timbul pada pagi tadi yang saya sebut masalah gajah. Bahan-bahan makanan di dalam hutan dan rimba itu sudah terlalu banyak tetapi mereka mendekat dan memakan, memamah bahan-bahan yang disediakan untuk manusia. Jadi, untuk mengurus kehidupan manusia sama ada dalam bidang kerohanian ataupun kejasmanian dalam hubungannya dengan diri sendiri, dalam hubungannya dengan Allah S.W.T., dalam hubungan di antara Kerajaan dan rakyat, antara negara dengan negara, Allah S.W.T. tidak membiarkan manusia meraba-raba mencari kaedah dan dasar, malah Allah Taala menyediakan segala-galanya dalam kitab Allah S.W.T. ataupun di dalam Hadis-hadis Rasulullah S.A.W. dan juga dalam penghayatan Rasulullah dalam bidang politik, dalam bidang komunikasi dan jugak sahabat-sahabat Rasulullah yang terbilang. Sebab itu Allah Taala menyebut manusia ini sebagai Khalifah, Khalifah yakni yang membangun, yang memerintah, memimpin dunia ini mengikut syariat yang diturun oleh Allah sebab itu dipanggil manusia sebagai Khalifah Allah. Allah Taala tidak turun sendiri memimpin dunia tapi Allah Taala menghantar manusia melalui perutusan para Nabi dan para Rasul untuk memandu manusia, memimpin manusia ke arah yang mendapat kesenangan di dunia dan di hari Akhirat. Dalam bahasa yang lain Allah Taala jugak di dalam Al-Quran (membaca petikan ayat yang bermaksud): "Kami ciptakan jin dan manusia adalah semata-mata untuk mengabdikan diri kepada Allah S.W.T." Alangkah indah dan baiknya kalau ini difahami oleh semua manusia atau kebanyakan manusia lebih-lebih lagi yang memimpin dan jugak yang dipimpin, bukan sahaja yang memimpin tetapi juga yang dipimpin mereka adalah hamba Allah, semuanya tertakluk kepada hukum-hakam Allah, titah perintah Allah S.W.T. Dan jika itu berlaku kemungkinan kehidupan manusia lebih baik daripada apa yang kita lihat sekarang. Berlaku perpecahan di kalangan manusia disebut oleh Allah S.W.T. antara sebabnya ialah (membaca petikan ayat dalam Surah Al-Maidah ayat 14). Bila mereka lupa sebahagian sahaja apa yang diperingat oleh Allah S.W.T., mungkin mereka tidak lupa dari sudut ibadat, bila Allah Taala mengarahkan mereka

bersembahyang mereka sembahyang, bila Allah Taala mengarahkan mereka berpuasa mereka berpuasa, bila Allah Taala mengarahkan mereka berkahwin walaupun sampai dua, tiga dan empat, mereka berkahwin ikut peraturan. Mereka ikut itu tapi sebahagian besar daripada apa yang diarah oleh Allah S.W.T. mereka lupa bila Allah Taala mengatakan (membaca petikan ayat Quran yang bermaksud): "Hendaklah kamu memimpin dan memerintah negara mengikut apa yang diturunkan oleh Allah." Yang ini ramai manusia lupa, Kerajaan-kerajaan bukan sahaja Kerajaan Negeri Terengganu, Kerajaan Malaysia dan banyak Kerajaan lain di dunia ini selepas dia lafaz Islamiah dia jatuh, selepas Kerajaan Islam gugur mengikut ajal yang ditetapkan oleh Allah Taala. Maka negara-negara umat Islam difaraidkan (dijajah), mereka dipaksa untuk menerima sistem pendidikan yang menyebabkan tidak membolehkan mereka memahami Islam dari sudut politiknya, dari sudut ekonominya, dari sudut pentadbirannya, dari sudut pendidikannya dan sebagainya. Oleh sebab itu, mereka bersembahyang mengikut ajaran Allah dan mereka mentadbir negeri tidak mengikut ajaran Allah. Mereka membangun ekonomi tidak mengikut ajaran Allah S.W.T. walaupun mereka berpuasa mengikut ajaran Allah maka berlaku berpecahan yang bermakna Dato' Yang Dipertua, antara sebab-sebab yang disebut oleh Allah S.W.T. dalam Al-Quran. Yang kedua dikatakan: "Manusia itu selalu mengikut apa yang dilakukan oleh pemimpin-pemimpin mereka." Kalau diterjemah dalam setiap perkataan 'manusia itu berada di dalam mengikut agama pemimpin-pemimpin mereka, jika pemimpin-pemimpin mereka menganut satu-satu fahaman mereka mengikut satu fahaman.' Dalam konteks kita Malaysia ini khusus ..... Maaflah Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua. Bila berlaku berpecahan di kalangan Pemimpin-pemimpin Tertinggi Umno di peringkat Pusat maka dia nak melarat ke Negeri Terengganu sama ada sengaja atau tidak sengaja. Saya tidak tahu dalam Dewan Undangan Negeri ini dari kalangan Wakil-wakil Rakyat yang secara langsung atau tidak langsung menjadi pemimpin Umno di tempat masing-masing, dia dok tahu masuk dalam tin (team) mana? Tin Coca Cola ke, tin Milo kita dok tahu. Perpecahan di peringkat Pusat hebat sekali, ini bukan saya yang menyatakan, sebelum ini ialah orang lain yang menyatakan. Persidangan Umno yang lalu menyaksikan satu perkara yang sangat-sangat tidak menyenangkan. Kebanyakan Perwakilan bercakap tentang politik wang, pemimpin-pemimpin yang dipilih ialah pemimpin-pemimpin yang banyak wang atau pemimpin-pemimpin yang mempunyai bantuan kewangan yang besar maka/lalu dia dapat, kemungkinan dengan membeli undi atau memberi wang sagu hati kepada orang-orang yang memilih. Sebab itu di dalam Ucapan Tangguhan/ Gulungan yang disampaikan oleh Presiden Umno yang baru berkali-kali dia tegaskan, di antara yang disebutkan politik wang ini adalah kemungkinan besar berpunca daripada sistem kuota, tak cukup kuota lagi Presiden tak bertandinglah, Timbalan bertanding, tak cukup kuota 2 lagi, dekat dah nak

sampai untuk bertanding, jadi mana nak cari tak ada orang nak beri sokongan secara sukarela, mungkin ada orang yang bersedia untuk memberi sokongan dengan bayaran-bayaran yang tertentu, maka politik wang terpaksa digunakan. Saya tidak tahu di Negeri Terengganu ini berlaku atau tidak dan saya berharap di Negeri Terengganu tidak berlaku perkara itu walaupun selepas pemilihan di peringkat Bahagian di Negeri Terengganu ini ada di kalangan mereka bercakap yang tidak menang, mereka berkata kerana politik wanglah menyebabkan dia tidak menang, itu berlaku mungkin di kawasan saya di Hulu Terengganu. Tapi bukan daripada Paslah, sahabat sayalah, saya tidak mengesahkan betul atau tidak tapi ada orang bercakap.

Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, Pilihan Raya lalu ialah pada 8hb Mac 2008. Itulah kali pertama paling sulit bagi Barisan Nasional untuk menubuhkan Kerajaan, saya tidak tahu sebab apapun. Sebelum daripada itu ada Ketua Bahagian yang gugur yang mencatatkan satu perubahan yang luar biasa, biasa Ketua Bahagian boleh jadi Ahli Parlimen sebab Ketua Bahagian itu dipilih oleh penyokong-penyokong dia di peringkat kawasan itu, di peringkat bahagian itu. Tetapi ada Ketua-Ketua Bahagian yang diketepikan, saya tidak tahu siapa yang mengenepikannya akibat daripada kesulitan memuktamadkan satu-satu calon di kawasan-kawasan Parlimen atau Dewan Undangan Negeri maka berlaku kesulitan pula untuk membentuk Kerajaan dalam waktu yang singkat.

YANG BERHORMAT ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Laluan sikit Dato' Yang Dipertua, boleh dok?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ya.

YANG BERHORMAT ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Saya ni sebenarnya takmboh cakap sangat tapi bila saya dengar Yang Berhormat Manir mengarut, merata, bahan Titah Ucapan ke apa benda ni, sayapun pening gok dengar ni. Jadi, kita mintak tolonglah sebab tadipun Yang Berhormat Rhu Rendangpun beritahu bahawa kalau kita nak menegurpun tegur dengan cara yang molek, ini macam Mesyuarat Umnolah pulak, cara habis tepi kain orang.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Terima kasih Yang Berhormat Wakil Telemong. Kalau baca dalam terdapatlah apa yang saya sebut di akhirnya ada, Yang Teramat Mulia Tengku Sri Panglima Raja menasihatkan supaya kekhilafan politik, berlainan fahaman, jangan menyebabkan perjalanan, pemerintahan, pembangunan negeri ini menjadi tidak licin. Jadi itulah yang saya sebut di sini, kitapun tidak mahu campur tangan dalam rumah tangga orang sebab itu sikap kita jelas siapa hak yang dipilih oleh pihak yang berkuasa memilih sebagai Menteri Besar ke, Exco

ke, kita terima sahaja. Sebagaimana tahun 2004 - 2008 -kita terima, kita tak ada apa-apa, kita tak bantah. Kita ingat 2008 - 2013 pun siapa yang dilantik kita terima, kita menerima hakikat kita tidak menang majoriti dalam pilihan raya yang lepas. Walaupun kita tidak memiliki majoriti dalam pilihan raya yang lepas tapi kita bersedia sebab pengalaman kita, kerja kita untuk mengajak bukan sahaja rakyat tapi kalau boleh Kerajaan supaya balik ke pangkal jalan iaitu kita orang Islam balik ke Islam. Islam yang tidak menindas, Wakil Bandar harap maaf kita bukan menindas. Islam yang memberi rahmat kepada semua orang. Dia masuk Islam, belum masuk Islam dia mesti mendapat rahmat daripada Islam melalui pemerintahan yang berasaskan kepada Islam. Jadi, saya terkejutnya satu lagi apabila Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua katanya ramai orang tak mari kerana jaminan keselamatan tak ada. Saya ingat ke masing-masing ada rehat ke, maklumlah kehadiran ini bebas, nak mari tak apa, takmboh mari tak apa takdok masalah cuma jangan sampai Dewan tak cukup korum sudahlah, tak boleh mesyuarat. Dewan kena cukup 8 orang aje, kami yang mari 8 orang ini orang lain tak mari semua cukup korum tapi nak mesyuarat macam mana tak tahulah ...(dalam gelak) .... Tapi bila dikatakan tidak ada jaminan keselamatan, kalau mari mati umpamanya, kami orang Pas ni dia berjuang dan bercita-cita nak Mati Syahid, sedar-sedar mari kalau kena bompun nak buat macam mana, Mati Syahid, dapat pahala besar, bukan kita yang dapat masuk Syurga anak beranak boleh panggil lagi 70 orang. Kalau kita Mati Syahid dalam Syurga tu kita tengok ayah kita tak ada, mak kita tak ada, kitapun minta kepada Allah: "Mana 70 orang yang kamu janjikan." Dia kata: "Mereka tidak berjuang macam kamu." Kita kata: "Tapi walaupun begitu kami berjuang untuk mereka juga." Saya tak nampak ada orang takut mati masuk Dewan Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, kalau betullah begitu, saya tak tahu.

Jadi, Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, oleh sebab saya duduk lama dalam Dewan saya bercakap mungkin begitu dan kadang-kadang malu nak bercakap tentang masalah kemelesetan ekonomi. Dalam Quran Allah Taala sebut dengan jelas (membaca petikan ayat Quran yang dihuraikan seperti berikut): Jadi, secara jelas memang Allah telah menciptakan manusia dan Allah menciptakan benda-benda yang diperlukan oleh manusia sama ada dalam bentuk makanan, dalam bentuk peraturan, dalam bentuk undang-undang, dalam bentuk sumber-sumber yang diperlukan oleh manusia bukan sahaja untuk makan tapi sama ada industri pemakanan, persenjataan dan sebagainya. Jadi, Allah Taala sebut dalam (Membaca petikan ayat Quran yang bermaksud): "Nikmat Allah itu tidak terhingga banyaknya untuk manusia .....".

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat panjang lagi?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Panjang lagi Dato' Yang Dipertua, baru nak keluar peluh ni .... (Dewan Gelak) .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Masa Yang Berhormat ada seminit lagi. Saya ingat saya beri sambung esoklah dalam 10 minit lagi.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Boleh, boleh, pada seminit baik sambung esok selalulah boleh 10 minit.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: 10 minit besok.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Insya Allah, terima kasih banyak-banyak Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, sekarang saya nak menangguhkan sidang ini sampai ke pukul 9.30 pagi besok. Jadi, sebelum kita tangguhkan sidang ini mudah-mudahan sepanjang masa kita bersidang dan insya Allah selepas kita bersurai daripada sidang ini kesemuanya akan mendapat keberkatan Allah S.W.T. dan untuk itu marilah sama-sama dengan ikhlas kita membaca Surah Al-'Asr. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

DEWAN DITANGGUHKAN PUKUL 5.00 PETANG.

PERSIDANGAN

PADA HARI RABU, 15 APRIL 2009

Hari ISNIN,
13 APRIL 2009

KANDUNGAN

1.	Nama Ahli-ahli.	[Muka 1]
2.	Doa.	[Muka 5]
3.	Ucapan Yang Teramat Mulia Yang DiPertua Majlis Penasihat Pemangku Raja	[Muka 5]

[Bersambung]

PERSIDANGAN DEWAN UNDANGAN NEGERI BERMULA PADA PUKUL 9.30 PAGI

HADIR

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA
Dato' Tengku Putera bin Tengku Awang, DPMT.

YANG AMAT BERHORMAT MENTERI BESAR TERENGGANU
Dato' Ahmad bin Said, DPMT., ASM., PJK.
WAKIL KIJAL

Y.B. Ahmad Razif bin Abd. Rahman
WAKIL SEBERANG TAKIR

Y.B. Yahya bin Khatib Mohamad, AMT., PKC.
WAKIL PENGKALAN BERANGAN

Y.B. Datuk Haji Abdul Rahin bin Mohd Said, DMSM., AMN.
WAKIL TELUK PASU

Y.B. Dato' Haji Mohamed bin Awang Tera, DPMT., DIMP., SAP., AMP.
WAKIL CUKAI

Y.B. Haji Asha'ari bin Idris, AMT., AMN., PJK.
WAKIL LANGKAP

Y.B. Toh Chin Yaw, PPN., PJK.
WAKIL BANDAR

Y.B. Datuk Haji Za'abar bin Mohd. Adib, DMSM., AMT. AMN., PPN., PJK.
WAKIL RANTAU ABANG

Y.B. Haji Khazan bin Che Mat, AMZ.
WAKIL BATU RAKIT

Y.B. Rozi bin Mamat, AMT.
WAKIL TELEMONG

Y.B. Dr. A. Rahman bin Mokhtar, AMN., PJK.
WAKIL KUALA BESUT

Y.B. Dato' Seri Haji Idris bin Jusoh, SSMZ., DPMT., PJK.
WAKIL JERTIH

Y.B. Dato' Haji Rosol bin Wahid, DPMT., PJK.
WAKIL AJIL

Y.B. Dato' Haji Din bin Adam, DPMT., PJK.
WAKIL BUKIT BESI

Y.B. Haji Alias bin Abdullah, AMT.
WAKIL ALUR LIMBAT

Y.B. Haji Nawi bin Mohamad, AMT., PJK.
WAKIL HULU BESUT

Y.B. Haji Ramlan bin Ali, AMT., PJK.
WAKIL JABI

Y.B. Haji Mohd Ariffin bin Abdullah, AMT., AMN., PJK.
WAKIL PAKA

Y.B. Haji Muhammad Ramli bin Nuh, AMZ., PJK.
WAKIL TEPOH

Y.B. Haji Mohd Zawawi bin Ismail, AMN., PJK.
WAKIL KUALA BERANG

Y.B. Haji Muhammad Pehimi bin Yusof
WAKIL KOTA PUTERA

Y.B. Abd. Halim bin Jusoh
WAKIL PERMAISURI

Y.B. Haji Wan Abdul Hakim bin Wan Mokhtar
WAKIL AIR PUTIH

Y.B. Ir. Rosli bin Othman
WAKIL KEMASIK

Y.B. Dato' Haji Harun bin Taib, DPMT.
WAKIL MANIR

Y.B. Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi, PJK.
WAKIL BATU BUROK

Y.B. Haji Mohd Abdul Wahid bin Endut, PJC.
WAKIL WAKAF MEMPELAM

Y.B. Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Awang, SSMT.
WAKIL RHU RENDANG

Y.B. Dato' Haji Tengku Hassan bin Tengku Omar, DPMT., PJC., PJK., BLB.
WAKIL LADANG

Y.B. Haji Wan Hassan bin Mohd Ramli, JP., PJC.
WAKIL SURA

Y.B. Dr. Haji Alias bin Razak
WAKIL BUKIT TUNGGAL

Y.B. Mohd Nor bin Hamzah
WAKIL BUKIT PAYONG

HADIR MENURUT FASAL XIII(3) UNDANG-UNDANG BAGI DIRI KERAJAAN TERENGGANU (BAB YANG PERTAMA)

YANG BERHORMAT SETIAUSAHA KERAJAAN
Dato' Haji Mokhtar bin Nong, DPMT., JMN., ASM., PJC., PJK., BLB.

YANG BERHORMAT PENASIHAT UNDANG-UNDANG NEGERI
Encik Noorbahri bin Baharuddin

YANG BERHORMAT PEGAWAI KEWANGAN NEGERI
Dato' Haji Mazlan bin Ngah, DPMT., ASM., PJC., PJK., BLB.

SETIAUSAHA DEWAN UNDANGAN NEGERI
Encik A. Rahim bin Jusoh, SMT., AMZ., PJC., PJK.

PUKUL 9.30 PAGI

SOALAN-SOALAN LISAN

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, mesyuarat kita disambung semula. Sebelum kita memulakan Persidangan Dewan pada pagi ini marilah dengan ikhlas kita membaca doa Ummul Kitab dan memohon kepada Allah S.W.T. mudah-mudahan sepanjang Persidangan kita berada di dalam Dewan yang mulia ini diberi keberkatan, kerahmatan dan insya Allah keselamatan. Al-Fatihah.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, sebelum kita memulakan Persidangan sukacitalah saya mengalu-alukan kehadiran Pemerhati-pemerhati daripada seluruh negeri terutama sekali kepada pelajar-pelajar dan warga daripada:

i) Sekolah Menengah Kebangsaan Tengku Bariah
ii) Warga Jabatan Penerangan Daerah Dungun
iii) Pelajar dan warga Sekolah Menengah Kebangsaan Lela Segara
iv) Sekolah Menengah Kebangsaan Bukit Tunggal
v) Sekolah Menengah Kebangsaan Kuala Telemong
vi) Wakil daripada Dewan Undangan Negeri Teluk Pasu

dan seterusnya Pemerhati-pemerhati individu yang hadir sekalian, mudah-mudahan kehadiran mereka dapat menambahkan lagi keberkatan, keceriaan Persidangan kita pada pagi ini. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, memulakan Persidangan kita saya meneruskan Tertib Pekerjaan Soalan Lisan dan dengan hormatnya saya menjemput Wakil Jabi untuk mengemukakan soalan. Dipersilakan.

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Dato' Yang Dipertua Dewan soalan yang pertama -

> *"Yayasan Pembangunan Keluarga Negeri Terengganu telah banyak memberi bantuan kewangan dan peralatan kepada keluarga miskin tegar seluruh Negeri Terengganu."*
>
> *a. Berapa ramaikah keluarga miskin tegar yang telah diberi bantuan terkeluar daripada kemiskinan tersebut sepanjang Januari hingga Mac 2009*

b. Apakah program ini akan diteruskan lagi pada tahun 2009?

YANG BERHORMAT HAJI ASHA'ARI BIN IDRIS (Wakil Langkap): Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, Ahli-ahli Dewan, Pemerhati yang saya hormati sekalian. Terima kasih kepada ADUN Jabi atas soalan yang dikemukakan berhubung dengan Yayasan Pembangunan Keluarga.

Sebagai jawapan kepada soalan yang dikemukakan, sebanyak 403 keluarga miskin tegar yang sudah dapat dikeluarkan daripada kemiskinan sepanjang tempoh yang dikemukakan dan memang program-program yang dirancangkan ini akan diteruskan lagi. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Soalan tambahan Dato' Yang Dipertua. Daripada program-program yang telah dilaksanakan oleh Yayasan Pembangunan Keluarga Negeri Terengganu dalam memberi bantuan dan peralatan ini, apakah program yang paling berjaya yang telah mengeluarkan 400 keluarga miskin tegar daripada kemiskinan tersebut?

YANG BERHORMAT HAJI ASHA'ARI BIN IDRIS (Wakil Langkap): Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, program yang dianggap paling berjaya yang dikendalikan oleh Yayasan Pembangunan Keluarga dalam program basmi kemiskinan ini ialah membantu, membiayai peralatan mesin-mesin dan peralatan untuk perusahaan kecil seperti membuat kuih, mesin jahit dan sebagainya. Dan sebenarnya Dato' Yang Dipertua, Program Jaya Diri ni bukan sahaja dikendalikan oleh Yayasan Pembangunan Keluarga, banyak lagi agensi-agensi lain bersama-sama turut serta dalam program seperti ini. Dan seperti yang saya sebut tadi sebanyak 400 keluarga yang dapat kita keluarkan dalam tempoh Januari hingga Mac sebenarnya bukan hasil daripada bantuan yang diberi pada tahun ini, ini merupakan hasil bantuan yang diberikan sepanjang tahun 2007 - 2008 lagi.

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Dato' Yang Dipertua Dewan, saya pohon penjelasan pada 2008 bantuan kewangan juga telah diberi kepada Persatuan-persatuan Ibu Tunggal di setiap DUN, apakah tahun ini telah dilaksanakan ataupun belum? Apakah Persatuan Ibu-Ibu Tunggal ini sudah berdaya maju ataupun masih di tahap lama lagi?

YANG BERHORMAT HAJI ASHA'ARI BIN IDRIS (Wakil Langkap): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, atas nama Persatuan Ibu-Ibu Tunggal sebenarnya bantuan yang diberi lebih berbentuk bantuan pentadbiran persatuan yang dimaksudkan Bantuan Jaya Diri sebenarnya lebih kepada

individu itu tapi atas nama persatuan bantuan lebih berbentuk pentadbiran persatuan itu sendiri dan bantuan itu akan diteruskan. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Maksud Yang Berhormat tak semestinya ibu tunggal itu miskin tegar ramai yang senang-senang. Ada lagi Yang Berhormat soalan?

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Tak ada. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih. Kita jemput sahabat saya daripada Manir.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Ahli-ahli Dewan, Ketua-ketua Jabatan, Pegawai-pegawai Kerajaan, para Pemerhati. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Soalan saya yang pertama -

> *Berapa ramaikah pelajar dalam bidang perubatan yang ditaja oleh Kerajaan Negeri Terengganu ke negara-negara seperti Mesir, Jordan dan lain-lain negara bagi tahun pengajian 2008 hingga 2009?*

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya takut tersalah orang Yang Berhormat, saya tengok dua kali sebab tak pakai kopiah tu saya tak berapa camlah. .... (Dewan Gelak) .... Tak apa, tak apa, lagi *handsome*. Sila pihak Kerajaan.

YANG BERHORMAT AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Dato' Yang Dipertua, sayapun terkejut jugak tu bimbang, takut soalan dia tu mencabarlah. Terima kasih, bismillahirrahmanirrahim, assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, Yang Berhormat-Yang Berhormat Ahli Dewan, Ketua-ketua Jabatan, Wakil-wakil Jabatan, tuan-tuan dan puan-puan, para Pemerhati sekalian.

Soalan yang diajukan oleh Wakil Manir ialah berkaitan dengan berapa ramaikah pelajar dalam bidang perubatan yang ditaja oleh Kerajaan Negeri Terengganu ke negara-negara seperti Mesir, Jordan dan lain-lain negara bagi tahun pengajian 2008 hingga 2009? Untuk makluman untuk 2008 jumlahnya adalah seramai 32 orang, 2009 belum ada lagi. Jadi insya Allah 2009 dijangka seramai 150 orang. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, bagi tahun 2008 seramai 32 orang, saya ingin tahu sebab-sebab kenapa jumlah tajaan Kerajaan Negeri itu terlalu sedikit bilangannya, apakah kerana Kerajaan Negeri tidak berupaya dari segi kewangan ataupun tidak ada calon-calon yang layak untuk ditajakan?

YANG BERHORMAT AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Terima kasih kepada Wakil Manir. Sebenarnya memang cadangan kita pada tahun 2008 kita nak mengambil seramai 100 orang dan setelah ditemu duga memang kita telah memilih seramai 100 orang tetapi oleh kerana kehebatan pelajar-pelajar kita jadi dalam keadaan kita sedang dalam proses membuat tawaran, dia orang telah mendapat tawaran lain daripada pelbagai pihak termasuk MARA, JPA dan sebagainya. Jadi sebahagian besar daripada pelajar-pelajar yang ditawarkan ini telah menerima tawaran daripada pihak lain. Jadi kerana itulah pelajar yang asalnya seramai 100 orang hanya kita dapat hantar seramai 32 orang sahaja. Sekian, terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Dato' Yang Dipertua soalan tambahan. Kenapa pelajar-pelajar kita ini mengutamakan tajaan daripada lain-lain pihak daripada tajaan negeri sendiri. Apakah tajaan yang dibuat oleh lain-lain pihak itu mempunyai keistimewaan-keistimewaan dan keistimewaan itu tidak ada pada tawaran oleh Kerajaan Negeri yang menyebabkan pelajar-pelajar itu memilih tajaan yang lain?

YANG BERHORMAT AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Baik, sebenarnya Yayasan Terengganu ini biasanya kita akan menawarkan agak lewat sedikit daripada pihak-pihak lain. Jadi selalunya JPA dan MARA ini akan menawarkan dahulu. Jadi apabila dia menawarkan dulu kerana itulah pelajar-pelajar kita kadang-kadang mereka menerima tawaran yang terdahulu. Dan kadang-kadang ada juga skim-skim yang telah dibuat dan diwujudkan oleh MARA dan juga pihak JPA ini dia menghantar pelajar lebih awal. Jadi dalam keadaan pelajar yang telah menghadiri temu duga itu yang berlakulah. Dan yang kedua, dari segi penajaan kita dan dari segi pemilihan kita ini agak tinggi sebab kita memilih kalau pelajar matrikulasi CGPA adalah 3.5. Jadi kerana itulah kita melihatkan bahawa pemilihan pelajar-pelajar kita dan kebetulan sebahagian daripada pelajar itu juga menerima tawaran daripada universiti tempatan dan kadang-kadang dia orang ini nampaknya sebahagiannya memilih untuk pergi kepada universiti tempatan. Kebetulan pulak tempat yang kita tawarkan agak terhad iaitu kita hanya menghantar di Mesir, Jordan dan juga di Indonesia. Jadi nampaknya pelajar-pelajar kita ini dia lebih berminat untuk pergi ke di luar negara seperti Australia, UK, Amerika dan sebagainya. Tapi insya Allah, pada tahun ini dengan adanya satu lagi peluang yang

kita beri berasas untuk kita buka lagi penghantaran-penghantaran pelajar ke Russia, kita percaya dan yakin bahawa pelajar kita akan mengutamakan penajaan Yayasan Terengganu. Satu lagi polisi kita jugak sebenarnya ialah kita selalunya akan membiayai setelah Federal, kita mengutamakan yang Federal dahulu dan selepas daripada itu baru kita taja. Jadi kita beri kepada pelajar kita untuk memilih dan kita harap yang tidak berjaya mendapat tajaan Kerajaan Pusat akan kita tawarkan supaya kita dapat kelebihan, satu yang ditawarkan Kerajaan Pusat dan satu lagi ditawarkan oleh Kerajaan Negeri. Sekian, terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan.

YANG BERHORMAT MULIA DATO' YANG DIPERTUA: Yang ketiga, sila.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Berdasarkan kepada penjelasan tadi, apakah Kerajaan bersetuju dengan saya bahawa Kerajaan mempunyai strategi yang tersendiri supaya Kerajaan bersedia menaja pelajar-pelajar Negeri Terengganu setelah tidak ada penaja-penajanya maka dengan sebab itu tawaran dilewatkan. Ini satu taktik dan strategi jugak untuk barangkali untuk jimat duit Kerajaan ataupun tidak mahu membelanjakan lebih banyak dalam perkara ini, yang dilewatkan tawaran itu kenapa sebenarnya?

YANG BERHORMAT AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Inilah sebenarnya kehebatan Kerajaan kita dalam membuat keputusan kerana kalau kita mengutamakan yakni kalau kita yang menawarkan dahulu takut nanti peluang pelajar kita mendapat pembiayaan daripada pihak-pihak lain akan berkurangan. Jadi kalau katakan JPA memberi kuota kita sebanyak 10 orang dan kita tawarkan juga kepada 10 orang itu maka kita akan mengalami kerugian. Jadi apabila pelajar-pelajar kita menerima tawaran daripada JPA 10 orang, MARA 10 orang, jadi 20 orang ditambah pulak dengan tawaran kita, ini akan berlaku pertambahan. Tetapi kalau kita berebut atau bertanding dengan penaja-penaja yang lain sudah tentu bilangan pelajar kita yang kita berjaya untuk hantar ke luar negara akan berkurang. Kalau 10 orang JPA tawar dan Yayasan Terengganupun tawar pelajar yang sama, ini akan nampak kerugian .....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Penjelasan Dato' Yang Dipertua, saya soalan tambahan cukup dah, penjelasan saja.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ya.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Apakah taktik dan strategi ini dilakukan dengan mengambil kira keperluan tenaga-tenaga daripada negeri sendiri untuk menampung keperluan di bidang perubatan sebab kita dapati bahawa di negeri ini ternyata banyak kekurangan dalam bidang kedoktoran ini, sebagai contoh Hospital di Besut, masalah Bilik Bedah ke apa saya tak tahu, sampai lening tak boleh guna lagi, naik kulat dah bilik tu. Tak guna lagi, dah naik kulat.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat tak kena tu sebab hospital tu Hospital Pusat, tadi Yang Berhormat kata tu negeri yang ada keperluan.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Betul tu, saya setuju dengan Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya perbetul tu.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Tapi kalau kita ada doktor lebih dari negeri sendiri, kita boleh tawarkan/bantu kepada Kerajaan Pusat, takdoklah rakyat negeri kita terbengkalai.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Penjelasan Yang Berhormat, mungkin betul ataupun tidak. Saya rasa betul, betul Yang Berhormat?

YANG BERHORMAT AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Saya rasa saya tak payah jawablah, mintak penjelasan. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Okey Yang Berhormat. Saya jemput Wakil Batu Burok.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Dato' Yang Dipertua, soalan nombor 1 -

> *Apakah visi dan misi syarikat-syarikat berkaitan Kerajaan (GLC) Negeri Terengganu seperti EPIC Bhd., TDM Bhd. dan GP Bhd. dan kedudukan terakhir polisi penyusunan semula syarikat tersebut?*

YANG AMAT BERHORMAT MENTERI BESAR: Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, Pegawai-pegawai Kerajaan dan para Pemerhati sekalian. Visi dan misi syarikat-syarikat Kerajaan berkaitan Kerajaan (GLC) seperti EPIC, TDM Berhad adalah sebagaimana berikut:

EPIC Berhad

Visi - Untuk menjadi sebuah entiti pelbagai yang unggul melalui pemantapan dalam kerjaya nadi niaga.

Misi - Sebagai sebuah entiti, EPIC berusaha memantapkan bukan sahaja mutu perkhidmatan malahan juga keberkesanan kos berserta keuntungan pada setiap tahap aktiviti niaga di dalam rangkaian nilai pemegang saham.

Sebagai sebuah syarikat GLC, EPIC menyumbang kepada usaha meningkatkan dan membangunkan taraf sosio-ekonomi negeri.

TDM Berhad

Visi - Menjadi syarikat utama yang mengemudikan perniagaan dalam bidang perladangan Terengganu yang berjaya di peringkat tempatan dan global.

Misi - Memberi pulangan dividen maksimum kepada Negeri Terengganu. Dividen yang dimaksudkan tidak terhad kepada pulangan dividen kewangan tetapi juga dividen bukan kewangan seperti peluang pekerjaan, menaikkan taraf hidup kakitangan dan masyarakat tempatan dan peluang perniagaan kepada usahawan-usahawan tempatan.

GP Berhad

Visi - Untuk mengeluarkan produk dan perkhidmatan yang berinovasi dan bermutu tinggi.

Untuk menjadi sebuah organisasi perniagaan perkayuan Malaysia yang unggul, bersepadu dan pelbagai.

Misi - Menggunakan kedudukan syarikat sebagai sebuah organisasi perkayuan yang bersepadu dengan mengeluarkan produk dan perkhidmatan yang bermutu tinggi.

Berusaha secara berterusan untuk membaiki produk dan perkhidmatan melalui pembaikan dalam cara pengeluaran, pembangunan sumber manusia, penyelidikan dan pembangunan dan kawalan mutu yang ketat.

Untuk memenuhi keperluan pelanggan melalui perkhidmatan yang cepat, boleh dipercayai dan cekap.

Untuk bertanggungjawab mengekalkan persekitaran yang mesra dan selamat.

Memastikan kadar pulangan pelaburan yang maksimum kepada pemegang saham.

Menyediakan peluang kemajuan kerjaya dan persekitaran yang mencabar kepada pekerja.

GLC Terengganu sedang menjalankan proses penyusunan semula entiti-entiti dengan matlamat lebih terperinci seperti:

- Fokus perniagaan kepada sektor/industri yang memberi pulangan yang signifikan berpandu kepada sumber-sumber dan kekuatan serta kelebihan yang ada.

- Memampatkan jumlah entiti-entiti sedia ada supaya dapat diwujudkan entiti-entiti GLC teras yang akan menerajui sektor/industri yang dikenal pasti melalui proses cantuman, pengambil alihan dan penggulungan.

- Memperkemaskan operasi entiti-entiti teras ke arah kebertanggungjawaban dan ketelusan dengan disokong oleh warga kerja yang berkebolehan dan berintegriti.

- Membendung pembaziran dan kebocoran sumber dengan memantapkan sistem kawalan, keseimbangan dan pengurusan dengan menggunakan sistem dan kaedah yang terbaik dan berhemah berpandukan perundangan dan peraturan yang berkuat kuasa.

- Memastikan tidak berlaku pertindihan fungsi dan perjalanan bukan sahaja di antara entiti-entiti dalam GLC tetapi dengan organisasi lain.

Proses penstrukturan dibahagikan kepada peringkat berikut:

- Koordinasi dan penstrukturan semula persefahaman serta perjalanan di antara agensi, badan dan lain-lain pemegang kepentingan dengan Terengganu Inc.

- Koordinasi dan penstrukturan semula persefahaman serta perjalanan di antara TI dengan anak syarikatnya.

Kedua-dua peringkat dan perjalanan perancangan dilaksanakan secara selari untuk mencapai pulangan kepada negeri dan rakyat secepat mungkin dengan mengambil kira kerumitan proses dan latar belakang situasi semasa. Dan adalah dijangkakan penyusunan semula syarikat-syarikat GLC akan diselesaikan pada bulan Jun ini. Terima kasih, Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila, soalan tambahan.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan. Syarikat-syarikat GLC di Terengganu ini apabila Yang Amat Berhormat Menteri Besar mengambil alih Kerajaan Negeri dan juga kepimpinan Kerajaan Negeri, saya rasa ada dua polisi besar yang telah dilaksanakan oleh Yang Amat Berhormat sendiri. Yang pertamanya, menyusun semula dari segi seluruh kepimpinan dan juga peneraju syarikat-syarikat GLC ini sendiri secara besar-besaran. Yang keduanya, memindahkan sebahagian besar daripada operasi yang kalau Menteri Besar yang dahulu memindahkannya sebahagiannya daripada Kuala Lumpur ke Kuala Terengganu, sekarang ini dipindahkan balik apabila Yang Amat Berhormat mengambil alih Kerajaan Negeri Terengganu ini dan menutup pejabat-pejabat yang ada di Kuala Terengganu dan memindah operasinya.

Yang pertamanya, saya ingin mengetahui rasional pemindahan ini, pejabat-pejabat yang ditutup dan dipindah. Yang keduanya, dalam soalan saya dalam Dewan yang lalu dari segi penyusunan semula yang berlaku itu ada di antara mereka-mereka yang memegang GLC ini diberikan jawatan atau diberikan tempat memegang jawatan yang terlalu banyak anak-anak syarikat dan Yang Amat Berhormat menyatakan ianya secara sementara. Saya ingin secara spesifik sampai bila mereka-mereka ini akan memegang tetampuk anak-anak syarikat ini sendiri. Dengan izin.

YANG AMAT BERHORMAT MENTERI BESAR: Terima kasih Dato' Yang Dipertua. Operasi memindahkan pejabat syarikat-syarikat ini, pertamanya adalah untuk mengurangkan kos. Yang kedua, untuk fokus kepada perniagaan di tempat itu sendiri. Contohnya, EPIC yang sebahagian besar perniagaannya dalam bidang KSB dan KSB mempunyai pejabatnya yang tersendiri, kenapa perlunya kita mengadakan pejabat di Kuala Terengganu, sedangkan pejabat itu boleh kita gunakan untuk kemudahan lain, buat hotel ataupun disewa untuk kemudahan lain dan kemudahan yang sedia ada di KSB boleh digunakan, tidak perlu disewa atau dibeli bangunan baru. Kos dapat dijimatkan dan bangunan itu boleh digunakan dan menjadi punca pendapatan kepada EPIC itu sendiri. Di samping itu, kita juga melakukan penyusunan dan saya akui pada peringkat awal ini banyak pegawai-pegawai yang berkenaan memegang lebih daripada satu jawatan kerana sebelum kita menyusun semula syarikat-syarikat tersebut kita perlu masukkan orang-orang tertentu daripada syarikat berkenaan untuk buat penyusunan dan ada saya dapati setengah-setengah Lembaga Pengarah yang lama enggan keluar daripada syarikat yang hendak disusun semula itu atas kepentingan-kepentingan tertentu. Sebab itulah bila kita masukkan orang-orang ini barulah kita boleh mengeluarkan mereka yang terlibat. Di samping itu, sebagaimana yang saya nyatakan tadi saya perlukan orang-orang yang bertanggungjawab mempunyai integriti dalam menguruskan syarikat sebab itu saya ulang dua kali sebagaimana yang saya sebut tadi, ketelusan dan berintegriti dalam menguruskan syarikat. Ramai di kalangan kita jujur dan ikhlas sebelum memegang jawatan, bercakap soal integriti dan ketelusan tapi bila memegang jawatan dan peluang, mereka lupa akan tugas dan tanggungjawab dan integriti tersebut. Sebab itulah kita dapati bahawa ada di kalangan syarikat-syarikat kita yang mempunyai masalah dan sebagainya, sebagai seorang yang pernah memegang beberapa anak-anak syarikat dahulu berasaskan pengamatan dan pengalaman saya dalam sektor pembalakan banyak penyelewengan berlaku kerana pengalaman saya dulu dan PESAMA contohnya, saya pernah buat keuntungan RM10 juta setahun tetapi minta maaf saya sebut semasa tahun 1999 semasa BN kalah saya meninggalkan PESAMA dengan Fix Deposit RM10 juta, papan di sawmill bernilai RM15 juta tetapi apabila kita mengambil alih semula Kerajaan pada 2004, Fix Deposit habis, yang tinggal pinjaman bank RM5 juta dan RM15 juta papan dalam sawmill tak tahu wangnya entah ke mana. Sehinggakan pada hari ini ada salah seorang yang terlibat membeli kayu di PESAMA lebih daripada RM3 juta dan menggunakan kepentingan diri anak-anak syarikat yang beliau terlibat dan saya sendiri telah buat laporan kepada BPR, tak tahu apakah keputusannya. Kayu tersebut telah dijual kepada sebuah syarikat audio visual, ini yang berlaku. Dan begitulah syarikat-syarikat yang lain kita lihat bahawa tidak berlaku tapi ada niat yang tidak baik di dalam pengambil alihan syarikat dan sebagainya dan saya berharap kita akan bongkarkan perkara ini kerana

saya tak mahu bersubahat dengan penyelewengan yang berlaku kepada anak-anak syarikat di Negeri Terengganu. Ini kita akan lakukan setelah penyusunan dibuat, sebab itu penyusunan ini memakan masa untuk buat semakan dan perlunya justifikasi dan sebelum kita buat tuduhan kepada sesiapa individu kita memerlukan bukti yang jelas dan tepat bukan berasaskan andaian dan sebagainya. Insya Allah, saya akan berikan perkembangan ini dari masa ke semasa demi kepentingan rakyat Terengganu. Insya Allah, Dato' Yang Dipertua. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ada lagi Yang Berhormat?

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Terima kasih Dato' Yang Dipertua. Soalan tambahan saya yang kedua. Apa yang diungkapkan oleh Yang Amat Berhormat itu adalah satu yang serius, yang perlu diberikan perhatian oleh semua pihak kerana yang terlibat dan kalau dikatakan terlibat dengan laporan kepada BPR kebanyakannya masih berada dalam Dewan ini yang memegang anak-anak syarikat ataupun yang diberikan amanah untuk menjaga anak-anak syarikat ini kebanyakannya masih ada di dalam Dewan ini. Jadi ini suatu yang perlu dilihat secara serius laporan kepada Polis ataupun BPR ataupun tindakan yang dibuat bagaimana keadaan yang sebenarnya. Saya sebutkan sedemikian Yang Amat Berhormat kerana di Negeri Terengganu, kita ada TI yang boleh meneropong semua anak-anak syarikat Kerajaan Negeri. Jadi apa makna kalau kita ada TI kalau anak-anak syarikat Kerajaan Negeri semuanya dianggap bocor. Satu lagi saya ingin penjelasan ialah kenapa sekarang ini Pegawai-pegawai Tinggi Kerajaan Negeri tidak dibenarkan duduk dalam anak-anak syarikat Kerajaan Negeri, apakah mereka juga terlibat dengan skandal yang disebutkan? Mintak penjelasan.

YANG AMAT BERHORMAT MENTERI BESAR: Pertamanya, Dato' Yang Dipertua saya nak buat pembetulan. Tidak ada arahan Pegawai-pegawai Tinggi Kerajaan tidak boleh memegang anak-anak syarikat tetapi kita hadkan tidak lebih pada lima sahaja, tidak macam dulu. Ada Pegawai-pegawai Tinggi Kerajaan memegang anak-anak syarikat tapi tidak lebih daripada lima, itu mengikut Pekeliling Perbendaharaan yang dikeluarkan sejak 1980an lagi. Yang kedua, TI sedang melakukan audit secara terperinci kepada semua anak syarikat ini dan kita akan menemui insya Allah banyak perkara-perkara yang boleh kita perbetulkan demi masa depan GLC Terengganu. Inilah harapan saya dan saya mintak apa-apa juga maklumat dapat disampaikan kepada saya, apa-apa aje maklumat tentang salah laku yang berlaku dalam anak-anak syarikat. Sebab itu saya katakan tadi, kita tidak mahu melihat bahawa kesempatan memegang anak-anak syarikat ini untuk dijadikan tempat untuk kita melakukan memecah amanah kepercayaan rakyat kepada kita. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Cukup saya ingat Yang Berhormat, ya. Saya jemput Yang Berhormat Rhu Rendang.

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN AWANG (Wakil Rhu Rendang): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan saya yang pertama -

> *Setakat manakah penguasaan jawi dan Al-Quran di kalangan pelajar-pelajar sekolah rendah dan menengah di seluruh Negeri Terengganu?*

YANG BERHORMAT AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, Yang Berhormat-Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan, tuan-tuan dan puan-puan serta para Pemerhati yang dihormati sekalian. Soalan yang diajukan oleh Wakil Rhu Rendang berkait dengan setakat manakah penguasaan jawi dan Al-Quran di kalangan pelajar-pelajar sekolah rendah dan menengah di seluruh Negeri Terengganu?

Penguasaan jawi bagi sekolah rendah berdasarkan keputusan J-Qaf Oktober 2008 adalah 92.83% iaitu seramai 55,726 orang daripada 60,026 orang pelajar. Penguasaan Al-Quran pula untuk sekolah rendah adalah seperti berikut:

(i) Bawah Sukatan 15.15%,
(ii) Dalam Sukatan 66.94%,
(iii) Lebih sukatan 12.31%
(iv) Khatam 5.58%.

Penguasaan Al-Quran bagi sekolah menengah adalah seramai 95,975 daripada 119,969 pelajar berjaya membaca Al-Quran dengan peratusan sebanyak 80%. Manakala penguasaan jawi pula adalah seramai 83,978 daripada 119,969 pelajar dengan peratusan sebanyak 70%. Sekian, terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN AWANG (Wakil Rhu Rendang): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan saya oleh kerana penguasaan jawi dan Quran sangat berkait dengan Pendidikan Pembangunan Manusia dalam negara. Langkah yang diambil lebih bersifat untuk melahirkan generasi yang baru dan kita perlu menyedari bahawa setelah beberapa generasi akibat daripada kelemahan yang bermula daripada zaman selepas kita mencapai kemerdekaan. Selepas mencapai kemerdekaan lahirnya generasi yang buta jawi dan buta Quran dan di

sana terdapat ketinggalan dalam pendidikan agama dan kita perlu menyedari usaha secara menyeluruh bukan sahaja generasi baru yang menyeluruh yang telah ada perlu dibetulkan. Apakah usaha yang dibuat oleh Kerajaan dalam memulihkan semula generasi yang telah lemah dalam pendidikan Quran dan jawi ini? Yang kedua, kita perlu menyedari bahawa huruf jawi huruf yang kaya daripada bahasa yang lain dan di sana terdapat kesilapan dalam menyebut dan berlakunya salah istilah contohnya, perkataan 'ne'mat' menjadi 'nikmat'. 'Ne'mat' mempunyai makna suatu perkara yang baik, 'nikmat' mempunyai makna 'celaka', 'nikmat' itu berubah dan banyak lagi perkara-perkara yang lain. Apakah usaha yang dibuat oleh Kerajaan secara intensif dalam mengembalikan semula secara menyeluruh sebagaimana yang tersebut dan membetulkan keadaan yang saya nyatakan itu.

YANG BERHORMAT AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Terima kasih kepada Wakil Rhu Rendang. Jadi sebenarnya Kerajaan dari sekarang ini dah memang sangat sedar dengan keadaan dan fenomena yang berlaku ini dan kerana itulah kalau kita lihat hari ini bahawa dengan program-program dan juga langkah-langkah yang telah dibuat oleh Kerajaan Negeri memang sangat berkesan dan dari semasa ke semasa memang kita sentiasa merancang dan melaksanakan program-program seperti mana yang telah kita lihat pada hari ini di mana pada tahun lepas pelajar-pelajar KAFA kita telah mencipta rekod di mana dalam dengan izin, 'The Malaysia Book of Records' kita telah mencipta seramai 13,877 orang baru-baru ini iaitu pada tahun lepas yang telah berjaya khatam Al-Quran. Selain daripada itu, kita juga sekarang ini memberi penekanan kepada anak-anak kita yang berusia daripada empat, lima dan enam tahun kerana itulah sekarang ini program dari segi pembacaan Al-Quran dan juga dari segi pengukuhan penulisan jawi ini kita telah mulakan lagi di peringkat tadika yang telah kita laksanakan dari dulu. Dan kita lihat daripada kebelakangan ini peningkatan penguasaan pelajar-pelajar kita, anak-anak kita memang dari masa ke semasa telah meningkat. Memang kita sedia maklum sebab sekarang ini kita melihatkan bahawa dengan adanya isu-isu globalisasi dan sebagainya dan dengan kecanggihan teknologi dan sebagainya menyebabkan dari segi penguasaan jawi kita agak ketinggalan sebelum ini tetapi dengan kekuatan dan kesungguhan Kerajaan Negeri, hari ini kita lihat bahawa sudah banyak berlaku perubahan dan saya rasa dari segi pelaksanaan program ini sepatutnya dilaksanakan daripada dulu lagi tetapi semasa pihak Pembangkang telah diberi peluang untuk meneraju negeri ini nampaknya tidak banyak sangat penambahan ataupun peningkatan dan juga kejayaan dari segi kita mengatasi masalah ini. Tetapi dari segi sekarang ini baru kita nampak kejayaannya dan harapan kita marilah kita sama-sama supaya memastikan bahawa pelaksanaan dan kejayaan ini yang kita dapat teruskan dan harapan saya di pihak Pembangkang juga perlu memainkan peranan untuk memberi idea-idea

dan cadangan-candangan untuk kita lebih memastikan anak-anak kita tidak ketinggalan terutama dari segi penguasaan Al-Quran dan juga jawi. Selain daripada itu aktiviti yang telah kita adakan di peringkat sekolah dan juga di peringkat negeri ialah pelaksanaan Kelab Seni Khat, Kem Bina Juara, Majlis Khatam Quran, Kem Literasi Al-Quran, Kem Celik Al-Quran, Kuiz J-Qaf, Tilawah Al-Quran dan berbagai-bagai lagi termasuk juga dengan pelaksanaan Sekolah IMTIAZ dan juga pengukuhan Sekolah Agama Negeri. Jadi ini kita rasa akan dapat memacukan dan memantapkan lagi penguasaan Al-Quran dan juga jawi. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan. Saya rasa tak berapa puas hati jawapan Yang Berhormat Exco berhubung dengan dikatakan seolah-olah kita semasa jadi Kerajaan tidak membuat sesuatu. Mungkin Yang Berhormat lupa, kita dalam keadaan dinafikan duit royaltipun kita buka juga kelas SRAB (Sekolah Rendah Agama Bersepadu) tapi Barisan Nasional bila ambil alih dia tutup. KUSZA dia serah ke Pusat, Sekolah Agama hak ada empat belas buah itupun dia serah ke Pusat. Jadi yang saya nak sebutnya, tadi yang disebut Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, penguasaan jawi bagi sekolah rendah ada peningkatan, bagus 92.8% kerana mungkin ada J-Qaf tapi sekolah menengah hanya 70% dari segi penguasaan jawi yang disebutkan tadi. Jadi kita nampak di sekolah menengah sekarang ini kesan daripada apa yang telah dilakukan sebelum daripada itu, penguasaan jawi, penguasaan Bahasa Arab lagi teruk, penguasaan Al-Quran .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Soalannya Yang Berhormat?

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Soalannya sekarang apa usaha Kerajaan Negeri? Kalau macam di Johor dia ada Sekolah Agama Petang sebagai contoh ataupun program-program yang khusus supaya anak-anak kita ini hak terlepas dah sekolah rendah tu ada J-Qaf sekurang-kurangnya boleh bantu itupun J-Qaf tu bukan hak Kerajaan Negeri, Kerajaan Pusat.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Soalannya.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Hak sekolah menengah ni, usaha Kerajaan Negeri yang lebih fokus, lebih khusus mungkin nak buat Kelas Agama Petang macam Johor ke supaya penguasaan jawi, Al-Quran, Fardhu Ain dapat diteruskan, tiada masalah disiplin yang cukup teruk sekarang ini di kalangan pelajar sekolah-sekolah menengah khususnya.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat perlu ada jawapan?

YANG BERHORMAT AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Saya rasa saya sudah menjawab soalan yang ditanya oleh Wakil Wakaf Mempelam tadi dengan apa yang saya sebut tadilah.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Program-program tadi, ya. Jadi saya jemput Wakaf Mempelam, soalan asal.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya ucap terima kasihlah. Sebelum saya kemukakan soalan saya, saya nak ambil kesempatan ini kerana Yang Berhormat tadi telah merakamkan Ucapan Selamat Datang kepada Pemerhati-Pemerhati, saya jugak nak ambil kesempatan pada pagi ini untuk nak mengucapkan 'Selamat Datang' kepada kawan-kawan kita hak semalam tak mari. Yang hairannya Dato' Yang Dipertua, dapat SMS tiga orang aje, hak yang tak mari 10 - 11 orang, takut belaka. Jadi berbezalah Karpal Singh di Kuala Lumpur tu terima peluru hidup tapi berani mari dan boleh kata lagi 'celaka' kepada Pemuda Umno. Hak nakut pahit belaka ni.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat tidak ada soalan Yang Berhormat?

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Soalan yang pertama, Dato' Yang Dipertua - ..... (Dewan Gelak) .....

> *Bilakah pelaksanaan projek 'Plaza Paya Bunga' di atas Lot PT. Mukim Bandar dimulakan, tarikh ianya dijangka siap dan akan mula dibuka dan digunakan?*

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila Kerajaan.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, cadangan projek Plaza Paya Bunga, Jalan Tok Lam, Kuala Terengganu telah dimulakan pada tahun 1996 dan pada asalnya dijangka siap dalam tempoh 3 tahun iaitu pada tahun 1999. Kegawatan ekonomi melanda negara pada tahun 1998 - 1999 telah menyebabkan projek ini ditawakuf pembinaannya. Apabila ia dirancang untuk memulakan pembinaan semula pada tahun 2000, ia memerlukan tambahan pembiayaan kewangan sebanyak RM18 juta. Setelah ditawakufkan memerlukan peruntukan tambahan sebanyak RM18 juta dan diluluskan oleh pihak bank pembiaya iaitu Am Bank Berhad dengan syarat mendapat kebenaran 'Third Charge'

dari Kerajaan Negeri. Kebenaran 'Third Charge' diperolehi dari Kerajaan Negeri (semasa pemerintahan Kerajaan Pas ketika itu) selepas setahun kelulusan pinjaman dikeluarkan dan menyebabkan kemudahan tersebut telah dibatalkan. Ini menyebabkan pembinaan tertangguh lagi.

Pembinaan semula telah dilaksanakan pada tahun 2005 setelah kelulusan semula pinjaman diperolehi dan 'Third Charge' dikeluarkan kepada bank. Bangunan kompleks tersebut telah berjaya disiapkan pada 30 Jun 2006. Pihak arkitek telah mengeluarkan Certificate of Practical Completion (CPC) pada 30 Ogos 2006 dan permohonan untuk Sijil Layak Menduduk (CF) telah dikemukakan pada 8 Oktober 2006 kepada Pihak Berkuasa Tempatan. Sijil Kelayakan Menduduki Sementara (TCF) telah dikeluarkan pada 20 September 2007.

Pihak Majlis Bandaraya Kuala Terengganu (MBKT) telah mengeluarkan TCF dan bukan CF kerana Jabatan Bomba telah mensyaratkan peralatan Smoke Spill System dipasang. ABI Construction Sdn. Bhd., telah merayu supaya syarat ini dimansuhkan kerana peralatan Automatic Fire Rated Roller Shutter sudahpun dipasang. Namun permohonan tersebut telah ditolak oleh Bomba. ABI Construction Sdn. Bhd telah memasang peralatan tersebut setakat ini 75% siap dan dijangka siap sepenuhnya pada bulan Jun ini.

Operasi perniagaan telah bermula pada Januari 2008 apabila Mc Donald memulakan perniagaan dan diikuti oleh Perunding Anesthetica & Optik Makmur memulakan pada November 2008. Pemilik-pemilik lot yang lain belum lagi memulakan perniagaannya kerana terdapat syarikat-syarikat yang membeli ini membuat pembayaran akhir dan sebagainya. Perniagaan dalam ruang niaga 'supermarket' masih menjadi rebutan di antara The Store dan Parkson. Tindakan The Store mengambil injuksi bagi pihak mahkamah untuk menentukan siapa yang berhak menjadi Anchor Tenant belum diputuskan. Kes ini telah tertangguh beberapa kali sejak 15 Oktober 2008 dan kes ini akan ditetapkan semula pada 13 Mei 2009 nanti.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat Wakaf Mempelam dan Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa peringkat permulaannya ABI telah menyerahkan kepada The Store untuk memulakan Supermarket sebagai Anchor Tenant di situ tapi setelah bangunan siap, ada syarikat baru Parkson masuk dan diberikan oleh ABI dan menyebabkan The Store membuat injuksi di mahkamah. Itu sahaja Dato' Yang Dipertua. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Soalan tambahan Yang Berhormat?

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Soalan tambahan Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua ialah

pasal panjang melibatkan tempoh yang lama tapi akhirnya yang menjadi mangsa ialah pembeli-pembeli, individu-individu, peniaga-peniaga kecil .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat tak usah panjang Yang Berhormat terus kepada soalan.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Soalannya sekarang apakah oleh kerana situasi ini yang menjadi mangsa peniaga-peniaga tersebut apakah pihak Kerajaan ataupun pemaju memikirkan cara untuk nak bantu sekurang-kurangnya memberikan sedikit pampasan, mereka telah menanggung begitu lama, bayar interest bank tapi tak boleh guna premis yang mereka beli itu. Untuk mengurangkan bebanan kepada mereka-mereka yang terlibat secara langsung.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' MENTERI BESAR: Dato' Yang Dipertua, itulah risiko yang terpaksa ditanggung oleh pembeli dan apa-apa juga pembinaan kerana bangunan tidak akan dibuat seperti rumah dan sebagainya setelah atau melainkan bila SMP dibuat. Ini bukanlah kes yang pertama, banyak kes-kes lain lagi seperti rumah dan sebagainya malah ada sampai 20 tahun tak siap tapi bukanlah menjadi tanggungjawab Kerajaan untuk membayar ganti rugi kepada mereka ini kerana ini merupakan tanggungjawab syarikat berkenaan. Tetapi dalam kes ini kita banyak membantu sebenarnya kerana ABI juga sebuah syarikat bumiputera dan pembelinya di sini juga didapati lot bumiputera 13 unit yang telahpun dijual berbanding dengan 12 unit yang bukan bumiputera turut terjual. Antaranya kita membantu Syarikat ABI sendiri dan menguruskan untuk mendapatkan bekalan elektrik daripada TNB yang pada asalnya dikenakan lebih RM1 juta tapi hasil rundingan kita dan dengan kerjasama JKR tak banyak jalan yang terpaksa dibelah untuk dapatkan bekalan elektrik daripada PMA di Bukit Besar menyebabkan dapat dikurangkan hampir separuh dan meringankan beban pemaju itu sendiri dan juga sebagaimana saya nyatakan tadi kerana usaha-usaha yang dilakukan oleh Kerajaan termasuk untuk pembiayaan semula pinjaman tambahan yang mana Kerajaan turut sama membantu melalui SEDC bagi mempastikan projek ini disiapkan. Tapi malangnya sebagaimana saya katakan tadilah syarikat bumiputera ini kadangkala menyebabkan kita sengsara. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat semalam ada soalan daripada Batu Burok kita tolak mungkin atas hasrat yang sama, saya beri peluang dulu ada soalan tambahan daripada Batu Burok?

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua. Soalan

saya mengenai ini memang spesifik kepada ABI Sdn. Bhd. sendiri. Saya difahamkan oleh kerana prestasi ABI dalam spesifik kepada projek ini cukup tidak memberangsangkan, cukup negatif kepada Negeri Terengganu sendiri dan saya difahamkan Kerajaan Negeri masih lagi memberikan peluang kepada ABI untuk melaksanakan beberapa projek yang akan datang di Negeri Terengganu di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat sendiri. Saya minta penjelasan.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, setakat saya ingat tidak ada lagi projek yang diberikan kepada ABI malah sehingga hari inipun tidak pernah pihak pengurusan ABI datang berjumpa dengan saya untuk mana-mana projek tapi tak tahulah di luar pengetahuan saya, tidak ada lagi. Bagi saya, saya dah arahkan black list sajalah syarikat ini walapun dia datang dari Terengganu. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ya, Wakaf Mempelam, pendek saja kerana masa yang singkat.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, ini masalah yang ada seperti rakan saya daripada Batu Burok sebut. Kerajaan duk bantu ABI, syarikat yang ada masalah tetapi mangsa sebenarnya pembeli itu tidak dibantu dan ini jugak menimbulkan rasa kemarahan kerana pemilik tanah itu SEDC (PMINT) dan Kerajaan Negeri secara langsung terlibat dalam nak memajukan projek ini. Jadi apakah usaha untuk melakukan supaya tidak berulang, sekarang ini hak ni dah ada masalah tapi duk naik hak satu lagi tu Paya Bunga Square, supaya perkara yang sama tidak berulang kerana keyakinan pembeli dan masyarakat peniaga terhadap SEDC, terhadap Kerajaan duk bantu ABI yang ada masalah tak tahu apa benda kepentingan ABI kepada Kerajaan saya tak tahulah tapi mangsanya ramai yang duk beli premis ni, duk tanggung sampai yang ada bankrup kerana kes macam ni. Ini suatu benda yang cukup dikesali. Apakah usaha Kerajaan supaya perkara ini jangan berulang terhadap pembinaan Paya Bunga Square?

YANG AMAT BERHORMAT DATO' MENTERI BESAR: Dato' Yang Dipertua, sebagaimana yang saya katakan tadilah, kita melihat sebuah syarikat itu berasaskan kebolehan dan kemampuannya ketika itu. Jadi kita juga turut membantu sebagaimana yang saya katakan tadilah kalau Kerajaan tak bantu dari segi tambahan peruntukan, pinjaman yang diberikan projek ini kemungkinan memakan lebih lama lagi masanya untuk siap tapi kita tidak boleh buat apa-apa kerana ia melibatkan sektor swasta yang melakukannya. Di samping itu saya berharap Wakil Wakaf Mempelam dapat membezakan antara pembinaan ABI dari segi pembinaan Plaza Paya Bunga ini dengan Paya Bunga Square kerana pembinaan Paya Bunga Square ini diuruskan

sendiri oleh SEDC, ini dua keadaan berbeza. SEDC tuan punya kepada Paya Bunga Square, SEDC juga yang uruskan tender dan sebagainya berbanding dengan projek ABI, Plaza Paya Bunga ini *joint venture* antara ABI dan juga SEDC yang mana SEDC merupakan tuan punya tanah dan pemajunya ialah ABI. Sebagaimana saya nyatakan tadi saya memberi jaminan bahawa insya Allah, ABI tidak akan diberi peluang lagi di Terengganu ini berasaskan *track record* yang ada dan saya sendiripun takmboh jumpa dah dia, ini saya beritahu sebab saya dah kenal beliau lebih awal daripada orang lain kenalnya. Dulu dia pernah datang ke Kemaman nak buat projek Kemaman Centre Point dulu, akhirnya tak muncul-muncul.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, penjelasan?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tak apa cukup dah Yang Berhormat, panjang dah.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Aah .... sikit se je. .....(Dewan Gelak) .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: .... (Dalam Gelak) .... Cukup dah Yang Berhormat Yang Amat Berhormat Menteri Besar habis jawapan dah?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Berkaitan ABI, ABI ini yang mana? Bukankah bekas calon Barisan Nasional di DUN Kuala Berang tahun 1999 ke?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Itu yang saya kata tak payah mengarut ni. Panjang dah masa saya bagi kepada soalan ini dan saya menjemput Wakil Ladang untuk mengemukakan soalan.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, Ahli-ahli Exco, Yang Berhormat-Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan dan para Pemerhati sekalian. Soalan nombor 1 saya ditolak, jadi soalan nombor 2 -

> *Kerajaan Pusat telah mengumumkan Bajet Rangsangan baru-baru ini. Adakah Kerajaan Negeri mendapat peruntukan langsung daripada Bajet Rangsangan ini?*

YANG AMAT BERHORMAT DATO' MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Kerajaan Negeri tiada menerima peruntukan secara langsung dalam melaksanakan projek-projek di bawah Rangsangan Ekonomi Negeri kecuali peruntukan projek-projek yang disalurkan menerusi Kementerian-kementerian di peringkat Persekutuan yang dilaksanakan di peringkat Negeri. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Soalan tambahan. Kalau begitu apakah Kerajaan Negeri sendiri mempunyai cadangan untuk mengemukakan Bajet Rangsangan seperti yang dibuat oleh Pusat?

YANG AMAT BERHORMAT DATO' MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Kerajaan Negeri buat masa ini belum lagi bersedia untuk mengadakan Projek Rangsangan Ekonomi ini. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Apakah alasannya?

YANG AMAT BERHORMAT DATO' MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, kerana Kerajaan Pusat mempunyai dana-dana tertentu dan boleh mengeluarkan Bon dan sebagainya untuk mendapat tambahan untuk dijadikan Rangsangan dan sebagainya berbanding dengan Negeri yang tidak mempunyai sumber untuk dibuat tambahan selain daripada Bajet yang telah ditetapkan. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih. Saya jemput Sura.

YANG BERHORMAT HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI (Wakil Sura): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, soalan saya yang pertama -

> *Apakah punca penutupan Loji Air SATU di Air Hitam, Bukit Bauk, Dungun dan adakah Kerajaan bercadang untuk membuka semula dan beroperasi?*

YANG BERHORMAT YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Terima kasih kepada Wakil Sura. Dato' Yang Dipertua, Loji Air di Bukit Bauk ini mula beroperasi pada tahun 1986 dan telah dinaikkan taraf pada tahun 1998 dan pada tahun 2007 yang lalu, Loji Air SATU di Air Hitam, Bukit Bauk ditutup. Jadi di antara punca-punca penutupan loji tersebut:

(i) Kemasukan air masin di muka Intake Durian Mentangau pada musim kemarau menyebabkan kandungan klorida di dalam air yang dirawat dan tidak sesuai untuk kegunaan domestik dan industri di Daerah Dungun.

(ii) Kualiti air yang dirawat di Loji Air Bukit Bauk menggunakan sumber air mentah daripada 'Bunded Storage' dengan izin, ini mengalami bau dan rasa yang tidak dapat dihilangkan dengan cara konvensional (lama). Air yang dirawat secara lama ini tidak sesuai dibekalkan kepada pengguna.

Walau bagaimanapun alhamdulillah, berkat usaha Kerajaan Barisan Nasional kini di mana pihak Kerajaan telah bercadang semula untuk membuka dan beroperasi di loji tersebut. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI (Wakil Sura): Soalan tambahan Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua. Bilakah cadangan operasi semula yang dijangkakan akan dilakukan bagi memenuhi keperluan penduduk-penduduk di kawasan ini?

YANG BERHORMAT YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): Insya Allah, pihak Kerajaan di bawah pimpinan parti Barisan Nasional dengan izin Allah S.W.T. kita akan melaksanakan mula memproses pembukaan semula loji ini pada bulan Jun 2009 nanti. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI (Wakil Sura): Buat masa ini keperluan air ini diambil daripada mana dan apakah telah dilakukan belanja mengupgradekan Loji Air SATU di Air Hitam di Bukit Bauk ini yang dicadang akan dibuka dalam bulan Jun 2009?

YANG BERHORMAT YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): Terima kasih. Langkah-langkah ataupun persiapan-persiapan yang kita telah kenal pasti untuk proses pembukaan semula loji tersebut ialah dengan mengambil kira dari segi aspek berikut:

(i) Pemeriksaan sumber dan kualiti air mentah di sekitar.
(ii) Menyambung bekalan elektrik 11KV di loji dan intake.
(iii) Membersih dan mencuci hama 2 buah tangki pengimbang, 5 buah tangki servis dan 2 buah tangki air bersih.
(iv) Menyelenggara pam air mentah dan pam air bersih.
(v) Membaik pulih starter panel pam air bersih No. 2.
(vi) Membaik pulih 1 buah pam air bersih.

(vii) Memeriksa dan menguji semula sistem SCADA peralatan elektrik 'starter board' dan lampu kawasan.

(viii) Perkara-perkara yang melibatkan komunikasi radio antara intake dan loji.

Kos yang kita anggarkan untuk pembukaan semula loji ini melibatkan RM600,000.00. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Cukup Yang Berhormat, ya. Saya jemput ADUN Bukit Tunggal.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Terima kasih. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, soalan saya nombor 1 -

> *Apakah Kerajaan sedar berlakunya banjir kilat di Kampung Tebauk, Jalan Sultan Mizan, Kuala Terengganu setiap kali hujan turun? Apakah tindakan Kerajaan bagi menyelesaikan masalah yang telah berlarutan sekian lama ini?*

YANG BERHORMAT YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Ramai orang minat ke saya bertanyakan soalan, tak sempat nak berehat. Walau bagaimanapun, saya ucap terima kasihlah kepada Wakil Bukit Tunggal yang tak jemu-jemu menanya saya yang menanyakan tentang masalah banjir yang berlaku di Kampung Tebauk, Jalan Sultan Mizan.

Pihak Kerajaan memang sentiasa sedar terhadap kejadian banjir kilat yang berlaku di Kampung Tebauk. Hasil kajian pihak Kerajaan, kejadian ini berlaku kerana kerja-kerja penambunan tanah yang dilakukan oleh pemilik tanah tanpa mengambil kira laluan air serta penutupan parit tanah sedia ada. Inilah sikap orang kita, ada parit kambus, ada tanah dia kira hak dia aje hak orang lain dia tak fikir. Walau bagaimanapun alhamdulillah, bagi menyelesaikan masalah ini beberapa pendekatan telah dibuat oleh Kerajaan bagi mengatasi masalah banjir kilat di kampung yang berhampiran dengan Kampung Tebauk itu iaitu:

(i) Akan membina sistem perparitan lebih kurang 2.8 kilometer dengan anggaran kos sebanyak RM1 juta.

(ii) Melakukan kerja-kerja pengorekan longkang tanah dan membina culvert yang anggaran kosnya melibatkan hampir RM200,000.00.

(iii) Membuat pemantauan menyeluruh dan menguat kuasa peraturan asas menambun tanah semasa permohonan kebenaran merancang yang dibuat.

(iv) Menyalurkan air ke parit utama dari Jalan Semarak melalui Kampung Gong Kijang, Kampung Banggul Pauh, Sungai Buaya terus ke Sungai Terengganu yang telah siap dibina.

(v) Membina perparitan jejari yang perlu pengambilan balik tanah.

Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Satu soalan tambahan saja Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Tak apalah satupun. Pertamanya, saya nak ucap terima kasih kepada sahabat saya daripada Pengkalan Berangan, kita tanya soalan banyak tu bermakna kita sayang ke dialah, itu yang tanya tu dan dia boleh jawab. Saya juga mengucapkan terima kasih di atas perancangan-perancangan yang begitu banyak dan peruntukan yang besar dan diberi perhatianlah tapi yang jadi masalah kepada kita perkara ini bukan hanya banjir kilat di Kampung Tebauk ini, sebatang jalan tu telah jadi macam longkang dah setiap masa ditenggelami air walaupun hujan dah lama berhenti sebulanpun masih ada air hinggakan tidak dapat digunakan jalan itu sehingga menimbulkan satu persepsi bahawa seolah-olah Kerajaan tidak mampu untuk menangani perkara ini. Ini yang kita bimbang tanggapan rakyat kepada pihak Kerajaan.

Jadi oleh itu, saya mengharapkan supaya yang pertamanya, cadangan-cadangan ini supaya dapat disegerakan untuk menghilangkan rasa tanggapan negatif pihak rakyat kepada pihak Kerajaan Barisan Nasional ini khususnya yang dikatakan banyak buat projek tu sebab ini memakan masa yang panjang. Yang keduanya, saya nak tanya pihak Kerajaan ini seperti mana yang Kerajaan sedar bahawa berlaku penambunan tanah yang tidak mengikut arahan-arahan daripada Pejabat Daerah ataupun Majlis Bandaraya sendiri yang menyebabkan berlakunya sekatan laluan air dan perkara ini nampaknya berlaku berleluasa sekarang seolah-olah sekali lagi persepsi rakyat tidak ada satu kawalan daripada pihak Kerajaan sendiri. Adakah dalam perancangan bandar ini Kerajaan membuat suatu kajian yang menyeluruh supaya masalah ini tidak berulang di mana-mana tempat di dalam kawasan Kuala Terengganu ini khususnya? Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Dua-duanya persepsi Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): Panjangnya soalan dia. Jadi saya dok ingat pasal soalan yang pertama pasal banjir sekat jalan yang dikata tak mampu. Duk rasa-rasa zaman Pas dulu selesai dah benda ini dok? Kata Pas duk buat dah, bukan begitu? Saya nak tanyalah, ikhlas ni, kita bersaingkan.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tak apa Yang Berhormat, kita tak payahlah ..... cuma yang diberitahu tadi 'persepsi', saya percaya Yang Berhormat Kerajaan kuat kerja .....

YANG BERHORMAT YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): Insya Allah, untuk kebaikan Wakil Bukit Tunggal dan rakyat-rakyat di kawasan sekitarnya sebenarnya perkara-perkara itu memanglah kita telah mengambil kira dari segi perancangan rapi kita dan hak yang kata tadi pasal masalah tak ada pemantauan daripada Pejabat Daerah itu tak betul, sebenarnya memang Pejabat Tanah dan juga Pejabat Daerah memang sentiasa membuat pemantauan lebih-lebih lagi untuk dikuat kuasakan kepada golongan mereka yang suka-suka nak tambun dan mengakibatkan orang lain menghadapi banjir. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Yang Berhormat Pengkalan Berangan. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, kita tamat satu jam Soalan Lisan di mana kita ucap tahniah kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sama ada Back Benchers dan juga Pembangkang, saya percaya pihak Kerajaan juga kita mengambil seruan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bahawa kepimpinan baru untuk melihat tidak semua Kerajaan itu betul. Bermakna peranan kita dalam Dewan Undangan Negeri ini penting dan kita jalankan tugas demi rakyat kerana rakyat lebih penting. Jadi untuk pagi ini Yang Berhormat Bukit Payong tentu sekali nak tanya soalan bagi pihak beliau sebab rakan-rakan kita tadi sebab saya suruh pendekkan soalan, mereka panjang, jadi peluang hanya sejam. Jadi terpaksa minta maaflah kepada Bukit Payong dan saya tangguhkan mesyuarat ini dan kita masuk semula ke Dewan ini pukul 11.05 pagi.

DEWAN DITANGGUHKAN PADA PUKUL 10.35 PAGI.

Pukul 11.05 Pagi

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Mesyuarat disambung semula. Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya mempersilakan Yang Berhormat Manir untuk meneruskan ucapan. Silakan, 10 minit saja Yang Berhormat, injin tu kena panas deras sikitlah.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Kita pakai injin diesel, diesel lambat panas.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Green Diesel tak apa Yang Berhormat. Silakan.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, Ahli-ahli Dewan, Ketua-ketua Jabatan, Pegawai-pegawai Kerajaan dan para Pemerhati, hadirin dan hadirat yang dikasihi sekalian. Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua kerana mengizinkan saya menyambung semula ucapan saya pada petang semalam yang tidak dapat ditamatkan. Saya masih membicara tentang tajuk kemelesetan ataupun kegawatan ekonomi. Saya bercakap dari sudut pandangan Islam dalam perkara ini bertolak daripada pendahuluan ucapan saya yang mengatakan Allah telah mewujudkan makhluk ini termasuk insan dan Allah Taala dengan rahmat-Nya tidak membiarkan manusia berhempas pulas mencari bentuk dan cara peraturan untuk hidupnya dalam pembangunan ekonomi atau lainnya malah Allah Taala telah menetapkan dan telah memberi garis panduannya dan Allah Taala telah menjelaskan dengan terang dan nyata dalam Surah Ibrahim (membaca petikan ayat dalam Surah Ibrahim dan menghuraikannya): Allah S.W.T. menerangkan Dia telah perkenankan untuk memberikan segala apa yang manusia mahu. Dan kalau kamu bilang dan menghitung dan mengira nikmat Allah kamu tidak sempat habis, tidak dapat selesaikan pengiraan nikmat Allah yang banyak itu tetapi apakah yang menjadi punca masalah, apakah kegawatan ekonomi jadi sebabkan sumber atau disebabkan apa, apa yang tidak cukup daripada sumber-sumber kekayaan yang ada di atas bumi, dalam perut bumi, dalam laut dan sebagainya. Semua kita sedar dan kita tahu begitu banyak sekali. Ikan umpamanya daripada dahulu sampai sekarang tak habis-habis. Petroleum dan gas sentiasa kita dapat walaupun ada tekaan-tekaan dan ramalan-ramalan dia akan habis tetapi tetap ada. Yang menjadi masalah mengikut ayat dalam Surah Ibrahim yang mengatakan (bermaksud): "Sebab atau punca berlakunya masalah sebab manusia itu bersikap tidak adil." Manusia itu bersikap mengingkari nikmat Allah S.W.T. Mereka tidak mahu menerima pakai garis panduan yang ditetapkan oleh Allah S.W.T., peringkat rakyat jelata terpaksa

terikat peraturan-peraturan yang dibuat oleh Kerajaan yang tidak mengambil kira pandangan-pandangan, tunjuk ajar daripada Al-Quranul Karim dan Sunah Rasulillah S.A.W. maka sebab itu berlaku kepincangan. Kalau kita tanya di mana wang yang disimpan oleh orang ramai dalam bank sehingga dia boleh jadi habis. Syarikat-syarikat insuran yang besar yang memang setiap orang yang menggunakan kenderaan dia membayar insuran tapi ke mana wang-wang itu dihilangkan, dilesapkan. Apabila syarikat-syarikat kewangan yang besar ini menghadapi masalah kewangan maka Kerajaan dengan senang hati untuk memberi suntikan kepada syarikat-syarikat kewangan yang belum tahu diurus dengan betul dan baik mengikut syariat Allah Taala. Tapi kalau ikut Al-Quranul Karim jelas sistem kewangan yang berlandaskan kepada riba itu dia tidak boleh bertahan lama. Kalau boleh bertahanpun untuk jangka masa yang tertentu sahaja. Sebab itu dunia sentiasa terdedah kepada berlakunya permasalahan ekonomi sama ada kemelesetan ataupun apa-apa. Allah Taala menyebut dalam Al-Quran: "Allah Taala akan menghapuskan, menghancurkan riba." Sistem yang berasaskan riba ini yang sebanyak mana kepakaran yang wujud dia akhirnya tersungkur jua. Maka inilah masa ataupun ruang yang terbaik bagi Kerajaan yang mempunyai kuasa memerintah supaya menyemak kembali dasar-dasar yang telah berlaku itu dan beransur pulang kembali kepada ajaran Allah S.W.T. Satu lagi yang nak sebut tentang (membaca sepotong ayat yang bermaksud): "Manusia itu zalim, berlaku tidak adil." Kalau kita kaji atau kita baca Quran, Allah Taala itu memang satu zat yang Maha Adil sehingga pernah berlaku di zaman Sayyidina Ibrahim A.S. Sayyidina Ibrahim bila meninggalkan anak dan isterinya di Makkah Al-Mukarramah, antara lain Nabi Allah Ibrahim A.S. berdoa: "Nabi Ibrahim dalam sifatnya sebagai seorang insan dan rasa kasih sayang kepada orang yang beriman mendoa kepada Allah, supaya Allah Taala menjadikan bumi Makkah negara yang aman damai dan Nabi Ibrahim sekaligus berdoa supaya Allah Taala mencucuri rahmat dari sudut zikir penghuni-penghuni, penduduk-penduduk Makkah hendaklah diberi rezeki yang lumayan, hasil yang lumayan. Tapi Nabi Ibrahim menambah syarat 'orang-orang yang beriman kepada Allah dan kepada hari Akhirat sahaja' tapi Allah merestui doa Nabi Ibrahim untuk memberi kemurahan rezeki kepada orang-orang beriman tapi Allah Taala tidak menolak atau tidak bersetuju dengan permintaan Nabi Ibrahim untuk tidak memberi kepada orang-orang yang belum beriman. Allah Taala berkata: "Orang yang belum beriman Aku akan beri juga kelazatan itu, kemurahan rezeki itu di dunia tetapi tidak di hari Akhirat."

Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, saya masih ingat satu cerita yang disebut oleh para Ulama di zaman Harun Al-Rashid. Ada seorang Ulama yang bernama Ibnu Samad (Anak Ikan) jadi mungkin anak kaum nelayan tapi dia seorang alim, dia menziarahi Harun Al-Rashid yang pada masa itu menjadi Khalifah umat Islam di Baghdad. Pada masa beliau masuk, Harun Al-Rashid sedang memegang segelas air untuk diminum tetapi Ibnu Samad

meminta: "Sila tunggu sekejap wahai Amirulmukminin, sebelum daripada tuan hamba menikmati air yang segelas ini hamba hendak kemukakan kepada tuan hamba satu soalan. Jika sekiranya air yang segelas ini tuan hamba tidak dapat menikmatinya melainkan dengan membayar harga maka berapakah harga yang tuan hamba berani membayar bagi segelas air?" Harun Al-Rashid dengan senang menjawab: "Saya bersedia membayar segelas air ini dengan harga separuh daripada harta saya." Ini bermakna jika Harun Al-Rashid ada 1,000 ringgit, 500 ringgitpun dia berani membayar bagi segelas air. Kata Ibnu Samad: "Baik minumlah dengan sepuas-puasnya." Setelah air itu diminum, Ibnu Samad bertanya pula kepada Harun Al-Rashid: "Jika air yang tuan hamba minum itu pada masa dan saat tertentu yang tuan hamba nak keluarkan (berasa nak buang air tapi tak boleh buang, tersumbat)." Kalau macam dulu, zaman orang tua-tua dulu kena kepit jering, sudah makan jering rebus tak boleh nak buang air kecil, lening doktor duk buat analisa macam-macamlah. Ibnu Samad berkata: "Kalau sekiranya tuan hamba tidak dapat buang air kecil itu melainkan dengan mendapat rawatan daripada doktor pakar dan berapakah tuan hamba berani membayar kepada doktor pakar itu?" Harun Al-Rashid berkata: "Habis harta sayapun tak apa asalkan doktor itu berjaya merawatnya." Oleh itu, Ibnu Samad mengingatkan Harun Al-Rashid: "Saya nak mengingatkan tuan hamba bahawa air yang tuan hamba itu ada menciptanya, Pencipta itu bersifat adil, orang Islam boleh minum, orang tak Islampun boleh minum, Pembangkangpun boleh minum, Penyokongpun boleh minum." Harun Al-Rashid terasa semacam ada sesuatu yang tak kena dalam pemerintahan, mungkin berlaku ketidakadilan, ketidaksamarataan di dalam pengagihan semula harta negara. Masa memungut harta, masa memungut hasil tidak ada perbezaan .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat dua minit lagi, Yang Berhormat, kesimpulan ceritanya, sila.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Tak apalah dua minit lagipun saya setakat boleh *landing* saya *landinglah.*

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya beri Yang Berhormat peringatan saja.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Saya cepat sangat tak boleh beri orang fahampun tidak boleh jugak, kenalah panjang sikit, jangan panjang sangat, saya tak mintaklah panjang sangat. Pencipta air ini adil, itu tajuk dia Pencipta air ini adil, Harun Al-Rashid menangis mengenangkan kemungkinan berlaku di zaman pemerintahannya ada sesuatu yang tidak kena dan tidak adil. Maka seorang Ulama yang sudah bersedia ada di samping Harun Al-Rashid yang menjadi pengampu ini dia berkata: "Kalau kamu tak cakappun macam ini Amirulmukminin sudah adil." Tapi Ibnu Samad mengingatkan: "Wahai Amirulmukminin, pengampu kamu

ini tidak akan menemani kamu dalam kubur kamu. Pengampu ini akan terus mencari orang-orang lain untuk terus diampunya." Ini peringatan saya kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Terengganu yang ada sekarang dan sahabat-sahabat. Fokus saya, minta maaflah Dato' Yang Dipertua, kami orang-orang Pas menghadapi ketidaksamarataan, menghadapi kezaliman yang sangat besar di antara penggal-penggal tahun 2004 sehingga Mac 2008. Kami harap Kerajaan baru ini dapat membantu orang-orang kami, kami ada cara tersendiri untuk membebaskan kemiskinan iaitu dengan para petani kami sediakan tanah untuk bertani dua ekar seorang, kami menyediakan tapak-tapak rumah kepada orang-orang miskin, orang-orang tidak ada tapak rumah, ada yang sudah dilulus, ada yang sudah dibayar dan berbagai-bagai lagi.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Landing, Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Tapi ketindakan rakus Kerajaan Negeri Terengganu 2004 - 2008 merampas semua sekali, tidak ada tempat kami nak mengadu kecuali kepada Kerajaan yang baru. Apa salahnya Yang Amat Berhormat dan sahabat-sahabatnya yang lain, 10 - 11 orang campur lagi dengan SUK, Penasihat Undang-Undang dan Pegawai Kewangan membantu orang-orang miskin itu untuk mengembalikan hak mereka, menyemak semula segala keputusan yang telah lalu, apakah salah itu rakyat kita? Inilah sebabnya tiap-tiap tahun bercakap 'basmi kemiskinan', 'basmi kemiskinan'. Kenapa tak dapat? Kerana tak sampai kepada seseorang, ini kita kena ingat. Jadi saya tadi bila tak sampai ke seseorang ni, banyak masalah.

Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, kelmarin orang ramai tak mari, bunyi kata takut mati, kami mari tapi kami kalau matipun mati syahid. Orang di sebelah sana macam tak mahu mati syahid tapi jika ada sesuatu agenda yang baik kita harapkan Yang Amat Berhormat teruskan dengan sahabat-sahabat ini untuk melakukan sesuatu terutama sekali untuk mewujudkan keadilan, memberikan hak kepada orang yang berhaknya. Perkara ini mestilah dihadapi dengan tenang, dengan gigih dan dengan bersungguh-sungguh. Kalau Yang Amat Berhormat berasa sulit untuk menghadapi dalam Kerajaan macam ini, Yang Amat Berhormat dan sahabat-sahabat boleh menyeberang ke sebelah kami, Yang Amat Berhormat ada 11, kami ada 8 jadi 19, Kerajaan yang kukuh boleh ditubuhkan Kerajaan baru, ini adalah satu tawaran yang istimewa ..... (Dewan Gelak) .... yang tidak ada pada Persidangan-persidangan yang lain atau Dewan yang lain. Sekian, wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Wakil Manir. Saya beri peluang kalau ada lagi Ahli-ahli Yang Berhormat yang nak menyertai Perbahasan? Jika tidak ada, saya nak pergi kepada Penggulungan oleh pihak

Kerajaan. Selepas kita dengar penyokong, kemudian tadi kita dengar Ketua Pembangkang dan kita jemput untuk Penggulungan oleh pihak Kerajaan bermula dengan Kuala Besut, jika ada. Sila Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT DR. A. RAHMAN BIN MOKHTAR (Wakil Kuala Besut): Bismillahirrahmanirrahim. Alhamdulillahirrabil alamin wassalatuwassala mu-ala asyrafil anbia iwamursalin Sayyidina Muhammad wa-ala alihi wasahbihi ajmain. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan, dif-dif jemputan, tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian.

Terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua kerana memberi peluang kepada saya untuk sesi Penggulungan sebagai orang yang pertama. Jadi di atas kesempatan ini pertamanya ingin saya mengambil kesempatan di sini untuk merakamkan penghargaan setinggi-tingginya dan ucapan terima kasih kepada Yang Teramat Mulia Tengku Sri Panglima Raja Yang Dipertua Majlis Penasihat Pemangku Raja Terengganu di atas ucapan yang sungguh lengkap, menyeluruh dan berwawasan di dalam harapan kita sama-sama untuk membangunkan sosio ekonomi Negeri Terengganu yang mampan. Jadi di dalam sesi Penggulungan ini perkara pertama saya ingin bagi maklum balas ialah perkara yang telah dibangkitkan oleh Wakil Wakaf Mempelam semalam dan hari ini Wakil Manirpun tadi ada sentuh mengenai masalah Bilik Bedah Hospital Daerah Besut yang katanya naik kulat. Jadi saya rasanya kenyataan naik kulat ini tak betullah sebab saya dah semak dengan pihak pengurusan Hospital Daerah Jertih tu tak adapun yang naik kulat. Jadi saya harap .....

YANG BERHORMAT DATO' HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, siasat tu kelmarin ke takdok kulat? Minta maaflah penjelasan saja, Yang Berhormat pergi semak tu selepas kita sebut dalam Dewan ini ataupun belum lagi? Kalau lepas sebut ni saya ingat bila sebut dalam Dewan ni dia pergi cuci selalu, Yang Berhormat pergi takdok selalu.

YANG BERHORMAT DR. A. RAHMAN BIN MOKHTAR (Wakil Kuala Besut): Terima kasih Yang Berhormat. Saya terima laporan ni dah lama dah, laporan mengenai pemasalahan ketidaksiapan Bilik Bedah ini dan tak adapun menyatakan masalah naik kulat. Jadi saya rasa kenyataan yang dikeluarkan oleh Wakaf Mempelam dan Manir tu .....

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Betul, betul. Saya nak mintak penjelasan sikit. Saya tak tahulah Exco boleh kata tak betul begitu tapi ini dilaporkan sendiri kepada saya secara peribadi di Parlimen oleh Ahli Parlimen Besut.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tak apa Yang Berhormat, saya ingat cukup.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Jadi .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Maksudnya lamalah tu Yang Berhormat. Saya ingat anak-anak sekolah di ataspun faham, kulat tu biasa dia dah sebab dia lebih sikit macam seloka dia tulah. Sila Yang Berhormat teruskan ucapan.

YANG BERHORMAT DR. A. RAHMAN BIN MOKHTAR (Wakil Kuala Besut): Okey terima kasih Dato' Yang Dipertua. Jadi masalah sebenarnya Dato' Yang Dipertua, saya maklumkan sedikit maklumat mengenai Dewan Bedah Hospital Daerah Besut ini sebenar telah siap iaitu tarikh Sijil Akuan Siap membaiki kecacatan pada 30 November 2005 lagi untuk membolehkan ianya beroperasi beberapa syarat teknikal hendaklah dipatuhi di mana ujian-ujian tertentu mesti dilakukan ke atas Dewan Bedah tersebut dan wajib lulus ujian dibuat. Di antara syarat-syarat teknikal yang mesti dipatuhi ialah Ujian Kebersihan dan Ujian Suci Hama. Ujian-ujian ini telah dijalankan beberapa kali sejak daripada tarikh di atas namun begitu ia didapati gagal. Walau bagaimanapun, beberapa penambahan, beberapa pembaikian telah dibuat sehingga kini. Pada 19 Mac lepas satu lawatan oleh konsultan bertauliah telah dibuat untuk mengenal pasti masalah dan merangka penambah baikan untuk membolehkan Dewan Bedah ini dapat digunakan secepatnya mungkin. Saya rasa kalau Yang Berhormat pihak sebelah sanapun boleh tanya Yang Berhormat Bukit Tunggal sebab beliau juga adalah seorang Pegawai Perubatan. Selagi kita tidak dapat mempastikan bahawa Bilik Bedah itu benar-benar bersih di mana ujian kaji kumannya lulus maka untuk membuat pembedahan adalah tidak selamat. Jadi itulah sebabnya kita terpaksa menangguhkan pelaksanaan pembedahan ini sehingga pihak jabatan benar-benar berpuas hati di atas ujian yang dijalankan tersebut.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Jadi lama sangat tak boleh nak guna Dewan Bedah tu, apa punca yang menyebabkan berlakunya apa orang panggil *contamination* dalam Dewan Bedah yang baru dibuat itu? Bila boleh selesai punca tu, insya Allah boleh selesai masalah *contamination* tu.

YANG BERHORMAT DR. A. RAHMAN BIN MOKHTAR (Wakil Kuala Besut): Terima kasih Wakil Bukit Tunggal. Jadi dari segi teknikalnya selepas penerimaan daripada kontraktor asal beberapa perkara terpaksa kita perbaiki, di antaranya ialah sistem penghawa dingin, sistem *ducting* dan *Hepa Filter* yang mana ia mengganggu *humidity* dan *temperature* di dalam Bilik Bedah itu sendiri. Jadi jika *humiditynya* tidak sesuai maknanya kebersihan *air flow* di dalam

Bilik Bedah itu sendiri tidak dapat terjamin bila kita buat ujian *air sampling* test gagal. Jadi bila gagal ini maknanya kita tidak pasti seratus peratus bahawa udara di dalam Bilik Bedah itu tercemar oleh kuman. Jadi saya percaya kalau Yang Berhormat Pas sendiripun tidak mahu bedah di dalam Bilik Bedah ini kerana ianya tidak seratus peratus selamat. Jadi itulah yang dapat saya perjelaskan, sebenarnya soalan ini ada ditimbulkan di dalam soalan lisan dalam sesi ini walau bagaimanapun sebab kita memikirkan itu adalah di dalam bidang Kerajaan Persekutuan, saya mengesyorkan supaya Yang Berhormat Wakaf Mempelam boleh bertanya lebih lanjut lagi di Parlimen nanti.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Wakil Besut tanya dah, ada soalan dia, itu yang saya tanya balik di sini tu.

YANG BERHORMAT DR. A. RAHMAN BIN MOKHTAR (Wakil Kuala Besut): Perkara kedua yang saya nak sentuh ialah mengenai perkara yang dibangkitkan oleh Wakil Bukit Tunggal mengenai cadangan hospital untuk Daerah Kuala Nerus sekiranya wujud satu daerah yang baru, daerah yang kelapan di Negeri Terengganu ini. Cuma yang saya dapat perjelaskan di sini bahawa setakat ini kita belum merancang untuk membina sebuah hospital daerah kerana polisi kita 'satu daerah satu hospital daerah', jadi oleh kerana baru di peringkat kajian kita belum merancang untuk Hospital Daerah Kuala Nerus tetapi sekiranya wujud Daerah Kuala Nerus yang rasmi insya Allah, Rancangan Malaysia Yang Ke-10 ini kita akan merancang sebuah hospital untuk Daerah Kuala Nerus. Cuma sebagai makluman kita ada merancang untuk membina Pusat Kesihatan di kawasan Kuala Nerus.

Perkara yang seterusnya adalah mengenai perpaduan .....

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Dato' Yang Dipertua, mintak penjelasan sikit?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Laluan Yang Berhormat, boleh? Sila.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua. Sahabat kita menyebut dari segi hospital di Kuala Nerus, antara lain adalah penyelesaian kepada desakan yang berlaku di hospital-hospital khususnya Hospital Kuala Terengganu. Kalau Yang Berhormat menyedari bahawa wad-wad di hospital itu memang *over flowlah* kita kira, *patient* dia di tengah-tengah laluan orang ramai katil-katil diletak dan kesesakan ini berlaku menyebabkan tidak keselesaan kepada penghuni-penghuni di hospital ini, ini satu. Yang keduanya, saya jugak terkejut bila baru-baru ini saya pergi

ke hospital melihat ada pesakit-pesakit HIV dicampur dengan pesakit-pesakit biasa di Hospital Kuala Terengganu, jadi saya mintak penjelasan tentang hal kesesakan dan keadaan yang ada ini.

YANG BERHORMAT DR. A. RAHMAN BIN MOKHTAR (Wakil Kuala Besut): Terima kasih Yang Berhormat Batu Burok. Jadi mengenai kesesakan di Hospital Sultanah Nur Zahirah ini, di sidang Dewan yang lalupun sudah membangkitkan perkara ini dan untuk makluman semua Yang Berhormat dan hadirin-hadirat sekalian bahawa baru-baru ini Perdana Menteri kita sudahpun meluluskan satu projek pembinaan Hospital Maternity Complex dengan Pusat Mental di Hospital Sultanah Nur Zahirah. Jadi saya percaya dengan siapnya projek ini nanti akan dapat mengurangkan kesesakan di Hospital Sultanah Nur Zahirah sendiri. Jadi itulah yang dapat saya perjelaskan mengenai kemudahan kesihatan yang dibangkitkan semalam. Pusat Kesihatan yang telah saya maklumkan tadi adalah Klinik Kesihatan Gong Badaklah untuk Kuala Nerus, kita ada memohon tapi sekiranya Kuala Nerus akan menjadi daerah yang rasmi, daerah yang kelapan kita akan merancang untuk Hospital Daerah. Polisi Hospital Kesihatan ialah setiap 'satu daerah satu hospital daerah'.

Satu lagi adalah mengenai bab-bab perpaduan yang banyak disentuh oleh Wakil Pembangkang semalam. Cuma yang jelas saya perkatakan hari ini ialah perpaduan di kalangan Yang Berhormat-Yang Berhormat Kerajaan adalah begitu jitu. Segala andaian-andaian yang dibuat oleh Yang Berhormat Batu Burok semalam saya rasa boleh ditempis kerana hari ini kita nampak kehadiran Yang Berhormat Kerajaan penuh dan alasannya jelas semalam sebagaimana yang telah dimaklumkan oleh Yang Dipertua Dewan. Jadi sekianlah sahaja .....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Sikit aje nak mintak penjelasan. Mari hari ini tu kena arah atau dengan suka hati? Saya bimbang hak SMS yang saya terima ini yang tak datang tu diarah oleh Perdana Menteri, Presiden UMNO supaya hari ini datang sebab-sebabnya dia kata hak kata SMS nak bunuh tu dok sahih. Saya nak mintak penjelasan, saya tidak menuduh Yang Berhormat Yang Dipertua?

YANG BERHORMAT DR. A. RAHMAN BIN MOKHTAR (Wakil Kuala Besut): Itulah Wakil Rakyat Pembangkang ni banyak spekulasi. Saya dapat maklum daripada kawan-kawan bercakappun katanya SMS ini datangnya daripada pihak Pembangkang juga tapi betul ke tidak betul tu tak tahulah .... (Dewan Gelak) .... Itu spekulasi, jadi saya tak payah menjawab panjang yang utama ialah perpaduan di dalam kepimpinan Barisan Nasional amat utuh sekali.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Kalau macam tu baguslah, ada hak Pembangkang buatpun orang Kerajaan terpengaruh jugak, takut jugak.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat, Yang Berhormat Besut dah ucap terima kasih dah. Terima kasih Kuala Besut.

YANG BERHORMAT YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): Dato' Yang Dipertua minta maaflah, ini sesi soal jawab ke Penggulungan, saya tak boleh nak beza lagi tak faham?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Dia mencelah.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Menggulungpun boleh jugak soal.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya jemput Telemong.

YANG BERHORMAT ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua Dewan, Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan, seterusnya para hadirin yang saya kasihi sekalian. Pertama-tamanya, saya juga ingin mengambil kesempatan untuk merakamkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Yang Teramat Mulia Tengku Sri Panglima Raja atas Ucapan Pembukaan Dewan pada dua hari yang lepas. Kalau boleh disimpulkan kepada saya bahawa secara keseluruhannya Yang Teramat Mulia begitu rasa berbangga dan rasa amat gembira dengan pelaksanaan-pelaksanaan dan juga apa yang telah dirancang oleh Kerajaan di Terengganu di bawah kepimpinan Kerajaan Barisan Nasional yang membuatkan beliau begitu gembira dengan pembangunan-pembangunan yang telah dirancang dan dapat berjalan sejak daripada dulu, kini dan insya Allah selama-lamanya akan berjalan dengan lancar di negeri bumi yang bertuah ini. Pun begitu Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, kita juga pada petang semalam daripada pagi kita telah mendengar bagaimana ucapan-ucapan daripada sahabat-sahabat kita daripada Pembangkang terutamanya yang telah menuduh dan juga telah memberitahu kepada hadirin di dalam Dewan yang mulia ini dengan berbagai-bagai tuduhan kepada kita semalam. Tuduhan-tuduhan yang biasalah dan kitapun dah pernah mendengar sebagai Kerajaan Barisan Nasional ini perompaklah, rasuah, penipulah, JKKK zalim. Ini adalah biasa bagi Wakil-wakil Rakyat PAS, ini adalah tahlil dan ratib mereka sebenarnya. Jadi saya harap para hadirin dan juga kepada semua penonton tidak tertipu dengan dakyah-dakyah sebagaimana yang diberitahu oleh pihak Pembangkang tersebut. Yang jelas kepada kita pada hari ini apa yang ada di bumi Terengganu yang bertuah ini adalah sebenarnya adalah hasil daripada titik perjuangan

pemimpin-pemimpin UMNO yang sejak daripada dulu, kini dan insya Allah selepas daripada inipun. Untuk pengetahuan kepada tuan-tuan dan puan-puan, saya juga merasa amat sedih apabila mendengar banyak ucapan dan ungkapan yang telah disampaikan oleh Pembangkang semalam yang mengatakan seolah-olahnya Kerajaan ini tidak buat apa satu dan juga apa yang Kerajaan buat hari ini tidak betul belaka terutamanya apa yang diberitahu oleh Yang Berhormat Bekas Menteri Besar semalam iaitu Wakil Rhu Rendang yang seolah-olahnya Kerajaan ini tidak memperjuangkan Bahasa Melayu yang bergegar-gegar beritahu semalam, bercakap berkobar-kobar semalam mentang-mentang semalam mendung sikit tak hujan lagi tu, pacat guana kalau tak hujan lagi mendung sikit terkuak-kuak dah dia segar. Tapi saya nak beritahu kepada Yang Berhormat Rhu Rendang bahawa Kerajaan BN sentiasa mempertahankan dan juga insya Allah akan meningkatkan kredibiliti Bahasa Melayu itu sendiri. Berkaitan dengan tulisan jawi tak usah nak kata ke Umno/BN-lah, saya cabar Yang Berhormat Rhu Rendang tukar Harakah itu hari ini kepada tulisan jawi, pasal apa tak tukar Harakah dalam tulisan jawi sebab takdok sikit dalam Harakah tu tulisan jawi. Utusan Malaysia ada jugak tulisan jawi .....

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Pelawok .....

YANG BERHORMAT ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Kalau adapun sikit-sikit. Adalah sikit-sikit.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Satni kata takdok.

YANG BERHORMAT ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Tukarlah sikit .....

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Pelawok .....

YANG BERHORMAT ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Ni nak khabor Utusan Malaysia lama dah buatnya .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat .....

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Utusan Melayu mampus keras lama dah takdok.

YANG BERHORMAT ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Tukarlah dulu, tukar belaka.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat duduk kejap, Yang Berhormat Telemong. Saya dukacita dengan Wakaf Mempelam, saya ada di sini kalau Yang Berhormat .....

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya tak mintak Yang Berhormat berdiri, Yang Berhormat duduk, duduk.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Saya minta maaf Yang Berhormat tetapi belah nun cakap dok reti tu.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat .....

YANG BERHORMAT ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Kata ke orang dok reti, dia yang dok retinya.

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN AWANG (Wakil Rhu Rendang): Dato' Yang Dipertua mintak penjelasan.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya selesai dulu Yang Berhormat Rhu Rendang. Saya nak menasihat sikit, saya ada di sini, apa-apa keperluan Yang Berhormat sama ada nak penjelasan dan sebagainya mintak dengan saya dan jangan kita hamburkan peribadi kita yang sebenarnya kepada Pemerhati, kita ini online ke seluruh dunia. Saya menasihat daripada awal dan sekarang saya beri amaran keras tonjolkan peribadi yang baik Pengerusi ataupun Yang Dipertua Mesyuarat masih ada di sini. Saya benarkan penjelasan daripada Rhu Rendang.

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN AWANG (Wakil Rhu Rendang): Dato' Yang Dipertua, barangkali Yang Berhormat Telemong tidak faham tentang kebenaran KDN terhadap akhbar-akhbar. Yang pertama, apabila Harakah menyiarkan edisi jawi ataupun sisipan jawi kita telah mendapat amaran daripada Kementerian Dalam Negeri kerana menyiarkan jawi memerlukan satu kebenaran yang lain, itu satu. Yang kedua oleh kerana Harakah merupakan penyebar maklumat mereka kepada mereka yang menerima maklumat adalah mereka yang boleh membaca. Sulit jika tidak disiarkan di dalam rumi sekiranya dalam jawi maka orang tidak boleh baca. Ini masalah yang kita hadapi dan dia memerlukan kebenaran daripada Kementerian Dalam Negeri. Ini satu hal yang perlu difahami oleh Telemong. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila Telemong teruskan.

YANG BERHORMAT ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Terima kasih Yang Berhormat tak apalah tapi saya akui walau apapun saya nak beritahu kepada hadirin saya ingin memperbetulkan fakta bahawa Kerajaan Barisan Nasional dan juga Umno khususnya tetap akan mempertahankan Bahasa Melayu adalah sebagai bahasa rasmi negara dan insya Allah kita akan memartabatkan ia sampai bila-bila masa, insya Allah. Jadi selepas daripada itu juga saya ingin mengucapkan terima kasih jugaklah kepada rakan-rakan, saya yang bercakap lain daripada portfolio saya ini kerana masalahnya dalam portfolio pertanian ini tidak banyak mana disentuh semalam kerana mungkin sahabat-sahabat kita terutama daripada Pembangkangpun sudah setuju dengan apa yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan. Cuma ada satu perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Sura dan insya Allah, apa yang diberitahu oleh Yang Berhormat tersebut akan diambil perjalanan seterusnya. Cuma saya ingin maklumkan kepada Yang Berhormat bahawa di Terengganu ini memang kita akui ada 11,000 hektar lebih kurang tanah yang terbiar daripada 23,000 hektar tanah yang terbiar kerana kalau ada 11,000 hektar tanah yang terbiar ini kita tidak dapat usaha secara keseluruhan kerana kita mempunyai masalah-masalah yang tertentu untuk kita usahakan tanah tersebut. Masalah-masalah yang kita hadapi ialah pertamanya, masalah saliran yang tidak berfungsi sepenuhnya kerana telah berlaku proses pembangunan dan pembinaan longkang-longkang yang besar seperti di Merbau Patah ke Bukit Bayas dan pembesaran-pembesaran jalan raya yang berlaku di negeri kita pada masa sekarang ini. Selain daripada itu juga, proses perbandaran dan juga perindustrian juga telah berlaku di kawasan-kawasan tanah padi tersebut yang menyebabkan saliran dan juga apa yang telah kita bina dulu telah banyak berlaku kerosakan. Dan yang ketiganya, berlaku pecah-pecah lot yang terlebih-lebih kecil iaitu daripada tuan asal berlaku pecah-pecah lot yang lebih kecil yang menyebabkan tanah tersebut tidak ekonomik mungkin difikirkan oleh pemilik tanah tersebut. Selain daripada itu juga kita menghadapi masalah pemilik tanah tersebut adalah daripada golongan-golongan yang tua dan terlalu sukar untuk menerapkan teknologi-teknologi yang terkini kepada mereka. Untuk itu usaha-usaha Kerajaan sedang dilakukan untuk memajukan semula tanah-tanah tersebut iaitu dengan mengadakan perbincangan yang berterusan dengan tuan-tuan punya kelompok-kelompok padi bagi memupuk semangat untuk memajukan semula tanah-tanah yang berpotensi. Mengadakan perbincangan/kerjasama dengan agensi-agensi lain seperti Jabatan Pengairan dan Saliran, Pertubuhan Peladang untuk memperbaiki prasarana dan keperluan mekanisasi ladang tersebut. Yang ketiga, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani juga memperkenalkan pelbagai insentif, galakan kepada petani-petani iaitu pertamanya, insentif pembajakan RM100 per hektar semusim. Bantuan baja bernilai RM400 per hektar. Bantuan racun RM200 per hektar. Mengadakan harga minimum terjamin padi RM750 semetrik tan. Bagi kawasan-kawasan yang tidak dapat bekalan air yang mencukupi petani juga digalakkan menukar kepada tanaman yang alternatif.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat, bahawa Kerajaan Negeri berusaha untuk menambahkan pembukaan sawah padi yang baru, ini bukan tujuan untuk nak merugikan perbelanjaan Kerajaan, sebenarnya kita sedang berusaha untuk meningkatkan lagi kawasan pengeluaran padi kerana masalah-masalah yang kita hadapi sebagaimana yang saya beritahu tadi. Dan juga kita menggunakan mekanisma yang terbaik untuk keperluan masyarakat kita iaitu dengan menggunakan teknologi-teknologi yang tinggi dan juga kita berhasrat untuk memecahkan lot-lot ini kepada 10 ekar seorang peserta untuk mengkomersilkan dan yang lebih pentingnya kita berhasrat ianya mendapat pulangan dan juga pendapatan yang lebih baik kepada petani-petani kita. Dan saya rasa itu sajalah yang disentuh oleh rakan-rakan kita pada petang semalam. Insya Allah, apa-apa pandangan dan juga apa-apa teguran sama ada daripada Pembangkang, daripada Kerajaan, insya Allah Kerajaan sentiasa berusaha untuk mempertingkatkan pertanian di Negeri Terengganu ke satu tahap pertanian yang terbaiklah. Insya Allah, kita akan sama-sama merealisasikannya. Sebelum saya duduk Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, sekali saya nak beritahu kepada pihak Pembangkang bahawa kami kepimpinan dan juga Barisan Nasional sepakat dan sekata, insya Allah kami tidak akan berpecah sebagaimana Yang Berhormat harap itu. Terima kasih. Sekian, Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih. Seterusnya kalau ada daripada Kerajaan. Batu Rakit, sila.

YANG BERHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Bismillahirrahmanirrahim. Alhamdulillahirrabil alamin wassalatuwassala mu-ala rasulillah wa-ala alihi wasahbihi ajmain. Terima kasih Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan, Ahli-ahli Yang Berhormat bagi pihak penyokong Kerajaan dan Pembangkang, Ketua-ketua Jabatan, para Pemerhati, pelajar-pelajar, seterusnya hadirin-hadirat yang saya hormati sekalian.

Pertama-tama saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua Wakil-wakil yang telah mengemukakan soalan yang berkaitan dengan portfolio saya. Walaupun soalan tidak sempat dikemukakan dan tidak dapat dijawab secara lisan pada sidang kali ini mungkin insya Allah ia akan disusuli dengan jawapan secara bertulis selepas daripada ini. Ada beberapa soalan antaranya berkaitan dengan jumlah kadar jenayah syariah, kadar perceraian dan sebagainya. Suka saya sebut secara ringkas, alhamdulillah, kadar jenayah syariah di Terengganu yang berkaitan dengan moral dan sebagainya masih dalam keadaan terkawal dan Kerajaan sentiasa mengadakan pemantauan dari masa ke semasa. Ada banyak kes-kes yang sedang didakwa dan insya Allah, ini akan menakutkan dan akan menjadi sebahagian daripada usaha membendung perkara-perkara ini daripada terus berlaku. Saya tahu yang

Pembangkang akan menggunakan data-data ini untuk menunjukkan kononnya Kerajaan membiarkan perkara-perkara ini berleluasa tapi suka saya sebut di sini secara sepintas lalu. Kita dapati ada dua daerah yang kadar khalwat dan juga masalah sosialnya tinggi iaitulah di antaranya Besut dan juga Dungun. Untuk makluman, Dewan yang mulia, apabila kita melihat kepada kes-kes yang kita sedang uruskan melalui Mahkamah Syariah di daerah tersebut, sebahagian besar daripada pelaku-pelaku ataupun orang yang ditangkap adalah merupakan orang luar daripada Terengganu. Daripada 79 kes tangkapan khalwat di Besut, 34 kes adalah daripada orang Kelantan yang bawa pasangan dan buat maksiat di situ dan ditangkap dan didakwa begitu juga di kawasan-kawasan lain. Jadi inilah di antara kenyataan-kenyataan, kita tahu Pembangkang dia mudah melatah dia katakan: "Inilah Kerajaan membiarkan jenayah dan sebagainya." Tapi saya nak nyatakan jenayah ini bukannya tanggungjawab Kerajaan semata-mata, Kerajaan bertanggungjawab tapi masyarakat juga bertanggungjawab, ibu bapa juga bertanggungjawab begitu juga pihak pendidik juga bertanggungjawab. Semua pihak bertanggungjawab kerana semua orang ada tanggungjawab di atas kapasiti masing-masing.

Dato' Yang Dipertua, saya rasa gembira dengan perjalanan sidang Dewan kali ini kerana kita dapati dia berjalan dengan lancar dan baik. Saya dapati ada perubahan pada pihak Pembangkang dalam mengemukakan isu-isu Perbahasan yang lalu. Saya dapati nada mereka berubah dan ada keinginan untuk menjadi lebih baik daripada masa yang lalu. Semua Wakil-wakil daripada Pembangkang sama ada Bukit Payung, Wakil daripada Batu Burok, Wakil daripada Rhu Rendang dan juga Manir bercakap tentang tanggungjawab pemimpin, pemerintah dan juga orang-orang yang memegang amanah sama ada sebagai Pegawai Kerajaan dan sebagainya. Saya sedar dan saya harap ini adalah satu luahan yang ikhlas daripada Pembangkang kerana selama ini Pembangkang selalu menyalahkan kita dan saya harap apa yang disebut oleh Wakil daripada Rhu Rendang yang mana dia mengatakan bahawa tunjuk perasaan ataupun demonstrasi bukan cara Pembangkang pada hari ini. Kita harap lepas pada ini tidak ada lagi demonstrasi-demonstrasi liar, yang terakhir kita lihat di Perak baru-baru ini mereka berhimpun di depan Istana, ada yang meniarap, melentang di hadapan kenderaan keluarga Di Raja. Yang kita tengok orang-orang ini pakai serban, pakai jubah, mungkin mereka ini bukan Pembangkang ataupun lepas pada ini tidak ada lagi kerana pemimpin atau Presiden Parti mereka telah mengumumkan Dewan ini itu bukan cara mereka.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, penjelasan sikit. Exco tak sedar ke hak berarak di hadapan Istana Tuanku hak kata 'natang' ke Tuanku itu?

YANG BERHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit): Saya sedar dan yang itu telah diambil tindakan, mahkamah telah menjatuhkan hukuman tapi apa yang saya rasa pelik ialah Pembangkang di Perak mohon untuk menderhaka tapi di sini mereka mendaulatkan Tuanku atas isu yang sama. Isu yang sama iaitulah pemilihan pucuk pimpinan negeri, kenapa di sana mereka kata mereka mohon menderhaka dan mereka sokong beramai-ramai tapi di Terengganu apabila berlaku krisis yang lebih kurang mereka menyokong Tuanku, apakah mereka menyokong Istana ataupun mereka-mereka puak mereka tak dapat berkuasa?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, penjelasan. Boleh beri laluan?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Boleh.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Sikit saja. Ada tuduhan yang berlaku di Negeri Perak itu bermakna bekas Menteri Besar itu penderhaka tapi yang jadi masalahnya dan kita tertanya-tanya pengundi di kawasan Bukit Gantang tu sokong penderhaka itu yang susahnya.

YANG BERHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit): Sebab penyokong daripada parti yang sama itu yang masalahnya, penyokong hak tu jugak. Jadi tak hairanlah sebab itu macam mana yang disebut oleh Wakil daripada Manir sendiri, kelmarin baru sebut "kalau kepalanya lagu tu bawahnya lagu tu-lah."

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Penjelasan.

YANG BERHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit): Dengar tapi tak jelas lagi ni. Saya takmboh beri dah, cukuplah saya nak sambung lagi ni.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Batu Rakit tak mahu beri Manir. Sila Batu Rakit teruskan.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Takmboh beri? Penakut sangat.

YANG BERHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit): Eh .... bukan penakut .....(Dewan Gelak) ..... Para Pemerhati boleh tengoklah, inilah Wakil Pembangkang cara mereka .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tak apa Yang Berhormat, kita ni Dewan Undangan Negeri bukannya gelanggang ..... Sila.

YANG BERHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit): Ya betul, betul. Dato' Yang Dipertua, saya harap Pembangkang ikhlas dalam apa yang mereka ucapkan dalam Dewan kita pada kali ini dan kita harap dalam masa-masa yang akan datang Dewan kita akan berjalan dengan cara yang harmoni seperti mana yang berlaku pada kali ini. Saya mengharapkan apa yang mereka ungkapkan mereka akan bangkang jika kita buat benda yang salah dan mereka akan sokong jika kita buat perkara yang betul. Saya harap ini akan terus dilaksanakan, diamalkan bukan hanya jadi cakap-cakap kosong kerana lebih tahu bahawa: "Besar dosa kemurkaannya di sisi Allah jika kamu kata perkara yang kamu tidak buat." Kita masih ingat lagi pada suatu masa dahulu Wakil daripada Rhu Rendang masa kita buat Bank Islam dulu, Kerajaan mula-mula tubuhkan Bank Islam Wakil Rhu Rendang kata: "Inilah seumpama seketul daging lembu dalam gulai kawah daging babi." Akhirnya tengoklah usaha Kerajaan bermulanya daripada kecil akhirnya menjadi suatu usaha yang diterima ramai Perbankan Islam semakin berkembang. Kalau kita dengar cakap mereka pada masa itu maka semakin terkebelakanglah, Islam tidak akan berjaya didaulatkan. Mereka tak sokong dulu kalau kita buat benda yang baik sebab mereka takut kita akan dilihat oleh rakyat sebagai Kerajaan yang benar-benar nak melaksanakan Islam secara berhemah dan bijaksana. Dato' Yang Dipertua, mereka juga berkata, mereka akan menasihat Kerajaan dengan baik tapi saya masih ingat pagi tadi, mula-mula lagi mereka dah sindir apabila mereka lihat sahabat-sahabat, Wakil daripada Penyokong Kerajaan hadir mereka sindir dengan macam-macam perkara. Saya hairan Dato' Yang Dipertua macam mana orang yang nak mendaulatkan Islam, orang yang mendakwa nak memartabatkan Al-Quran tapi dalam masa yang sama mereka tak gunakan Al-Quran sebagai panduan. Al-Quran kata: "Janganlah satu-satu kaum itu buat menganjing kepada suatu kaum yang lain." Tapi itulah permainan para Pembangkang yang ada di hadapan kita. Maka sebab itulah mereka sentiasa ditolak dalam pilihan raya-pilihan raya yang berlaku di dalam negara kita sebabnya Dato' Yang Dipertua, kalau kita nak satu yang baik, kita mestilah ikut cara yang baik, perjuangan yang betul mestilah melalui cara yang betul bukannya kerana niat kita ikhlas, cara kita setuju nak buat benda yang baik, kita boleh redah jalan-jalan yang tidak betul, kita boleh redah jalan-jalan yang menyeleweng atau bertentangan dengan agama kita, tidak boleh jadi Robin Hood dalam Islam, Dato' Yang Dipertua.

Dato' Yang Dipertua, kita harap perkara-perkara ini tidak akan berlaku lagi di masa-masa hadapan dan kita harap mereka benar-benar ikhlas. Mereka bercakap tentang 'addinunasihah' tetapi dalam cara nasihat bukan sahaja bahasa mereka kesat tapi mereka juga menggunakan cara yang tidak baik. Tadi baru sahaja berlaku, bila sahaja Yang Berhormat daripada Telemong bercakap bahawa dalam Harakah tidak ada tulisan jawi, saya tahu ada 'Al-Harakah' itupun jawilah tu sebutir-dua tapi tidaklah sebagai satu tulisan yang besar. Tapi dia kata pelawok, ini saya rasa tak betul, dalam Quran ada

mengatakan (membaca sepotong ayat yang bermaksud): "Jawab dengan cara yang lebih molek." Sepatutnya kalau Wakil Rhu Rendang kata kasar jawab dengan cara yang lebih halus lagi baru jadi. Jadi saya ingat Wakil daripada Wakaf Mempelam ini semenjak dia langgar janji dia ni, dia tak berapa molek dah sebab dia selalu sebut dulu Dato' Yang Dipertua, cakap pasal kawin dua, dia kata saya 'wahid' aje tak boleh dua, tapi kerusi baham dua dah lening Parlimen dengan DUN ....(diikuti tepukan sokongan) ....

Dato' Yang Dipertua, saya ucap terima kasih .....

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Mintak penjelasan sikit Dato' Yang Dipertua, dia ni dah dia takut nak kawin dua dia leset ke saya pulak, masya Allah. .... (Dewan Gelak) ....

YANG BERHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit): Saya dok rajin cakap hal berbini dua ni, dia duk sampuk sokmo tapi bila hulur ke dia, dia kata saya 'wahid' aje, dia takut dia kata ke kita takut.

Dato' Yang Dipertua, saya jugak nak ucapkan terima kasih kepada Wakil-wakil daripada Rhu Rendang yang bercakap tentang wang syubhah, begitu juga Wakil daripada Ladang yang bercakap tentang tanah wakaf yang bercakap tentang duit zakat MAIDAM. Saya ingin maklumkan bahawa MAIDAM bukan sahaja telah berjaya memungut kutipan zakat yang tinggi tapi dalam masa yang sama juga MAIDAM telah berjaya membelanjakan ataupun menguruskan duit zakat ini dengan baik. Tadi kita bercakap tentang tulisan jawi dan juga pengajian agama untuk orang dewasa, untuk bukan sekolah rendah kerana sekolah rendah sudah ada Kelas KAFA, Kelas J-Qaf. Suka saya maklumkan bahawa MAIDAM telah membelanjakan lebih RM300,000 untuk program-program pendidikan agama, pembelajaran Al-Quran untuk orang dewasa, untuk pegawai-pegawai Kerajaan dan sesiapa sahaja yang berminat di Institut Al-Quran Terengganu yang diajarkan secara mingguan di Bukit Payong. Ini usaha Kerajaan kita yang telah melakukan dan melaksanakan tuntutan agama secara berhemat, secara bijaksana walaupun tidak dapat dilihat secara kasar dengan begitu agresif tapi secara bijaksana walaupun peringkat awal orang melihat ini sebagai suatu perkara yang nampaknya menakutkan, bunyi Islam mungkin suatu masa dulu orang berasa: "Hei ... ini apa benda pulak?" Tapi dengan cara yang bijaksana yang kita buat akhirnya hari ini dari segi perbankan kalau dulu Bank Islam sahaja yang menggunakan sistem yang berteraskan Islam, hari ini semua bank-bank lain walaupun mereka tak tukar bank mereka sebagai nama Islam tapi mereka telah menggunakan sistem perbankan yang berlandaskan syariat Islam. Ini adalah kerana apabila kita mampu membuat sesuatu perkara tunjukkan bahawa apa yang diajar oleh Islam ini baik, kalau kita tak beritahu ini Islampun suatu masa bila orang tengok ini baik, orang nak dan akhirnya

dia tahu bahawa inilah Islam dan inilah rupanya apa yang dibawa oleh orang-orang yang bercakap tentang agama Islam dan mereka dengan sendirinya akan menerima tanpa perlu kita khabor, bagusnya Islam lagu ni. Bersyarah Islam tapi kita tak mampu nak mentadbir atau tak mampu menampil contoh daripada diri kita sendiri. Saya rasa Dato' Yang Dipertua, inilah rahsia kenapa Kerajaan Barisan Nasional terutamanya Parti UMNO sentiasa mendapat sokongan daripada rakyat walaupun dalam masa-masa tertentu ada krisis, kita mungkin kalah sekali sekala tetapi rakyat sentiasa memberikan sokongan kepada kita kerana terbukti Parti UMNO telah memperjuangkan Islam dan berusaha untuk melaksanakan tuntutan agama secara bijaksana yang mana akhirnya dapat diterima bukan sahaja oleh orang-orang Islam tetapi oleh bukan orang Islam dalam negara kita. Dan inilah sebenarnya pendekatan dakwah yang paling berkesan dan saya tahu barisan Pembangkang di hadapan saya lebih tahu daripada kita lagi tapi mereka tahu tapi tak buat. Orang Arab berkata: "Bahasa keadaan lebih fasih, lebih berkesan daripada bercakap." Tapi Pembangkang hanya suka bercakap, bersyarah. Masa jadi Kerajaanpun bersyarah, masa kalah dia lebih lagi bersyarah. Jadi kalau bercakap saja siapa yang banyak bercakap, banyaklah salah dia dan siapa yang banyak salah akhirnya masuk neraka. Jadi terima kasih Dato' Yang Dipertua. Wabillahi taufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabaratuh.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Batu Rakit. Saya jemput lagi Wakil Kerajaan. Sila.

YANG BERHORMAT DATUK HAJI ZA'ABAR BIN MOHD ADIB (Wakil Rantau Abang): Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan, para Pemerhati yang dihormati sekalian.

Alhamdulillah, saya mengambil kesempatan untuk mengucapkan terima kasih kepada beberapa orang Ahli Dewan yang menyentuh satu-dua perkara yang ada hubungan dengan jawatankuasa saya terutama sekali Wakil Bukit Tunggal dan juga Rhu Rendang. Tetapi dalam menyentuh soal jawatankuasa ini, lebih tertumpu di muka 30 sebenarnya dalam Ucapan Yang Teramat Mulia Tengku Sri Panglima Raja tentang tidak tersebutnya Taman Tamadun Islam dan Monsoon Cup seperti mana yang tersenarai di bawah Sports Tourism yang terbukti SUKMA 2008, World Endurance Championship dan Rainforest Terengganu. Walau bagaimanapun, Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, untuk bagi perspektif yang agak tepat dari segi soal yang disebut dalam Ucapan Yang Teramat Mulia Tengku Sri Panglima Raja, semangatnya dari segi soal pelancongan ini disebut di muka 28, 29 dan 30. Dan semangat dalam ucapan itu tentang pelancongan ialah kalau saya sebut semula secara ringkas Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua: Pelancongan berasaskan

semulajadi dan warisan kita ini nampaknya telah menjadi identiti negeri. Sektor ini menjana ataupun berperanan untuk menjana pendapatan ekonomi dan Yang Teramat Mulia Tengku Sri Panglima Raja pula menyebut tentang berpuas hati dengan perjalanan Tahun Melawat Terengganu 2008. Dan Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, dari segi pencapaian Tahun Melawat Terengganu 2008 ialah usaha-usaha telah dijalankan dari segi promosi bermula lebih awal daripada tahun 2008. Dan dari segi sasar kita bagi Tahun Melawat Terengganu 2008, 3.5 juta lebih pelancong luar dan di dalam negeri telahpun berkunjung ke Terengganu dan jugak telah berjaya menganjurkan dan menjadi tuan rumah kepada hampir 25 acara teras peringkat kebangsaan dan juga peringkat international. Dan disebut lagi oleh Tengku Sri Panglima Raja ialah tentang Terengganu nampaknya sudah gah dan setanding dengan negeri-negeri lain dalam aktiviti pelancongan dan ucapan terima kasihnya kepada semua pihak yang terlibat sama ada di sektor awam, swasta dan juga orang perseorangan yang telah berjaya memainkan peranan masing-masing. Ini bermakna pelancongan ini tidak boleh diterajui oleh hanya pimpinan Kerajaan tetapi seharusnya mendapat dokongan oleh semua pihak untuk mendapat kejayaan. Dan apakah pula dari segi kelangsungan kejayaan Tahun Melawat Terengganu ini. Apakah pula yang patut kita memberi tumpuan, digariskan ataupun diucapkan di muka 29, saya nak sebut secara ringkas saja: Yang pertama, penambahan penginapan. Maknanya orang ramai dah mari ke Terengganu ni kita sudah perlu mengadakan/menambahkan kemudahan penginapan bagi kedatangan pelancong. Kita perlu memberi penekanan kepada industri perkhidmatan supaya bila orang mari perkhidmatan kita baik di hotel-hotel, agensi pelancongan, pemandu pelancong dan lain-lainnya lebih berperanan dari segi memberi perkhidmatan. Selain daripada itu disebut tentang kebersihan pantai dan sungai. Keperluan meningkatkan aktiviti dan produk baru bagi merangsangkan sektor ini dan seterusnya dapat menjana ekonomi negeri. Memangpun di muka 30, kalau saya baca sikit Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua: "Kita juga berpendapat, aktiviti-aktiviti lain yang dijalankan boleh dijadikan sebagai produk pelancongan bagi negeri ini. Ini terbukti apabila SUKMA 2008, World Endurance Championship, Rainforest Challenge Terengganu telah membawa ramai pelancong dalam dan luar negara ke negeri kita." Yang disebut ini ialah aktiviti-aktiviti Sports Tourism. Saya lebih awal tadi Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, menyebut tadi tentang lebih daripada 25 acara teras. Kalau saya boleh sebut satu-dua lagi sebagai tambahan termasuklah Program Mencandat Sotong ataupun International Triathlon dan lain-lain. Kesemua acara ini telah menyokong kepada kejayaan 2008. Betul Taman Tamadun Islam tidak disebut tapi itu tidak bermakna yang peranan dan sumbangan Taman Tamadun Islam sebagai satu produk pelancongan tidak ada, ia disebut tadi dua-tiga itu kerana itu merupakan Sports Tourism, Taman Tamadun Islam bukan Sports Tourism. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Taman Tamadun Islam dengan temanya berasaskan 'Lipur Diri dan Pendidikan Islam' adalah satu-satunya taman tema yang

unik di dalam kelasnya yang tersendiri. Penggabungan dua tema ini adalah berbeza dengan taman tema lain di seluruh dunia yang rata-rata menumpukan kepada tema hiburan dan lipur diri. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, populariti Taman Tamadun Islam dapat dirujuk daripada rekod kehadiran pengunjung ke Taman Tamadun Islam semenjak beroperasi sebagaimana berikut: Februari - Disember 2008 - 2.02 juta kehadiran pengunjung, Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua. 289,052 orang mengunjungi Taman Monumen, dia ada dua tu, dia ada Taman Tamadun dan Taman Monumen. Pengunjung dari Terengganu merangkumi 40%, dari negeri-negeri lain 40% dan baki 20% adalah rakyat asing. Bagi Januari hingga Mac 2009 - 178,246 telah mengunjungi Taman Tamadun Islam dengan kemasukan ke Taman Monumen seramai 45,202. Pengunjung pula terdiri daripada 50% rakyat Terengganu, 60% rakyat luar Terengganu sementara rakyat asing sekitar 10%. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, mana ada satu produk pelancongan dalam tempoh hanya setahun 2.02 juta pengunjung datang, satu produk pelancongan yang hebat. Saya tengok dalam tempoh Pilihan Raya Parlimen Kuala Terengganu ramai bersekali dengan bendera hijaunya ke Taman Tamadun Islam.

Peluang pekerjaan Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, kepada 164 orang yang mana 95% adalah anak-anak tempatan. Peluang kerjaya di bidang pengurusan di Taman Tema ini adalah sesuatu yang baru di negeri kita ini. Modal insan yang terbina dan dilatih di sektor ini telah berjaya memperkasakan kemahiran anak negeri dengan budaya kerja dan disiplin di tahap tinggi kerana produktiviti dan kualiti perkhidmatan pelanggan dijadikan ukuran di dalam industri Taman Tema adalah pada tahap yang tinggi. Di antara bidang-bidang yang digiatkan di Taman Tema pada masa ini adalah bidang-bidang Pemandu Pelancong, Penyajian, Grafik, Pengurusan dan Penganjuran Acara, Pemasaran dan juga Operasi Taman. Kesan daripada wujudnya Taman Tamadun Islam Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, ialah juga kemajuan perkhidmatan sampingan. Sehingga kini Taman Tamadun Islam telah melibatkan sebilangan 247 pembekal secara terus dengan nilai purata urus niaga sekitar RM450,000 hingga ke RM500,000. Manfaat ini telah diperolehi secara terus oleh pembekal tempatan. Pendapatan operasi, ini pasal kemasukan ke Taman Tamadun Islam ini percuma, kemasukan bertiket hanyalah dikenakan ke Taman Monumen, inipun yang termurah di dunia RM10 sekali masuk. Pendapatan yang diperolehi melalui bayaran tiket: Februari - Disember 2008 RM764,000.00, Januari - Mac RM289,000.00 dan melalui aktiviti sampingan seperti penyajian, jualan cendera hati, perkhidmatan pengangkutan, river cruise, penganjuran acara dan lain-lain: Februari - Disember 2008 RM4.992 juta, Januari - Mac 2009 RM1.833 juta. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, Taman Tamadun Islam telah menunjukkan potensi yang besar di dalam operasi khususnya melalui prestasi yang ditunjukkan oleh kemampuan tenaga kerja anak-anak tempatan dan keupayaannya menjadi daya tarik baru pelancong

ke Negeri Terengganu. Sumbangan ini secara langsung dan tidak langsung membuktikan peranannya sebagai pemangkin kepada industri pelancongan di Negeri Terengganu. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, kita pohon supaya selepas ini kalau kita mendapat ramai pengunjung termasuk daripada anak-anak pelajar daripada Singapura ke Taman Monumen melalui JKKK dan kita mintak juga melalui Jabatan Pelajaran supaya dari masa ke semasa terus hantarlah juga rombongan-rombongan kita ini ke Taman Tamadun Islam. Saya sebut ini Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua kerana saya ada sedikit pengalaman. Ada permohonan daripada sebuah sekolah dari kawasan saya untuk diberi sedikit panduan ke Muzium tapi tak nak pergi ke Taman Tamadun Islam kerana katanya nak masuk ke Taman Monumen itu kena RM10, ada pelajar miskin. Saya kata tak apalah, tak payahlah nak asingkan pelajar miskin yang tak miskin, kita kira *loconglah* kita bantu semua, tiket kita berilah kepada 40 orang sebuah bas RM400, makan lagi di restoran di sekitar kawasan itu, lepas itu daripada Muzium ke Taman Tamadun ada masa untuk solat di Masjid Kristal tapi ada lagi kedengaran Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua di tengah-tengah tu ada seorang-dua kanak-kanak pelajar tu dia kata tak boleh sembahyang di Masjid Kristal kerana kiblat dia tak betul. Inilah maknanya kalau kita hendak melihat produk-produk pelancongan ini diketengahkan tentulah memerlukan sokongan yang bersepadu dari semua pihak. Sayanglah Dato' Yang Dipertua, orang lain berduyun-duyun mari tapi kita di sini masih bersikap macam ni dan saya rasa tak pelik dan tak hairanlah kerana dalam Dewan yang mulia inipun ada disebut suatu masa dulu tentang ketentuan kiblat ini. Kita soal kiblat ini soal pokok, kita tak main-main dalam hal ni. Dalam ucapan ataupun pandangan yang telah diberi oleh Wakil Bukit Tunggal dan juga lain-lain. Selain daripada Taman Tamadun Islam yang dikatakan suatu pembaziran, saya jelaslah tu rasanya tak munasabahlah kalau orang kata benda ini suatu pembaziran.

Soal Monsoon Cuppun disebut, perkara ini tidak disebut kerana tak tahulah ini juga Sports Tourism, macam mana tertinggal dalam Ucapan Yang Teramat Mulia Tengku Sri Panglima Raja. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, cuma nak khaborlah sama ada benda ini penting atau atau tidaklah iaitu pada 31 Februari baru-baru ini, penganjuran Monsoon Cup ini mendapat pengiktirafan penjenamaan *'Brand Laurette'* yang menempatkan penganjuran Monsoon Cup ini setaraf dengan Sepang F1 dan juga Menara Berkembar Petronas. Sebenarnya dari segi pencapaian ini kita tidak bayar ni Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, itu adalah pengiktirafan yang diberi dari segi penganjurannya. Kerajaan Negeri tentunya bersedia untuk menerima pandangan-pandangan termasuklah kalau sampai ke peringkat merombak perjanjian yang sedia ada supaya untuk meringankan bebanan kewangan Kerajaan Negeri. Bermula tahun lepas lagi kita telah berpindah tanggungjawab kewangan ini kepada MOF melalui Kementerian Belia dan Sukan dan juga Kementerian Pelancongan. Jadi kalau kata pandangan yang telah diberi supaya penganjuran ini akan melibatkan kewangan negeri dan

sebagainya yang itu juga kita telah bersetuju supaya dirombak perjanjian yang sedia ada supaya tanggungan yang melibatkan kewangan ini akan diambil alih oleh Kementerian Belia dan Sukan dan Kementerian Pelancongan. Dan dengan kemudahan yang sedia ada di Pulau Duyong kita insya Allah akan terus pohon untuk menjadi tuan rumah kerana dah ada kemudahan-kemudahannya. Ada disebut dalam Ucapan Yang Teramat Mulia Tengku Sri Panglima Raja supaya kita eksploitasikan kemudahan-kemudahan yang ada. Kemudahan yang ada di Pulau Duyong dan kita harapkan supaya kita akan terus menjadi tuan rumah kepada Monsoon Cup ini sebagai suatu pengisian kepada kemudahan yang sedia ada. Sebagai satu Kerajaan yang bertanggungjawab tak mungkin kita nak menggajahputihkan kemudahan-kemudahan yang ada. Usaha-usaha berterusan akan dibuat dan tahun-tahun lepas kita didatangi oleh 10 buah bot mewah, tahun ini insya Allah pada bulan enam nanti ada 30 buah bot mewah akan singgah di Pulau Duyong ini dan dengan harapan Pulau Duyong akan menjadi satu tempat persinggahan bot mewah dan sekaligus akhirnya akan membantu mengenengahkan industri maritim kita.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, tentang aktiviti produk baru. Memangpun dari masa ke semasa kita akan terus memikirkan malahan kita melantik syarikat-syarikat yang secara *independent* untuk terus Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua memberi pandangan-pandangan kepada kita sama ada, ada aktiviti yang perlu kita teruskan dan penambahbaikan dan sebagainya. Antara produk baru yang hari ini kita beri tumpuan Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, tuan-tuan dan puan-puan untuk makluman Yang Berhormat sekalian kita akan menilai aktiviti dan produk baru, baru beberapa hari lepas dalam Program *Fish Tales Adventure* dengan izin, seramai 120 orang yang terdiri daripada Pengerusi-pengerusi Kelab Pengail daripada Kelab Pengail Beijing, Shanghai dan Hong Kong berada tiga-empat hari bersama dengan t.v. daripada Negeri China ini yang datang untuk Program *Fish Tales* ini memang dia orang suka sangat dapat banyak ikan dan apa semua. Dan kita melihat ini satu potensi baru kerana Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, ada 100 juta ahli-ahli pengail ini di seluruh Negeri China, itu potensi yang kita sedang lihat. Dalam rombongan itupun dah ada yang terus pergi melihat Kenyir dan ada yang sambung terus cuti dia kerana tak puas mengail dua-tiga hari lagi. Pada malam itu juga mintak bot-bot kita sedia untuk mereka. Inilah Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, produk-produk baru kita yang kita juga akan melihat dan kita juga seterusnya akan melihat potensi penerbangan-penerbangan terus atau sewa khas dari Negeri China ini apabila kita dapat 300 – 400 orang mungkin terus daripada Negeri China melalui Kelab-kelab Pengail di seluruh Negeri China ini. Insya Allah juga Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, kita sedang memberi tumpuan kepada penerbangan terus Singapura – Kuala Terengganu di mana kita dijanjikan mungkin dalam bulan Jun insya Allah kita harap dan tentunyalah jika mendapat penerbangan terus dari Singapura ke Kuala Terengganu yang

akan membantu dari segi perkembangan dan kemajuan pelancongan di negeri kita ini.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, itulah harapan kita, kita akan terus digandingkan dengan kerjasama yang erat supaya kita dapat melihat kekuatan alam semula jadi yang memayungi warisan di Terengganu. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Wakil Rantau Abang yang nampaknya bersungguh-sungguh untuk nak menggahkan sektor pelancongan di Negeri Terengganu ini. Kita doakan Rantau Abang jugak akan gah dari segi pelancongan penyu-penyu nanti. Saya jemput lagi Wakil Kerajaan. Sila Bandar.

YANG BERHORMAT TOH CHIN YAW (Wakil Bandar): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan, tuan-tuan dan puan-puan sekalian. Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang memberi pandangan dan cadangan mengenai pembangunan terutama di DUN Bandar. Soalan mengenai pembangunan Plaza Paya Bunga telah dijawab tadi oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan kita dapat tahu bahawa Sijil Kelayakan Menduduki Sementara atau TCF telah dikeluarkan pada September 2007. Dan pada tahun lepas di antaranya ada dua peniaga telah mula berniaga dan dalam beberapa perundingan dan perbincangan di antara agensi Kerajaan dengan pembeli-pembeli ruang perniagaan itu dan juga dengan pemaju bahawa pemaju telah memberi jaminan jikalau pembeli tidak ada hutang lagi maka mereka boleh ambil kunci-kunci daripada pemaju dan boleh mula berniaga. Dan saya tak fahamlah mengapa ada yang tidak mahu mula berniaga lagi tapi saya masih ingat projek ini telah mula pada tahu 1996 dan menghadapi masalah pada tahun 2000 dan dalam masa empat tahun adalah di bawah Kerajaan Pas di mana Wakil dari Rhu Rendang merupakan Menteri Besar pada masa itu dan Wakil Wakaf Mempelam dan Wakil Manirpun juga dua orang Exco dalam Kerajaan pada masa itu. Oleh kerana tidak ada sesuatu tindakan yang diambil sebab itu pembangunan sampai hari ini tidak siap lagi tetapi kita rasa sukacitalah kerana jaminan dan tindakan telah diambil dan kita tahu bahawa tidak lama lagi pembangunan ini akan siap sepenuh dan sama jugaklah dengan pembangunan-pembangunan yang lain. Pada masa Pas dulu Kerajaan Pas tidak membuat apa-apa seperti yang diakui oleh Wakil Wakaf Mempelam pada sidang Dewan yang lepas termasuk dengan pembangunan di Paya Keladi, pembinaan lapangan terbang, pembinaan Lebuh Raya Pantai Timur Yang Ke-2, pembinaan sports complex, pembinaan universiti dan lain-lain sebab mereka tidak buat. Jadi sayapun tak faham mengapa hari ini menjadi champion untuk orang yang tidak membuka perniagaan mereka di Plaza Paya Bunga, kalau mereka ambil tindakan dulu lama dah projek ini akan dapat disiapkan.

Dato' Yang Dipertua, pembangunan di Kampung Cina merupakan satu pembangunan yang telah diminta oleh masyarakat di Kampung Cina. Bukan sahaja hari ini tetapi sejak tahun 60an banyak kali ada perbincangan, tahun 70an, tahun 80an, tahun 90an dan sehingga hari ini kita dapat realisasikan pembangunan ini. Dan projek ini .....

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, penjelasan sikit. Masa tahun 60an, 70an, 80an dulu tu siapa yang memerintah?

YANG BERHORMAT TOH CHIN YAW (Wakil Bandar): Memang penduduk-penduduk di kawasan Kampung Cina dan pada masa itu saya rasa memanglah Wakil Wakaf Mempelam dok rajin masuk lagi sebab itu dok tahu. Sejak 60an, 70an, 80an, 90an, banyak kali penduduk di kawasan Kampung Cina menghantar memorandum kepada pihak Kerajaan pada masa itu.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Soalan saya Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya tanya dah tahun 60an, 70an, 80an, memorandum orang Cina hantar, siapa dia pemerintah masa tu?

YANG BERHORMAT TOH CHIN YAW (Wakil Bandar): Yang itu cadangan kepada Kerajaan untuk mengadakan pembangunan di kawasan itu, yang itu tak kiralah siapa pemerintah termasuklah semasa Pas memerintah Negeri Terengganu pada masa itupun banyak penduduk di kawasan itu membuat permohonan untuk memajukan kawasan itu tapi takdok ambil tindakan. Hanya sekarang kita dapat melaksanakan projek untuk mengindahkan kawasan di belakang Kampung Cina itu untuk membina satu jalan baru, ada laluan jalan kaki, dengan jeti baru, dengan jambatan, dengan tempat letak kereta tambahan dan lampu-lampu jalan dan jugak kawasan-kawasan rekreasi. Kita juga akan membina satu sistem rawatan air kotor untuk kawasan itu. Jadi kita sudah ada lima kali perjumpaan di antara agensi Kerajaan, pemaju atau kontraktor dengan penduduk-penduduk. Ramai di antara mereka yang hadir dalam perjumpaan itu dan meminta saya sampaikan salam kepada Ahli Parlimen kita yang baru. Saya ucapkan tahniah jugak kepada Ahli Parlimen baru kita, sebanyak lima kali dah kita ada perjumpaan. Di antara penduduk dengan kontraktor dan agensi Kerajaan kita memberi masa yang cukup untuk mereka pindah. Kontraktor berjanji untuk memberi kerjasama dengan percuma kepada mereka yang ingin merobohkan bangunan atau struktur yang haram. Kontraktor jugak berjanji memberi bayaran ihsan, ini tidak melibatkan bayaran pampasan sebab semua pembangunan ini tidak melibatkan tanah swasta, semua di atas tanah Kerajaan sahaja tidak melibatkan satu keping tanahpun yang milik peribadi. Dan Kerajaan juga bersetuju untuk membantu mereka yang ingin memohon untuk membeli atau menyewa rumah-rumah kediaman yang sedia ada. Itulah persetujuan

yang diambil di antara penduduk-penduduk kawasan Kampung Cina dan juga pihak-pihak berkenaan. Dan apa yang disentuh oleh Wakil Wakaf Mempelam ialah 19 buah rumah yang terdiri di atas tanah Kerajaan jugak, sudah 30 - 40 tahun Lesen Tumpangan Sementara atau TOL tidak diberi sambung, kawasan itu adalah semua milik Kerajaan, mereka duduk di atas tanah Kerajaan secara percuma dan kesemuanya adalah penyewa kecuali seorang pemilik yang duduk di sana. Pada dasarnya mereka bersetuju dengan tindakan yang diambil dan juga bersetuju tentang cara-cara penyelesaian. Dalam hal ini memang kita tidak akan halau mereka, kita tidak akan haramkan siapa-siapa yang duduk atas tanah tapi kita akan menyelesaikan dengan cara yang lebih baik. Tidak seperti masa dululah kanak-kanak tadika dihalau dari bilik darjah mereka. Ada jugak tanaman di Bukit Layat di mana selepas jentera musnahkan tanaman rakyat, Menteri Besar pada masa itu tersenyum ketika diambil gambar di hadapan jentolak itu tapi kita dok buat macam itu. Kita akan mengatasi masalah dengan cara yang baiklah. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya rasa berbangga apabila saya bercakap/bercerita tentang Taman Tamadun Islam dan juga Masjid Kristal yang dibangunkan di Pulau Wan Man. Bila kawan-kawan saya dari luar bertanya kepada saya, saya tak berhenti-henti bercerita memang hebat pembangunan di Pulau Wan Man tapi saya tak faham mengapa ada lagi orang yang benci sangat usaha kita yang begitu baik. Saya tak berhenti-henti bercerita tentang Masjid Kristal jugak monumen-monumen yang kita bina termasuk Dome of the Rock, Masjid Mohamad Ali, Masjid Suleiman, Masjid Al-Haram, Masjid Kul Sharif, Masjid Xian, Taj Mahal, Masjid Al-Hambra, suka kita bercerita, rasa gembira.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Cuma Taj Mahal saja bukan masjid Yang Berhormat, hak lain tu masjid.

YANG BERHORMAT TOH CHIN YAW (Wakil Bandar): Taj Mahal ya. Itu tak, Taj Mahal di India, saya tak sebut masjid hanya Taj Mahal. Terima kasih. Itulah apa yang kita buat, kita haraplah Ahli-ahli Yang Berhormat kita akan sentiasa memberi pandangan yang berkonstruktif, yang baik dan kita akan terima. Dengan itu saya sekali lagi ucapkan terima kasih kepada mereka yang memberi pandangan dan cadangan yang baik.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Wakil Bandar. Tahniah kita ucapkan dalam bahasa Terengganu yang baik. Saya jemput lagi, Wakil Kerajaan. Langkap jika ada.

YANG BERHORMAT HAJI ASHA'ARI BIN IDRIS (Wakil Langkap): Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Alhamdulillahirrabil alamin wabihi nastain. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua Dewan, Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan dan para Pemerhati yang dihormati sekalian.

Terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua kerana memberi peluang kepada saya untuk menggulung beberapa ucapan yang disentuh sebelum ini. Ada dua Yang Berhormat yang menyentuh secara langsung bantuan-bantuan di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat iaitu Y.B. Bukit Payong dan Y.B. Ladang.

Dato' Yang Dipertua, Y.B. Bukit Payong menyentuh pasal permohonan daripada Encik Ismail bin Endut untuk anaknya yang berumur 9 tahun memohon bantuan kerusi roda yang sudah beberapa tahun tetapi tidak diluluskan lagi. Selepas disemak dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat ternyata daripada tahun 2008 hingga 2009, sebanyak 34 buah kerusi roda telahpun diluluskan dan diberi kepada Daerah Marang termasuk 4 buah kerusi roda khas. Dan dalam jumlah 27 buah kerusi roda yang telah diluluskan bagi Daerah Marang memang tidak termasuk untuk Ismail bin Endut sebab permohonannya tidak sampai ke Jabatan Kebajikan Masyarakat. Saya tidak tahu di mana hilangnya permohonan itu kemungkinan permohonan itu barangkali ditujukan khas kepada Yang Berhormat Bukit Payong barangkali.

YANG BERHORMAT MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Minta penjelasan.

YANG BERHORMAT HAJI ASHA'ARI BIN IDRIS (Wakil Langkap): Dan kalau Y.B. Bukit Payong merasakan Encik Ismail bin Endut masih lagi perlu kepada kerusi roda untuk anaknya, sila hantar permohonannya. Kalau susah-susah sangat nak hantar ke JKM, hantar ke sayapun saya rasa saya boleh beri pertimbangan segera untuk kerusi roda bukannya mahal sangat Dato' Yang Dipertua.

Yang kedua, daripada Wakil Ladang menyebut pasal kebakaran yang JKKK tidak sokong, tidak sain surat permohonannya. Dato' Yang Dipertua, saya suka nak maklumkan kepada Dewan ini, bagi kes-kes kebakaran saya yakin Jabatan Kebajikan Masyarakat tidak terlalu menunggu sangat kepada surat permohonan yang mesti melalui Wakil Rakyat, mesti melalui JKKK dan sebagainya kerana itu adalah kes kecemasan yang memerlukan tindakan segera. Saya yakin kalau Y.B. Ladang telefon sendiri ke Jabatan Kebajikan Masyarakat, saya yakin Jabatan Kebajikan Masyarakat tidak tunggu lama memang dia akan pergi siasat selalu kerana kes ini memang perlu kepada tindakan yang segera. Dato' Yang Dipertua, saya penuh yakin kita walaupun ada perkara-perkara tertentu kita ambil kira sokongan-sokongan dan kita ambil kira hal politik tapi dalam kes begini, kes rumah terbakar ini orang tidak main politik. Saya penuh yakin Jabatan Kebajikan Masyarakat kalau dia tahupun, kadang-kadang orang kampung telefon ke, kebetulan dia lalu di kawasan itu didapati ada rumah terbakar memang dia akan siasat selalu. Dalam kes ini saya tidak tahu tindakannya setakat mana dan kalau

bantuan sampai hari ini tidak lulus lagi, saya mintaklah namanya supaya dikemukakan untuk diambil perjalanan segera.

Satu lagi Dato' Yang Dipertua, Ladang juga ada menyebut hal kemiskinan bandar. Kebetulan Ladang memang dalam bandar. Dato' Yang Dipertua, bagi penduduk bandar memang mendapat banyak faedah, selain daripada bantuan-bantuan biasa yang disediakan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat, MAIDAM, Yayasan Pembangunan Keluarga dan sebagainya, mereka juga berhak mendapat bantuan yang disediakan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Banyak bantuan-bantuan yang disediakan oleh Kementerian ini khususnya bagi orang bandar sahaja, orang kampung tidak layak menerima bantuan-bantuan ini. Di antaranya, Bantuan Sewa Rumah khas untuk mereka yang menyewa, bagi orang yang menduduki rumah setinggan memang tidak layak. Bantuan ini berjumlah RM124 sebulan ataupun kadar sebenar yang mana lebih rendah. Kedua, Bantuan Kemasukan Ke Sekolah ataupun ke Institusi Pengajian Tinggi, bagi Sekolah Rendah nilainya RM200, Sekolah Menengah - RM250, bagi IPT RM1,000, ini diberi sekali gus sahaja, *one off.* Ketiga, Bantuan Khas Pengangkutan Ke Sekolah bagi yang menggunakan bas nilainya RM50 sebulan. Keempat, Bantuan Khas Jagaan Kanak-kanak di Taska, ini diberi sekali gus berjumlah RM1,000. Kelima, Bantuan Kos Pengangkutan Ke Tempat Kerja, ini nilainya sebanyak RM200 ataupun kadar sebenar yang mana lebih rendah. Keenam, Bantuan Khas Rawatan Dialisis, nilainya ialah RM60 sekali rawatan. Seterusnya, Bantuan Ihsan bagi keluarga miskin, bagi yang miskin tegar nilainya RM3,000, bagi yang miskin nilainya RM2,000 dan bagi Bandaraya Kuala Terengganu yang menerima bantuan-bantuan ini jumlahnya ialah 9,381 orang setakat ini. Yang miskin 3,013, miskin tegar 1,258, yang mudah miskin 5,106 orang.

Dato' Yang Dipertua, banyak juga disebut oleh Wakil-wakil Pembangkang berkenaan dengan peranan ataupun tugas-tugas yang dilaksanakan oleh JKKK. Banyak yang tidak puas hati, banyak yang menuduh JKKK tidak profesional dan tidak adil dan sebagainya. Dato' Yang Dipertua, adil ini mudah disebut, semua nak adil, itu adil, ini adil dan bagi orang yang beristeri lebih daripada satupun syaratnya adil, sebut mudah nak buatnya payah. Kadang-kadang kepada kita sudah anggap adil tapi kepada orang lain masih mengatakan tidak adil dan perkara ini jugak berlaku bukan sahaja di zaman kita, di zaman BN, di zaman JKKK, di zaman Paspun begitu juga. Kepada kita, kita rasa terlalu tidak adil tapi kepada Pas berasa adil do'oh dah. Dato' Yang Dipertua, lebih-lebih lagi sekarang ini perkara yang disebut ini semasa baru sahaja lepas pilihan raya. Suasana semasa pilihan raya masih lagi panas terasa, duduk bawa bendera, bendera itu kadang-kadang nak tercucuk mata kita. Di kampung saya, di depan rumah saya sebab masa tu rasa barangkali macam menang, apabila rasa menang dan nak tunjuk kuat sampai depan rumahpun pergi letak jugak bendera walaupun kita Wakil Rakyat

lagi, apatah lagi dengan JKKK. Jadi semasa pilihan raya yang begitu panas dan selepas pada pilihan raya mari nak mintak bantuan mungkinlah berasa sedikit panas hati tu ada lagi jadi kerana itu maka berlakulah perkara-perkara yang kita berasa tidak sepatutnya. Saya penuh yakin perkara ini bukan kita suruhpun, hak ni jangan sain, hak ni begini, tidak begitu tapi kadang-kadang hak nak pergi mintak itupun kadang-kadang pakai kirimpun ada sebab nak pergi jumpapun malu kerana suasana semasa itu. Kita harap perkara ini akan kohor lama kohor berkuranganlah apabila suasana pilihan raya itu barangkali dah lepas dah.

Dato' Yang Dipertua, dalam ucapan ini juga sebab semasa menyokong Ucapan yang disokong oleh Kemasik ada menyebut Pas sebagai pengacau, ada salah sebut mengacau lepas itu marahnya, semua orang (Pembangkang) nampak marahnya macam-macam kata ke Kemasik kerana terlalu sensitif apabila sebut bab mengacau. Suasana ini jugak Dato' Yang Dipertua, masa demo duk kata ke kita dengan kafirnya, dengan Thaurutnya, dengan Maha Firaun dan macam-macam lagi begitulah rasanya lebih terhiris. Jadi kalau dengan kita sebut mengacau tu demo duk marah dah berapi-api marahnya, kita semasa duk kata ke kita berat-berat tu begitulah jugak rasanya. Lebih-lebih lagi dalam masa yang sama marah ke kita kerana kita sebut mengacau, mereka kata ke kita pengkhianat bangsa penuh-penuh mulut sebut ke kita pengkhianat bangsa macamlah kita orang Umno ni takdok jasa langsung kepada negara ni, kepada bangsa ni takdok jasa langsung ke kita? Patutnya Dato' Yang Dipertua, beralaslah sikit bercakap kerana kita dalam suasana kita nak mengharmonikan Kerajaan dan hubungan kita. Dato' Yang Dipertua, setakat itu sajalah ucapan saya, salah silap saya pohon maaf. Wabillahi taufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Langkap. Yang Berhormat Cukai jika ada.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMED BIN AWANG TERA (Wakil Cukai): Pendek saja Yang Berhormat. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan, tuan-tuan dan puan-puan assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Saya juga ingin mengambil bahagian untuk mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada Yang Berhormat Mulia Tengku Sri Panglima Raja yang telah menyampaikan ucapan yang saya rasa agak bernas dalam Ucapan Pembukaan beliau dua hari yang lepas dan saya mengambil peluang ini untuk menyokong ucapan beliau. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, oleh kerana tidak ada perbahasan yang dibawa oleh Ahli-ahli Dewan berkaitan dengan portfolio saya ini cuma saya ingin mengambil peluang ini untuk menerangkan serba sedikit ataupun *mendetailkan* sikit fungsi-fungsi yang terlibat di bawah

portfolio saya ini yang disebut secara ringkas oleh Yang Teramat Mulia Tengku Sri Panglima Raja. Terutama sekali perlu dimaklumkan di sini baru-baru ini dalam pembentukan Kabinet baru telah dibubarkan MECD Kementerian Keusahawanan ini. Jadi mungkin di peringkat negeri rakyat akan tertanya-tanya di mana agaknya fungsi yang selama ini di bawah Kementerian ini yang akan ditetapkan. Jadi sukacita dimaklumkan di peringkat Kerajaan Negeri ini portfolio ini masih lagi dikekalkan, tak tahulah kalau Yang Amat Berhormat nak pinda semula, tak tahulah. Tapi setakat ini kekal dan agensi-agensi yang berada di bawah Kementerian dan juga portfolio kita ini masih kekal dan fungsinya berjalan dan sebab itulah seperti mana yang disebutkan beberapa aktiviti-aktiviti akan terus dilaksanakan dan beberapa *flagship project* yang kita rancangkan akan juga diteruskan. Di antaranya kita telah merancang untuk mewujudkan T-Shoppe, T-Shoppe ini ada suatu program yang dikira atau dianggap program flagship kita yang boleh membantu usahawan-usahawan dan juga peniaga-peniaga kecil kita yang dibangkitkan pihak Pembangkang yang mengatakan kita tidak memberi penekanan. Kita ada memberi penekanan peniaga-peniaga kecil dan juga pengusaha-pengusaha kecil-kecilan di kampung-kampung ini dan insya Allah melalui pembentukan atau pewujudan kedai-kedai T-Shoppe ini kita boleh mengumpulkan barang-barangan daripada kampung-kampung ini untuk kita jual dan menyediakan sebagai satu tempat untuk kita membantu pengusaha-pengusaha, peniaga-peniaga kecil khususnya pengusaha-pengusaha bumiputera untuk menjual produk-produk mereka ini. Insya Allah, buat permulaan ini kita akan mewujudkan di empat tempat di daerah-daerah ini, di Kuala Terengganu, di Paka, di Kuala Berang dan juga di Kemaman dan seterusnya akan ditambah lagi untuk memenuhi semua daerah-daerah ini. Saya rasa melalui program ini kita serba sedikit pastikan produk-produk hasil peniaga kita ini dapat kita pasarkan secara terus menerus. Yang keduanya, kita jugak akan wujudkan Pusat Pengumpulan dan Pemprosesan produk-produk pertanian ini, ini jugak adalah untuk pastikan pengusaha-pengusaha pertanian kita akan diberi galakan oleh Kerajaan seperti penanaman jagung dan produk-produk yang berkait dengan pertanian ini ada tempat untuk kita salurkan, kita proseskan dan kita jual, bukan sahaja setakat dalam negeri kita ini malahan juga ke luar negara mengikut standard dan asas yang ditetapkan oleh piawaian SIRIM dan sebagainyalah. Jadi kita harap melalui pembentukan Pusat Pengumpulan produk ini jugak kita mampu memberi peluang kepada rakyat kita menjadi usahawan khususnya orang-orang muda ataupun graduate-graduate yang baru keluar yang merasakan mereka ingin berniaga, inilah tempatnya dan ruangnya untuk memulakan menjadi seorang usahawan yang gigih dan sebagainya. Di samping itu, Yang Berhormat Yang Dipertua, kita juga tidak lupa dan masih lagi akan kekalkan dengan pinjaman-pinjaman, bantuan-bantuan yang kita beri dahulu dan kita akan teruskan kepada rakyat kita di bawah apa yang dipanggil Kemudahan Pembiayaan Tabung Pembangunan Usahawan Terengganu.

Melalui skim pinjaman ini kita akan teruskan memberi pinjaman-pinjaman kepada peniaga-peniaga pasar malam, penjaja-penjaja Melayu, kita juga ada skim-skim pinjaman untuk membeli kanopi dan sebagainya. Ini adalah skim-skim pinjaman yang sedia ada dan kita akan teruskan mungkin ini dah lama berjalan tapi tak tahulah masa zaman Pas dahulu dia ada ke tidak mungkin dia berhenti tak tahulah. Tapi sebelum pada itu ada dan kita teruskan sekarang ini dan kita pastikan melalui program-program kecil begini peniaga-peniaga pasar malam jugak boleh mendapat pendapatan di samping menyumbang ekonomi Negeri Terengganu ini.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, akhir sekalilah juga saya ingin sebutkan di sini iaitu sektor keusahawanan ini juga melibatkan penjanaan kepada ekonomi negeri kita ini tentulah kita mempunyai penekanan dan dalam penekanan ini kita memberi penekanan kepada beberapa sektor penting yang kita ingin wujudkan usahawan kita ini. Kita telah menggariskan empat sektor penting kita yang kita rasakan boleh kita wujudkan usahawan di samping sektor ini jugak boleh menyumbang kepada ekonomi negeri kita ini. Pertamanya, sektor asas tani dan pemakanan. Kedua, sektor pelancongan dan hospitaliti di bawah Y.B. Datuk Za'abar. Ketiga, sektor petroleum dan gas. Dan yang akhir sekali sektor peruncitan. Inilah empat sektor yang kita ingin galakkan supaya usahawan-usahawan muda kita ataupun anak-anak muda yang ingin menjadi usahawan, inilah empat sektor yang mempunyai peluang dan ruang untuk berkembang di samping itu dapat membantu Negeri Terengganu kita ini ataupun meningkatkan lagi atau menyumbang kepada KDNK Negeri Terengganu kita ini. Jadi Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya rasa saya mengambil peluang ini sekali lagi untuk menyokong Ucapan Yang Teramat Mulia Tengku Sri Panglima Raja dan saya rasa kita sebagai Kerajaan dan juga Ahli Dewan perlulah bersama-sama berusaha untuk meningkatkan lagi usaha kita supaya sama-sama kita dapat membangun Terengganu kita ini tak kiralah dari parti mana, Parti BN ke, Pas ke tapi yang penting bagi kita ialah untuk pastikan kita boleh memberi sumbangan kepada rakyat dan rakyat memikirkan antara Wakil Rakyat inipun tidak ada masalah mereka bekerja sama antara satu sama lain. Sekian, terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Cukai. Saya tak tahu berapa panjang lagi, berapa ramai lagi yang hendak berucap. Sila Teluk Pasu.

YANG BERHORMAT DATUK HAJI ABDUL RAHIN BIN MOHD SAID (Wakil Teluk Pasu): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya turut sama mengucapkan terima kasih ke atas Ucapan Perasmian Yang Teramat Mulia Tengku Sri Panglima Raja di

atas ucapannya yang cukup baik yang telah digariskan beberapa perkara dalam ucapannya demi untuk memacu pembangunan ekonomi negeri.

Terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, tak banyak yang membangkitkan tentang Belia dan Sukan kecuali Yang Berhormat rakan saya dari Bukit Tunggal yang menyentuh tentang Endurance dan sukan-sukan yang memberikan tarikan kepada pelancong. Di dalam Sports Tourism yang dijawab oleh Yang Berhormat Rantau Abang sebentar tadi. Alhamdulillah, kita telah berjaya dan sebenarnya kita telah diiktiraf oleh FEI/WEC (World Endurance Championship) dengan izin, dan kita telah diberi kepujian malah Terengganu ataupun Malaysia telah menjadi tuan rumah yang terbaik sehingga kini dan tidak pernah di dunia ini seramai 50,000 orang yang menyaksikan Pembukaan WEC 2008. Ini adalah satu petanda yang amat baik dan sebagaimana biasa pada bulan November kita akan adakan Pertandingan Kuda Lasak Sultan Cup yang sekali lagi kita akan menjadi tuan rumah. Kita akan berusaha untuk memajukan sukan ini kerana kita dapati bahawa bukan sahaja SUKMA yang kita telah berjaya pada 2008 dengan 61 Pingat Emas, kita juga akan mempertahankan kejuaraan kita di Melaka 2010 dan kita telah memulakan latihan-latihan atlit, saya yakin dan percaya bahawa jumlah pingat yang kita pungut walaupun tidak menyamai 61 pingat kerana Melaka hanya ada 25 Medal Tele dan tidak sebagaimana semasa kita menjadi tuan rumah sebanyak 32. Yang menjadi cabaran kepada kita apabila canoe yang kita mendapat 14 Pingat Emas telah ditiadakan di Melaka. Namun demikian, kita telah berjaya dan pihak tuan rumah Melaka telah bersetuju supaya memasukkan Formula Future ke dalam satu acara yang mempunyai 15 Pingat Emas. Ini bermakna bahawa setelah 5 kali kita menjadi Juara Dunia berturut-turut dan sebahagian besarnya adalah anak Negeri Terengganu yang telah mencipta rekod yang saya kira memberi peluang sekali lagi kepada kita untuk mempertahankan kejuaraan kita di SUKMA Melaka.

Ahli-ahli Yang Berhormat, Dato' Yang Dipertua, saya tidaklah bertujuan untuk mengulas panjang cuma saya ucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada Ahli-ahli Yang Berhormat juga kepada Ahli-ahli Yang Berhormat daripada Pembangkang kerana pengalaman saya inilah kali pertama saya lihat bahawa Ahli-ahli Yang Berhormat daripada Pembangkang begitu baik kecuali rakan saya Yang Berhormat Wakaf Mempelam yang agak tersasul sikit kerana amalan-amalan lalu masih lagi terikut-ikut. Walau bagaimanapun, kita telah menyahut seruan Yang Teramat Mulia Tengku Sri Panglima Raja supaya komitmen dari semua pihak tak kira fahaman politik di dalam Penggulungannya lebih-lebih lagi di dalam kemelesetan ekonomi kita terjemahkanlah usaha-usaha kita ke arah mempertingkatkan taraf hidup masyarakat ataupun rakyat. Jadi buat akhirnya saya nak jawab pantun Wakaf Mempelam tadi:

Tuai padi di antara masak,
Kelak jangan layu-layuan,
Gelak ketawa bersidang di bawah pokok,
Menyesal nanti tidak kesampaian.

Mudah dihitung payah berkira,
Mudah datang tanpa diundang,
Mudah berdosa sudahnya merana,
Mudah menang tewas berulang.

Dan seloka ini yang terakhir;

Hamba meminta kepada Tuhan,
Serangkai bunga segar tapi hamba dapat kaktus berduri,
Hamba meminta kupu-kupu,
Hamba dapat ulat berbulu.

Alangkah sedihnya hati,
Namun kemudian kaktus itu berbunga indah sekali,
Dan akhirnya ulat itupun menjadi kupu-kupu cantik sekali,
Itulah jalan yang ditunjukkan indah pada masanya tetapi Tuhan tidak tunaikan.

Apa yang kita harapkan,
Kadang kita rasa sedih hanya sekejap memerintah Terengganu,
Kadang kita rasa rindu kerusi empuk suatu waktu dahulu,
Gelombang biru yang datang perahu tak menentu,
Luang tenggelam menghunus dasar tak menentu.

Saudara mengganas lagi cara yang tidak disedari,
ABI diungkit lagi ANZ lenyap dalam diari,
Tanah MAIDAM dicuri Hubungan Raya bankrupsi.

Dulu mengatakan Kerajaan lebih zalim daripada Yahudi,
Sekarang di Parlimen sunyi sepi,
Dulu salahkan Pusat di Parlimen dan bukan Negeri,
Sekarang di Parlimen silalah bukti.

Sudahlah jangan mengganas lagi,
Hidup biarlah berpekerti pegang amanah rakyat yang mengundi,
Atau jawab di Akhirat nanti.

Sekian, wabillahi taufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya ucapkan terima kasih di atas jawapan seloka yang diberi. Cuma saya tak faham apa benda yang dikata.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Biarlah Wakaf Mempelam seorang yang tidak faham, saya rasa yang lain faham. Sidang Dewan rasa kepada Pengkalan Berangan kalau pendek, cekap tu sangat bagus. Sila.

YANG BERHORMAT YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): Hak nak beri faham. Bismillahirrahmanirrahim. Alhamdulillahirrabil alamin wassalatuwassala mu-ala asyrafil anbia iwamursalin Sayyidina Muhammad wa-ala alihi wasahbihi ajmain. Yang saya hormati Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan, Pemerhati-pemerhati .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tak payah gaduh Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Bertenang-bertenang Yang Berhormat, tak apa panjangpun tak apa.

YANG BERHORMAT YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): Hak ni dia kena ikut sunnah Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila, sila.

YANG BERHORMAT YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): Oleh kerana sayapun semalam tersalah cakap, tersalah bangun, kepada Wakaf Mempelam saya nak jawab pantun tapi oleh kerana kawan saya Teluk Pasu telahpun menjawab tadi tapi Yang Berhormat Wakaf Mempelam tak faham jugak. Jadi sayapun mintak izin daripada Yang Dipertua nak berpantun. Saya takmboh dah gulung-gulung ni, nak gulung secara berpantun ni. Jadi untuk memudahkan kefahaman kepada saudara saya Wakaf Mempelam.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila, sila.

YANG BERHORMAT YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): Jadi pantun saya ni memang comel dan molek tak macam pantun Wakaf

Mempelam baru-baru ni makhrabnya dok kena, hak saya ni comel lote, jadi kalau dok baca tu dok lena tidur saya. Jadi sayapun nak baca jugaklah lebih kurang pantun saya ni, kawan-kawan sayapun ramai belaka dah mari ni, jadi semangat mari balik semula.

Pengkalan Berangan bersopan santun,
Rakyat happy bersama keluarga,
Yang Berhormat Pas kuat berpantun,
Kawasan sendiri tidak terjaga.

Makan koleh seginya empat,
Masa makan kena kepit,
Cakap molek biar bertempat,
Parti demo macam Mat Rempit.

Puak demo hebat bersyarah,
Kata mengata mainan bibir,
Hukum hakam bersendikan lidah,
Supit renceng bersama takbir.

Anak Tok Khatib menyusun jari,
Pantun demo pantunnya haru biru,
Beri nasihat lupakan diri,
Syok sendiri amalan kalbu.

Bijak sungguh perancangan deme,
Negeri Terengganu maju tahun dua ribu,
Pas memerintah cara deme,
Habuk takdok cakap beribu.

Kalau tuan ke Pulau Kapas,
Jangan lupa membawa pendayung,
Politik wang dikupas-kupas,
Kain sendiri busuk kohong.

Wa wa kokek, wa kokek Ulu Bendul,
Hak dia kata molek.
Hak orang dok betul.

Itulah saja gulungan saya Dato' yang Dipertua. Jadi saya nak tanya Dato' Yang Dipertua ni, Dato' Yang Dipertua takmboh fotostat retek nak edar ke kawan-kawan kita .... (Dewan Gelak) .... Sekian, wabillahi taufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, penjelasan sikit. Cuma saya nak khabor hak ni saya faham sikit daripada hak tadi. .... (Dewan Gelak) .... Dan nasib dia pakai baju putih cuma nak tambah colour hijau aje sikit biar sama hala ke kita.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: .... (Dalam Gelak) .... Wakaf Mempelam dia gelepor sebab hak ni molek sikit, kita mintak Bentara kita edarlah nanti. Seterusnya saya jemput Seberang Takir.

YANG BERHORMAT AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang pertama sekali saya ingin merakamkan setinggi-tinggi ucapan terima kasih di atas Ucapan Yang Teramat Mulia Tengku Sri Panglima Raja yang telah melahirkan rasa bangga berasas pencapaian keputusan peperiksaan dan juga segala program dan aktiviti yang telah dijalankan oleh Kerajaan Negeri terhadap pembangunan pendidikan dan juga pembangunan modal insan. Dan saya di sini ingin melahirkan ucapan tahniah kepada Jabatan Pelajaran Negeri Terengganu dan juga seluruh warga pendidik kerana tahun ini Terengganu telah mencipta satu sejarah iaitu keempat-empat peperiksaan kita telah menghasilkan kecemerlangan. UPSR pencapaian semua 'A' terbaik, PMR pencapaian terbaik Gred Purata Negeri, SPM pencapaian lonjakan peningkatan semua 'A' terbaik, STPM pencapaian memperolehi Sijil Penuh terbaik. Jadi ucapan tahniah atas kejayaan yang telah dicapai dan harapan kita bahawa lonjakan dan pencapaian ini akan terus kita cipta untuk masa-masa yang akan datang. Dan ucapan tahniah juga kepada warga pendidik kerana telah menerima Timbalan Perdana Menteri, Yang Amat Berhormat Tan Sri Muhyiddin Yassin sebagai Menteri Pelajaran Malaysia.

Berkait dengan soalan yang telah dikemukakan oleh sahabat-sahabat daripada pihak Pembangkang. Pertama dari Wakil Wakaf Mempelam. Terima kasih kerana memberi makluman bahawa saya ini adalah Wakil Kerajaan hak juruh, harapan saya biarlah apa yang dikatakan itu dengan penuh keikhlasan. Berkait dengan soalan Wakil Wakaf Mempelam, berkait dengan tiga pentadbiran Sekolah Agama sekarang ini. Sebenarnya tidak jadi timbul masalah, tiga, empat, lima atau sebagainya janji pentadbiran yang kita laksanakan adalah pentadbiran yang sama daripada atas hingga ke bawah adalah pentadbiran Kerajaan Barisan Nasional. Jadi tidak timbul soal arahan bertindih dan kita lihat hari ini Sekolah Agama Negeri kita telah banyak mencipta kecemerlangan, ini adalah hasil kemuafakatan dan juga tindakan hasil kerjasama di antara semua pihak. Yang kedua, kakitangan yang belum dibayar gaji sehingga 3 bulan. Memang berlaku kelewatan bayaran gaji kepada Anggota Kumpulan Sokongan yang memilih opsyen Kementerian Pelajaran Malaysia. Pihak Kementerian Pelajaran Malaysia telah

bersetuju supaya pihaknya mula membayar gaji Anggota Kumpulan Sokongan terbabit mulai Februari 2009 tetapi almaklumlah, saya rasa situasi ini sama juga yang dihadapi oleh Ahli Parlimen Kuala Terengganu apabila berlaku sahaja perubahan, jadi biasanya dia tak boleh nak bayar gaji segera kerana ada masalah dari segi teknikal dan juga dokumentasi kerana itulah sekarang ini difahamkan seramai 125 orang sahaja yang belum lagi menerima gaji setakat Mac 2009, insya Allah perkara ini akan selesai dalam bulan depan dan yang telah selesai ialah seramai 61 orang. Perpindahan bayaran gaji bagi guru pula akan dilakukan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia mulai bulan Mei ini. Insya Allah, perkara yang seumpama ini tidak akan berlaku lagi kepada guru-guru yang telah memilih opsyen di bawah Kementerian Pelajaran Malaysia.

Yang kedua, dakwaan bahawa ada pihak yang berpangkat di Jabatan Agama Islam Negeri Terengganu yang telah diturunkan pangkat. Ini sebenarnya tak betul. Yang sebenarnya jawatan yang terlibat dengan MoU SABK ialah jawatan opsyen di sekolah sahaja kerana pegawai yang terlibat mahu memilih opsyen Kementerian Pelajaran Malaysia maka yang terlibat ini perlu turun ke sekolah kerana waran yang dipakai adalah waran sekolah. Pegawai yang terlibat telah maklum kedudukan perkara ini dan beliau telah memilih opsyen Kementerian Pelajaran Malaysia dengan kerelaan sendiri. Beliau ditempatkan di Sekolah Menengah Agama Atas Sultan Zainal Abidin Batu Burok Kuala Terengganu sebagai Guru Penolong sebagaimana data yang dimasukkan ketika urusan kemasukan ke opsyen dibuat pada tahun 2006 lagi, gred jawatan beliau tidak terjejas iaitu DG 48.

Berkait dengan soalan yang dikemukakan oleh Wakil Wakaf Mempelam juga berkait dengan ada Pengetua Sekolah yang tidak boleh tandatangan cek sekolah kerana ada masalah-masalah. Ini memang betul berlaku kepada Pengetua Sekolah Menengah Agama Marang kerana beliau ini yang terlibat adalah CIMB Bank, kebetulan beliau ada sedikit masalah kerana beliau telah menjadi penjamin kepada seorang dan oleh kerana peminjam itu tidak bayar maka beliau telah diheret dan menyebabkan rekod beliau di CIMB tidak berapa baik tetapi alhamdulillah, perkara ini telah diselesaikan dan sebenarnya beliau tidak ada masalah dengan bank-bank yang lain.

Berkait dengan soalan oleh Wakil Ladang berkaitan dengan electronic book, adakah penggunaan digital text book sahaja yang akan meningkat, prestasi dan kebimbangan beliau penyalahgunaan dan ada atau tidak unsur-unsur lain yang akan kita gunakan untuk menghasilkan kecemerlangan. Sebenarnya electronic book ini kita laksanakan berasas kepada beberapa perkara. Pertamanya, kita merasakan bahawa dengan adanya pendedahan awal yang kita beri kepada anak-anak kita atau pelajar-pelajar kita di peringkat sekolah rendah, kita rasa dan kita penuh yakin dan percaya bahawa mereka ini akan

dapat mempertingkatkan lagi kerana di peringkat sekolah rendah lagi kalau kita dedahkan dari segi IQ mereka, dari segi kecekapan mereka, mereka boleh laksanakan secara optimum ataupun secara maksimum. Jadi harapan kita dengan pelaksanaan yang kita laksanakan bermula di peringkat sekolah rendah dalam tahun 5, ini akan mempercepatkan lagi dari segi pelaksanaan pengetahuan IT di kalangan pelajar-pelajar Terengganu. Insya Allah, selepas daripada ini kita akan kembangkan lagi penggunaan Electronic Book ini mengikut spesifik yang telah kita rancang iaitu berasas kepada kesesuaian Electronic Book ini kita akan perkembangkan ke peringkat sekolah menengah. Dan sebenarnya, dalam Electronic Book ini bukan hanya dilengkapkan dengan digital text book sahaja tetapi ada juga dimasukkan dengan perkara-perkara Score A, berkait dengan Fardhu Ain dari segi bacaan ayat Quran dan sebagainya. Dan juga penggunaan dari segi internet. Ini yang akan kita laksanakan dan insya Allah, kita memang dari semasa ke semasa sekarang ini mengadakan program ataupun kursus khusus kepada guru-guru bagaimana cara penggunaan dan kerana itulah kita telah melantik pegawai-pegawai di bawah Kerajaan Negeri yang kita tempatkan di sekolah-sekolah untuk menyelaras dan memantau bagi memastikan penggunaan Electronic Book ini dalam penggunaan yang sewajarnya, dalam penggunaan yang telah ditetapkan. Insya Allah, saya rasa dengan kerjasama dari semua pihak, dari guru, ibu bapa dan juga masyarakat kita yakin dan percaya bahawa penggunaan ini akan dapat dilaksanakan dengan sebaik-baiknya dan dari segi penyalahgunaan kita akan dapat atasi.

Tentang PPSMI yang ditanya oleh Wakil Ladang begitu juga Wakil Rhu Rendang. Cuma harapan saya kalau boleh pihak Pembangkang kalau nak kemukakan kajian kalau boleh kena buktikanlah. Saya sendiripun tercari-cari juga di mana yang disebut oleh Rusila tentang kajian daripada UNESCO dan sebagainya. Jadi kita tak pasti kesahihan tentang kajian yang telah dibuat. Saya tak boleh nak mengulas tentang PPSMI kerana kajian mengikut daripada laporan dalam surat khabar pada hari ini kajian PPSMI sedia dibentang kepada Kabinet dalam masa yang terdekat ....

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, mintak penjelasan sikit ringkas saja.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Boleh Yang Berhormat?

YANG BERHORMAT AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Macam mana?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Penjelasan dia mintak, boleh?

YANG BERHORMAT AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Penjelasan saya kata kalau boleh kita nak kajian-kajian yang disebut nanti .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tak, boleh beri laluan kepada Batu Burok. Sila Batu Burok.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Terima kasih Dato' Yang Dipertua. Ringkas saja tentang PPSMI ini. Terlalu banyak kajian yang boleh kita dapati secara terbuka dan bantahan yang dibuat bukan daripada parti politik sahaja, daripada kalangan Sasterawan Negara, pakar-pakar bahasa secara majoriti membuat tuntutan kepada pihak Kerajaan supaya menarik balik pelaksanaan sains dan matematik di dalam Bahasa Inggeris ini. Ini diketahui umum tentang perkara ini, pertemuan demi pertemuan telah diadakan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri untuk kita mengkaji balik kerana kesannya adalah terlalu besar kepada masa depan anak bangsa kita orang-orang Melayu di seluruh negara, kesan yang begitu negatif.

YANG BERHORMAT AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Terima kasih kepada Wakil Batu Burok kerana telah memberitahu tentang kajian-kajian yang dibuat oleh kajian tempatan. Sebab saya mendapat makluman ini Wakil Rhu Rendang beritahu kepada saya daripada UNESCO, itu yang saya duk tanya tu. Jadi kajian daripada tempatan itu saya rasa mudah sikit kita nak dapat. Kalau kajian hak luar negara yang dibuat oleh orang-orang Barat ni memang sukar sikit kita nak dapat. Alhamdulillahlah, pasal pihak Pembangkang nampaknya memberi pengiktirafan kepada kajian-kajian yang dibuat oleh pihak Barat. Tentang kajian PPSMI saya rasa saya tidak mampu nak beri ulasan kerana saya rasa kita sudah ada dua orang Wakil di peringkat Parlimen dan saya rasa sudah sedia maklum dan sudahpun tahu perjalanan dan juga bagaimana pelaksanaan dan juga kajian yang dibuat. Cuma yang saya dapat maklumkan di sini, kita cuma perlu tunggu kerana difahamkan pada hari ini dikeluarkan dalam surat khabar Utusan Malaysia muka surat 2, yang telah diberitahu oleh Yang Amat Berhormat Tan Sri Muhyiddin Yassin, Timbalan Perdana Menteri, Merangkap Menteri Pelajaran bahawa kajian PPSMI sedia dibentang kepada Kabinet dalam masa terdekat, segala keputusan yang dibuat merupakan langkah yang terbaik untuk semua pihak dan saya difahamkan ada tiga cadangan yang akan dibawa dan insya Allah kita tunggulah dan saya mintak seperti mana yang disebut oleh sahabat-sahabat saya tadi dari Pembangkang agar bersabar insya Allah kerana keputusan yang dibuat hari ini adalah memastikan kebaikan kepada anak-anak kita juga. Saya rasa itu sahajalah dan saya sekali lagi nak ucapkan terima kasih kepada semua pihak yang telah memberi

sokongan terutama kepada bidang pelajaran Negeri Terengganu. Wabillahi taufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Seberang Takir. Dijemput Yang Amat Berhormat Menteri Besar untuk memberi penggulungan terakhir. Sila.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' MENTERI BESAR: Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, Pegawai-pegawai Kerajaan dan para Pemerhati sekalian. Saya bersyukur ke hadrat Allah Taala kerana Persidangan kali ini mendapat sambutan dan juga soalan-soalan yang bernas daripada pihak Pembangkang. Saya mulakan jawapan dan juga gulungan ini daripada ADUN Kemasik yang telah membangkitkan mengenai projek perumahan di Kertih iaitu berhadapan dengan Balai Polis Kertih yang ditinggalkan begitu sahaja. Untuk makluman ADUN Kemasik bahawa rumah-rumah itu adalah kepunyaan Lembaga Tabung Amanah Warisan Terengganu. Ketika itu pembinaannya dibuat oleh Petronas, mengikut perjanjian selepas 25 tahun ia akan diserahkan kembali kepada Lembaga Tabung Amanah Warisan Negeri. Dan Kerajaan Negeri telah membuat keputusan supaya Lembaga Tabung Amanah Warisan Negeri membaik pulih semula rumah-rumah tersebut sama ada untuk dijadikan kuarters ataupun dijual kepada orang-orang awam. Kita perlu membuat ukuran semula tanah-tanah tersebut untuk dijadikan lot-lot yang sesuai kerana sebelum ini tidak ada lot yang dibuat ini untuk memudahkan penjualan rumah-rumah tersebut selepas dibaiki nanti kepada orang awam. Begitu juga dengan pembinaan Rumah Kos Rendah yang mana hasrat Kerajaan pada tahun ini untuk membina 4,500 unit dan pada masa akan datang 5,500 unit lagi menjadi keseluruhan 10,000 unit. Tapi kita harus sedar masalah utama yang dihadapi oleh Kerajaan hari ini ialah masalah tapak yang agak sulit kita perolehi apatah lagi untuk dapatkan tapak-tapak rumah yang elok yang tidak perlu ditambun dan sebagainya kerana kos penambunan tanah begitu tinggi mencecah sehingga RM5 hingga RM6 juta bagi satu-satu tapak dan selepas itu memakan masa yang agak lama untuk tanah stabil dan sebagainya. Inilah halangan sebenarnya kerana tanah-tanah yang elok telahpun diserahkan/diberikan kepada rakyat.

Mengenai soalan yang dibangkitkan oleh ADUN Bukit Payong. Sebagaimana dijawab oleh rakan-rakan saya sebentar tadi cuma ada satu perkara yang hendak saya jelaskan di sini, saya tidak pasti adakah benar bahawa perkedaian di Pekan Bukit Payong itu tidak mempunyai tandas awam? Jika sekiranya perkara ini benar maka saya dengan ini mengharapkan pihak Kerajaan Tempatan untuk membina sebuah tandas awam di Pekan Bukit Payong dengan kadar segera.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Wakil Wakaf Mempelam ada membangkitkan mengenai royalti yang disebut dan dinyatakan bahawa diberi kepada Syarikat Perumahan SPMB dan diberi kepada Kerajaan-Kerajaan Negeri yang lain. Ini memang kita akui dan kita telah membuat semakan-semakan dan ini merupakan sebahagian daripada rundingan yang perlu kita kembalikan wang ini ke pangkuan Negeri Terengganu. Untuk pengetahuan Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini SPMB telah diserahkan sebanyak RM873.4 juta ke seluruh negara dan daripada jumlah itu hanya RM102,056,000 dibelanjakan bagi Negeri Terengganu. Ini bermakna RM771,346,000 akan dituntut kembali daripada Kerajaan Pusat dan Kerajaan Pusat menerusi Kementerian Kewangan sebenarnya telah bersetuju dengan angka RM771 juta ini untuk dikembalikan kepada Kerajaan Negeri.

Yang kedua, mengenai peruntukan duit royalti yang dijadikan Dana Khas yang diberikan kepada negeri-negeri lain sebanyak RM717,300,000. Kita telah mengadakan rundingan berkait dengan perkara ini dan menuntut hak kita supaya dikembalikan. Alhamdulillah, Kerajaan Pusat menerusi Kementerian Kewangan dalam rundingan kedua baru-baru ini telah bersetuju untuk mengembalikan jumlah ini sebanyak RM771,346,000 ke pangkuan Kerajaan Negeri Terengganu menjadikan kedua-dua perkara ini yang akan dituntut dan persetujuan telah dicapai oleh Kerajaan Pusat untuk menyerahkan balik sebanyak RM1,488,644,000 kepada Kerajaan Negeri. Di samping itu, kita juga meminta sebagaimana yang diberitahu semalam royalti yang kita perolehi bagi 6 bulan pertama bermula pada bulan September hingga Mac sebanyak RM1,394,000,000 dan Kerajaan Negeri telah diberikan baru-baru ini sebanyak RM650 juta dan bakinya akan diserahkan kembali setelah kita muktamadkan rundingan selepas ini. Di samping itu, untuk pengetahuan Dewan yang mulia ini kita juga masih menuntut lain-lain perbelanjaan yang digunakan yang tidak mendapat persetujuan Kerajaan Negeri dan sebagainya yang kita tuntut hari ini kepada Kerajaan Pusat sejumlah RM2.6 bilion yang kita harap ianya juga dapat dimuktamadkan sebelum perjanjian sebenar untuk menarik balik kes kita dapat kita selesaikan.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya nak mintak penjelasan sikit daripada Yang Amat Berhormat. Adakah ini jugak termasuk, tadi disebut yang digunakan oleh SPMB, yang digunakan oleh negeri-negeri lain, apakah jugak termasuk yang digunakan oleh Kementerian-Kementerian sebagai contoh buat airport, sebagai contoh projek muara sungai, adakah itu melibatkan jumlah yang agak besar termasuk jugak sebahagian daripada pembinaan Lebuh Raya Ke-2 yang separuhnya adalah duit kita. Jadi adakah

itu tidak termasuk dalam apa yang dituntut oleh Kerajaan Negeri? Terima kasih.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' MENTERI BESAR: Terima kasih Yang Dipertua. Inilah lagi perkara-perkara yang masih di dalam rundingan, yang masih lagi belum dimuktamadkan kerana contohnya lebuh raya sebanyak RM1.18 bilion digunakan daripada Dana Khas. Inilah di antara perkara-perkara yang masih di dalam rundingan yang perlu kita adakan rundingan-rundingan seterusnya sebagaimana yang saya nyatakan tadi. Kita sedar tentang perkara ini dan atas keprihatinan Yang Berhormat Wakaf Mempelam sama juga dengan keprihatinan saya yang mewakili Kerajaan Negeri ketika ini.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya hendak merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada kesanggupan untuk kita nak menuntut balik hak kita dan jelas inilah penderhaka yang selama ini melakukan kerja-kerja sehingga kita dinafikan hak kita. Ini suatu benda yang tidak dapat dinafikan oleh orang lain.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' MENTERI BESAR: Dato' Yang Dipertua, saya pohonlah sahabat saya Wakaf Mempelam perkataan 'menderhaka' itu tidak seharusnya digunakanlah. Minta maaf Dato' Yang Dipertua .....

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Kalau nak tarik perkataan 'menderhaka', saya guna 'pengkhianat'.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat tak perlu kita catat.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' MENTERI BESAR: Minta maaflah Dato' Yang Dipertua sekali lagi, saya pohonlah tarik baliklah perkataan tersebut. Saya rasa tidak elok.

YANG BERHORMAT YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): Dato' Yang Dipertua, beri ke saya berpantun semula boleh ke dok? ... (Dewan Gelak) ....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Susah hati orang mendengar Yang Berhormat sebenarnya dengan cara Wakaf Mempelam itu, saya ingat tarik baliklah dua perkataan itu Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya tetap dengan

pendirian daripada awal saya sebut, ini sikap kami oleh kerana inilah kerja buat yang dilakukan sehingga kami cukup terasa .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat .....

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): ..... waktu kami menjadi Kerajaan sehinggakan kami tak boleh nak buat apa-apa. Dalam keadaan kita diperlakukan .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya tak benarkan Yang Berhormat berucap.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): ..... yang begitu rupa kita buat banyak benda tapi dalam segi kewangan inilah kerja buat yang dilakukan oleh kepimpinan Umno Negeri.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat tak benarpun Yang Berhormat berucap, saya mintak Yang Berhormat tarik balik, kalau tak nak tarik balik .....

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Saya tak nak tarik balik, saya tak akan tarik balik Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat sila duduk sebab saya nampak Yang Berhormat pakai lebuh raya tak siap lagi tetapi lapangan terbang Yang Berhormat pakai jugak, apa yang dibuat Yang Berhormat pakai jugak.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Betul Yang Berhormat, itu betul tapi saya .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya tak benarkan Yang Berhormat bercakap. Yang Berhormat bercakap seolah-olah Yang Berhormatlah yang pandai dan sebagainya tapi cara Yang Berhormat itu diperhati dan saya percaya ia sangatlah tidak wajar dan sila teruskan Penggulungan.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' MENTERI BESAR: Terima kasih Yang Dipertua. Atas keprihatinan kita bersama, saya berharaplah kita dapat berganding bahu di antara satu sama lain demi kepentingan negeri dan rakyat Terengganu insya Allah. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya juga ingin menambah mengenai hasrat Kerajaan Negeri sebagaimana disebut oleh Exco, Wakil Rantau Abang tadi iaitu berusaha untuk menambah beberapa lagi produk pelancongan bagi Negeri Terengganu kerana kita sedar bahawa kita tidak

seharusnya bergantung kepada petroleum dan gas semata-mata kerana bahan ini mungkin akan habis suatu ketika nanti dan apatah lagi yang tidak menentu. Dulu orang mengatakan *Black Gold* ini dengan izin Dato' Yang Dipertua, merupakan menjadi satu perkara yang menjadi harapan kepada kita semua tapi sejarah membuktikan bahawa dengan jatuhnya harga yang mendadak baru-baru ini menyebabkan kita berada dalam keadaan situasi yang tidak menentu. Justeru itu, Kerajaan Negeri berhasrat menjadikan pelancongan sebagai tulang belakang kepada ekonomi negeri pada masa akan datang. Di samping produk-produk yang telah sedia ada, saya nyatakan tadi bahawa kita ada Santuari Kelah, kita ada Tasik Kenyir yang selama ini menjadi kebanggaan rakyat Terengganu tetapi tidak banyak hasil yang kita perolehi. Justeru itu, Santuari Kelah ini akan ditambah lagi bukan sahaja di Sungai Sepetang, bukan sahaja di Sungai Cacing, insya Allah selepas ini kita akan bangunkan di Sungai Lebam, menjadikan tiga kesemuanya dan selepas ini kita buka kepada orang ramai untuk bermain dan juga memberi makan kepada ikan Kelah ini dan yang menjadi daya tarikan utama pelancong ke Tasik Kenyir. Di samping itu, kita akan membina Santuari Gajah seluas 40,000 ekar atau 15,000 hektar yang mana kita percaya insyaAllah pada bulan Mei nanti kerja-kerja pemasangan pagar letrik bagi kawasan seluas 40,000 ekar atau 15,000 hektar ini akan kita laksanakan dan usaha-usaha untuk menangkap gajah-gajah liar yang dianggarkan di antara 120 - 150 ekor di seluruh Negeri Terengganu ini akan ditempatkan di situ di samping akan menyelesaikan masalah kemusnahan tanaman oleh gajah-gajah liar ini juga maka kita akan mengadakan Pusat Latihan Gajah di tempat itu untuk menjadi satu lagi produk pelancongan bagi Negeri Terengganu. Di samping itu, saya juga nak sebut bahawa kita akan bangunkan Tasik Kenyir apa yang kita namakan Island Hopping di mana RM50 juta kita akan belanjakan pada tahun ini dan insya Allah Pulau Burung yang sedang dalam pembinaan kira-kira 80% akan disiapkan menjelang pertengahan Jun nanti. Dan satu lagi bermula Mei nanti Pulau Orkid akan mula kita tanam akan kita majukan termasuk pulau-pulau herba, pulau-pulau buah-buahan dan lain-lain lagi yang akan kita bangunkan insya Allah demi mempastikan Terengganu akan menjadi destinasi utama negara masa depan. Di samping itu, produk yang terbaru alhamdulillah baru-baru ini saya telah merasmikan Mini Zoo dan Taman Rekreasi di Bukit Takar, Kemaman. Pembinaan zoo ini telah dimulakan sejak tahun 1998 lagi tetapi oleh kerana sebab-sebab yang telah sedia maklum kita hentikan pada tahun 2000 - 2004 dan kita sambung semula dan alhamdulillah semasa perasmian baru-baru ini semasa hari pertama perasmian kira-kira 10,000 pengunjung tapi pada hari itu tidak dikenakan bayaran dan pada hari kedua, 12hb walaupun pada hari tersebut hujan yang agak lebat tapi saya dimaklumkan lebih daripada 3,000 tiket telah terjual. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, kita seharusnya bersyukur ke hadrat Allah S.W.T. walaupun keadaan ekonomi dunia tidak menentu pada hari ini tetapi bukan sahaja ekonomi yang tidak menentu dan penuh

cabaran ini namun pertumbuhan ekonomi Terengganu (2009) dijangkakan akan mencapai 2% dan bagi tahun 2010 - 2.4% berbanding dengan apa yang kita alami sebenar 2008 - 4.8%. Inilah menyebabkan kita rasa bersyukur kerana sebuah negara jiran kita yang terkenal dan termaju Singapura sebagai contoh, Keluaran Negara Kasar Singapura pada Januari 2009 mengikut unjuran menguncup daripada 2.0% kepada 5.0% dan sebenarnya pada bulan baru-baru ini telah menurun kepada (-) 6% hingga 9% dijangkakan pada tahun ini. Dan KDNK sebenar untuk Singapura telah menguncup 19.7%. Inilah kegetiran yang kita alami dan saya berharap kita dapat mengatasi masalah ini dengan sebaik mungkin dengan adanya kerjasama dari semua pihak.

Dan sempena dengan Persidangan ini juga Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi ucapan penghargaan dan terima kasih bagi pihak Kerajaan dan rakyat Negeri Terengganu kepada Yang Amat Berbahagia Tun Haji Abdullah bin Haji Ahmad Badawi di atas jasa dan pengorbanan Yang Amat Berbahagia Tun khasnya kepada Negeri Terengganu semasa Yang Amat Berbahagia Tun menjadi Perdana Menteri. Di dalam Dewan ini juga saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi ucapan tahniah di atas pelantikan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak yang telah dilantik menjadi Perdana Menteri Malaysia Yang Keenam dan kepada Yang Amat Berhormat Tan Sri Muhyiddin bin Mohd Yassin sebagai Timbalan Perdana Menteri Malaysia.

Akhirnya, saya ingin menyampaikan serangkap pantun untuk renungan kita bersama:

> Helai ketawa kita bersidang,
> Sidang Dewan Undangan Negeri penuh bererti,
> Semoga Negeri Terengganu terus terbilang,
> Merakyatkan pentadbiran dan pembangunan rakyat menjadi bukti.

Sekian, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih, Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian kita telah mendengar perbahasan, kemudian telah digulung oleh pihak Kerajaan mengenai khusus Titah ataupun Ucapan Perasmian yang disampaikan oleh Yang Teramat Mulia Tengku Sri Panglima Raja ke atas Perasmian Penggal Persidangan Yang Kedua, Dewan Undangan Negeri Kedua Belas yang kita hadir ini. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, tumpuan yang disebut oleh Yang Berhormat Teluk Pasu sebentar tadi, saya nak sebut pada semua Ahli Yang Berhormat mengenai muka surat 37, mengenai beberapa perkara penting

iaitu komitmen tanpa kepentingan politik dan peribadi dan juga pengkhususan yang perlu semua Yang Berhormat dan Pegawai Kerajaan dan semua peringkat di Negeri Terengganu ini memberi perhatian dan tindakan yang betul di atas perjalanan negeri terbilang sebagaimana pantun Yang Amat Berhormat sebentar tadi. Jadi kepada kita semua, kepada Yang Berhormat semua saya ingat perkara-perkara ini mestilah dikekalkan sebagai perjuangan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian tidak boleh dipandang remeh dan rakyat menilai kita semua. Dengan kata-kata itu, saya ingat Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian saya membuka untuk undian atas Usul yang telah dibentangkan oleh Seberang Takir ini.

Usul ini kemudian dihadapkan kepada mesyuarat dan dipersetujui dengan suara terbanyak.

USUL INI DITERIMA.

PELANTIKAN AHLI DEWAN NEGARA

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah memaklumkan kepada Yang Teramat Mulia Yang Dipertua Majlis Penasihat Pemangku Raja Terengganu bahawa terdapat satu kekosongan Ahli Dewan Negara yang telah dipilih oleh Dewan Undangan Negeri Terengganu telah berlaku. Kekosongan ini ialah disebabkan *perletakan jawatan* Ahli Dewan Negara yang lepas dan meminta supaya dipilih seorang Ahli Dewan Negara yang baru. Yang Teramat Mulia Yang Dipertua Majlis Penasihat Pemangku Raja meminta supaya diadakan pemilihan seorang Ahli Dewan Negara dalam Persidangan Dewan Undangan Negeri bagi memenuhi kekosongan itu. Oleh itu, Dewan Undangan Negeri Terengganu dikehendaki yang bersidang pada hari ini dikehendaki memilih seorang Ahli Dewan Negara menurut Perkara 45(1A) Perlembagaan Malaysia mengikut Jadual Ketujuh, maka saya dengan segala hormatnya mempersilakan Yang Berhormat mengemukakan cadangan.

YANG BERHORMAT DATUK HAJI ZA'ABAR BIN MOHD ADIB (Wakil Rantau Abang): Bismillahirrahmanirrahim. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya ingin mengemukakan cadangan pemilihan seorang calon dan mohon mencadangkan:-

> ***"Bahawa Dewan Undangan Negeri ini bersetuju memilih Hajah Zainun Binti A. Bakar sebagai Ahli Dewan Negara untuk mewakili Dewan Undangan Negeri Terengganu di dalam Dewan Negara Malaysia menurut Perkara 45(1A) Perlembagaan Malaysia bagi mengisi kekosongan."***

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya ingin menyampaikan sedikit ringkasan dan latar belakang mengenai dengan calon yang saya kemukakan untuk mewakili Dewan Undangan Negeri ini di Dewan Negara.

Puan Hajah Zainun binti A. Bakar adalah anak kelahiran Kijal, Kemaman namun beliau dibesarkan di Dungun, Terengganu. Sudah mempunyai keluarga dan mendapat tiga orang cahaya mata. Beliau berpendidikan Sijil Tinggi Persekolahan dan seterusnya melanjutkan pelajaran ke Insitut Pengajian Swasta dan mendapat Diploma Sains Kesetiausahaan di Institut Seremban, Diploma English dan Executive Secretaryship dari Stamford College.

Beliau adalah merupakan seorang wanita yang berpandangan jauh dan becita-cita tinggi. Puan Hajah Zainun juga merupakan seorang ahli perniagaan. Menjadi Pengarah Institut Perdagangan Malaysia, Pengurus Amiza Enterprise, Pengarah Akademi IPM Sdn. Bhd. dan Pengurus Hotel IPM.

Puan Hajah Zainun mula bergiat cergas di dalam politik bermula dari tahun 1974:

(i) Menjadi Ketua Pergerakan Wanita UMNO Cawangan Kg. Molek, Dungun

(ii) Penolong Setiausaha Wanita Perhubungan Negeri (1997 - 2000)

(iii) Ketua Pergerakan Wanita UMNO Bahagian Dungun

Kegiatan Dalam Badan Sukarela:

(i) Exco Perkumpulan Perempuan (Women Institute) Malaysia

(ii) Pengerusi Perkumpulan Perempuan Negeri Terengganu (2003 - 2009)

(iii) Pengerusi Biro Wanita Majlis Belia Daerah Dungun (1984 - 1997)

(iv) Naib Pengerusi II PEMADAM Daerah Dungun (1994 - 2008)

(v) Ahli Lembaga Pelawat Hospital Daerah Dungun (1999 - 2002)

(vi) Ahli Lembaga Kes Juvana Mahkamah Daerah Dungun (2004 - 2008)

(vii) Timbalan Pengerusi JKKK (2007 - 2008)

(viii) Badan-badan NGO - Ahli Majlis Pembangunan Usahawan Dungun, Ahli Majlis Panel Dungun Membangun, Ahli Majlis Penasihat Politeknik Sultan Zainal Abidin

Dianugerahkan sebagai Pemimpin Belia Daerah Dungun Tahun 1987. Dianugerahkan Pingat Jasa Kebaktian (PJK) oleh DYMM Sultan Terengganu pada tahun 1994 dan Pingat Ahli Mangku Negara (AMN) oleh DYMM Yang di-Pertuan Agong pada tahun 2007.

Saya kemukakan latar belakang ini semoga dengan penyertaan beliau sebagai Wakil Terengganu dalam Dewan Negara, dapat memberikan suatu sumbangan kepada negara dan juga kepada Negeri Terengganu.

Sekian, saya pohon mencadangkan Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat penyokong?

YANG BERHORMAT IR. ROSLI BIN OTHMAN (Wakil Kemasik): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, saya mohon menyokong cadangan itu.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, cadangan memilih seorang Ahli Dewan Negara menurut Perkara 45(1A) Perlembagaan Malaysia Mengikut Jadual Ketujuh bagi mewakili Dewan Undangan Negeri Terengganu telah diterima dan mendapat sokongan. Sekarang saya kemukakan untuk undian.

Usul ini kemudian dihadapkan kepada mesyuarat dan dipersetujui dengan sebulat suara.

USUL INI DITERIMA.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian dengan ini saya mengisytiharkan bahawa **Hajah Zainun binti A. Bakar** telah dipilih menjadi Ahli Dewan Negara mewakili Dewan Undangan Negeri Terengganu bagi mengisi kekosongan yang ada.

TANGGUHAN

YANG AMAT BERHORMAT DATO' MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan supaya Persidangan Dewan ini ditangguhkan kepada suatu masa yang akan ditetapkan kemudian. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian sebelum saya tangguhkan Dewan ini sukacitalah saya melahirkan rasa syukur dan lega di atas perjalanan Dewan yang sempurna walaupun Persidangan kita pada kali ini mendapat tumpuan bukan sahaja di dalam negeri malah di luar negeri tapi dapat kita sempurnakan dengan sebaik-baik mungkin dan saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan jutaan terima kasih di atas kerjasama yang diberikan dan usaha yang diberikan oleh semua Ahli Yang Berhormat untuk mempastikan sidang kita selama tiga hari ini dapat berjalan lancar. Sekarang saya tangguh Persidangan Dewan ini ke suatu masa dan tarikh yang akan ditetapkan kemudian dan demi untuk mengambil keberkatan di sepanjang usaha kita ini insya Allah, selepas kita meninggalkan Dewan ini dengan satu usaha yang baik dan kebajikan yang besar mari sama-sama dengan ikhlas membaca Surah Al-'Asr.

DEWAN DITANGGUHKAN PADA PUKUL 1.45 TENGAH HARI.

LAMPIRAN

JAWAPAN-JAWAPAN BERTULIS BAGI

MESYUARAT YANG PERTAMA

PENGGAL PERSIDANGAN YANG KEDUA

DEWAN UNDANGAN NEGERI KEDUA BELAS

PADA 13, 14 DAN 15 APRIL 2009

MESYUARAT PERTAMA
PENGGAL PERSIDANGAN YANG KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI KEDUA BELAS
PADA 13 HINGGA 15 APRIL 2009
TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
BILANGAN 5.1.1.

SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH
Y.B. HAJI RAMLAN BIN ALI
WAKIL JABI

SOALAN 1 : Berapakah jumlah pencerobohan nelayan asing sepanjang perairan Terengganu Januari sehingga Mac 2009?

JAWAPAN : Data Januari hingga Mac 2009, Jabatan Perikanan telah menangkap sebanyak satu (1) tangkapan berkenaan pencerobohan nelayan asing dari Negara Vietnam.

Walau bagaimanapun agensi penguatkuasaan lain seperti Agensi Penguatkuasaan Maritim (APMM) telah menangkap sebanyak tujuh (7) pencerobohan nelayan asing yang mana dua (2) dari Negara Thailand dan lima (5) dari Negara Vietnam.

Rujukan daripada Jadual Tangkapan Vesel Asing, Tempatan di Negeri Terengganu.

SOALAN 2 : Apakah langkah-langkah yang diambil oleh pihak Kerajaan Terengganu untuk mengatasi masalah kelembapan dan kemelesetan ekonomi sepanjang tahun 2009?

JAWAPAN : Antara langkah-langkah yang diambil oleh pihak Kerajaan Terengganu untuk mengatasi masalah kelembapan dan kemelesetan ekonomi sepanjang tahun 2009 adalah:-

1. Meningkatkan pengeluaran barangan keperluan harian seperti beras dengan mengenalpasti kawasan tanaman padi seperti di Setiu dengan keluasan 2,000 hektar dan kawasan KETARA seluas 2,000 hektar.

2. Kempen Bumi Hijau Peringkat Negeri akan dilancarkan dengan tujuan untuk menggalakkan rakyat menanam sayur-sayuran dan lain-lain untuk keperluan sendiri.

3. Menggalakkan rakyat berbelanja secara berhemah dengan menggelakkan pembaziran.

4. Meningkatkan stok perikanan dengan menambah bilangan tukun tiruan. Dengan cara ini akan meningkatkan pengeluaran hasil tangkapan dan seterusnya mengurangkan import ikan.

5. Kempen menurunkan harga oleh Pejabat Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (PPDNHEP) Terengganu di mana telah disertai oleh Pasaraya The Store, Mydin Hypermarket dan Giant bagi menurunkan harga barangan keperluan pengguna.

6. PPDNHEP juga telah memberi kebenaran dan mengalu-alukan premis-premis perniagaan mengadakan jualan murah bagi meringankan beban rakyat.

7. Mengadakan pemeriksaan yang menyeluruh di negeri bagi memastikan harga bekalan barangan keperluan tidak dinaikkan sewenang-wenangnya dan mencukupi untuk rakyat dan harga ini adalah pada kadar harga yang munasabah.

8. Bantuan tunai sektor nelayan dan bot penumpang sungai kepada pemilik dan pekerja vessel rakyat Malaysia yang berdaftar dengan Jabatan Perikanan diberi RM200 sebulan dan pemilik vessel rakyat Malaysia berdaftar dengan Jabatan Perikanan diberi RM0.10 setiap 1 kg hasil ikan.

9. Penambahan kepada jumlah rumah-rumah di bawah Program Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT) di Negeri Terengganu.

10. Latihan kepada siswazah menganggur di bawah program T-Gas dan latihan kemahiran kepada golongan sasar anak-anak keluarga miskin seperti latihan dalam bidang maritim.

SOALAN 3 : Apakah langkah yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan dalam menyediakan kemudahan pengangkutan awam kepada penduduk di dalam bandar utama Negeri Terengganu sepanjang Januari hingga Mac 2009?

JAWAPAN : Kerajaan Negeri Terengganu melalui anak Syarikatnya Cas Ligas Sdn. Bhd. telah ditubuhkan dan diperbadankan di bawah PMINT pada 22 Ogos 2007 bertujuan meningkatkan kualiti perkhidmatan pengangkutan awam di Negeri Terengganu khususnya di kawasan Majlis Bandaraya Kuala Terengganu.

Nama 'CAS LIGAS' bermaksud mesra, dinamik, efisien bagi menggambarkan dinamisme dan semangat rakyat Terengganu. Pada tahun 2007, sistem pengangkutan awam mula dilaksanakan oleh Cas Ligas adalah menyediakan bas sebagai mod pengangkutan awam. Sistem pengangkutan bas awam ini dianggap bersepadu, selamat, boleh dipercayai dan efisien kepada rakyat Terengganu.

Cas Ligas diharap dapat meningkatkan tahap mobilisasi pengantaraan penduduk dari satu kawasan ke kawasan yang lain serta membantu sektor pelancongan untuk menarik pelancong lebih mengenali Kuala Terengganu secara dekat.

Sebanyak 6 buah Bas Bandar telah diterima oleh pihak Cas Ligas untuk tujuan pengoperasian. 4 buah bas telah beroperasi sepenuhnya manakala 2 buah bas sebagai gantian sekiranya berlaku sebarang gangguan terhadap perjalanan operasi harian bas.

Sepanjang Januari hingga Mac 2009, Cas Ligas Sdn. Bhd. menjalankan perkhidmatan untuk 2 laluan iaitu laluan dari Dataran Shahbandar ke Chendering melalui Primula Beach Resort, Hospital Sultanah Nur Zahirah, Noor Arfa Batik dan UITM Kuala Terengganu serta laluan Dataran Shahbandar ke Taman Tamadun Islam melalui Hotel Seri Malaysia dan Muzium Negeri.

Waktu operasi bagi kedua-dua laluan di atas adalah dari jam 07.00 pagi hingga 08.00 malam dengan kekerapan 5 kali sehari bergantung kepada keadaan operasi semasa dan kadar permintaan harian dari pengguna. Perkhidmatan ketika ini dijalankan tanpa mengenakan tambang terhadap penumpang.

Pihak syarikat juga bercadang akan menambah laluan baru iaitu laluan dari Dataran Shahbandar ke Universiti Malaysia Terengganu melalui Pulau Duyong dan Pekan Batu Enam melibatkan penggunaan 2 buah bas setelah mendapat kelulusan dari pihak Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP) Wilayah Timur.

MESYUARAT PERTAMA
PENGGAL PERSIDANGAN YANG KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI KEDUA BELAS
PADA 13, 14 DAN 15 APRIL 2009

TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
BILANGAN 5.1.2.

SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH
Y.B. DATO' HAJI HARUN BIN TAIB
WAKIL MANIR

SOALAN 1 : Antara awal Januari 2009 hingga akhir Februari 2009 berapa ramaikah pegawai-pegawai dan kakitangan Kerajaan Negeri Terengganu yang telah dipeti sejukkan? Dalam waktu yang sama berapa ramai pula Imam-imam dan Bilal-bilal masjid yang telah dibekukan atau telah ditamatkan perkhidmatan mereka.

JAWAPAN : Tiada pegawai atau kakitangan yang telah di peti sejukkan oleh Kerajaan Negeri. Kerajaan Negeri juga tidak pernah membekukan atau menamatkan perkhidmatan Imam-imam dan Bilal-bilal masjid pada jangka masa tersebut.

SOALAN 2 : Apakah kerajaan sedar tentang kekurangan pengangkutan awam di negeri ini, jika sedar nyatakan langkah-langkah sedang dan akan diambil oleh kerajaan untuk mengatasinya.

JAWAPAN : **Yayasan Pembangunan Usahawan Terengganu**

Kerajaan telah mengambil beberapa langkah bagi membantu meningkatkan kualiti perkhidmatan sistem pengangkutan awam negeri. Antara langkah-langkah yang telah diambil adalah:

1. **Kereta Sewa Lapangan Terbang Sultan Mahmud**

   Bantuan ini dilaksanakan bermula pada 13 Jun 2007 yang melibatkan peruntukan sejumlah RM330,000.00 kepada 33 orang pengusaha

kereta sewa LTSM bagi menukarkan kenderaan yang berusia dan tidak ekonomik beroperasi kepada kenderaan yang lebih baik dan selamat. Bantuan ini telah memberi impak yang berkesan kepada peningkatan khidmat layan, keselesaan, keselamatan dan kecekapan sistem PA kereta sewa LTSM. Setiap pengusaha memperolehi bantuan sebanyak RM10,000.00 seorang.

2. Program Peningkatan Imej Kereta Sewa Negeri Terengganu

Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sebanyak RM1.192 juta yang akan melibatkan seramai 1,192 pengusaha yang dilakukan secara berperingkat selama 6 tahun mulai 2007 - 2012. Sehingga kini seramai 342 pengusaha telah diagihkan bantuan sebanyak RM10,000.00 seorang yang melibatkan kos keseluruhan RM3,420,000.00 bagi menukar kenderaan yang berusia dan tidak ekonomik beroperasi. Langkah ini telah dapat mempertingkat kecekapan dan keselamatan perkhidmatan peringkat awam yang disediakan oleh pengusaha kereta sewa di Negeri Terengganu. Untuk makluman Negeri Terengganu sahaja yang memberikan bantuan kepada pengusaha kereta sewa bagi tujuan peningkatan imej kereta sewa.

3. Pengusaha Bas Henti-henti Negeri Terengganu

Kerajaan sedang dalam usaha untuk menyediakan program bantuan kepada pengusaha-pengusaha bas henti-henti dalam usaha untuk meringankan beban pengusaha menukar kenderaan bas yang telah berusia kepada kenderaan yang lebih baik.

Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu

Pihak Kerajaan Negeri Terengganu sememangnya sedar tentang masalah pengangkutan awam di Negeri Terengganu. Sehubungan dengan itu, Kerajaan Negeri Terengganu melalui anak syarikatnya Cas Ligas Sdn. Bhd. telah ditubuhkan dan diperbadankan di bawah PMINT pada 22 Ogos 2007 bertujuan meningkatkan kualiti perkhidmatan pengangkutan awam di Negeri Terengganu khususnya di kawasan Majlis Bandaraya Kuala Terengganu.

Cas Ligas Sdn. Bhd. mempunyai 6 buah bas bandar yang diterima dari Kerajaan Negeri telah menjalankan operasi di 2 (dua) laluan iaitu Dataran Shahbandar ke Chendering dan Dataran Shahbandar ke Taman Tamadun Islam. Kawasan-kawasan yang dilalui merangkumi pusat-pusat tumpuan utama penduduk tempatan dan pelancong asing iaitu Pantai Batu Buruk, Muzium Negeri, Masjid Kristal, Masjid Terapung, Hospital Nur Zahirah, Pusat Perniagaan Giant, Mydin, Pasar Besar Kedai Payang, Bazar Warisan serta Institut Pengajian Tinggi seperti UiTM Kuala Terengganu dan UDM Kampus Kota.

Laluan baru iaitu Dataran Shahbandar ke Universiti Malaysia Terengganu melalui Pulau Duyong dan Pekan Batu Enam akan diusahakan pada masa akan datang.

SOALAN 3 : Akhir-akhir ini diperkatakan soal kemelesetan ekonomi, setakat manakah ancaman kegawatan ini terhadap Kerajaan Negeri dan nyatakan langkah-langkah awal yang berkesan yang telah diambil oleh Kerajaan Terengganu secara langsung untuk mengatasi kegawatan ini.

JAWAPAN : Ancaman kegawatan ekonomi terhadap Kerajaan Negeri tidaklah begitu ketara kerana Kerajaan Negeri telah mengambil langkah-langkah yang sewajarnya bagi menghadapi krisis ini. Di antara langkah-langkah yang diambil adalah:

a) Melaksanakan projek-projek infrastruktur yang berkepentingan terus kepada rakyat di Negeri Terengganu.

b) Mempelbagaikan program-program latihan kemahiran kepada lepasan graduan, lepasan sekolah dan anak-anak PPRT.

c) Menggalakkan pengusaha-pengusaha dalam bidang IKS mempromosikan produk-produk Negeri Terengganu ke negara-negara luar melalui program yang dianjurkan oleh Kerajaan Negeri.

d) Memberi kemudahan pengangkutan awam kepada penduduk di Negeri Terengganu.

e) Menarik pelabur-pelabur luar untuk melabur di Negeri Terengganu.

f) Mengadakan infrastruktur asas dan awam yang selesa.

SOALAN 4 : Keputusan peperiksaan SPM, STPM & STAM telah diketahui, berapa ramaikah rakyat Negeri Terengganu yang layak memasuki universiti dalam dan luar negara, dari jumlah itu berapa ramaikah yang memilih UDM.

JAWAPAN : **DITOLAK menurut perkara 26(2)(d) Peraturan-peraturan dan Perintah-perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.**

SOALAN 5 : Nyatakan jenis-jenis jenayah yang berlaku di kalangan pelajar peringkat sekolah menengah dan universiti. Sila nyatakan mulai Januari 2008 hingga Februari 2009 berapa pasangankah yang berkahwin dan berapa pula yang bercerai. Jika kerajaan ada maklumat sila nyatakan apakah punca-punca berlakunya perceraian itu.

JAWAPAN : **DITOLAK menurut perkara 26(4A)(a) Peraturan-peraturan dan Perintah-perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.**

MESYUARAT PERTAMA
PENGGAL PERSIDANGAN YANG KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI KEDUA BELAS
PADA 13 HINGGA 15 APRIL 2009

TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
BILANGAN 5.1.3.

SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH
Y.B. DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI
WAKIL BATU BUROK

SOALAN 1 : Apakah bentuk 'Dasar Perhutanan Negeri Terengganu' serta nyatakan syarikat serta jumlah kelulusan kawasan pembalakan yang diluluskan bagi tahun 2007 - 2008?

JAWAPAN :

1. Pentadbiran dan pengurusan hutan di Negeri Terengganu Darul Iman adalah berlandaskan kepada Dasar Perhutanan Negara 1982 (Pindaan 1992) dan keputusan-keputusan yang telah dibuat oleh Majlis Perhutanan Negara yang bersidang setiap tahun.

2. Khusus untuk kelulusan kawasan membalak, dasar yang berkuatkuasa pada masa ini adalah mengikut Dasar Pengambilan Hasil Hutan bagi Hutan Simpanan Kekal (HSK), Tanah Kerajaan dan Tanah Berimilik yang mula berkuatkuasa pada 1 Januari 2005 sebagaimana surat SUK (SULIT SUK.TR. 742/1(31)) bertarikh 11 Januari 2005.

3. Butiran kelulusan kawasan pembalakan pada tahun 2007 dan 2008 adalah seperti berikut:

TAHUN	HUTAN SIMPANAN KEKAL (Ha)	TANAH KERAJAAN (Ha)	TANAH BERIMILIK (Ha)	JUMLAH (Ha)
2007	3,048.5	2,522.6	3,793.4	9,364.5
2008	6,086	-	3,020.6	9,106.6
JUMLAH	9,134.5	2,522.6	6,814.0	18,471.1

4. Butiran kawasan pembalakan (kelulusan tahun 2008 dan sebelumnya) yang telah dilesenkan pada tahun 2007 dan 2008 adalah seperti berikut:-

TAHUN	HSK		TANAH KERAJAAN		TANAH BERIMILIK		JUMLAH	
	BIL. LESEN	LUAS (Ha)	BIL. LESEN	LUAS (Ha)	BIL. LESEN	LUAS (Ha)	BIL. LESEN	LUAS (Ha)
2007	36	3,722.7	20	1,821.9	53	3,793.4	109	9,338.2
2008	26	3,402.5	8	1,359.8	38	3,020.6	72	7,782.8
JUMLAH	62	7,125.2	28	3,181.7	91	6,814.0	181	17,121.0

SOALAN 2 : Apakah status Lebuhraya Pantai Timur (LPT) yang menghubungkan Terengganu dengan Pantai Barat dan bilakah ia dijangka akan dapat digunakan sepenuhnya?

JAWAPAN : Status pencapaian kemajuan lebuhraya Pantai Timur adalah 43% dan dijangkakan akan dapat digunakan pada Mei 2011.

SOALAN 3 : Apakah matlamat Terengganu Inc. (TI) Sdn. Bhd. dan senaraikan Ahli Lembaga Pengarah TI.

JAWAPAN : Matlamat/Misi Terengganu Inc. Sdn. Bhd.

- Mewujudkan negeri kooperatif disatukan untuk menghadapi cabaran Abad ke-21 dan seterusnya.
- Menyatukan Pemegang kepentingan Terengganu sebagai satu badan korporat dengan unit-unit strategik.
- Menyatukan Kerajaan Agensi, Masyarakat Peniaga dan Pemegang Kepentingan Terengganu melalui usaha kooperatif meningkatkan pencapaian, integriti, merit, kebertanggung-jawaban dan ketulusan.

- Memastikan pembangunan sektor-sektor strategik yang terpilih akan mencapai ketahanan ekonomi dan faedah jangka panjang kepada Terengganu.

- Menjadikan sistem, proses dan budaya korporat sebagai gaya hidup untuk rakyat Terengganu.

- Mencapai keselarian arah tuju Terengganu Korporat dengan strategi dan visi kebangsaan dengan itu melonjakkan Malaysia sebagai satu Negara BERSATU yang bergerak ke hadapan.

Ahli Lembaga Pengarah Terengganu Incorporated Sdn. Bhd.

- Y.A.B. Dato' Ahmad bin Said (Pengerusi)

- Y.B. Dato' Haji Mazlan bin Ngah

- Y.Bhg. Datuk Mustapha bin Ahmad S. Marican

SOALAN 4 : Apakah status pelaburan Kerajaan Negeri di dalam Perwaja Terengganu Sdn. Bhd. dan berapakah jumlah kerugian terkumpul yang terpaksa ditanggung oleh Kerajaan Negeri sebelum ia diambil alih Maju Holding?

JAWAPAN : **DITOLAK Menurut Perkara 26(2)(h) Peraturan-peraturan dan Perintah-perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.**

SOALAN 5 : Berapakah jumlah royalti minyak yang diperolehi oleh Kerajaan Negeri Terengganu bagi tahun 2005 - 2008 dan apakah status saman Kerajaan Negeri terhadap Kerajaan Persekutuan?

JAWAPAN : **DITOLAK Menurut Perkara 26(2)(g) Peraturan-peraturan dan Perintah-perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.**

MESYUARAT PERTAMA
PENGGAL PERSIDANGAN YANG KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI KEDUA BELAS
PADA 13, 14 DAN 15 APRIL 2009

TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
BILANGAN 5.1.4.

SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH
Y.B. HAJI WAN ABDUL HAKIM BIN WAN MOKHTAR
WAKIL AIR PUTEH

SOALAN 1 : Adakah kerajaan bercadang untuk meneruskan elaun makan tengah hari untuk program-program Pendidikan Terengganu Terbilang (PPTT) seperti sebelum ini, dan sekiranya elaun ini diteruskan, adakah jumlah elaun akan dinaikkan dari RM2.40 pada tahun lepas kepada satu nilai yang lebih berpatutan?

JAWAPAN : **(DIJAWAB OLEH Y.B. AHMAD RAZIF BIN ABD RAHMAN)**

Perkara ini sedang diberi pertimbangan untuk diteruskan dengan mekanisma yang berbeza, antaranya elemen kadar elaun makan dan bilangan kehadiran pelajar untuk meningkatkan keberkesanan pembelajaran dan mengelakkan pembaziran.

SOALAN 2 : Persatuan Ibu Bapa dan Guru-guru merupakan agen yang amat penting dalam membantu pihak sekolah dengan mengadakan program-program menjurus ke arah kecemerlangan pelajar-pelajar. Adakah pihak kerajaan bersedia untuk mengukuhkan lagi peranan PIBG dengan memberi bantuan kewangan secara terus kepada PIBG sebagaimana yang dilakukan oleh Kementerian Pelajaran baru-baru ini.

JAWAPAN : **(DIJAWAB OLEH Y.B. AHMAD RAZIF BIN ABD RAHMAN)**

Kerajaan Negeri bersedia untuk menimbangkan bantuan kewangan kepada semua PIBG sebagaimana yang dilakukan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia. Walau bagaimanapun, ianya perlu dibuat kajian tentang keperluannya dan peruntukan kewangan yang ada.

SOALAN 3 : Apakah status "Terengganu Development Authority" (TIA) yang pernah dimaklumkan penubuhannya oleh Timbalan Perdana Menteri dan apakah peranan Terengganu Inc. (TI) setelah wujudnya TIA ini.

JAWAPAN : **(DIJAWAB OLEH Y.A.B. MENTERI BESAR)**

Status 'Terengganu Investment Authority' (TIA) adalah masih lagi di peringkat struktur penubuhannya. Kerajaan Negeri sedang menunggu cadangan daripada Lembaga Penasihat dari segi struktur penubuhan dan fungsinya. Peranan Terengganu Incorporated akan ditentukan setelah Kerajaan Negeri mengenal pasti peranan utama TIA supaya ianya tidak bertindih dengan peranan yang dimainkan oleh Terengganu Inc.

Jika berlaku pertindihan tugas/peranan antara TIA dan Terengganu Inc. adalah lebih berkesan jika peranan ini dijalankan oleh badan yang lebih tinggi kuasanya dalam hal ini iaitu TIA.

SOALAN 4 : Untuk tempoh tahun 2008 - 2009, berapakah jumlah pelaburan baru yang berjaya ditarik ke Terengganu dan berapakah jumlah pelaburan semula (reinvestment) dan apakah peluang pekerjaan baru yang diwujudkan?

JAWAPAN : **(DIJAWAB OLEH Y.B. TOH CHIN YAW)**

Dalam tempoh tahun 2008 - 2009 jumlah pelaburan yang berjaya ditarik ke Terengganu adalah sebanyak RM991,259 juta yang mana dijangka dapat memberi peluang pekerjaan seramai 472 orang. Jumlah pelaburan baru adalah RM293.52 juta. Manakala jumlah pelaburan semula adalah sebanyak RM678.06 juta.

SOALAN 5 : Pada 10 Mac baru-baru ini, Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan Malaysia telah melancarkan bajet mini berjumlah RM60 bilion untuk merangsang ekonomi negara. Berapakah jumlah yang berjaya 'ditarik' ke Negeri Terengganu untuk kepentingan bersama?

JAWAPAN : **(DIJAWAB OLEH Y.A.B. MENTERI BESAR)**

Jumlah peruntukan yang disalurkan kepada Negeri Terengganu di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi Ke-2 adalah RM124.1 juta yang melibatkan projek-projek di bawah Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi (RM4.25 juta), Kementerian Pelancongan (RM14 juta), Kementerian Pelajaran (RM84.9 juta), Kementerian Kesihatan (RM10 juta) dan Kementerian Dalam Negeri (RM11 juta).

MESYUARAT PERTAMA
PENGGAL PERSIDANGAN YANG KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI KEDUA BELAS
PADA 13 HINGGA 15 APRIL 2009

TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
BILANGAN 5.1.5.

SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH
Y.B. DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG
WAKIL RHU RENDANG

SOALAN 1 : Apakah punca-punca yang menyebabkan kelewatan menyiapkan projek-projek jalan raya Persekutuan dan Negeri di seluruh Terengganu. Sila nyatakan langkah-langkah yang diambil untuk mengatasinya.

JAWAPAN : Punca utama yang menyebabkan projek-projek jalan raya Persekutuan dan Negeri mengalami kelewatan adalah disebabkan masalah pengambilan balik tanah (PBT), pengalihan utiliti seperti paip air, tiang elektrik dan tiang serta kabel telekomunikasi dan juga kenaikan mendadak harga barang-barang pembinaan baru-baru ini.

Dalam hal pengambilan balik tanah (PBT):

i. Terdapat kes-kes di mana tuan tanah tidak berpuas hati dengan pampasan yang diberikan dan menyebabkan projek tertangguh.

ii. Terdapat juga kes di mana lot-lot tanah yang melibatkan PBT tertinggal untuk diproses dan menyebabkan perlu diproses semula PBT tersebut.

Langkah-langkah yang diambil untuk mengatasi masalah ini adalah seperti berikut:

i. Mengadakan mesyuarat penyelarasan dengan agensi yang terlibat bagi menyelesaikan masalah PBT dan utiliti.

ii. Melaksanakan projek mengikut kawasan/ jajaran yang telah diluluskan atau yang tiada masalah PBT.

iii. Memohon masuk tapak daripada pemilik lot yang terlibat.

SOALAN 2 : Sejauh manakah projek Taman Kekal Pengeluaran Makanan menyumbangkan hasil kepada Negeri Terengganu.

JAWAPAN : Bagi aktiviti pertanian, nilai pengeluaran yang dihasilkan daripada Taman Kekal Pengeluaran Makanan di Negeri Terengganu ialah sebanyak RM9,181,420.55. Manakala bagi aktiviti penternakan ianya menyumbang hasil sebanyak RM7,800,000.00.

SOALAN 3 : Berapakah jumlah kawasan sawah terbiar di seluruh Negeri Terengganu mengikut pecahan daerah dan apakah usaha-usaha untuk memulihkannya.

JAWAPAN : Jumlah keluasan keseluruhan kawasan padi dan kawasan terbiar mengikut daerah adalah seperti berikut:-

Bil.	Daerah	Keluasan Kawasan Padi (Ha)	Keluasan Terbiar (Ha)
1.	Kemaman	265	161
2.	Dungun	276	235
3.	Marang	2,841	2,475
4.	Hulu Terengganu	2,188	1,996
5.	Kuala Terengganu	7,540	5,631
6.	Setiu	1,758	583
7.	Besut	8,206	871
Jumlah		**23,074**	**11,952**

Usaha-usaha yang dijalankan bagi mengatasinya:-

1. Mengadakan perbincangan yang berterusan dengan kelompok-kelompok petani bagi memupuk semangat untuk memajukan semula kawasan-kawasan sawah yang berpotensi.

2. Mengadakan perbincangan/kerjasama dengan agensi lain yang berkaitan seperti Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri dan Pertubuhan Peladang Kawasan bagi memperbaiki kemudahan prasarana dan keperluan mekanisasi ladang.

3. Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani telah memperkenalkan beberapa insentif bagi merangsang dan menggalakkan lagi petani memajukan tanah-tanah sawah antaranya seperti:-

   a) Insentif pembajakan RM100/ha/musim
   b) Bantuan baja tambahan bernilai RM400/ha
   c) Bantuan racun bernilai RM200/ha
   d) Mengadakan harga minimum terjamin padi RM750/mt

4. Bagi kawasan-kawasan yang tidak mendapat bekalan air yang mencukupi, petani digalakkan juga menukar dengan tanaman alternatif.

5. Bagi kawasan-kawasan tanah sawah terbiar dan sedia ada yang berpotensi untuk dimajukan dengan penanaman dua (2) kali setahun, pihak Jabatan Pengairan dan Saliran bercadang untuk membangunkan kawasan seluas 3,314 hektar yang melibatkan kos sebanyak RM96 juta.

Kawasan-kawasan yang terlibat mengikut keluasan:-

Bil.	Lokasi	Keluasan Mengikut Tahun (Ha)					Jumlah (Ha)
		2009	2010	2011	2012	2013	
1.	Lembah Marang II, Marang		314				314
2.	Paya Paman, Kemaman		146				146
3.	Air Puteh, Kemaman			120			120
4.	Paya Merlong, Dungun		250				250
5.	Kuala Nerus *	1,063					1,063
6.	Skim Setiu *	1,000					1,000
7.	Kuala Akob, Hulu Terengganu		74				74
8.	Padang Setar, Hulu Terengganu			200			200
9.	Gong Machang, Besut		147				147
JUMLAH		**2,063**	**931**	**320**	**0**	**0**	**3,314**

Kawasan-kawasan yang terlibat mengikut kos:-

Bil.	Lokasi	Keluasan Mengikut Tahun (Ha)					Jumlah (Ha)
		2009	2010	2011	2012	2013	
1.	Lembah Marang II, Marang		3.0	4.0	3.0		10.0
2.	Paya Paman, Kemaman		2.0	3.0	2.0		7.0
3.	Air Puteh, Kemaman			1.0	2.0		3.0
4.	Paya Merlong, Dungun		3.0	3.5	3.0		9.5
5.	Kuala Nerus *	6.0	6.0				12.0
6.	Skim Setiu *	20.0	20.0				40.0
7.	Kuala Akob, Hulu Terengganu		1.5	2.0			3.5
8.	Padang Setar, Hulu Terengganu			2.0	3.0		5.0
9.	Gong Machang, Besut	0.5	0.5				1.0
10.	Naiktaraf pam skim-skim pengairan		1.3	1.3	1.3	1.3	5.2
JUMLAH		**26.5**	**37.3**	**16.8**	**14.3**	**1.3**	**96.2**

* - peruntukan daripada Persekutuan

SOALAN 4 : Sila nyatakan jumlah pendaratan ikan sejak 2004 hingga kini mengikut pecahan tahun dan daerah.

JAWAPAN : Jumlah pendaratan ikan dari tahun 2004 hingga 2008 adalah sebanyak 496,516.31 tan metrik. Pendaratan mengikut daerah serta tahun adalah seperti berikut:

Pendaratan Ikan (Tan Metrik) Bagi Tahun 2004 hingga 2008

DAERAH	TAHUN				
	2004	2005	2006	2007	2008
BESUT	17,207.07	15,125.50	36,324.82	25,523.28	36,059.65
DUNGUN	11,821.33	11,425.87	8,299.75	6,946.53	7,714.47
HULU TERENGGANU	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00
KEMAMAN	20,114.44	17,573.89	19,865.60	12,472.63	12,442.93
KUALA TERENGGANU	36,092.76	34,333.74	32,599.91	26,167.64	33,295.76
MARANG	13,400.07	10,827.63	10,724.88	7,879.27	9,548.70
SETIU	7,776.42	3,725.02	3,571.82	2,017.84	5,637.09
JUMLAH (TAN METRIK)	**106,412.09**	**93,011.65**	**111,386.78**	**81,007.19**	**104,698.60**

MESYUARAT PERTAMA
PENGGAL PERSIDANGAN YANG KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI KEDUA BELAS
PADA 13 HINGGA 15 APRIL 2009

TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
BILANGAN 5.1.6.

SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH
Y.B. HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT
WAKIL WAKAF MEMPELAM

SOALAN 1 : Apakah langkah-langkah yang sedang dan akan diambil oleh pihak kerajaan untuk menyelesaikan masalah berhubung isu "Mat Rempit" yang sejak akhir-akhir ini mengganggu pengguna jalanraya terutama pada waktu malam dan hari cuti mingguan di banyak tempat di Negeri ini.

JAWAPAN : Langkah-langkah yang sedang dan akan ambil.

1. Tindakan penguatkuasaan:-

   1.1 Operasi penguatkuasaan bagi menangkap dan mendakwa mereka yang menduga kelajuan dan membuat 'willy' mengikut seksyen 42(1) APJ 1987.

   1.2 Rondaan pencegahan pada setiap masa.

   1.3 Menyita motosikal yang diubahsuai yang berjaya ditahan (seksyen 64 APJ 1987).

2. Ingatan dan nasihat melalui media massa (Radio TFM dan pendedahan dalam akhbar).

SOALAN 2 : Sila nyatakan jumlah kadar pengangguran di negeri ini sepanjang tahun 2008 dan anggaran dijangkakan dalam tahun 2009 serta apakah langkah-langkah yang telah dan akan diambil oleh kerajaan untuk mengatasi masalah tersebut.

JAWAPAN :

1. Laporan rasmi mengenai kadar pengangguran bagi tahun 2008 masih belum dikeluarkan oleh pihak Jabatan Perangkaan Malaysia kerana masih di dalam peringkat semakan akhir. Sumber Jabatan Perangkaan Malaysia memberitahu laporan tersebut hanya akan dikeluarkan pada bulan April 2009.

2. Berdasarkan Laporan Tahunan Bank Negara Malaysia 2008 yang dikeluarkan pada 25 Mac 2009, kadar pengangguran di dalam negara bagi tahun 2008 ialah 3.7% dan dijangka meningkat kepada 4.5%. Berdasarkan kepada unjuran angka tersebut, kadar pengangguran bagi Negeri Terengganu bagi tahun 2009 dijangka akan berada di antara kadar 2.8% dan 4.5%. Data sebenar hanya akan diketahui apabila Jabatan Perangkaan Malaysia mengeluarkan laporan rasmi 2008 pada bulan April 2009.

Langkah-langkah yang diambil oleh pihak kerajaan melalui Kementerian Sumber Manusia dalam mengurangkan kadar pengangguran rakyat Malaysia adalah seperti berikut:-

1. Menubuhkan Pusat Penempatan Pekerjaan *(Job's Placement Center)* di seluruh bandar besar. Bagi Negeri Terengganu, beberapa tempat telah dicadangkan untuk diwujudkan pusat pekerjaan tersebut yang akan dianggotai oleh beberapa kakitangan Jabatan Tenaga Kerja. Peranan pusat pekerjaan ini adalah untuk memberi peluang kepada pencari kerja mendapat maklumat sebenar tentang kekosongan jawatan dan keperluan tenaga buruh di Negeri Terengganu dan membuat pendaftaran pekerjaan melalui sistem Jobs/ Malaysia.

2. Melaksanakan Program *'Train and Place'* yang mana telah dilancar pada 28 Februari 2009 di Selangor oleh Menteri Sumber Manusia bagi menyediakan peluang-peluang latihan kepada graduan, belia dan pekerja yang diberhentikan serta menempatkan mereka di mana-mana majikan, sesuai dengan latihan yang diterima. Pakej ini melibatkan peruntukan sebanyak RM200.00 juta bagi seluruh negara.

3. Mengubah format latihan supaya ianya bersesuaian dengan kehendak dan keperluan pasaran semasa. Bagi merealisasikan program ini, kerajaan telah memperkenalkan Program Sistem Latihan Dual National (SLDN) bagi memberi latihan kepada tenaga kerja negara yang boleh mengisi permintaan tenaga kerja yang kompeten dengan kehendak pasaran.

4. Mengadakan program *'placement day'* (hari penempatan pekerjaan) pada setiap hari Sabtu minggu Kedua dan Keempat setiap bulan di semua Pejabat Tenaga Kerja Daerah Kemaman, Dungun, Kuala Terengganu dan Setiu dalam usaha mengurangkan bilangan pekerja menganggur dan menempat semula pekerja yang diberhentikan.

5. Kerajaan telah memperkenalkan Pelan Tindakan Pekerjaan Kebangsaan 2008 - 2010 *(The National Action Plan for Employment* 2008 - 2010 - NAPE), sebagai suatu garis panduan di dalam menyediakan sumber tenaga yang kompeten dan dapat memenuhi keperluan pasaran pekerjaan negara serta mengurangkan kebergantungan kepada tenaga kerja asing.

6. Program berkala karnival pekerjaan dan ceramah-ceramah kerjaya yang diadakan dari semasa ke semasa oleh Jabatan Tenaga Kerja Negeri Terengganu dan semua Pejabat Tenaga Kerja Daerah.

7. Membekukan kemasukan pekerja asing di dalam subsektor elektrik dan elektronik serta subsektor perkhidmatan. Pihak kerajaan juga telah menaikkan kadar bayaran levi pekerja asing bagi semua sektor kecuali sektor-sektor pembinaan, perladangan dan pembantu rumah. Bayaran levi ini ditanggung oleh majikan. Semua tujuan ini adalah usaha kerajaan mengetatkan kemasukan tenaga kerja asing ke dalam negara.

SOALAN 3 : Pembinaan Lebuhraya Pantai Timur Fasa Ke 2 sebahagian kosnya menggunakan duit Dana Khas Negeri dan adakah pengguna lebuhraya ini akan dikenakan bayaran TOL.

JAWAPAN : Buat masa kini perkara ini masih di peringkat awal perbincangan antara Kerajaan Negeri dan Kerajaan Pusat.

SOALAN 4 : Sila nyatakan jumlah penduduk, bilangan rumah dan kos yang terlibat dengan pengambilan balik tanah untuk pembangunan (Kompleks Jabatan Kerajaan) di Kampung Merbau Patah, Kampung Melintang, Kg. Pak Pa dan sekitarnya.

JAWAPAN : **DITOLAK Menurut Perkara 26(2)(c) Peraturan-peraturan dan Perintah-perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.**

MESYUARAT PERTAMA
PENGGAL PERSIDANGAN YANG KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI KEDUA BELAS
PADA 13, 14 DAN 15 APRIL 2009

TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
BILANGAN 5.1.7.

SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH
Y.B. DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR
WAKIL LADANG

SOALAN 1 : Sila nyatakan jumlah Tanah Wakaf Majlis Agama Islam dan Adat Melayu (MAIDAM) mengikut pecahan daerah dan berapakah daripadanya yang sudah dimaju.

JAWAPAN : **(DIJAWAB OLEH Y.B. HAJI KHAZAN BIN CHE MAT)**

Senarai Tanah Wakaf Majlis Agama Islam dan Adat Melayu (MAIDAM) mengikut daerah-daerah di Negeri Terengganu.

Daerah	Wakaf Khas (E)	Wakaf Tapak Masjid (E)	Wakaf Tapak Kubur (E)	Wakaf Tapak Surau (E)	JUMLAH JUMLAH
Besut	2.134	2.3802	21.1271	0.055	**25.6963**
Dungun	2.82	1.2314	5.837	4.66479	**14.55319**
Hulu Terengganu	31.786	3.49	24.06179	1.002858	**60.340648**
Kemaman	19.042	0.957	24.06179	0.83515	**56.72215**
Kuala Terengganu	199.43995	30.58575	135.19002	8.497124	**373.712844**
Marang	51.397	13.81266	56.0798	3.8969	**125.18636**
Setiu	0.1784	0.331	4.246	0.0472	**4.8026**
JUMLAH	**306.79735**	**52.78801**	**282.42971**	**18.999022**	**661.014092**

Senarai tanah-tanah Wakaf Majlis Agama Islam dan Adat Melayu (MAIDAM) yang sudah dimajukan.

Bil.	Keterangan Tanah	Projek	Lokasi	Catatan
1.	Lot 3878	Asrama	Kg. Ladang, K. Terengganu	Bangunan 4 Tingkat
2.	Lot PT 1551 (P) HSD 3605	Bangunan Pejabat	Jalan Sultan Sulaiman, K. Terengganu	Bangunan 3½ Tingkat
3.	Lot 1632 KRM 306	Lot-lot Kedai	Kg. Bukit Kecil, K. Terengganu	14 Unit
4.	Lot 2187 GM 679	Lot-lot Kedai	Kg. Pulau Rusa, Merchang, Marang, Terengganu	5 Unit
5.	Lot 1 GM 9079	Lot-lot Kedai	Kg. Losong, K. Terengganu	5 Unit
6.	Lot 955	Surau Syed Saggaf	Jalan Tok Lam, K. Terengganu	2 Tingkat

SOALAN 2 : Sila nyatakan status pembinaan jambatan di Sec 392 Laluan Ft 03, Bukit Kuang - Bakau Tinggi, Cukai, Kemaman.

JAWAPAN : **(DIJAWAB OLEH Y.B. YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD)**

Projek ini telah dimasukkan dalam program ECER dan masih di peringkat reka bentuk.

SOALAN 3 : Apakah status pembangunan Bandar Baru Kijal. Nyatakan jumlah perbelanjaan yang telah dibelanja setakat ini dan dari mana sumber perbelanjaan ini.

JAWAPAN : **(DIJAWAB OLEH Y.A.B. MENTERI BESAR)**

Status pembangunan, jumlah perbelanjaan terkini dan sumber kewangan:

i. Cadangan Pembangunan Rumah Kedai/Pejabat di Bandar Baru Kijal, Paya Lasir, Kemaman, Terengganu adalah RM5,485,050.00 (Peruntukan 53106 Majlis Perbandaran Kemaman) - Kemajuan kerja 35% (dalam pembinaan).

ii. Cadangan Kerja Tanah Untuk Tapak Bangunan Perniagaan di atas Lot PT 7220, Kijal, Kemaman adalah RM911,322.50 (Peruntukan P.02/03910 Pusat Pertumbuhan Desa, Negeri Terengganu) - Telah siap.

iii. Kerja-kerja Membersih, Melebar dan Mendalamkan Parit dan Sungai Paya Lasir, Kijal, Kemaman adalah RM3,689,470.60 (Peruntukan P.02/03910 Pusat Pertumbuhan Desa, Negeri Terengganu) - Telah siap.

iv. Cadangan Kerja Tanah Untuk Tapak Kedai di Bandar Baru Kijal, Mukim Kijal, Kemaman adalah RM510,000.00 (Peruntukan Majlis perbandaran Kemaman) - Telah Siap.

v. Bayaran perunding bagi cadangan pembangunan rumah kedai/pejabat di Bandar Baru Kijal, Paya Lasir RM2,709,223.72 (Majlis Perbandaran Kemaman).

Oleh itu, jumlah keseluruhan pebelanjaan terkini adalah RM13,305,066.82.

SOALAN 4 : Apakah status pelaksanaan Pelan Induk Perparitan untuk Bandaraya Kuala Terengganu.

JAWAPAN : **(DIJAWAB OLEH Y.A.B. MENTERI BESAR)**

Pelan Induk Perparitan Bandaraya Fasa II yang merangkumi 48 km Perparitan Monsoon telah siap 100% pada tahun 2007 dengan perbelanjaan sebanyak RM61 juta. Perparitan Monsoon Fasa I merangkumi kawasan sekitar kawasan Bandar iaitu Mukim Bandar, Batu Buruk, Kuala Ibai, Bukit Besar, Gelugor Raja, Kubang Parit dan Paloh.

Manakala Perparitan Induk Bandaraya Fasa II yang merangkumi Mukim Batu Rakit, Kuala Nerus, Manir, Rengas, Tok Jamal, Gelugor Raja, Pengadang Buloh dan Chendering yang panjangnya 61 km dengan anggaran kos RM228 juta.

Pihak Majlis Bandaraya Kuala Terengganu telah memohon peruntukan sebanyak RM228 juta daripada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan bagi tujuan pengambilan balik tanah dan kerja-kerja pembinaan. Pada masa sekarang Majlis Bandaraya Kuala Terengganu masih lagi menunggu kelulusan peruntukan tersebut.

MESYUARAT PERTAMA
PENGGAL PERSIDANGAN YANG KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI KEDUA BELAS
PADA 13, 14 DAN 15 APRIL 2009

TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
BILANGAN 5.1.8.

SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH
Y.B. HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI
WAKIL SURA

SOALAN 1 : Berapakah jumlah pelaburan luar (FDI) yang telah melabur di Negeri Terengganu mengikut pecahan daerah dan jenis pelaburan bermula Januari, 2004 hingga Disember, 2008.

JAWAPAN : Jumlah pelaburan luar (FDI) yang melabur di Terengganu mengikut pecahan daerah daripada tahun 2004 hingga tahun 2008 adalah sebagaimana jadual di bawah:

TAHUN	DAERAH	JUMLAH PELABURAN	JENIS PELABURAN
2004	Kemaman - Teluk Kalong - Jakar III	RM263 juta	Woodchip, electrical fans and air conditioner, metal surface
2005	Kemaman - Teluk Kalong	RM25 juta	Sponge iron
	Besut - Gong Medang	RM1.50 juta	Wood fibre roofing tile and pavers
	Marang - Bukit Kor	RM0.43 juta	Processed seafood products
2006	Kemaman - Teluk Kalong	RM2.8 billion	Iron one pelletizing, biodiesel, shipbuilding, ammonia sulphate

2007	Kemaman - Teluk Kalong	RM1.4 billion	Rare earth oxides & carbonates, pig iron
	- Kerteh	RM192.5 juta	Epichlorohydrin, hydrochloric acid
	Dungun - Batu 7	RM82.17 juta	Pharmaceutical formulation
	- KP Al Muktafi Billah Shah	RM7.3 juta	Oil palm veneer
2008	Kemaman - Teluk Kalong	RM988.7 juta	Pig iron, ethylene, liquid carbon dioxide, oxygen & nitrogen
	K. Terengganu - Gong Badak	RM2.5 juta	Animal feed & aqua feed

SOALAN 2 : Apakah pakej rangsangan ekonomi yang telah dirancang oleh Kerajaan Negeri dalam menghadapi kegawatan ekonomi kini.

JAWAPAN : Pakej Rangsangan Ekonomi Negeri yang akan diperkenalkan oleh Kerajaan Terengganu dalam menghadapi kegawatan ekonomi kini meliputi empat (4) teras utama iaitu:-

a) **Teras Pertama - Mengurangkan Pengangguran dan Menambah Peluang Pekerjaan**

(i) Menambah bilangan peserta di bawah program latihan kemahiran/kursus secara 'hands-on' seperti T-Gas, T-Tas dan e-Farm.

(ii) Yayasan Pembangunan Usahawan (YPU), Yayasan Pembangunan Keluarga (YPK), Majlis Bandaraya Kuala Terengganu (MBKT) dan PMINT dikehendaki memainkan peranan yang lebih aktif bagi pembangunan usahawan.

(iii) Perjawatan dalam perkhidmatan perlu ditambah bagi memberi perkhidmatan yang cepat dan terbaik *(delivery system).*

b) **Teras Kedua - Meringankan Beban Rakyat Terutama Golongan Yang Mudah Terjejas**

(i) Agenda kemiskinan perlu diberi perhatian kerana golongan miskin inilah yang akan terjejas teruk. Jabatan/agensi yang terlibat perlu mengadakan projek segera untuk menambah pendapatan mereka.

(ii) Pelaksanaan projek-projek infrastruktur yang boleh memberi impak segera kepada semua pihak.

(iii) Program mikro kredit perlu dijadikan asas untuk memulakan perniagaan secara kecil-kecilan. Jabatan/agensi terlibat perlu menyelaras kemudahan ini bagi membolehkan peniaga kecil, petani, pekebun dan usahawan memperolehi program mikro kredit tanpa cagaran.

c) **Teras Ketiga - Membantu Sektor Swasta Menghadapi Krisis**

(i) Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) amatlah relevan kepada pertumbuhan ekonomi Negeri Terengganu. Ianya adalah kegiatan sebahagian besar rakyat negeri ini di samping mewujudkan peluang pekerjaan. Kerajaan Negeri boleh mewujudkan satu program yang memberi subsidi kepada syarikat-syarikat yang terpaksa memberhentikan pekerja disebabkan masalah kewangan.

(ii) Aktiviti pelancongan adalah salah satu aktiviti utama di Negeri Terengganu. Sehubungan itu, aktiviti keusahawanan dalam bidang pelancongan perlu diberi

perhatian. Produk-produk oleh usahawan perlu dipantau dan diselia secara sistematik.

d) **Teras - Membina Keupayaan Masa Keempat Depan**

(i) Negeri Terengganu masih memerlukan aktiviti ekonomi yang tidak bergantung kepada satu punca sahaja. Antara bidang-bidang yang telah dikenal pasti adalah pertanian, pelancongan, pendidikan dan ICT dan perindustrian. Bidang-bidang ini perlu diberi perhatian dalam jangka masa panjang.

(ii) Bagi pelaksanaannya, aktiviti nilai tambah tinggi perlu kepada kolaborasi dengan pihak swasta disebabkan ianya lebih menjurus kepada *'industry-driven'*.

SOALAN 3 : Apakah Kerajaan Negeri bercadang untuk membina hospital baru di daerah Dungun dan jika ya, di manakah tapak cadangan tersebut.

JAWAPAN : **DITOLAK Menurut Perkara 26(2)(c) Peraturan-peraturan dan Perintah-perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.**

SOALAN 4 : Sila nyatakan statistik mengenai peratus jumlah pelancong asing yang berulang *(repeat tourist)* ke mana-mana destinasi pelancongan di seluruh negeri ini bagi tahun-tahun 2004, 2005, 2006, 2007 dan 2008.

JAWAPAN : **DITOLAK Menurut Perkara 26(4A)(a) Peraturan-peraturan dan Perintah-perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.**

SOALAN 5 : Nyatakan statistik kes jenayah yang melibatkan pelajar sekolah mengikut pecahan umur dan daerah.

JAWAPAN : **DITOLAK Menurut Perkara 26(6) Peraturan-peraturan dan Perintah-perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.**

MESYUARAT PERTAMA
PENGGAL PERSIDANGAN YANG KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI KEDUA BELAS
PADA 13 HINGGA 15 APRIL 2009

TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
BILANGAN 5.1.9.

SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH
Y.B. Dr. HAJI ALIAS BIN RAZAK
WAKIL BUKIT TUNGGAL

SOALAN 1 : Nyatakan berapa unitkah cadangan gerai-gerai yang sedang dalam pembinaan di Pekan Batu Enam, Kuala Terengganu dan apakah kriteria yang akan digunakan untuk pengagihannya nanti?

JAWAPAN : Sebanyak 51 buah gerai sedang dibina di Pekan Batu 6, bagi menggantikan gerai-gerai usang/buruk di sekitar pasar berkenaan.

Kriteria yang akan digunakan untuk pengagihan gerai-gerai ini adalah diberi keutamaan kepada peniaga sedia ada yang menjalankan perniagaan di gerai-gerai yang usang/buruk tersebut.

SOALAN 2 : Nyatakan status pembinaan bangunan kekal untuk industri bot/kapal di atas Lot 574 GM 9, Mukim Pulau-Pulau, Kuala Terengganu.

JAWAPAN : Pembinaan bangunan kekal untuk industri bot/ kapal di atas Lot 574 GM 9, Mukim Pulau-Pulau, Kuala Terengganu tidak diteruskan memandangkan para pemilik tanah membuat bantahan dan tidak bersetuju tanah mereka diambil balik untuk tujuan tersebut.

SOALAN 3 : Kerajaan Terengganu didakwa akan menjadi pengeluar terbesar daging kambing menjelang 2013. Senaraikan pengusaha dan penternak kambing, jumlah kos pembangunan yang terlibat serta jumlah kambing yang diternak sehingga kini di seluruh Negeri Terengganu.

JAWAPAN : Senarai terperinci pengusaha dan penternak yang akan terlibat belum ditetapkan, kerana ini merupakan suatu perancangan pembangunan. Sungguhpun demikian di dalam pelan tindakan program ini telah disasarkan seramai 827 pengusaha terlibat dalam skim mikro kaprima dan 100 usahawan dalam projek kambing pedaging komersial.

Jumlah kos pembangunan negeri yang akan terlibat bagi tahun 2009 hingga 2013 adalah sebanyak RM52,033,500.00.

Jumlah ternakan kambing yang diternak sehingga kini di seluruh Negeri Terengganu adalah sebanyak 33,500 ekor. Mereka terdiri daripada pengusaha kambing tradisional, skim mikro kaprima, skim gugusan kaprima dan pengusaha swasta.

SOALAN 4 : Senaraikan jumlah pengusaha dan penanaman sayur-sayuran dan buah-buahan serta jumlah pengeluaran sayur-sayuran dan buah-buahan sepanjang tahun 2008.

JAWAPAN : Untuk tahun 2008, jumlah pengusaha dan pengeluaran adalah sebagaimana berikut :-

a. Sayur-Sayuran:-

i) Bilangan pengusaha - 2,383 orang

ii) Jumlah pengeluaran - 10,610.30 mt

iii) Nilai pengeluaran - RM13,171,028

b. Buah-buahan:-

i) Bilangan pengusaha - 66,968 orang

ii) Jumlah pengeluaran - 24,892.12 mt

iii) Nilai pengeluaran - RM28,903,070

SOALAN 5 : Senaraikan jumlah nelayan yang berdaftar dan jumlah pendaratan ikan di seluruh Negeri Terengganu pada tahun 2007 dan 2008.

JAWAPAN : Pada masa sekarang terdapat seramai 6,255 nelayan tempatan yang berdaftar di Negeri Terengganu. Mereka adalah nelayan yang memiliki kad pendaftaran sebagai nelayan.

Mengikut data Jabatan Perikanan, jumlah pendaratan ikan di seluruh Negeri Terengganu bagi tahun 2007 adalah sebanyak 81,007.19 tan metrik dan bagi tahun 2008 adalah sebanyak 104,698.61 tan metrik.

MESYUARAT PERTAMA
PENGGAL PERSIDANGAN YANG KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI KEDUA BELAS
PADA 13, 14 DAN 15 APRIL 2009

TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
BILANGAN 5.1.10.

SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH
Y.B. MOHD NOR BIN HAMZAH
WAKIL BUKIT PAYONG

SOALAN 1 : Nyatakan kos dan jumlah projek pembangunan yang telah dilaksanakan pada bulan Februari 2009 hingga Mac 2009 di Kuala Terengganu.

JAWAPAN : **DITOLAK Menurut Perkara 26(2)(c) Peraturan-peraturan dan Perintah-perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.**

SOALAN 2 : Nyatakan kos sebenar dan kontraktor yang terlibat dalam pembinaan Masjid Kg Tok Dir serta jangkaan tarikh siap untuk digunakan.

JAWAPAN : **(DIJAWAB OLEH Y.B. YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD)**

Harga Kontrak	: RM3,098,000.00
Kontraktor	: Ikhsan Bina
Tarikh Dijangka Siap	: 15 Mei 2010

SOALAN 3 : Apakah hasil siasatan yang dilakukan terhadap Pegawai Agama Daerah Hulu Terengganu yang ditangkap khalwat dan apakah tindakan yang telah dilakukan terhadap beliau?

JAWAPAN : **DITOLAK Menurut Perkara 26(2)(c) Peraturan-peraturan dan Perintah-perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.**

SOALAN 4 : Berapakah kos yang ditanggung oleh Kerajaan Negeri bagi membiayai program Sua Rasa 2009 pada bulan Mac?

JAWAPAN : **(DIJAWAB OLEH Y.B. HAJI KHAZAN BIN CHE MAT)**

Kos yang ditanggung oleh Kerajaan Negeri Terengganu bagi Program Sua Rasa 2009 adalah sebanyak RM135,952.50.

SOALAN 5 : Berapakah anggaran aset tanah dan bangunan seluruh sekolah-sekolah agama yang akan diserahkan pengurusannya kepada Kerajaan Pusat?

JAWAPAN : **(DIJAWAB OLEH Y.B. AHMAD RAZIF BIN ABD RAHMAN)**

Anggaran harga aset tanah dan bangunan seluruh sekolah-sekolah agama negeri adalah berjumlah RM700 juta.

Dicetak oleh

Gong Badak, 21300 Kuala Terengganu.
Tel: 09-666 8611/6652/8601
Faks: 09-666 0611/0063